




KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2022



SSM DUA DEKAD
Inspirasi Kepercayaan Perniagaan

20 TAHUN
TRANSFORMASI



Imbas kod untuk
mengakses
laman web rasmi SSM
www.ssm.com.my

KONSEP MUKA HADAPAN **LAPORAN TAHUNAN 2022**

Konsep muka hadapan dengan tema “20 Tahun Transformasi” menerangkan tentang transformasi yang telah dilalui oleh SSM sepanjang 20 tahun penubuhannya iaitu merangkumi Akta-Akta yang ditadbir, operasi, penguatkuasaan, sumber manusia serta teknologi maklumat dan komunikasi dalam memudah cara ekosistem perniagaan masa kini.

MENARA SSM@SENTRAL

No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

TEL. +603 7721 4000 | E-MEL. enquiry@ssm.com.my

MEDIA SOSIAL. /ssmofficialpage

DALAM LAPORAN

PERUTUSAN YB MENTERI	04
PRAKATA PENGERUSI	06
ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	09
PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT	16
ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA	30
PENGURUSAN EKSEKUTIF	36
LAPORAN PENGURUSAN	
Penyampaian Perkhidmatan	52
Inisiatif Penguatkuasaan	84
Inisiatif Pembaharuan Undang-Undang	110
Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan	116
Penglibatan dan Kerjasama Pihak Berkepentingan	130
SOROTAN MEDIA	146
PENYATA KEWANGAN	152
DIREKTORI SSM	214

PERNYATAAN **VISI**

UNTUK MENJADI PENDAFTAR DAN PENGAWAL SELIA KORPORAT TERULUNG

TERAS STRATEGIK



NILAI-NILAI KORPORAT



KOLABORASI

Kami komited dalam membina kredibiliti dan kepercayaan di dalam organisasi dengan menggalakkan kolaborasi di kalangan rakan kerjasama untuk menyampaikan nilai-nilai perniagaan kepada pihak berkepentingan kami.



UTAMAKAN PELANGGAN

Kami sebagai peneraju tadbir urus korporat berikhtiar untuk memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta melayani para pelanggan dengan penuh hormat.



NOBATKAN ILMU

Kami menggalakkan warga kerja untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran berterusan dalam usaha untuk meningkatkan kreativiti, kualiti dan daya inovasi.



CEMERLANG

Kami menetapkan standard yang tinggi dan berusaha melangkaunya. Kami bersikap tegar dalam memajukan kualiti, dari segi keberkesaan dan produktiviti di dalam organisasi. Kami mengiktiraf pencapaian yang cemerlang dan memberi ganjaran yang sewajarnya.



INTEGRITI

Kami komited dan berpegang kepada etika kerja yang unggul sejajar dengan kod etika SSM dan mengaplikasikannya secara profesional dan penuh tanggungjawab dalam setiap tugas.

ENAM (6) INISIATIF SSM PADA TAHUN 2022

UNTUK MEMBANTU KOMUNITI PERNIAGAAN



INISIATIF 1

Meneruskan pelaksanaan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran perniagaan secara **PERCUMA** kepada:

- Usahawan Kumpulan B40
- Pelajar IPT Sepenuh Masa



INISIATIF 2

Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang memberikan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan **PERCUMA** kepada OKU

- Terhad 1 perniagaan setiap OKU



INISIATIF 3

Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara **PERCUMA**

- Sehingga 31 Disember 2022

POTONGAN
90%

PENGURANGAN KOMPAUN

INISIATIF 4

Mengurangkan kompaun sebanyak **90%** daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965

- Dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022



AS 2016

INISIATIF 5

Mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan



APLT 2012

INISIATIF 6

Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

PERUTUSAN YB MENTERI



ALEXANDER

SALAM SEJAHTERA.

Saya amat berbesar hati untuk memperkenalkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tahun 2022 yang melaporkan keseluruhan aktiviti dan pencapaian SSM pada tahun ini.

Tahun 2022 juga menandakan ulang tahun ke-20 penubuhan SSM. Sepanjang dua (2) dekad ini, SSM terus membina asas yang kukuh dalam memainkan peranan fasilitatif dalam usaha untuk memudah cara sektor korporat dan perniagaan melalui pelbagai fasa transformasi terutamanya pembaharuan perundangan dan juga dalam pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatannya.

Tahun 2022 menyaksikan pelbagai cabaran kepada komuniti perniagaan sama ada di dalam negara maupun di peringkat antarabangsa. Namun demikian, tahun ini juga merupakan tahun yang penuh dengan harapan apabila ekonomi global mula pulih daripada kesan pandemik. Langkah-langkah untuk memperkuuh asas-asas ekonomi dan merangsang potensi ekonomi domestik pasca pandemik menjadi sangat penting untuk menghasilkan pertumbuhan yang mampan dan inklusif dalam jangka masa panjang.

Komitmen Kerajaan ke arah pemulihan ekonomi pasca COVID-19 adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), dengan pendekatan Menetapkan Semula Ekonomi sebagai salah satu teras utama, selari dengan keperluan Memacu Industri Strategik dan Berimpak Tinggi bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi sebagai pamacu perubahan. Pada tahun 2022, SSM meneruskan penglibatan aktif dalam RMKe-12 yang menjadi tonggak penting dalam perjalanan menuju kepada Malaysia yang lebih inklusif, dinamik, dan berdaya saing, di mana kepentingan dan kesejahteraan rakyat diberikan keutamaan.

Penglibatan SSM dalam RMKe-12 ialah dalam Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) bagi Bab 5: Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif. Dalam bab ini, usaha yang menyeluruh dan pelaksanaan yang bersepada dalam menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat inklusif akan memandu Malaysia menjadi sebuah negara maju, inklusif dan makmur pada tahun 2030.

Selain itu, SSM juga terlibat dalam Mesyuarat Penyelaras Strategi dan Inisiatif bagi Bab 7: Memperkuuh Pembangunan Sosio-ekonomi di Sabah dan Sarawak. Usaha yang sedang dilaksanakan oleh pihak-pihak yang terlibat termasuklah pelaksanaan kajian bagi proses-proses pendaftaran perniagaan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan memudahkan lagi urusan menjalankan perniagaan.

Syarikat dan perniagaan digalakkan untuk memanfaatkan platform e-dagang dan memodenkan proses perniagaan melalui pendigitalan. Dalam memacu dan menyokong industri e-dagang di Malaysia untuk berkembang lebih pesat, SSM juga terlibat dalam Pasukan Petugas Pelan Halatuju Strategik e-Dagang Kebangsaan. Dalam kerangka Teras Strategik ke-6, SSM diberi mandat untuk menumpukan kepada aktiviti-aktiviti meningkatkan kesedaran kepada masyarakat bagi mendaftarkan entiti perniagaan, terutamanya yang menjalankan perniagaan dalam talian dan mempromosikan penggunaan SSM BizTrust sebagai salah satu kaedah utama untuk menentusahkan status sesebuah entiti perniagaan.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, SSM melalui produk SSM BizTrust mendukung hasrat kerajaan untuk mengembangkan ekonomi digital yang dilihat dapat membantu proses pemulihan ekonomi negara. Inisiatif ini merupakan usaha proaktif kerajaan untuk menjadikan e-dagang sebagai platform menjalankan perniagaan terpenting sekaligus berupaya memasarkan produk dan perkhidmatan dalam suasana perniagaan yang beretika. Sektor e-dagang kini terus berkembang dan telah menjadi sebahagian trend baru masyarakat di negara ini.

Pemulihan ekonomi Malaysia kini kian mantap. Namun demikian, untuk memastikan pertumbuhan yang mampu pada masa hadapan, kita tidak boleh leka dan berpuas hati dengan pencapaian yang diperoleh. Peristiwa yang berlaku di seluruh dunia sejak beberapa tahun lalu adalah peringatan penting bahawa kita perlu merancang untuk menghadapi kejutan dan bersedia untuk bertindak balas dengan sewajarnya.

Sehubungan itu, Kementerian ini melalui SSM telah meneruskan pelbagai tindakan proaktif dengan melaksanakan enam (6) inisiatif dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan mengurangkan impak yang dihadapi oleh sektor korporat dan ekonomi negara akibat pandemik COVID-19 serta memastikan perniagaan yang dijalankan terus berdaya tahan dalam persekitaran pasca pemulihan ekonomi.

SSM telah memperkenalkan inisiatif pengurangan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 bermula 1 Mac sehingga 31 Disember 2022. Insentif ini merupakan inisiatif prihatin SSM untuk membantu syarikat yang sedang menghadapi masalah kewangan akibat pandemik COVID-19.

SSM juga meneruskan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran perniagaan baru secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa.

Dalam usaha untuk memudah cara golongan orang kurang upaya untuk menceburii bidang perniagaan dan keusahawanan, SSM telah meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang menawarkan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan secara percuma untuk satu perniagaan kepada individu dalam kategori kurang upaya.

Selain itu, SSM juga melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2022. Dengan mengadaptasi SSM BizTrust, keyakinan pengguna untuk berurus dengan entiti perniagaan tersebut akan dapat ditingkatkan. Pematuhan entiti perniagaan terhadap keperluan-keperluan perundangan serta kesedaran di kalangan peniaga dan pengguna dalam berurus niaga secara beretika juga akan dapat ditingkatkan selaras dengan peningkatan adaptasi terhadap penggunaan piawaian-piawaian SSM BizTrust.

Dalam usaha-usaha menambah baik kerangka perundangan, SSM sedang memuktamadkan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2022 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi

atau Perkiraan. Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2022 ini bertujuan untuk memperkasa dan menambah baik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat untuk membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

SSM juga sedang dalam proses menggubal Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2022 bagi memperkenalkan Mekanisme Penyelamat Korporat kepada entiti perkongsian liabiliti terhad yang menghadapi masalah kewangan agar kekal beroperasi dan dapat menjana ekonomi negara. Kedua-dua Rang Undang-Undang ini masih dalam peringkat kelulusan oleh Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara dan akan dibentangkan di Parlimen dalam sesi yang terdekat setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara.

Dalam usia penubuhan yang telah mencapai 20 tahun, SSM mempergiatkan usaha untuk memberi pendidikan dan kesedaran berterusan kepada semua pemegang taruh. Pendekatan pendidikan ini dipergiatkan dengan penganjuran Persidangan Kebangsaan SSM (SSMNC) kali ke-11 dengan tema '*Corporate Governance and Sustainability. Needed Now More Than Ever*' yang diadakan pada 26 hingga 27 Julai 2022. SSMNC tahun ini bermatlamat untuk memperkuuh tadbir urus dan kelestarian korporat dalam mencapai nilai jangka masa panjang serta pertumbuhan perniagaan yang mampu. Persidangan tahunan ini adalah lambang pendidikan kawal selia yang terunggul, wacana yang serius dan platform kepada kumpulan profesional dan korporat untuk terus kekal relevan dalam persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah.

Pelaksanaan beberapa inisiatif yang saya nyatakan di atas hanyalah sebahagian daripada pelbagai inisiatif yang dilaksanakan SSM pada tahun 2022. Saya berharap, para pembaca akan dapat manfaat melalui maklumat-maklumat yang dikongsikan di dalam penerbitan ini.

Akhir sekali, saya percaya SSM di bawah seliaan dan bimbingan Anggota Suruhanjaya SSM dan kepimpinan Pengurusan Eksekutif bersama sokongan penuh warga kerja akan dapat mengharungi cabaran yang mendarang. Dengan usaha gigih dan semangat kebersamaan, kita mampu mencapai matlamat yang dihasratkan.

Saya yakin SSM akan terus berkembang menjadi pengawal selia dan pendaftar korporat yang lebih kukuh serta komited untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan bagi memastikan tadbir urus korporat syarikat-syarikat di Malaysia diperkuuh dan menarik pelabur asing dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi utama untuk menjalankan perniagaan. Saya percaya SSM akan terus melangkah maju untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi pada tahun-tahun akan datang dan terus teguh sebagai agensi pengawal selia yang kalis cabaran masa hadapan.

Terima kasih.

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna

PRAKATA PENGERUSI



ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berjaya menempuh tahun 2022 dengan cemerlang serta melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan penuh dedikasi.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga SSM yang terlibat dalam penerbitan Laporan Tahunan SSM 2022. Laporan Tahunan ini merupakan dokumen penting untuk merekodkan semua pencapaian serta aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun dan sebagai rujukan semua pemegang taruh.

Tempoh dua (2) tahun negara dan seluruh dunia menghadapi krisis kesihatan dan ekonomi yang mencabar akibat pandemik COVID-19 tidak pernah melunturkan semangat warga kerja

SSM untuk mencapai prestasi yang cemerlang. Sesungguhnya, usaha gigih SSM untuk menyediakan ekosistem perniagaan dan korporat yang kondusif telah membawa hasil yang positif. Pelbagai transformasi telah dilaksanakan SSM, dari pembaharuan kerangka perundangan sehingga kepada penambahbaikan mutu perkhidmatan melalui transformasi pendigitalan sistem dalaman untuk manfaat semua pemegang-pemegang taruh SSM.

Selari dengan aspirasi Kerajaan untuk meringankan beban komuniti korporat dalam fasa pemulihan ekonomi negara pada tahun 2022, KPDNHEP melalui SSM telah memperkenalkan satu (1) inisiatif baharu dan meneruskan lima (5) inisiatif yang telah diperkenalkan pada tahun 2021 dengan penambahbaikan yang signifikan.

Bagi inisiatif pertama, SSM telah melaksanakan insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 bermula 1 Mac hingga 31 Disember 2022. Di bawah inisiatif ini, syarikat dan pengarah syarikat layak mendapat pengurangan sehingga 90 peratus dari nilai asal kompaun bagi semua kompaun yang telah ditawarkan di bawah Akta Syarikat 1965.

SSM telah mengambil langkah ke hadapan bagi menyokong usaha dan inisiatif Kerajaan untuk memudah cara serta membantu pendaftaran perniagaan secara percuma melalui Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP). Usaha ini adalah untuk membantu kelangsungan hidup rakyat dengan menceburi bidang perniagaan terutamanya golongan B40 dan pelajar institusi pengajian tinggi sepenuh masa. Pengenalan SPPP juga bertujuan membantu golongan B40 yang

terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19 dan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi untuk mendaftarkan perniagaan mereka secara percuma melalui pengecualian fi pendaftaran dan cetakan maklumat perniagaan. Inisiatif SPPP ini juga akan memastikan golongan B40 menceburi bidang perniagaan secara sah di sisi undang-undang serta meningkatkan kepercayaan pembeli untuk berurusan dengan perniagaan yang sah.

SSM telah meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang menawarkan pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan kurang upaya untuk satu perniagaan. Inisiatif ini dilaksanakan sebagai galakan kepada golongan kurang upaya menceburi bidang perniagaan secara sah di sisi undang-undang di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Seterusnya, SSM telah melanjutkan tempoh pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2022. Pendaftaran SSM BizTrust ini bertujuan untuk mewujudkan keyakinan pengguna, mendorong pematuhan entiti perniagaan terhadap keperluan perundangan serta memupuk persekitaran perniagaan dalam talian yang beretika.

Selari dengan komitmen untuk menambah baik kerangka perundangan yang ditadbir secara berterusan, SSM sedang dalam proses memuktamadkan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi Atau Perkiraan. Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) ini bertujuan untuk memperkasa dan menambah baik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat untuk membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

SSM juga sedang dalam proses untuk memuktamadkan Rang Undang-Undang (RUU) Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) bagi memperkenalkan Mekanisme Penyelamat Korporat kepada entiti Perkongsian Liabiliti Terhad yang menghadapi masalah kewangan agar kekal beroperasi dan dapat menjana ekonomi negara.

Kedua-dua RUU Syarikat (Pindaan) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) ini masih dalam peringkat kelulusan oleh Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara dan dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen dalam sesi yang terdekat setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara.

Pada tahun 2022, SSM telah meneruskan Program Usahawan Muda 2022 (PUM22) dan Program Bimbining Usahawan 2022 (PBU22). Matlamat kedua-dua program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada kumpulan usahawan, belia dan pelajar institusi pengajian tinggi tentang keperluan mendaftarkan perniagaan. Ia juga dilaksanakan bagi menyampaikan maklumat berkenaan faedah-faedah yang diperolehi dengan mendaftarkan perniagaan mereka secara sah di SSM, berkongsi teknik-teknik menguruskan kewangan perniagaan dan pemasaran digital di samping memanfaatkan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang ditawarkan secara percuma oleh SSM. Golongan ini memainkan peranan penting dalam memupuk keusahawanan dan melengkapkan individu dengan pengetahuan dan sumber yang diperlukan untuk berkembang maju dalam landskap perniagaan. Inisiatif ini juga sejajar dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang bertujuan untuk mempersiapkan Malaysia untuk menjadi sebuah negara keusahawanan menjelang tahun 2030.

Peranan SSM sebagai pengawal selia korporat tidak terhad di peringkat nasional sahaja, malah turut terlibat dalam pelbagai mesyuarat di peringkat antarabangsa. SSM telah menyertai Forum Pendaftar Korporat atau *Corporate Registers Forum (CRF)* 2022 yang berlangsung pada 21 hingga 24 September 2022 di Republik Maldives. Forum anjuran *Ministry of Economic Development* ini memberi tumpuan kepada topik berkaitan pendaftaran korporat dan tadbir urus pada skala antarabangsa.

Forum tahun ini dianjurkan dengan tema "*Transforming Business Registries for the Post-Pandemic Era*" di mana SSM telah diberi penghormatan untuk membentangkan satu kertas bertajuk "*Beneficial Ownership Reporting Framework for Legal Persons in Malaysia*." Penyertaan

ini menekankan komitmen SSM untuk berkongsi pandangan dan bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa dalam meningkatkan tadbir urus korporat dan kawal selia. Seterusnya, sebagai bukti penyertaan aktif SSM dan sumbangannya kepada CRF, Malaysia yang diwakili oleh SSM telah dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif CRF untuk tempoh selama dua (2) tahun di mana YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM telah mewakili Malaysia. Pemilihan Malaysia sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif CRF bagi kali keempat ini menandakan komitmen dan penglibatan berterusan dalam urusan pendaftaran korporat antarabangsa.

SSM juga telah menyertai Mesyuarat Ke-17, ASEAN Task Force on Starting a Business yang telah diadakan secara maya pada 13 Jun 2022. Pengajuran mesyuarat ini adalah bersempena dengan Mesyuarat Ketiga Belas ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises (ACCMSME). Mesyuarat tersebut dihadiri oleh wakil-wakil agensi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta agensi-agensi pendaftaran perniagaan dan promosi pelaburan daripada ASEAN Member States (AMS) seperti Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Lao PDR, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Selain itu, SSM juga telah menyertai Mesyuarat Pleno ke-24 Kumpulan Asia/ Pasifik (APG) mengenai Penggubahan Wang Haram yang telah diadakan pada 24 hingga 28 Julai 2022 di Kuala Lumpur. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil dari seluruh dunia dengan fokus terhadap jenayah kewangan serius yang memberi impak serantau dan dunia secara amnya.

Komitmen SSM menjangkau jauh melangkaui urusan pentadbiran, operasi dan penguatkuasaan. Organisasi ini secara aktif merangkul tanggungjawab yang lebih luas yang merangkumi kebijikan, tanggungjawab sosial korporat dan sokongan kepada komuniti. Pendekatan pelbagai aspek ini menggariskan dedikasi SSM untuk berkhidmat bukan sahaja sebagai kawal selia tetapi juga sebagai entiti yang bertanggungjawab dan prihatin dalam komuniti. SSM turut menyumbang kembali kepada masyarakat melalui pelbagai inisiatif pengagihan dana wakalah zakat korporat dan aktiviti tanggungjawab sosial korporat untuk membantu masyarakat termasuk warga kerja SSM.

Pelaksanaan program-program tanggungjawab sosial korporat serta penyerahan agihan dana wakalah zakat korporat ini diharap dapat membantu meringankan beban golongan yang memerlukan serta meningkatkan pendapatan mereka. Pelbagai program kebijikan telah dilaksanakan termasuk projek agihan wakalah zakat korporat kepada usahawan asnaf, bantuan bencana banjir, sumbangan peralatan perubatan hospital dan lain-lain program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022.

Saya berharap, SSM sebagai pengawal selia sektor korporat dan perniagaan akan terus mengekalkan prestasi yang baik ini pada masa akan datang. SSM kekal teguh sebagai satu pasukan di sebalik risiko akibat gangguan dan ketidaktentuan yang berterusan terutamanya pasca pemulihran ekonomi dunia.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pemegang taruh dan Anggota-anggota Suruhanjaya atas sokongan, pandangan dan kerjasama yang diberikan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada barisan Pengurusan Eksekutif serta warga kerja SSM atas dedikasi berterusan sepanjang tahun 2022. Semoga semangat kerjasama berpasukan ini akan diteruskan pada tahun-tahun mendatang dan memastikan kejayaan berterusan SSM yang memainkan peranan penting dalam mencorak landskap korporat dan perniagaan di negara ini.

Terima kasih.

YBHG. DATUK AZMAN MOHD YUSOF

Pengerusi
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA.

Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tahun 2022. Tahun 2022 merupakan fasa pemulihan yang memerlukan semua pihak menggembungkan tenaga dalam memulihkan ekonomi negara untuk memacu pertumbuhan ekonomi dengan mampan, meningkatkan taraf hidup rakyat dan menjamin kemakmuran bersama.

Tahun 2022 merupakan ulang tahun SSM yang ke-20. Sejak dua dekad yang lalu, SSM cekal

melaksanakan fungsi dan mandat yang diberi, melaksanakan pelbagai inisiatif dan transformasi untuk membina sebuah persekitaran perniagaan yang kondusif di negara ini. Dalam dua dekad ini, SSM membangunkan keupayaan dan gerak kerja organisasi, memperkuuh kerangka perundangan dan melaksana pelbagai transformasi dengan satu matlamat untuk memenuhi harapan pemegang taruh melalui penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti perniagaan dan korporat di negara ini.

Kini, landskap persekitaran perniagaan negara telah berevolusi dan diperkasakan menerusi pengenalan pelbagai produk dan perkhidmatan SSM yang baharu berasaskan digital, perkhidmatan yang mesra pengguna serta disokong oleh perundangan yang moden. Sejak dengan peralihan masa, SSM telah mentransformasi hampir kesemua perkhidmatan yang ditawarkan melalui pendigitalan dengan pengenalan platform EzBiz Online, MyLLP, MyCoID, *Malaysian Business Reporting System* (MBRS) serta pembangunan pelbagai sistem sokongan bagi melaksanakan operasi dalaman SSM. Usaha ini menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi negara kita secara keseluruhan setelah melalui fasa mencabar akibat pandemik COVID-19.

Transformasi yang dilalui oleh SSM ini juga telah menyumbang kepada peningkatan dalam pendaftaran entiti perniagaan di Malaysia. Pada tahun 2022, sebanyak 320,703 (2021: 384,300) perniagaan yang merangkumi

290,706 (2021: 350,195) perniagaan milikan tunggal dan 29,997 (2021: 34,105) perniagaan perkongsian telah didaftarkan daripada 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Manakala sebanyak 3,661 (2021: 3,694) perkongsian liabiliti terhad dan 48,253 (2021: 45,416) syarikat yang merangkumi 32 syarikat asing telah diperbadankan dalam tempoh yang sama.

Statistik ini menyumbang kepada jumlah pendaftaran entiti perniagaan sehingga 31 Disember 2022 seperti berikut:



Perangkaan ini mencerminkan landskap perniagaan dan entiti korporat yang berdaya tahan dan dinamik di bawah kawal selia SSM.

SSM juga telah meneruskan pelaksanaan inisiatif pembaharuan undang-undang dalam usaha berterusan untuk mewujudkan kerangka perundangan yang dinamik selaras dengan keperluan komuniti perniagaan dan korporat di Malaysia. Pada tahun 2022, proses perundangan bagi meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Syarikat (Pindaan) dan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) masih diteruskan.

Fokus pindaan ialah untuk menambah baik kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi entiti perniagaan supaya lebih komprehensif setanding dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan entiti perniagaan terus berdaya saing. Ia juga bertujuan untuk mengukuhkan lagi peruntukan tadbir urus dengan menambah baik kerangka pelaporan pemunyaan benefisial untuk mengekang aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, pengelakan cukai dan sebagainya dengan menyalahgunakan entiti perniagaan bagi melindungi kegiatan jenayah tersebut.

Selain itu, SSM akan memperkenalkan Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (RUU HAKB) sebagai sebahagian daripada usaha untuk memodenkan sektor korporat selaras dengan amalan korporat negara-negara maju. RUU tersebut akan ditanda aras setanding dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa serta mengambil kira pandangan dan komen daripada pelbagai pihak berkepentingan yang akan terlibat dengan pengenalannya. Selaras dengan pengenalan RUU HAKB, Sistem Daftar Harta Alih Kepentingan Bercagar (Daftar HAKB) sedang dibangunkan bagi menyokong pelaksanaan RUU tersebut.

SSM juga sedang melaksanakan semakan semula Akta Syarikat Amanah 1949 (ASA 1949). ASA 1949 mula berkuat kuasa di Malaysia Barat pada 28 September 1949 dan di Malaysia Timur pada 1 Januari 1973. Sebagai sebahagian daripada aktiviti pembaharuan undang-undang, SSM telah memulakan proses untuk menyemak keseluruhan kerangka perundangan ASA 1949 yang belum pernah disemak (secara prinsipal) sejak dikuatkuasakan dengan cadangan untuk menggantikannya dengan Rang Undang-Undang Syarikat Amanah yang baharu. Objektif semakan semula ASA 1949 ialah:

- Untuk menyediakan parameter yang jelas berkaitan perniagaan amanah atau aktiviti berkaitan amanah dengan memperkenalkan definisi baharu 'perniagaan amanah';

- (b) Untuk memperjelaskan bahawa hanya syarikat awam dibenarkan mendaftar sebagai syarikat amanah sebelum syarikat tersebut dibenarkan untuk menjalankan perniagaan amanah atau aktiviti berkaitan amanah dan pendaftaran adalah mandatori;
- (c) Untuk mengharmonikan dengan peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 yang dimodenkan dan dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017;
- (d) Untuk mengeluarkan peruntukan-peruntukan sedia ada berkaitan undang-undang amanah Singapura;
- (e) Untuk memperkenalkan satu kerangka pelaporan pemunyaan benefisial untuk *legal arrangements* termasuklah memperkenalkan satu definisi baharu 'pemunyaan benefisial' perniagaan amanah atau aktiviti berkaitan Amanah;
- (f) Untuk menyediakan saksi jenayah terhadap pengarah syarikat amanah kerana melanggar tugas dan tanggungjawab tertentu di bawah Rang Undang-Undang Syarikat Amanah selain daripada saksi yang diperuntukkan di dalam Akta Syarikat 2016; dan
- (g) Untuk memberi jalan kepada syarikat amanah untuk menghentikan perniagaan tertakluk kepada terma dan syarat tertentu.

Menyedari peranan penting yang dimainkan oleh perniagaan kecil kepada pertumbuhan ekonomi negara, SSM telah mengambil inisiatif untuk memodenkan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) dengan objektif untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan dinamik untuk perkembangan perniagaan. Cadangan pemodenan melalui pemansuhan APP 1956 akan memudahkan peniaga-peniaga kecil (pemilikan tunggal dan perkongsian konvensional) kerana polisi baharu yang dicadangkan akan mencerminkan trend dan perkembangan terkini perniagaan.

Selaras dengan pengenalan pelbagai inisiatif, pembaharuan dasar dan perundangan serta untuk memupuk pembelajaran berterusan, SSM telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan kali ke-11 dengan tema '*Corporate Governance and Sustainability. Needed Now More Than Ever*' yang diadakan pada 26 hingga 27 Julai 2022. Persidangan ini telah dianjurkan secara maya buat kali kedua sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011 dan telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Seramai 2,489 orang peserta daripada pelbagai latar belakang, dari sektor awam dan korporat telah menghadiri persidangan ini seperti ahli lembaga pengarah, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, usahawan, ahli ekonomi dan kewangan, ahli akademik dan pihak berkepentingan. Persidangan ini juga disertai oleh delegasi luar negara iaitu penyertaan peserta dari Pendaftar Korporat daripada Singapura, Republic of Kiribati, Malta, Belize dan Slovenia.

Persidangan selama dua (2) hari ini merangkumi sembilan (9) sesi pleno melibatkan 37 penceramah, ahli panel dan moderator daripada pelbagai latar belakang serta industri mewakili sektor awam dan swasta yang telah membentangkan topik berkaitan tadbir urus korporat demi kemampunan dalam mencapai faedah jangka panjang serta pertumbuhan perniagaan lestari. Persidangan ini melakar sejarah buat SSM yang menyaksikan jumlah penyertaan peserta tertinggi di Persidangan Kebangsaan SSM.

SSM telah menganjurkan Dialog Tahunan 2022 secara dalam talian pada 6 Oktober 2022. Dialog tersebut merupakan siri kedua Dialog Tahunan SSM secara dalam talian semasa pandemik COVID-19. Ia telah dihadiri oleh 452 wakil dari pelbagai badan profesional, agensi kerajaan, dewan perniagaan dan persatuan perindustrian dari Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Dialog Tahunan merupakan platform untuk SSM berkongsi dan menyebarkan perkembangan serta maklumat berhubung dasar-dasar dan peraturan-peraturan terkini kepada industri, agensi kerajaan dan badan-badan profesional selain memperjelaskan isu-isu berkaitan operasi dan penguatkuasaan SSM. Inisiatif tahunan ini membantu dalam menyumbang kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan SSM secara keseluruhan kepada orang awam selaras dengan keperluan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang dinamik.

Seterusnya, pada tahun 2022, SSM telah mengadakan mesyuarat dengan pemegang taruh di bawah ruang lingkup Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF) untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara SSM dan ahli badan-badan profesional. CPCF juga merupakan satu platform perundingan bersama dan perbincangan isu amalan korporat.

Di bawah Jawatankuasa Utama CPCF, telah diwujudkan satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan pada tahun 2019 iaitu Jawatankuasa Teknikal CPCF (CPCFTC) bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan operasi dan teknikal secara spesifik.

CPCFTC bertanggungjawab mengenal pasti, membincang dan mencadang penyelesaian dalam isu operasi dan teknikal yang dihadapi oleh syarikat-syarikat dengan objektif untuk memudahkan dan mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perniagaan. Di samping itu, CPCFTC juga berperanan sebagai platform untuk mempromosi, menggalak dan menyokong pertukaran pandangan dan informasi berhubung perkara dan isu (termasuk penyelidikan dan pembangunan) dalam bidang yang melibatkan kesetiausahaan dan pentadbiran syarikat serta menetapkan piawaian tertinggi dan amalan terbaik dalam profesion terutamanya ke arah amalan tadbir urus korporat yang baik.

CPCFTC telah mengadakan sebanyak dua (2) kali mesyuarat sepanjang tahun 2022 iaitu pada 25 April 2022 dan 21 Disember 2022. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil daripada organisasi berikut:

- (a) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA);
- (b) Institut Akauntan Malaysia (MIA);
- (c) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA);
- (d) Majlis Peguam Malaysia;
- (e) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS);
- (f) Institut Setiausaha Syarikat Diluluskan (IACS);
- (g) Persatuan Penasihat Korporat Malaysia (MCCA);
- (h) Persatuan Peguam Bela Sarawak; dan
- (i) Persatuan Undang-undang Sabah.

Tahun 2022 menandakan permulaan kerjasama strategik di antara SSM dan Bank Negara Malaysia (BNM) melalui Terma Kerjasama yang ditandatangani berkaitan dengan peraturan dan pemantauan Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML), Pencegahan Pembiayaan Keganasan (CFT) dan Sekatan Kewangan Bersasar (TFS). Memorandum Persefahaman tersebut telah ditandatangani pada 22 Ogos 2022 dan Terma Kerjasama tersebut mengandungi tanggungjawab-tanggungjawab SSM dan BNM dalam mengawal selia dan memantau setiausaha syarikat dan syarikat amanah oleh SSM di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Syarikat Amanah 1949.

Kerjasama ini akan memberikan pendekatan yang lebih berstruktur untuk menganalisa risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF) dalam kedua-dua sektor ini termasuklah untuk

menggalakkan pembinaan keupayaan kapasiti dalam bidang-bidang ini. Kerjasama ini berfungsi sebagai satu cara untuk menggalakkan pembinaan kapasiti institusi dalam bidang AML, CFT dan TFS. Dengan kolaborasi ini, SSM dan BNM menyumbang kepada pengukuhan rangka kerja kawal selia kewangan dan meningkatkan usaha negara untuk memerangi jenayah kewangan dengan berkesan.

SSM turut giat melaksanakan sesi libat urus bersama pelbagai agensi serta pihak-pihak berkepentingan sebagai salah satu usaha untuk memberi kesedaran berkaitan kepentingan serta faedah-faedah mendaftarkan perniagaan dalam kalangan komuniti perniagaan, termasuk mempromosi serta menggalakkan komuniti perniagaan untuk memanfaatkan penggunaan SSM BizTrust.

Selain itu, SSM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) iaitu agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Agensi ini menyediakan satu platform e-Dagang iaitu platform Agrobazaar Online yang berfungsi sebagai pusat sehenti dan platform perniagaan dalam talian kepada usahawan untuk memasarkan produk berdasarkan agro-makanan termasuk produk-produk industri makanan dan asas tani.

Lanjutan itu, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman telah dimeterai oleh SSM dan MAFI pada 29 Julai 2022. Objektif pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini adalah untuk memberi peluang, membuka pasaran baharu dan mempromosi perkhidmatan yang disediakan oleh kedua-dua pihak. SSM turut menjangkakan usaha ini akan dapat meningkat serta mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang lestari dalam memudahkan usahawan mengembangkan serta menaik taraf perniagaan berdasarkan agro-makanan bersesuaian dengan perubahan landskap ekonomi domestik.

Selari dengan aspirasi Kerajaan untuk meringankan beban komuniti korporat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 serta membantu dalam pemulihan ekonomi negara pada tahun 2022, KPDNHEP melalui SSM telah memperkenalkan satu (1) inisiatif baharu dan meneruskan lima (5) inisiatif yang telah diperkenalkan pada tahun 2021 dengan beberapa penambahbaikan.

SSM percaya inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini dapat membantu dalam pemulihan ekonomi negara sejajar dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Perincian inisiatif-inisiatif SSM untuk mengurangkan beban sektor korporat dan perniagaan pada tahun 2022 merangkumi perkara berikut:

- (a) Menawarkan pengurangan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 bermula 1 Mac 2022 sehingga 31 Disember 2022. Inisiatif ini telah dimanfaatkan oleh 4,926 pengarah, 6,017 syarikat dan 17,624 notis dalam tempoh 1 Mac 2022 sehingga 31 Disember 2022. Pelaksanaan inisiatif baharu ini telah dapat mengurangkan beban komuniti korporat dalam meneruskan perniagaan di persekitaran semasa yang mencabar pasca pemulihan ekonomi negara;
- (b) Meneruskan pelaksanaan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran perniagaan baharu secara percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar institusi pengajian tinggi sepenuh masa. Bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 24,547 pendaftaran perniagaan secara percuma telah dimanfaatkan oleh usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa;
- (c) Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang menawarkan pendaftaran perniagaan dan memperbaharui

pendaftaran perniagaan kepada golongan orang kurang upaya secara percuma untuk satu perniagaan. Statistik jumlah pendaftaran perniagaan di bawah S1O1P bagi tempoh 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak 1,460 pendaftaran. Manakala sebanyak 2,889 pendaftaran pembaharuan perniagaan telah direkodkan dalam tempoh yang sama;

- (d) Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2022. Sebanyak 1,071,701 entiti perniagaan telah didaftarkan dengan SSM BizTrust dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022. Manakala jumlah keseluruhan pendaftaran SSM BizTrust sehingga 31 Disember 2022 ialah sebanyak 1,690,302 entiti perniagaan;
- (e) Mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan; dan
- (f) Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Di samping menyediakan pelbagai inisiatif untuk membantu sektor korporat dan perniagaan ke arah pasca COVID-19, SSM juga proaktif dalam menggalakkan pematuhan yang berterusan dan keperluan menyerah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan. Pendekatan penguatkuasaan seimbang yang diteruskan oleh SSM ini telah menyumbang kepada kadar pematuhan yang baik pada tahun 2022 iaitu pada tahap 93% berbanding dengan 90% pada tahun 2021. Peningkatan kadar pematuhan yang baik ini diharap dapat diteruskan pada masa hadapan.

Akhir sekali, SSM melalui Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah membangunkan Pelan Strategik ICT (ICTSP) 2022 - 2026 yang direka untuk memangkin aspirasi pihak pengurusan dan Kerajaan kepada pemacu transformasi digital untuk menampung era disruptif semasa, justeru tema Pelan Strategik ini ialah "Mempercepatkan Transformasi Digital SSM." Untuk mengatasi cabaran evolusi teknologi yang berterusan, SSM perlu menerima pengetahuan dan teknologi baharu agar kekal relevan dan mampan dengan keutamaan ICT dalam melaksanakan strategi perniagaannya. Justeru, selaras dengan Teras Strategik SSM, ICTSP ini merupakan usaha berterusan untuk menjadikan ICT sebagai penggerak utama strategi-strategi SSM.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi serta Anggota Suruhanjaya atas bimbingan mereka, dorongan dan sumbangan yang berterusan sepanjang tahun 2022. Terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada semua warga kerja SSM atas kerja keras dan komitmen mereka sebagai satu pasukan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan terbaik dalam memudahkan cara sektor korporat dan perniagaan.

SSM kini telah mencapai usia 20 tahun sejak penubuhannya pada tahun 2002 dan pasti, pelbagai cabaran mendatang perlu ditempuhi. Dengan usaha, kerjasama serta komitmen berterusan yang tidak berbelah bahagi pasukan SSM di semua peringkat, kami akan terus berkhidmat dengan penuh dedikasi, menyumbang kepada pemulihan dan kemakmuran negara, Insya-Allah.

Terima kasih.

YBHG. DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Syarikat Malaysia



20 TAHUN
TRANSFORMASI



PERNYATAAN **TADBIR URUS KORPORAT**

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

SSM sentiasa komited dan percaya, penekanan kepada tadbir urus korporat adalah penting di dalam meningkatkan ketelusan, akauntabiliti serta integriti sebagai sebuah agensi yang mengawal selia entiti korporat dan perniagaan di Malaysia. SSM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan meneruskan komitmen terhadap amalan tadbir urus korporat yang baik.

Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Anggota Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 6 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Anggota Suruhanjaya terdiri daripada pengamal undang-undang, pegawai kanan kerajaan, golongan profesional dan tokoh korporat yang memiliki rekod pencapaian cemerlang. Anggota Suruhanjaya yang mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang ini diamanahkan untuk memimpin dan memacu Hala Tuju SSM. Pada tahun-tahun yang lepas, panduan dan bimbingan yang amat berguna daripada Anggota Suruhanjaya telah membolehkan SSM mencapai kejayaan cemerlang dan menjadi penanda aras dalam sektor korporat.

Peranan dan Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya

Anggota Suruhanjaya perlu memenuhi/ mematuhi perkara-perkara berikut:

- (a) Melaksanakan peranan dan tanggungjawab selaras dengan undang-undang Akta tubuh Suruhanjaya;
- (b) Mengambil kira kepentingan Kerajaan dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan Agensi yang diwakilkannya bagi Anggota yang dilantik dalam kalangan kakitangan Perkhidmatan Awam/ Kerajaan;
- (c) Mengisytiharkan percanggahan kepentingan atau konflik tersebut dan mengecualikan diri daripada mengundi atau terlibat dalam membuat sebarang keputusan;
- (d) Tanpa prejudis mengisytiharkan kepentingan dan dikecualikan dalam apa-apa perkara melibatkan kepentingannya bagi mengelakkan salah guna kuasa dan percanggahan kepentingan;
- (e) Dalam tempoh pelantikan, Anggota Suruhanjaya adalah bertanggungjawab untuk membuat perisyiharan bagi sebarang ketidakakuratan yang berlaku melibatkan mana-mana elemen dalam Tapisan Keselamatan dan Keutuhan. Dalam hal ini, pengosongan jawatan perlu dilaksanakan segera; dan
- (f) Menghadiri kursus/ sesi taklimat sebagaimana ditetapkan oleh Kementerian.

Suruhanjaya telah bermesyuarat sebanyak lapan (8) kali sepanjang tahun 2022 bagi membincangkan pelbagai perkara penting termasuk pelan jangka panjang, inisiatif strategik dan analisis Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan. Anggota Suruhanjaya berpendapat tadbir urus dan amalan terbaik adalah penting untuk dimasukkan ke dalam pelbagai fungsi serta tugas yang dilaksanakan dalam mengawal selia operasi yang dilaksanakan oleh Pengurusan SSM. Butiran mesyuarat yang diadakan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

**JUMLAH KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA
UNTUK MESYUARAT ANGGOTA SURUHANJAYA BAGI TAHUN 2022**

ANGGOTA SURUHANJAYA	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-119	Mesyuarat Khas Anggota Bil. 1/2022	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-120	Mesyuarat Khas Anggota Bil. 2/2022	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-121	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-122	Mesyuarat Khas Anggota Bil. 3/2022	Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-123	JUMLAH KEHADIRAN
	17 Februari 2022	10 Mac 2022	14 Jun 2022	28 Jun 2022	4 Ogos 2022	15 September 2022	8 November 2022	16 Disember 2022	
Datuk Azman Mohd Yusof	Mula dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya pada 15 April 2022			•	•	•	•	•	6/6
Encik Shamshawal Azraai Ahmad		•	•	•	•	•	•	•	8/8
Prof. Dr. Normah Hj. Omar		•	X	•	•	•	•	Telah tamat tempoh sebagai Anggota Suruhanjaya pada 31 Oktober 2022	5/6
Encik Mohd Sakeri Abdul Kadir	•	•	•	•	•	•	X	•	7/8
Encik Tan Gim Tuan	•	•	•	•	•	•	X	•	7/8
Datuk Selva Kumar A/L Mookiah	•	•	•	•	•	•	•	•	8/8
Encik Kilat Beriak	Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 15 Mac 2022			•	•	•	•	•	6/6
Datuk Nor Azimah Abdul Aziz	•	•	•	•	•	•	•	•	8/8
Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad	•	•	Telah tamat tempoh sebagai Pengerusi Suruhanjaya pada 31 Mac 2022						2/2
Encik Azih Yusof	X	X	Telah tamat tempoh sebagai Anggota Suruhanjaya pada 28 Mac 2022						0/2

• Hadir

X Tidak hadir dengan izin

* Sebanyak empat (4) Kertas Resolusi Edaran telah diluluskan dalam tahun 2022

Berikut ialah tugas dan tanggungjawab setiap Jawatankuasa yang dianggotai oleh Anggota Suruhanjaya:

JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN	KETERANGAN
Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko	<p>Tanggungjawab Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Membantu Suruhanjaya menguruskan audit dan risiko dalam membuat semakan terhadap kecukupan dan keberkesaan sistem kawalan dalaman; (b) Menyemak polisi pengurusan risiko dan amalan di Suruhanjaya bagi memastikan keberkesanannya; (c) Menyemak Laporan Kewangan tahunan sebelum dikemukakan kepada Suruhanjaya; (d) Menyemak laporan pengurusan juruaudit luar dan respon pengurusan; (e) Menyokong dan menentukan arah kepada fungsi Audit Dalam untuk memastikan keberkesanannya; dan (f) Mempertimbangkan hasil dapatan yang ditimbulkan di dalam Laporan Audit Dalam atau lain-lain siasatan dalaman dan maklum balas daripada pengurusan, dan pengurusan menentukan tindakan pembetulan yang sepatutnya diperlukan.
Jawatankuasa Pelaburan	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengawasi aktiviti pelaburan dana SSM dan memformulasikan garis panduan serta prosedur berkaitan pelaburan.
Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menentukan dan menyelia semua polisi yang berkaitan dengan sumber manusia di SSM.
Lembaga Perolehan	<p>Tanggungjawab Lembaga Perolehan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Menimbang, menilai dan membuat keputusan bagi perolehan yang tidak melebihi RM100 juta; (b) Tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan, Lembaga Perolehan SSM adalah bertanggungjawab mempertimbang dan menyetuju terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan SSM; (c) Memastikan semua permohonan perolehan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa mematuhi kriteria-kriteria berikut: <ul style="list-style-type: none"> • diperlukan; • mengikut keutamaan; • berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan aktiviti; dan • untuk kegunaan rasmi. (d) Memastikan kaedah perolehan adalah mematuhi peruntukan arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa; (e) Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender; dan (f) Mempertimbang dan memutuskan tender yang paling menguntungkan dengan mengambil kira harga, perkhidmatan atau kegunaan barang, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.

JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN	KETERANGAN
Jawatankuasa Tatatertib I	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional.</p> <p>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman buang kerja atau turun pangkat.</p>
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib I	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional terhadap keputusan Jawatankuasa ini.</p>
Jawatankuasa Tatatertib II	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi.</p> <p>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat.</p>
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib II	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi terhadap keputusan Jawatankuasa ini.</p>
Jawatankuasa Tatatertib III	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.</p> <p>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat.</p>
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib III	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional terhadap keputusan Jawatankuasa ini.</p>
Jawatankuasa Tatatertib IV	<p>Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan.</p> <p>Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman buang kerja atau turun pangkat.</p>

JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN	KETERANGAN
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib IV	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan terhadap keputusan Jawatankuasa ini.
Jawatankuasa Tatatertib V	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menjatuhkan hukuman tatatertib bagi pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman selain dari buang kerja atau turun pangkat.
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib V	Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjalankan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib berdasarkan Akta 605 iaitu berkaitan tatakelakuan pegawai dan menerima, menimbangkan dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pegawai berjawatan Kumpulan Sokongan terhadap keputusan Jawatankuasa ini.

INTEGRITI DAN DISIPLIN

Sistem Pengurusan Antirasuah SSM

SSM telah berjaya memperoleh pensijilan bagi Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) pada 5 Oktober 2021 untuk tempoh tiga (3) tahun iaitu bermula 5 Oktober 2021 hingga 4 Oktober 2024 merangkumi skop Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan, Kawal Selia dan Penguatkuasaan serta Perkhidmatan Korporat.

Pada tahun ini, SIRIM QAS International telah menjalankan Audit Pengawasan yang pertama pada 3 hingga 5 Oktober 2022. Hasil komitmen dari semua pihak terutamanya pihak Pengurusan Atasan, pasukan Audit Dalaman, Jawatankuasa Pelaksana dan Seksyen Integriti & Disiplin (SID) selaku penyelaras Fungsi Pematuhan Antirasuah (ABCF), SSM telah berjaya mengekalkan pensijilan pada tahun 2022. Pada tahun 2023, SSM akan memperluaskan skop pensijilan ke seluruh pejabat negeri dan cawangannya.

Mesyuarat Anggota Suruhanjaya telah meluluskan SID untuk dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan fungsi Polisi Pemberi Maklumat Dalaman 2013 (IWBP) SSM dan pelaporan pelaksanaan polisi ini adalah kepada Anggota Suruhanjaya melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR). Mesyuarat Anggota Suruhanjaya telah meluluskan cadangan SID bagi melaksanakan fungsi IWBP dan melaporkan pelaksanaan polisi ini kepada Suruhanjaya melalui JAPR. Polisi baharu yang dibangunkan adalah seperti berikut:

Polisi Larangan Penggunaan Sokongan dan Pengaruh Luar SSM

- Polisi ini dibangunkan untuk memberi panduan kepada Anggota Suruhanjaya dan Pekerja SSM serta pihak ketiga yang berurusan dengan SSM berkaitan isu sokongan dan pengaruh luar serta tatacara pengendalian isu berkaitan di peringkat SSM; dan
- Polisi ini disediakan bersama Garis Panduan Larangan Penggunaan Sokongan dan Pengaruh Luar SSM yang terpakai untuk Anggota Suruhanjaya dan Pekerja SSM.

Program Pegawai Integriti Bertauliah

Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) merupakan salah satu program latihan yang dilaksanakan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) untuk melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah bagi menjalankan tugas berkaitan integriti dalam usaha memantapkan penyampaian perkhidmatan dalam sektor awam dan swasta.

CeIO yang dilantik dalam sebuah organisasi akan bertindak sebagai rangkaian pegawai integriti bertauliah yang pakar dalam bidang pencegahan rasuah, pembangunan integriti dan menjadi pemangkin dalam usaha memupuk budaya kerja berintegriti. CeIO berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program integriti dan diharapkan ia dapat memantapkan lagi amalan integriti di SSM.

Program CeIO ini adalah salah satu inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SSM 2019-2023. Sehingga tahun 2022, SSM telah mempunyai seramai 13 orang CeIO dan pada tahun 2023, SSM merancang untuk menghantar tiga (3) orang pegawai lagi untuk mengikuti program ini.

PROGRAM DAN AKTIVITI BAGI MENINGKATKAN PEMAHAMAN WARGA KERJA SSM MENGENAI INTEGRITI, OACP DAN SPAR

Sepanjang tahun 2022, pelbagai program kesedaran telah dianjurkan untuk meningkatkan kefahaman warga kerja SSM tentang integriti, OACP dan SPAR. Senarai program yang telah diadakan adalah seperti berikut:

PROGRAM	TARIKH
Ceramah Integriti bertajuk 'Lakonan Atau Realiti' oleh YBhg. Dato' Abdul Samad Kasah kepada pekerja SSM.	28 Januari 2022
Bengkel Penilaian Risiko Rasuah (<i>Bribery Risk Assessment</i>) kepada Jawatankuasa Pelaksana ABMS SSM.	16 - 18 Februari 2022
Kursus Audit Dalaman MS ISO 37001: 2016 ABMS kepada Juruaudit Dalaman ABMS SSM.	18 - 20 Mei 2022
Ceramah Integriti mengenai 'Integriti dan Akauntabiliti Dalam Perolehan' oleh YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz kepada Pengurusan SSM.	21 Jun 2022
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).	23 Jun 2022
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK.	21 Julai 2022
Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK.	15 Ogos 2022
Audit Pengawasan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. di setiap Bahagian/ Seksyen di Ibu Pejabat.	3 - 5 Oktober 2022
Majlis Perasmian Ke Arah Pensijilan ABMS di Pejabat Negeri dan Cawangan SSM sempena Sambutan Hari Integriti SSM 2022.	31 Oktober 2022
Taklimat Integriti mengenai Pelan Antirasuah Nasional (NACP), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) oleh Seksyen Integriti dan Disiplin kepada pekerja SSM.	1 November 2022
Bengkel Pemantapan Pengurusan Tatatertib dan Penambahbaikan Manual Prosedur Kerja (MPK).	15 - 17 November 2022

PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO

Setiap organisasi terdedah kepada risiko dalam pelbagai perkara seperti pengoperasian, pemasaran, perundungan, persekitaran, reputasi, jenama, liabiliti, kewangan dan kerugian harta benda. Program pengurusan risiko yang efektif dapat membantu organisasi menilai keupayaan untuk menghadapi risiko dan peluang-peluang yang ada.

SSM komited untuk mencapai visinya iaitu menjadi pendaftar dan pengawal selia korporat terulung. Sehubungan itu, Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Enterprise (ERM) dan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) SSM telah disediakan untuk dijadikan panduan dan rujukan oleh semua pihak dalam usaha membudaya dan mengadaptasikan amalan ERM dan BCM ke dalam ekosistem SSM.

PERNYATAAN POLISI ERM

SSM perlu memiliki keupayaan untuk menguruskan risiko ke satu tahap yang boleh diterima dalam usaha untuk mencapai visinya. Pelaksanaan ERM yang berkesan akan meningkatkan kebolehan SSM dari aspek strategi serta menangani cabaran dan peluang yang ada. Ini juga akan meningkatkan keupayaan SSM untuk bertindak balas terhadap perubahan persekitaran operasinya serta membolehkan keputusan dibuat dengan lebih berkesan.

Polisi ERM yang telah dimandatkan oleh Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- (a) Mengintegrasikan amalan pengurusan risiko ke dalam budaya kerja, aktiviti operasi dan proses membuat keputusan di SSM;
- (b) Mengambil kira dan bertindak balas terhadap perubahan risiko berkaitan strategik, tata kelola, pematuhan, operasi, siber, sistem dan kewangan secara proaktif;
- (c) Menguruskan risiko secara pragmatik ke tahap yang boleh diterima bagi keadaan-keadaan tertentu mengikut setiap situasi;
- (d) Memastikan semua kertas cadangan yang dikemukakan oleh Pengurusan kepada Suruhanjaya berkaitan strategi, kelulusan projek-projek utama, tindakan signifikan atau pelaburan telah mengambil kira faktor-faktor risiko dan strategi pengurusan risiko;
- (e) Memupuk sikap kebertanggungjawaban dan akauntabiliti di kalangan semua pekerja dalam melaksanakan ERM; dan
- (f) Melaksanakan rangka kerja ERM yang kukuh dan mantap di SSM.

PERNYATAAN POLISI BCM

Pelaksanaan BCM pada dasarnya dapat menjamin ketahanan dan keupayaan operasi SSM untuk bertindak balas dengan baik terhadap pelbagai jenis gangguan. Suruhanjaya bertanggungjawab untuk memastikan SSM mempunyai daya tahan terhadap sebarang gangguan operasi, kecemasan dan bencana melalui adaptasi Polisi BCM yang mantap dan berkesan seperti berikut:

- (a) Memahami keperluan SSM dan jangkaan pihak-pihak berkepentingan;
- (b) Memantau dan menilai prestasi dan keberkesanannya BCM;
- (c) Mengintegrasikan BCM ke dalam budaya, aktiviti-aktiviti operasi dan proses pembuatan keputusan di SSM;
- (d) Memupuk sikap kebertanggungjawaban dan akauntabiliti semua pekerja dalam melaksanakan BCM; dan
- (e) Melaksanakan rangka kerja BCM serta kawalan operasi dan langkah-langkah yang mantap untuk mengurus keseluruhan keupayaan SSM dalam menangani insiden atau gangguan.

STRUKTUR TADBIR URUS, PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB


Proses pengurusan risiko yang berkesan adalah penting untuk membolehkan sebuah organisasi mencapai objektif dengan sokongan daripada struktur tata kelola yang kukuh. Oleh itu, konsep Tiga Barisan Pertahanan

(*Three Lines of Defence*) diadaptasikan di SSM untuk mewujudkan keupayaan pengurusan risiko yang merangkumi keseluruhan proses operasi organisasi seperti yang ditunjukkan di dalam rajah di bawah:

Anggota Suruhanjaya/ Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko					
Pengurusan Tertinggi SSM					
BARISAN PERTAMA PERTAHANAN		BARISAN KEDUA PERTAHANAN		BARISAN KETIGA PERTAHANAN	
Kawalan Pengurusan	Kawalan Dalaman	Pengurusan Risiko Enterprise		Audit Dalam	
Barisan pertama dalam persekitaran organisasi merangkumi semua Bahagian/ Seksyen/ Pejabat Negeri/ Pejabat Cawangan yang melaksanakan fungsi operasi harian.		Barisan kedua yang melaksanakan fungsi pemantauan bebas dan penetapan hala tuju berkaitan ERM dan BCM.		Barisan ketiga adalah pengauditan terhadap fungsi - fungsi yang telah dilaksanakan di barisan pertama dan kedua.	Audit Luaran Badan Pengawal Selia

Struktur pelaporan yang efektif dapat mewujudkan komunikasi yang lebih tersusun dalam menyokong serta menerapkan strategi ERM dan BCM ke dalam pengurusan dan pengoperasian SSM. Struktur pelaporan yang efektif juga memastikan akauntabiliti, autoriti dan

kompetensi yang bersesuaian dalam menguruskan risiko, termasuk pelaksanaan dan pengekalan proses ERM dan BCM yang dilaporkan secara konsisten dan berkala oleh Seksyen Pengurusan Risiko (SPR) kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR).



Kepimpinan yang kuat dan komitmen berterusan daripada Anggota Suruhanjaya, JAPR, Pengurusan SSM, Pemilik Risiko dan semua pekerja adalah sangat penting dalam memastikan pelaksanaan ERM dan BCM yang berterusan dan berkesan di SSM. Peranan dan tanggungjawab yang telah ditetapkan dan didefinisikan secara konsisten di SSM untuk memastikan akauntabiliti dan autoriti dalam menyediakan laporan, memantau dan menyampaikan risiko secara berkesan adalah seperti di bawah:

PERANAN	TANGGUNGJAWAB UTAMA
Anggota Suruhanjaya	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan dan mengadaptasikan Polisi dan Rangka Kerja ERM dan BCM; • Menyatakan dan menyediakan hala tuju terhadap kecenderungan risiko, kawalan persekitaran organisasi dan budaya risiko organisasi; dan • Memantau dan membincangkan isu-isu yang timbul berkaitan operasi strategik, pengajaran yang dipelajari (<i>lesson learnt</i>) dan berkongsi amalan terbaik.
Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko (JAPR)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengawal selia dasar, rangka kerja, sistem, amalan dan prosedur ERM dan BCM; • Memeriksa dan mengesahkan parameter risiko, selera risiko, risiko-risiko utama, pilihan rawatan risiko dan pelan tindakan risiko; • Memastikan pengawasan ke atas risiko-risiko utama merangkumi keseluruhan pelaksanaan aktiviti ERM dan BCM serta secara aktif meminta dan mencabar maklumat - maklumat risiko strategik terhadap isu operasi; • Bertindak sebagai penasihat, pendidik dan pemangkin perubahan dalam pengurusan risiko organisasi; • Menyemak dan memperakarkan penambahbaikan terhadap infrastruktur ERM dan BCM (contoh: sistem, teknologi), keupayaan, persekitaran, amalan dan prosedur yang berpunca daripada perubahan dalaman dan/ atau luaran; dan • Menilai kecukupan peralatan, sumber, latihan dan pakar bidang khusus ERM dan BCM.
Jawatankuasa Pengurusan Risiko - Peringkat Pengurusan (ML-RMC)	<ul style="list-style-type: none"> • Memantau secara konsisten pelaksanaan polisi dan rangka kerja ERM dan BCM di seluruh SSM; • Mengurus dan memantau risiko - risiko utama dengan efektif dan mengikut tempoh yang ditetapkan; • Memastikan semua pekerja memahami tanggungjawab dan akauntabiliti mereka dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan risiko; dan • Memberikan sokongan secukupnya kepada Seksyen Pengurusan Risiko dalam melaksanakan fungsi - fungsinya.
Pemilik Risiko	<ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab untuk berkomunikasi dan menguruskan risiko berkaitan fungsi/ projek masing - masing dengan memastikan setiap risiko mempunyai kawalan yang efektif atau pelan mitigasi/ Pelan Kesinambungan Perniagaan.

Peranan dan tanggungjawab utama SPR di dalam kerangka tadbir urus pengurusan risiko di SSM adalah seperti berikut:

FUNGSI	KETERANGAN
Mengawal Selia	<ul style="list-style-type: none"> • Berkomunikasi, berunding, berkongsi, menilai dan menambah baik polisi, rangka kerja, mekanisme, peralatan dan proses ERM dan BCM secara berterusan kepada Anggota Suruhanjaya, Pengurusan dan pekerja; • Memantau secara bebas status pelaksanaan Pelan Tindakan Risiko; • Melaksanakan proses pengurusan risiko terhadap projek/ pelaburan baharu atau melantik mana-mana wakil risiko untuk melaksanakan peranan sebagai badan bebas bagi pihak SPR; dan • Memantau status pelaksanaan Analisis Impak Perniagaan (<i>Business Impact Analysis - BIA</i>) dan BCP bagi proses kerja masing-masing.
Memperkuuh	<ul style="list-style-type: none"> • Menerajui program pendidikan ERM dan BCM serta memupuk budaya risiko secara berterusan di SSM; dan • Memastikan semua maklumat yang dikumpul berkaitan ERM dan BCM di SSM direkod dan disimpan dengan baik.
Memudah Cara/ Mengkoordinasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi pemudah cara dan penyelaras bagi aktiviti-aktiviti penilaian risiko, pelaksanaan Pelan Tindakan Risiko serta pembangunan Petunjuk Risiko Utama termasuk pelaksanaan BIA dan BCP; • Membimbing, mengkoordinasi dan memudah cara pelaksanaan rangka kerja serta inisiatif-inisiatif ERM dan BCM; • Mengkoordinasi aktiviti pelaporan risiko selaras dengan struktur dan kekerapan yang ditetapkan; dan • Menyediakan laporan penuh untuk perbincangan dan mendapatkan pandangan ML-RMC sebelum dibentangkan kepada JAPR.
Penasihat Bebas/ Semakan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan input/ menyalur balas secara bebas terhadap tahap kesempurnaan pelaksanaan penilaian risiko, Pelan Tindakan Risiko, Petunjuk Risiko Utama dan BIA.

AKTIVITI UTAMA ERM DAN BCM PADA TAHUN 2022

Sepanjang tahun 2022, SPR telah melaksanakan pelbagai aktiviti berpandukan Pelan Tahunan ERM dan BCM bagi membolehkan amalan ERM dan BCM dapat dilaksanakan dengan tersusun dan efektif di SSM. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh SPR sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

- Program Kesedaran ERM dan BCM secara berterusan;
- Pembangunan dan pemantauan Daftar Risiko (Jabatan dan Projek);
- Mengkoordinasi pembangunan Pelan Kesinambungan Perniagaan peringkat Pejabat Negeri dan Cawangan SSM;

- Penglibatan sebagai Ahli/ Penasihat Teknikal Risiko di dalam *Project Working Committee* (PWC) dan *Project Steering Committee* (PSC);
- Penubuhan dan pelaksanaan fungsi Jawatankuasa Pengurusan Risiko - Peringkat Pengurusan (ML-RMC);
- Bengkel Penyelenggaraan BCM bagi tujuan kemas kini BCP Ibu Pejabat;
- Bengkel Pengurusan Risiko Projek dan Pembangunan Indikator Risiko Utama bagi projek - projek di SSM; dan
- Pelaporan kepada JAPR dan ML-RMC secara berkala.

PERNYATAAN AUDIT DALAM

Seksyen Audit Dalam berperanan untuk memberi jaminan objektif dan khidmat nasihat secara bebas untuk memberi nilai tambah kepada operasi dan perkhidmatan SSM. Selaras dengan model tadbir urus dan pengurusan risiko yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalaman iaitu *The IIA'S Three Lines Model*, Seksyen ini berada di barisan ketiga yang berfungsi untuk membantu SSM dalam mencapai objektifnya, melalui pendekatan yang bersistematis dan berdasarkan

kepada amalan industri yang terbaik dalam menilai dan meningkatkan keberkesanannya tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan.

SSM mempunyai kerangka tadbir urus yang jelas dan telah diterapkan ke dalam teras strategik, nilai korporat dan dasar kualiti bagi memastikan objektif yang ditetapkan dapat dicapai. Senarai elemen tersebut ialah seperti berikut:

MENGOPTIMUMKAN PENAMBAHBAIKAN PROSES

SSM sentiasa menambah baik proses kerja bagi memenuhi keperluan pelanggan atau pemegang taruh dan pada masa yang sama memastikan kualiti tatakelola perkhidmatannya adalah terjamin. Setiap Bahagian/ Seksyen perlu sentiasa mengemas kini proses kerja sedia ada sekiranya mempunyai penambahbaikan melalui Polisi, Manual, Prosedur Kerja, Pekeliling, Arahan Pentadbiran, Arahan Kewangan dan Garis Panduan.

BUDAYA KERJA CEMERLANG

SSM komited dan berpegang kepada etika kerja yang unggul dan mengaplikasikannya secara profesional melalui Kod Etika SSM, Akta Tatatertib dan Surcaj, Polisi Antirasuah SSM, Polisi Percanggahan Kepentingan SSM, Polisi Tiada Hadiah SSM dan lain-lain dokumen berkaitan integriti di SSM sebagai rujukan tatatertib dan budaya warga kerja SSM.

PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG DIPERCAYAI

Mewujudkan persekitaran korporat dan perniagaan yang kondusif menerusi kerangka undang-undang dinamik melalui Polisi, Manual, Prosedur Kerja, Pekeliling, Arahan Pentadbiran, Arahan Kewangan dan Garis Panduan yang baik.

MENGINTEGRASIKAN NILAI BERKEKALAN

SSM sentiasa mengintegrasikan nilai-nilai yang mampan di dalam organisasi seperti menyepadukan dimensi ekonomi, alam sekitar dan sosial bagi memastikan Visi SSM tercapai.

POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN SSM

SSM menggalakkan semua pihak untuk melaporkan sebarang kelakuan tidak wajar di bawah Polisi Pemberi Maklumat Dalaman SSM. Jawatankuasa Pemberi Maklumat SSM akan sentiasa memelihara kerahsiaan dan memberi perlindungan atas laporan atau aduan yang telah dibuat dengan niat baik.

PENGURUSAN RISIKO YANG MAMPAN

Polisi dan kerangka kerja pengurusan risiko yang mampan dengan mewujudkan *Enterprise Risk Management (ERM)*, *Business Continuity Plan (BCP)*, *Business Continuity Management (BCM)* serta Pelan Pengurusan Krisis menjamin dapat mengurangkan risiko-risiko yang boleh berlaku di SSM.

KEBEBAAN DAN OBJEKTIVITI

Seksyen Audit Dalam berperanan sebagai satu fungsi bebas dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Kebebasan bermaksud bebas daripada keadaan yang mengancam keupayaan aktiviti audit dalam untuk menjalankan tanggungjawabnya secara tidak berpihak. Ketua Audit Dalam mempunyai capaian secara langsung kepada Anggota Suruhanjaya dan Pengurusan Tertinggi.

Ketua Audit Dalam melaporkan fungsi audit kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR) dan pentadbirannya kepada Ketua Pegawai Eksekutif.

Objektiviti bermaksud etika yang tidak berat sebelah dalam membuat penilaian aktiviti audit dalam. Seksyen Audit Dalam hendaklah membuat penilaian seimbang dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan sendiri atau mana-mana pihak berkepentingan.

PIAGAM DAN SKOP KERJA AUDIT DALAM

Piagam Audit Dalam merupakan satu dokumen rasmi yang menyatakan peranan dan kuasa Seksyen Audit Dalam iaitu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di SSM. Skop kerja utama Seksyen Audit Dalam melibatkan perkara-perkara berikut:

- Melaksanakan pgaudit rutin berdasarkan kepada risiko yang memfokuskan kepada aspek tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalam keseluruhan pengoperasian organisasi;
- Menjalankan penyiasatan khas seperti yang diminta oleh Anggota Suruhanjaya dan Pengurusan Tertinggi; dan
- Bertindak sebagai pemerhati dalam jawatankuasa-jawatankuasa projek terpilih yang ditubuhkan untuk membangunkan atau melaksanakan sistem-sistem atau proses-proses baharu. Penglibatan wakil daripada Seksyen Audit Dalam adalah terhad kepada memberi nasihat berkaitan kawalan dalaman dan tidak menghalang Seksyen ini daripada mengaudit skop-skop yang berkaitan dengan sistem atau proses yang terlibat.

SUMBER SEKSYEN AUDIT DALAM

Sumber yang bersesuaian dan mencukupi adalah penting dalam memastikan fungsi Seksyen Audit Dalam dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pada tahun 2022, Seksyen ini mempunyai 17 orang juruaudit termasuk Ketua Audit Dalam yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Kesemua juruaudit dalam diberikan peluang untuk meningkatkan tahap kompetensi masing-masing dengan menghadiri program latihan profesional di peringkat dalaman atau luaran.

INISIATIF TAHUN 2022

Pada tahun 2022, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan fungsi Audit Dalaman sentiasa relevan dan memberi nilai tambah kepada pemegang taruh. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti menyemak semula konsep dan kaedah pengauditan, semakan semula skop dan pelaksanaan berkaitan pemberi maklumat, penetapan latihan profesional yang berkaitan dan juga semakan semula terhadap terma dan rujukan JAPR.



20 TAHUN
TRANSFORMASI



ANGGOTA
**SURUHANJAYA SYARIKAT
MALAYSIA**

ANGGOTA **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**



Datuk Azman Mohd Yusof
(Pengerusi)

Encik Shamshawal Azraai Ahmad

Prof. Dr. Normah Hj. Omar

Encik Mohd Sakeri Abdul Kadir



Encik Tan Gim Tuan

Datuk Selva Kumar

Encik Kilat Beriak

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz

DATUK AZMAN MOHD YUSOF (Pengerusi)

Datuk Azman Mohd Yusof telah dilantik sebagai Pengerusi SSM pada 15 April 2022. Beliau merupakan pemegang Sarjana Muda Pentadbiran Awam dari *West Texas State University/ Texas A&M West Texas, USA* dan Sarjana Polisi Awam dari *Graduate School of Policy Science, Saitama University, Japan*. Beliau juga merupakan pemegang Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang diperolehi pada tahun 1992.

Datuk Azman Mohd Yusof mempunyai pengalaman luas dalam bidang perancangan, pengurusan sumber manusia dan dasar awam. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan di beberapa kementerian dan badan kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejak tahun 1992 hingga 2018. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sejak tahun 2019 sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 30 Mac 2022.

Sehingga kini, beliau telah mengikuti banyak Program Pembangunan Eksekutif di peringkat antarabangsa. Antaranya di *Harvard Business School, Boston USA*; *INSEAD Singapore*; *Oxford University (Blavatnik School of Government) United Kingdom* dan *Mt. Eliza Business School* di Melbourne Australia. Program-program lain yang pernah disertai ialah di Korea (COTI), Jerman (*Caris Duisberg Centren*) dan Georgia (*Digital Government*). Beliau juga pernah mewakili negara di bawah *Management of Social Transformation Program*, UNESCO dan lain-lain program di bawah UNICEF dan UNDP.

ENCIK SHAMSHAWAL AZRAAI AHMAD

Encik Shamshawal Azraai Ahmad dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 17 April 2020. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Shariah) (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Encik Shamshawal Azraai merupakan peguam bela dan peguam cara serta rakan kongsi di Tetuan Ahmad Shahabudin & Co. sejak tahun 1999 sehingga sekarang. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pelajar Islam Malaysia (YPIM) pada tahun 2013 hingga 2015. Beliau juga terlibat secara aktif dalam bidang perundangan dan politik di Terengganu.

PROF. DR. NORMAH HJ. OMAR

Prof. Dr. Normah telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 November 2020 hingga 31 Oktober 2022. Beliau merupakan pengasas kepada Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi Mara (UiTM), iaitu sebuah Pusat Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi (HICoE) yang bersifat global dan diiktiraf serta dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Beliau turut merupakan Felo Penyelidik Kanan di ARI HICoE. Selain itu, beliau juga merupakan ahli kepada dua (2) badan perakaunan profesional yang terkenal di peringkat global iaitu *Certified Practising Accountants* (CPA Australia) dan *Certified Management Accountants* (CMA Australia).

Bidang pengkhususan kajian beliau adalah Integriti Korporat, Tadbir Urus, Laporan Kewangan, Perakaunan Pengurusan, Kewangan Islam dan Kriminologi Kewangan Islam. Sebagai pendukung kepada pentafsiran kajian lapangan/ industri, Prof. Dr. Normah telah menjalankan banyak kerjasama dengan agensi kerajaan, badan profesional, pengawal selia, organisasi bukan kerajaan dan sektor korporat di dalam dan luar negara. Beliau juga telah berjaya menyelesaikan projek penyelidikan seperti Penaarafan Tadbir Urus Korporat bersama Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Sistem Penilaian Integriti Korporat bersama Institut Integriti Malaysia, Pematuhan & Keberkesanan Regim Anti Pengubahan Wang Haram bersama Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Kumpulan Jalinan Kerjasama Pegawai Pematuhan (CONG) dan Penilaian ke atas Organisasi Bukan Keuntungan bagi Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan bersama Pendaftar Pertubuhan dan SSM.

Prof. Dr. Normah banyak menghasilkan penulisan untuk pelbagai artikel dan jurnal akademik terbitan Malaysia dan Antarabangsa. Beliau turut mengarang buku berkaitan tadbir urus korporat, integriti korporat dan kriminologi kewangan. Prof. Dr. Normah memperolehi BBA (*Accounting*) daripada *University of Iowa, USA*, MBA (*Accounting*) daripada *Southern Illinois University, USA* dan Ph.D (*Accounting*) daripada *Manchester Metropolitan University U.K.*

Prof. Dr. Normah adalah Timbalan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pengasas *Asia-Pacific Management Accounting Association* (APMAA), sebuah persatuan profesional di peringkat antarabangsa yang berpangkalan di Jepun. Beliau juga dilantik sebagai Sarjana Jemputan atau Profesor di beberapa buah universiti di luar negara. Beliau turut menerima beberapa anugerah di peringkat antarabangsa untuk ARI antaranya, *Global Islamic Finance Awards* (*GIFA by UK Islamic Finance Agency - EdBiz consulting*) untuk enam (6) tahun berturut-turut (2014 - 2019), *ASEAN Risk Educator Award* (2017 & 2018), *UK ACQ's Gamechanger Award* (2018), *Cambridge IFA Woman Awards* dan dinamakan sebagai *the Second Most Influential Women in Islamic Finance & Business in 2019*. Beliau tamat tempoh perkhidmatan sebagai Anggota Suruhanjaya pada 31 Oktober 2022.

ENCIK MOHD SAKERI ABDUL KADIR

Encik Mohd Sakeri Abdul Kadir telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 Januari 2021. Beliau mempunyai lebih 27 tahun pengalaman dalam perkhidmatan awam dengan penempatan pertama beliau di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan. Beliau pernah berkhidmat di Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ditempatkan semula di Kementerian Kewangan pada tahun 2006. Sebelum dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, beliau pernah ditempatkan sebagai Timbalan Pengarah Belanjawan Negara dan Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

Encik Mohd Sakeri adalah pemegang Sarjana Ekonomi daripada Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Muda Ekonomi Matematik daripada Temple University, Philadelphia, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Diploma Pentadbiran Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Sijil Perancangan, Pemantauan dan Penilaian Program daripada *University of Bologna, Itali*.

ENCIK TAN GIM TUAN

Encik Tan Gim Tuan dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 24 Februari 2021. Beliau memperolehi Sarjana Muda Ekonomi (B.EC) dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB.) dari *Monash University, Melbourne, Australia*.

Encik Tan Gim Tuan merupakan seorang penasihat undang-undang. Beliau pernah berkhidmat sebagai peguam bela dan peguam cara di Tetuan Nazri Aziz & Wong serta Tetuan CW Loh & Associates. Pada masa ini beliau terlibat secara aktif dalam bidang perundangan dan komuniti di Selangor.

DATUK SELVA KUMAR

Datuk Selva Kumar dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 15 Mac 2021. Beliau memegang Sarjana Muda Undang-Undang (LLB.) dari *University of London, United Kingdom*. YBhg. Datuk Selva Kumar merupakan seorang peguam bela dan peguam cara di Selva Mookiah & Associates. Beliau pernah menjadi rakan kongsi di Tetuan Badri, Kuhan Yeoh & Ghandi.

Datuk Selva Kumar mempunyai 27 tahun pengalaman dalam memberikan perkhidmatan perundangan dan khidmat nasihat yang komprehensif di dalam dan luar negara. Anak guam beliau terdiri daripada syarikat-syarikat sendirian dan awam di Malaysia serta badan bukan kerajaan di semua sektor ekonomi. Beliau memberi khidmat nasihat berkaitan urusan korporat dan komersil yang melibatkan transaksi rentas sempadan, litigasi korporat dan sivil, perkhidmatan perundangan berkaitan *forensic audit* dan *due diligence*, usaha sama antarabangsa, penstrukturkan korporat, perundangan harta tanah, praktis perbankan, pematuhan kawal selia korporat, undang-undang percukaian, kesetiausahaan syarikat dan penyenaraian di Bursa Malaysia Securities Berhad. Beliau turut mewakili pelanggan dalam litigasi dan menyediakan perkhidmatan penyelesaian pertikaian dan memberi nasihat dalam urusan yang berkaitan.

Selain itu, beliau merupakan seorang Notari Awam di Malaysia. Beliau juga dilantik sebagai Professor Adjung dan memangku jawatan Pengerusi di *AIMST University*.

ENCIK KILAT BERIAK

Encik Kilat Beriak dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 15 Mac 2022. Beliau telah menerima Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB.) dari *University of Melbourne, Victoria, Australia* pada tahun 1986. Encik Kilat Beriak telah diterima masuk dan berdaftar sebagai seorang peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaya dan juga terus dilantik sebagai peguam bela di Mahkamah Tinggi Borneo pada tahun 1987. Pada tahun 2007, beliau telah ditauliahkan sebagai *Master Mediator* di Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Beliau bergiat aktif dalam amalan perundangan sejak diterima sebagai seorang peguam, terutamanya yang berkaitan dengan litigasi sivil, termasuk komersil, kontraktual, insurans, perbankan dan urusan korporat.

Pada masa ini, beliau merupakan Timbalan Presiden di *Dayak Chamber of Commerce and Industry (DCCI)*. Beliau juga merupakan Setiausaha dan Naib Presiden Persatuan Peguambela Sarawak dan pada masa yang sama menjadi Pengerusi cawangan Kuching.

DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz merupakan Ketua Pengawai Eksekutif (KPE), SSM. Sebelum pelantikan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 Mei 2020, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE), Kawal Selia dan Penguatkuasaan dan seterusnya menyandang jawatan sebagai TKPE Perkhidmatan Korporat antara tahun 2016 sehingga 2020. Beliau memulakan perkhidmatan dengan SSM sebagai Pengurus Besar di Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada tahun 2003. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1992 sebagai peguam bela dan peguam cara dan seterusnya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sewaktu berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Kawal Selia dan Piawaian di Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Julai 2000.

Beliau berpengalaman luas dalam inisiatif reformasi undang-undang dan telah menyelia pembangunan perundangan yang penting di bawah kuasa SSM antaranya Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengawasan Audit (AOB), Ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPIIB), Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan (FRF), Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif (ExCo) *Corporate Registers Forum (CRF)* pada tahun 2022.

Beliau berkelulusan Undang-Undang dari Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA atau UiTM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Undang-Undang dari *University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom*.

DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM HJ. AHMAD (1 APRIL 2020 HINGGA 31 MAC 2022)

Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad telah dilantik sebagai Pengerusi SSM pada 1 April 2020. Beliau merupakan pemegang Sarjana Muda Perancangan Bandar dari *University of Utah, Salt Lake City, USA* dan Sarjana Perancangan Bandar dari *University of Pennsylvania, Philadelphia, USA*. Beliau juga merupakan pemegang diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam pernah menyandang pelbagai jawatan di beberapa kementerian dan badan kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia sejak tahun 2002 hingga 2019. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2019 sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada Februari 2020. Beliau tamat tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi SSM pada 31 Mac 2022.

ENCIK AZIH YUSOF (25 JUN 2021 HINGGA 28 MAC 2022)


Encik Azih Yusof telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 25 Jun 2021. Beliau mempunyai lebih 33 tahun pengalaman dalam perkhidmatan awam dan telah bertugas di beberapa agensi Kerajaan termasuk MAMPU. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Perunding ICT Sektor Awam (Pembangunan Sistem) bermula pada tahun 2015 hingga 2019 dan seterusnya menjawat jawatan sebagai Ketua Perunding ICT (Pembangunan Sistem) dan Pengarah Bahagian Perundingan ICT, MAMPU. Bermula Julai 2020 sehingga kini, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (TKP) ICT merangkap Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan (*Government Chief Information Officer - GCIO*) yang bertanggungjawab ke atas lima (5) dimensi utama perkhidmatan ICT Sektor Awam.

Encik Azih diiktiraf sebagai pakar dalam bidang Pengurusan Pangkalan Data Sektor Awam bermula 2011 dan telah memberikan khidmat rundingan dalam projek utama ICT Sektor Awam melibatkan perkhidmatan digital bersepadu dan terangkum, perkhidmatan digital berpacukan data serta pengukuhan keupayaan dan kapasiti perkhidmatan skim teknologi maklumat.

Encik Azih berkelulusan Sarjana Sains (Sains Komputer) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada tahun 2014 dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Komputer) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1985. Beliau tamat tempoh perkhidmatan sebagai Anggota Suruhanjaya pada 28 Mac 2022.



20 TAHUN
TRANSFORMASI



PENGURUSAN **EKSEKUTIF**

PENGURUSAN EKSEKUTIF

DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ

Ketua Pegawai Eksekutif



Datuk Nor Azimah Abdul Aziz merupakan Ketua Pengawai Eksekutif (KPE), SSM. Sebelum pelantikan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 Mei 2020, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE), Kawal Selia dan Penguatkuasaan dan seterusnya menyandang jawatan sebagai TKPE Perkhidmatan Korporat antara tahun 2016 sehingga 2020. Beliau memulakan perkhidmatan dengan SSM sebagai Pengurus Besar di Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada tahun 2003. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1992 sebagai peguam bela dan peguam cara dan seterusnya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sewaktu berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Kawal Selia dan Piawaian di Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Julai 2000.

Beliau berpengalaman luas dalam inisiatif reformasi undang-undang dan telah menyelia pembangunan perundungan yang penting di bawah kuasa SSM antaranya Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengawasan Audit (AOB), Ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB), Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan (FRF), Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif (ExCo) Corporate Registers Forum (CRF) pada tahun 2022.

Beliau berkelulusan Undang-Undang dari Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA atau UiTM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Undang-Undang dari *University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom*.



KHUZAIRI YAHAYA

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Kawal Selia dan Penguatkuasaan)

Khzairi Yahaya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia dan Penguatkuasaan) bermula 15 Januari 2019. Beliau mengawal selia Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Pendakwaan dan Litigasi, Bahagian Pematuhan Korporat dan Bahagian Siasatan. Beliau memulakan kerjayanya di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1994. Selepas sembilan (9) tahun bersama Suruhanjaya Sekuriti, pada tahun 2003 beliau menjadi Pengurus Besar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, SSM dan ini diikuti oleh pelantikan beliau sebagai Pengarah Audit Dalam pada tahun 2007. Pada tahun 2010, beliau dilantik semula sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Beliau telah dilantik sebagai TKPE (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan) bermula 15 Mac 2015 di mana beliau menguruskan semua Bahagian di bawah Operasi di SSM. Beliau memainkan peranan instrumental dalam inisiatif untuk mengtransformasikan sistem pendaftaran berdasarkan kerangka utama kepada sistem berdasarkan web pada tahun 2003 dan beliau juga melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan dalam SSM. Beliau terlibat secara langsung dalam pembangunan sistem dan proses kerja baharu di bawah indikator 'Memulakan Perniagaan' bagi Laporan Bank Dunia 'Ease of Doing Business'. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains Pengurusan, *Purdue University*, Amerika Syarikat.



REZY IZWAN RAMLY

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan)

Rezy Izwan Ramly dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan) pada 24 Jun 2020. Portfolio di bawah penyeliaan beliau adalah Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan, Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Beliau mula berkhidmat di SSM sebagai Ketua Seksyen Pendakwaan di Bahagian Pendakwaan dan Litigasi pada 2010. Pada Februari 2014, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan Korporat dan seterusnya pada Julai 2017, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Siasatan. Beliau memulakan karier sebagai Pegawai Pendakwa Kanan di Suruhanjaya Sekuriti. Beliau mempunyai 13 tahun pengalaman dalam menjalankan pendakwaan jenayah berkaitan kes-kes jenayah kolar putih. Beliau berkelulusan LLB (Hons.) dari *University of Warwick*, United Kingdom pada tahun 1998 dan memperolehi Sijil Amalan Guaman (CLP) pada tahun 2000. Beliau juga merupakan *Certified Financial Investigators* (CFIs).



AMIR AHMAD

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Perkhidmatan Korporat)

Amir Ahmad dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) pada Jun 2022. Portfolio di bawah penyeliaan beliau adalah Bahagian Modal Insan, Bahagian Kewangan dan Akaun, Bahagian Pentadbiran dan Fasiliti, Bahagian Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan dan Seksyen Operasi Pejabat Negeri. Beliau memulakan kerjaya di SSM sebagai Pengarah di Bahagian Sumber Korporat selama 10 tahun bagi tahun 2004 sehingga 2014. Seterusnya, pada tahun 2014, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Akademi Latihan sehingga tahun 2019 dan kemudiannya, diikuti dengan pelantikan beliau sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran selama tiga (3) tahun bermula pada tahun 2019 sehingga 2022. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah terlibat dalam beberapa projek utama SSM seperti Program Transformasi SSM, projek Hala Tuju SSM, pembangunan sistem MyCoID dan PLT serta pelaksanaan pemakaian Akta Syarikat 2016 dan Akta Skim Kepentingan 2016. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa kerja XBRL (*eXtensible Business Reporting Language*) bagi benua Asia-Pasifik dan mengetuai pembangunan dan pelaksanaan XBRL di Malaysia. Di samping itu, beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat untuk pembangunan program *Certified Integrity Officer* (CeIO) yang dibangun dan dilaksanakan oleh SPRM bagi tempoh 2014 sehingga 2016.

Sebelum menyertai SSM, beliau pernah berkhidmat di Maybank dari tahun 1990 sehingga 1994 dan seterusnya di *UMW Corporation* selama sembilan (9) tahun dari 1995 sehingga 2003 sebagai Pengurus Kanan, Jabatan Sumber Manusia untuk Kumpulan UMW. Kemudian beliau berkhidmat di Eden Berhad sebagai Pengurus Besar, Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran dari tahun 2003 sehingga 2004. Beliau berkelulusan MBA dari *Western Michigan University*, Amerika Syarikat pada tahun 1989 dan BScs (Pengurusan Sumber Manusia) dari *Bowling Green State University*, Amerika Syarikat pada tahun 1987.



AZNORASHIQ MOHAMED ZIN

Pengarah
Bahagian Siasatan



MUHAMAD FARIS OTHMAN

Pengarah
Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan



MOHAMAD AWI IBRAHIM

Pengarah
Bahagian Pematuhan Korporat



ZARINA ABDUL SAMAD

Pengarah
Bahagian Kewangan & Akaun



FARID AHMAD

Pengarah
Bahagian Strategi & Komunikasi Korporat



SAMSIAH IBRAHIM

Pengarah
Bahagian Modal Insan



NORHAIZA JEMON

Pengarah
Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan



MOHAMMAD PERKASI

Pengarah
Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan



ADZMAN AHMAD

Pengarah
Bahagian Pentadbiran & Fasiliti



ZULKARNAIN ABD.WAHAB

Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi




FAIZAH MOHD SALLEH

Pengarah
Bahagian Pendakwaan & Litigasi



Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran

CARTA ORGANISASI



STATISTIK UTAMA TAHUN 2022



**KADAR
PEMATUHAN
2022**

93%



SYARIKAT

Tempatan
48,221

Asing
32

Jumlah Syarikat
Diperbadankan Tahun 2022

48,253

Jumlah Syarikat Diperbadankan
sehingga 31 Disember 2022

1,482,579



PERNIAGAAN*

Milikan Tunggal
290,706

Perkongsian
29,997

Jumlah Perniagaan
Didafarkan Tahun 2022

320,703

Jumlah Perniagaan Didafarkan
sehingga 31 Disember 2022

8,802,358



PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

Jumlah PLT
Didafarkan Tahun 2022

3,661

Jumlah PLT Didafarkan
sehingga 31 Disember 2022

33,915



INISIATIF PENGUATKUASAAN 2022

Pemeriksaan
ke atas syarikat

555,435

Pemeriksaan
ke atas perniagaan

701,460

Pemeriksaan
ke atas perkongsian
liabiliti terhad

11,224

Tindakan
pendakwaan yang
dibawa ke atas
syarikat

7,252

Tindakan
pendakwaan yang
dibawa ke atas
perniagaan

51


*Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tidak terpakai di Sabah dan Sarawak.

TREND PENDAFTARAN

2002-2022

SYARIKAT

Trend Pemerbadanan Syarikat Tempatan dan Asing dari tahun 2002 hingga 2022




PERNIAGAAN

Trend Pendaftaran Perniagaan Milikan Tunggal dan Perkongsian dari tahun 2002 hingga 2022



PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD


Trend Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad dari tahun 2013 hingga 2022*



* Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 telah dikuatkuasakan pada tahun 2013

KADAR PEMATUHAN

Kadar Pematuhan Bagi Tahun 2003 hingga 2022 (%)



SOROTAN PENCAPAIAN SSM 20 TAHUN (2002-2022)

2002

PENUBUHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

Tarikh 16 April 2002 tercatat satu kisah kejayaan dalam sejarah negara. Pada tarikh keramat itu, satu transformasi penting dalam ekosistem perniagaan negara telah berjaya dibentuk, dengan penubuhan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). SSM dibentuk dan ditubuhkan hasil daripada penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) yang ditubuhkan sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan.

2003

PROJEK SEMAKAN SEMULA UNDANG-UNDANG KORPORAT

Pada 1 Disember 2003, SSM yang diberi kuasa untuk mengawal selia dan melaksanakan Akta Syarikat 1965 telah mengambil inisiatif untuk menyemak semula peruntukan undang-undang korporat yang sedia ada di Malaysia di bawah Projek Semakan Semula Undang-undang Korporat.

2004

PROJEK MIGRASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PROJEK TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG LAIN

Sistem Syarikat dan Perniagaan untuk Pendaftaran Perniagaan (CBS ROB) yang baharu telah dilaksanakan serentak di seluruh negara pada 21 Jun 2004 setelah diuji di Labuan, Perak dan di Ibu Pejabat bagi menyelesaikan masalah awal. Ia merupakan kejayaan yang mengagumkan dan salah satu daripada komponen besar projek migrasi Teknologi Maklumat.

2005

SISTEM CBS-ROC

Penggunaan teknologi yang efisien turut menyumbang secara langsung terhadap peningkatan proses operasi dan perkhidmatan SSM. Sistem CBS-ROC telah berjaya dilancarkan di seluruh negara pada Julai 2005. Secara khususnya, pelaksanaan Sistem Syarikat dan Perniagaan (CBS) dan migrasi data daripada sistem kerangka utama yang lama telah disempurnakan (kerangka utama telah dimansuhkan manakala aplikasi dan infrastruktur CBS telah diselaraskan) pada tahun 2005.

2006

PENGENALAN E-PERKHIDMATAN

SSM telah membangunkan perkhidmatan elektronik dalam talian (*online electronic services*) untuk faedah pelanggan dan pada Julai 2006, SSM melancarkan fasa pertama, inisiatif ini dengan memperkenalkan perkhidmatan e-Info kepada orang awam yang boleh diakses menerusi laman web rasmi SSM iaitu di www.ssm.com.my atau www.ssm-einfo.com.my. Laman web ini membolehkan pencarian dan pemerolehan maklumat syarikat dan perniagaan dibuat pada waktu sebenar.

2007

PENUBUHAN AKADEMI LATIHAN SSM

Bahagian Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan atau singkatannya COMTRAC telah ditubuhkan pada 1 April 2007 dengan tujuan untuk menerajui program latihan dan kesedaran kepada pihak berkepentingan serta menyediakan latihan kepada warga kerja SSM. COMTRAC juga berperanan untuk melatih dan mendidik pemegang taruh dari sektor korporat dan perniagaan selari dengan fungsi SSM serta latihan dalam pelbagai aspek pengendalian perniagaan termasuk memahami undang-undang korporat dan perniagaan serta amalan terbaik dalam tadbir urus korporat.

2008

PELANCARAN SSM E-LODGEMENT DAN LAPORAN AKHIR JAWATANKUASA SEMAKAN SEMULA UNDANG-UNDANG KORPORAT

Perkhidmatan SSM e-Lodgement telah dilancarkan secara rasmi pada 22 Januari 2008 oleh YB Datuk Mohd Shafie bin Hj. Apdal, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Perkhidmatan e-Lodgement membolehkan tugas-tugas yang sebelum ini dilakukan secara manual, kini dilaksanakan melalui kepintaran komputer. Ini dapat mengurangkan masa yang diambil untuk melakukan pelbagai proses dalam mendaftarkan perniagaan, menubuhkan syarikat dan juga menyerah simpan dokumen-dokumen berkanun.

Corporate Law Reform Committee (CLRC) telah memuktamadkan semakan Akta Syarikat 1965 pada Jun 2008. Laporan Akhir CLRC mengandungi sejumlah 188 syor yang mencerminkan amalan perniagaan moden dengan tujuan memudahkan undang-undang dan prosedur serta operasi perniagaan di Malaysia sambil memastikan akauntabiliti dalam pengurusan korporat dan membuat keputusan. Laporan Akhir CLRC telah diserahkan kepada Ahli Suruhanjaya pada Julai 2008. CLRC telah membentangkan Laporan Akhir kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa Majlis Serah Terima Tugas yang diadakan pada 20 Oktober 2008.

2009

AGENDA TANGGUNGJAWAB KORPORAT SSM

SSM telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Agenda Tanggungjawab Korporat SSM pada Jun 2009. Agenda Tanggungjawab Korporat SSM telah dijadikan hala tuju SSM untuk menyemai budaya tanggungjawab korporat dalam kalangan komuniti perniagaan.

2010

PERASMIAN MENARA SSM@SENTRAL

Ibu Pejabat SSM yang baharu dikenali dengan Menara SSM@Sentral telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Perasmian Menara SSM@ Sentral pada 29 Julai 2010 merupakan satu lagi kejayaan besar bagi SSM. Bangunan moden 31 tingkat yang bertaraf antarabangsa ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan terkini, membolehkan SSM memberi perkhidmatan terbaik kepada orang awam.

2011

PELAKSANAAN GERBANG SISTEM MYCOLD

Bermula 6 Februari 2011, Gerbang Sistem *Malaysia Corporate Identity* (MyCOLD) yang dibangunkan sejak tahun 2010 telah digunakan untuk perkhidmatan pemerbadanan syarikat secara dalam talian. Sistem MyCOLD menawarkan perkhidmatan pendaftaran pengguna MyCOLD, fungsi carian, pemerbadanan syarikat, penyerahsimpanan borang selepas pemerbadanan dan pembayaran. Menerusi MyCOLD, semua data syarikat yang diperbadankan akan dihantar secara serentak kepada lima (5) agensi utama iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SMECorp).

2012

PAKEJ INSENTIF ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Insentif khas ini telah diumumkan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 23 Oktober 2012 sempena majlis perasmian program "Jalinan Kasih - SSM Bersama OKU" dengan tema "Kesedaran Keusahawanan Bersama Orang Kurang Upaya." Paket ini termasuk pendaftaran perniagaan baharu dan pembaharuan perniagaan secara percuma. Untuk menikmati paket ini, golongan OKU perlu memiliki kad pendaftaran OKU yang sah dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

2013

PENGENALAN ENTITI PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

Pada 21 Februari 2013, entiti PLT telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. PLT merupakan pilihan bentuk perniagaan baharu yang sesuai bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan juga golongan profesional dalam menjalankan perniagaan dengan pengurusan liabiliti dan aset peribadi yang lebih praktikal bagi usahawan. Wahana perniagaan baharu ini dapat membantu dalam mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia di samping mengekalkan kelebihan status liabiliti terhad sebuah syarikat sendirian berhad dengan fleksibiliti perkongsian konvensional dalam menguruskan perniagaan.

2014

SSM KE ARAH PENSIJILAN DAN PELAKSANAAN MS ISO 9001: 2008

SSM telah mengorak langkah ke arah pelaksanaan dan pensijilan MS ISO 9001:2008 yang berteraskan Dasar Kualiti SSM. SSM telah bekerjasama dengan pihak SIRIM Berhad bagi menyediakan dokumen pengurusan yang mengandungi Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan dokumen sokongan yang berkaitan seperti Pekeliling, Arahan, Peraturan dan panduan borang pendaftaran dan lain-lain dokumen. Justeru, pada 26 September 2014, SSM telah menerima pensijilan berprestij MS ISO 9001:2008 daripada pihak SIRIM Berhad bagi proses utama pendaftaran perniagaan di Ibu Pejabat SSM.

2015

PENGENALAN PERKHIDMATAN E-SEMAK

Perkhidmatan e-Semak telah diperkenalkan pada 7 Ogos 2015 bagi melindungi kepentingan orang awam daripada penipuan dan salah faham. Perkhidmatan percuma ini membolehkan orang ramai menentukan kesahihan mana-mana entiti perniagaan yang didaftarkan di SSM.

2016

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Akta Syarikat 2016 (AS 2016) dan Akta Skim Kepentingan 2016 (ASK 2016) yang baharu telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 4 April 2016 dan seterusnya oleh Dewan Negara pada 28 April 2016. Kedua-dua Akta tersebut telah menerima Perkenan Diraja pada 31 Ogos 2016 dan kemudian digazet pada 15 September 2016. AS 2016 telah menggantikan AS 1965 manakala skim kepentingan pula dikawal selia di bawah ASK 2016. Tujuan AS 2016 dan ASK 2016 digubal adalah bagi mewujudkan persekitaran korporat yang kondusif dan dinamik dalam menjalankan perniagaan agar setaraf dengan amalan korporat di peringkat global.

2017

PELANCARAN SSM BIZTRUST

Pelaksanaan projek SSM BizTrust merupakan salah satu projek utama bagi tahun 2017. SSM BizTrust telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 20 Julai 2017 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Kampus Kuantan, Pahang. Ianya diperkenalkan sejajar dengan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan tahap keyakinan pengguna terutamanya para peniaga dalam talian bagi merangsang pertumbuhan ekonomi serta perniagaan e-dagang di Malaysia.

2018

PELANCARAN MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM (MBRS)

MBRS adalah platform elektronik yang membolehkan syarikat menyerah simpan Penyata Tahunan, Penyata Kewangan dan sebarang pengecualian khusus berkaitan dengannya melalui sistem digital. Pelancaran MBRS telah diadakan pada 27 September 2018 di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral oleh YB Tuan Chong Chieng Jen, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

2019

SSM PERKENAL FORMAT BAHARU 12 DIGIT NOMBOR PENDAFTARAN ENTITI PERNIAGAAN

SSM telah memperkenalkan format baharu nombor pendaftaran bagi entiti perniagaan yang berdaftar bermula 11 Oktober 2019. Format baharu ini diperkenalkan bagi menggantikan nombor pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad sedia ada. Ini selaras dengan inisiatif kerajaan untuk menggunakan satu format pendaftaran tunggal bagi entiti perniagaan di Malaysia di bawah Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana 2012 hingga 2020.

2020

#JOMDAFTARSSM2020 DAN PENGIKTIRAFAN OLEH MALAYSIA BOOK OF RECORDS DAN PELANCARAN SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN (SPPP)

Pada 20 Februari 2020, SSM telah menganjurkan program khas yang dikenali sebagai #JOMDAFTARSSM2020. Program #JOMDAFTARSSM2020 ini telah berjaya mencatatkan sebanyak 2,705 pendaftaran perniagaan baharu yang merupakan pendaftaran tertinggi pernah dicatatkan oleh SSM dalam tempoh 1 hari. Rekod ini sekaligus melayakkan SSM mendapatkan pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* sebagai agensi pertama mencipta rekod pendaftaran perniagaan terbanyak di negara ini.

Manakala pada 23 Disember 2020, SSM telah melancarkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dengan memperluaskan tawaran di bawah Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) kepada golongan belia dan ibu tunggal untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tanpa dikenakan fi pendaftaran.

2021

PORTAL XCESS

SSM telah melancarkan Portal XCESS pada 2 September 2021 yang menawarkan maklumat PLT dan penglibatan peribadi secara dalam talian di pautan [ssm4u.com.my](https://www.ssm4u.com.my). Portal XCESS dibangunkan bertujuan untuk melengkapkan penawaran maklumat yang tidak ditawarkan melalui portal pembekalan maklumat korporat SSM sedia ada iaitu SSM e-Info dan MyDATA-SSM.

2022

PELANCARAN KOD QR SSM BIZTRUST

SSM telah merencanakan semula penawaran SSM BizTrust sedia ada melalui pengenalan Kod QR SSM BizTrust iaitu *business starter kit* yang berfungsi sebagai satu pengesahan dan pengenalan identiti digital kepada entiti-entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM. Di dalam usaha memperluaskan inisiatif ini, modul SSM BizTrust telah diperkenalkan ke atas entiti Perkongsian Liabiti Terhad (PLT) melalui platform MyLLP di portal SSM4U (<https://www.ssm4u.com.my/>) bermula pada 30 Disember 2022.

PIAGAM PELANGGAN **SSM**





20 TAHUN
TRANSFORMASI



LAPORAN PENGURUSAN
 PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN

PENYAMPAIAN **PERKHIDMATAN**

PIAGAM PELANGGAN

Sasaran bagi piagam pelanggan pada tahun 2022 adalah 99%. Pencapaian sebenar bagi tahun 2022 adalah sebanyak 100%. Pencapaian Piagam Pelanggan bagi perkhidmatan berkaitan syarikat adalah seperti berikut:

BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pemerbadanan Syarikat Baharu	1 Hari	100
Kelulusan Permohonan Nama	1 Hari	100
Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam	1 Hari	100
Perubahan Pertukaran Nama Syarikat	1 Hari	100
Pertukaran Status Syarikat	2 Hari	100
Pendaftaran Gadaian	2 Hari	100
Pendaftaran Prospektus	3 Hari	100

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Statistik pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

TRANSAKSI	2022	2021	2020
Permohonan Nama PLT	7,413	10,001	10,503
Pendaftaran PLT baharu	3,661	3,694	3,858
Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada PLT	74	82	86
Penukaran daripada syarikat persendirian kepada PLT	34	28	25
JUMLAH	11,182	13,805	14,472

Statistik serah simpan pasca pendaftaran PLT bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

TRANSAKSI	2022	2021	2020
Perakuan Tahunan	10,193	6,878	7,721
Perubahan maklumat PLT	5,551	4,796	4,443
Penukaran nama PLT	286	222	241
Rektifikasi	177	101	96
Permohonan lanjutan masa	41	65	40
JUMLAH	16,248	12,062	12,541

SISTEM MALAYSIA CORPORATE IDENTITY

Permohonan yang diterima melalui sistem *Malaysia Corporate Identity* (MyCoID) pada tahun 2022 adalah sebanyak 677,735 permohonan berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak 642,560 permohonan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 35,175 permohonan atau 5.47%. Pada tahun 2022, sebanyak 48,253 syarikat telah diperbadankan melalui sistem MyCoID yang menunjukkan peningkatan sebanyak 2,837 atau 6.25% berbanding 45,416 pada tahun 2021. Statistik transaksi melalui MyCoID pada tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

TRANSAKSI	2022	2021	2020
Permohonan nama syarikat	66,304	72,345	70,582
Pemerbadanan syarikat	48,253	45,416	43,998
Pelantikan Setiausaha Syarikat pertama	47,912	45,238	43,783
Penyata Perumpukan Syer	43,958	43,065	40,069
Daftar Anggota	135,677	126,156	122,894
Serah simpan Perlembagaan Syarikat serta e-stamping	7,144	6,582	6,746
Pemberitahuan perubahan dalam alamat berdaftar	58,314	55,256	57,923
Pemberitahuan perubahan dalam daftar Pengarah, Pengurus dan Setiausaha Syarikat	217,969	204,254	213,466
<i>Reassignment of Company Secretary</i>	30,803	27,636	27,455
Pernyataan butir-butir yang ditetapkan dengan gadaian	21,401	16,612	9,181
JUMLAH	677,735	642,560	636,097

MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM

Sepanjang tahun 2022 sejumlah 556,734 permohonan serah simpan Penyata Tahunan (PT), Penyata Kewangan (PK) dan Permohonan Pengecualian berkaitan PT dan PK telah diterima di bawah AS 2016. Berikut merupakan pecahan kepada serah simpan yang diterima melalui *Malaysian Business Reporting System* (MBRS) bagi tempoh 2020 hingga 2022:

PERKHIDMATAN	2022	2021	2020
Penyata Tahunan bagi syarikat yang mempunyai modal saham (seksyen 68 AS 2016)	502,041	392,703	478,090
Penyata Tahunan bagi syarikat yang tidak mempunyai modal saham (seksyen 68 AS 2016)	2,021	1,536	1,939
Penyata Tahunan bagi syarikat asing (seksyen 576 AS 2016)	642	445	438
Penyata Tahunan bagi tiada pertukaran maklumat (seksyen 68 AS 2016)	20,112	17,371	26,275
JUMLAH	524,816	412,055	506,742

PERKHIDMATAN	2022	2021	2020
Penyata Kewangan - Beraudit (seksyen 244 AS 2016)	5,663	5,262	4,660
Penyata Kewangan - Tidak Beraudit (seksyen 267(2) AS 2016)	1,467	1,106	903
<i>Certificate for Exempt Private Company (seksyen 260 AS 2016)</i>	12,083	10,763	12,352
JUMLAH	19,213	17,131	17,915

PERMOHONAN	2022	2021	2020
Permohonan pengecualian daripada penyatuan tahun kewangan anak syarikat asing dengan syarikat induk (seksyen 247(5) AS 2016)	54	16	55
Permohonan pengecualian dari serahan Penyata Kewangan dalam format XBRL (seksyen 604(2) AS 2016)	3	1	4
Permohonan pengecualian untuk menyerah Penyata Kewangan oleh syarikat asing (seksyen 575(7) AS 2016)	2	2	1
Permohonan pelepasan dari keperluan kandungan Laporan Pengarah (seksyen 255(1) AS 2016)	3	2	3
Permohonan pelepasan dari keperluan seperti pembentangan dan kandungan Penyata Kewangan (seksyen 255(1) AS 2016)	0	0	1
Permohonan lanjutan masa untuk edaran Penyata Kewangan (seksyen 259(2) AS 2016)	12,566	4,245	865
Permohonan lanjutan masa untuk serah simpan Penyata Kewangan (seksyen 259(2) AS 2016)	0	0	1
Permohonan lanjutan masa untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (seksyen 340(4) AS 2016)	76	96	35
Permohonan lanjutan masa serah simpan Penyata Tahunan (seksyen 609(2) AS 2016)	1	7	2
Permohonan kepada Menteri (berkaitan dengan Penyata Kewangan atau Penyata Tahunan (seksyen 247(8) AS 2016 seksyen 38E ASSM 2001)	0	0	0
JUMLAH	12,705	4,369	967

PERMOHONAN PENGURUSAN KORPORAT

Statistik Permohonan Pengurusan Korporat bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2022	2021	2020
Permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2), 340 dan 22(5)(b) AS 2016	8,631	5,833	2,729
Permohonan pengecualian beberapa keperluan dalam kandungan Penyata Kewangan Beraudit dan Laporan Pengarah di bawah seksyen 253(2) dan 255(1) AS 2016	74	14	40
Permohonan pengecualian tahun kewangan anak syarikat yang tidak sama dengan tahun kewangan syarikat induk di bawah seksyen 247(3) AS 2016	41	56	21
Permohonan pengecualian (waiver) bagi menyerah simpan akaun syarikat asing di Malaysia di bawah seksyen 575(7) AS 2016	18	13	17
Serah simpan tawaran awam initial, prospektus ringkas dan dokumen lain yang berkaitan	1,476	1,501	1,228
Obligasi pengarah perbadanan peminjam untuk serah simpan Laporan Suku Tahunan	45	51	60
JUMLAH	10,285	7,468	4,095

SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Statistik permohonan yang diterima untuk kelulusan Menteri bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2022	2021	2020
Permohonan pemerbadanan SBMJ tanpa perkataan 'Berhad' pada namanya	60	56	44
Permohonan menggugurkan perkataan 'Berhad' pada namanya	5	3	3
Permohonan memiliki/ mencagar/ menjual tanah	333	52	34
Permohonan pelantikan Pengarah baru	354	384	425
Permohonan mendapatkan sumbangan/ derma daripada orang ramai	24	19	11
Permohonan pindaan Perlembagaan SBMJ	52	65	62
Permohonan membenarkan pembayaran gaji dan elaun tetap kepada lembaga pengarah	8	8	2
Permohonan memegang milik penuh anak syarikat	3	2	5
JUMLAH	839	589	586

Statistik permohonan diterima yang memerlukan kelulusan Pendaftar bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2022	2021	2020
Permohonan bagi pemerbadanan SBMJ dengan perkataan 'Berhad'	46	47	27
Permohonan pelantikan Pengarah baharu	646	462	601
Permohonan mendapatkan sumbangan/ derma dari orang ramai	19	15	11
Permohonan pindaan Perlembagaan SBMJ	40	37	23
Permohonan membenarkan pembayaran gaji dan elaun tetap kepada lembaga Pengarah	8	17	4
Permohonan memegang milik penuh anak syarikat	3	2	1
JUMLAH	762	580	667

SKIM KEPENTINGAN

Kerangka Skim Kepentingan terbuka kepada semua sektor ekonomi untuk mencipta saluran pendapatan perniagaan alternatif atau pembentukan alternatif untuk membantu perjalanan operasi perniagaan dan pertumbuhan organik. Statistik pendaftaran Skim Kepentingan bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2022	2021	2020
Kelab Golf dan Rekreasi	72	72	72
Kelab Rekreasi melalui Saham	0 ¹	22	22
Kelab Rekreasi	36	36	36
Kongsimasa	29	29	29
Marina	10	10	10
Taman Memorial	25	23	22
Kongsitani	14	14	14
Peralatan	4	4	4
Hartanah	11	11	10
Hibrid	3	2	0
JUMLAH	204	223	219

¹ Bermula tahun 2022, rekod statistik bagi 22 kelab rekreasi melalui saham dikeluarkan daripada statistik pendaftaran Skim Kepentingan kerana ianya bukan merupakan Skim Kepentingan di bawah Akta Skim Kepentingan 2016, berdasarkan keputusan Mahkamah Rayuan SAUJANA RESORT (M) BHD v CHIN CHEN FOH & ORS APPEAL [2021] 3 CLJ 71 yang mengenepikan keputusan Mahkamah Tinggi CHIN CHEEN FOH & ORS v SAUJANA RESORT (M) BHD [2018] 1 LNS 1421. Keahlian kelab ini sebaliknya diberi berdasarkan pegangan saham yang dikawal selia di bawah Akta Syarikat 2016.

Statistik serah simpan dokumen berkanun untuk Skim Kepentingan bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti jadual di bawah:

PERMOHONAN	2022	2021	2020
Permohonan pendaftaran Skim Kepentingan baharu	5	5	2
Permohonan pendaftaran prospektus pertama Skim Kepentingan	5	5	2
Permohonan kelulusan pemegang amanah Skim Kepentingan	5	5	2
Permohonan pendaftaran surat ikatan amanah Skim Kepentingan	5	5	2
Permohonan kepada Menteri untuk pengecualian di bawah seksyen 73(1) ASK 2016	5	5	2
Permohonan pendaftaran prospektus	119	114	82
Permohonan pendaftaran prospektus tambahan Skim Kepentingan	15	6	9
Serah simpan penyata tahunan Skim Kepentingan	109	116	94
Serah simpan iklan Skim Kepentingan	88	82	34
Permohonan relif: pelepasan daripada kehendak berhubung bentuk dan kandungan prospektus/ penyataan penzahiran produk bagi Skim Kepentingan	3	2	0
Permohonan pengecualian kelulusan pemegang kepentingan Skim Kepentingan di bawah seksyen 21(3) ASK 2016	22	20	7
Notis pertukaran Ketua Pegawai Eksekutif Skim Kepentingan	3	0	2
Notis penggulungan Skim Kepentingan	4	5	1
JUMLAH	388	370	239

Penamatan Skim Kepentingan Berdaftar

Penamatan atau penggulungan Skim Kepentingan boleh berpunca dari pelbagai sebab seperti skim telah mencapai matlamat atau tidak berjaya mencapai matlamat skim atau penamatan awal yang merupakan strategi keluar yang lebih sesuai dengan memberi lebih manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat.

SSM telah mengambil pendekatan proaktif untuk mengawal selia penamatan atau penggulungan skim secara teratur. SSM memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat pengurusan atau pemegang amanah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya agar penamatan atau penggulungan skim berkenaan mematuhi peruntukan undang-undang menurut ASK 2016. Statistik penamatan atau penggulungan Skim Kepentingan bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti jadual berikut:

STATUS	2022	2021	2020
Jumlah skim ditamatkan atau digulungkan sehingga 2022: 70 skim.			
Jumlah skim ditamatkan atau digulungkan semenjak skim pertama didaftarkan pada 1993 sehingga 2022 adalah termasuk rekod yang dikemas kini berdasarkan hasil pemantauan, semakan dan pemeriksaan pejabat penguatkuasaan adalah seperti berikut:	4	5	1

GADAIAN

Jumlah pendaftaran gadaian bagi tahun 2022 (serahan borang melalui kaunter dan dalam talian melalui sistem MyCoID) adalah sebanyak 28,663. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 61.45% berbanding dengan jumlah pendaftaran gadaian pada tahun 2021 (17,615).

Jumlah pendaftaran pelepasan gadaian bagi tahun 2022 adalah sebanyak 20,859. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 49% berbanding dengan jumlah pendaftaran pelepasan gadaian pada tahun 2021 (10,258). Statistik pendaftaran gadaian dan pendaftaran pelepasan gadaian melibatkan jumlah sijil yang dikeluarkan kepada syarikat bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

TRANSAKSI	2022	2021	2020
Pendaftaran Gadaian	28,663	17,615	21,139
Pendaftaran Pelepasan Gadaian	20,859	10,258	17,001
JUMLAH	49,522	27,873	38,140

PENGGULUNGAN SYARIKAT

Tahun 2022 merekodkan sejumlah 2,914 syarikat telah digulungkan berbanding dengan 2,112 syarikat pada 2021. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 28%. Manakala jumlah syarikat yang dibubarkan pada tahun 2022 adalah 2,477 berbanding dengan 1,634 syarikat pada 2021. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 34%. Statistik ini adalah berdasarkan jumlah dokumen yang diserah simpan kepada Pendaftar.

KATEGORI	2022	2021	2020
Syarikat yang digulungkan	2,914	2,112	2,834
Syarikat yang dibubarkan	2,477	1,634	1,483
JUMLAH	5,391	3,746	4,317

PEMBUBARAN SYARIKAT

Bilangan syarikat yang dibubarkan melalui proses pemotongan nama syarikat mencatatkan kenaikan daripada 30,464 pada 2021 kepada 54,529 pada 2022 iaitu sebanyak 79%. Daripada jumlah ini, sebanyak 23,670 syarikat telah dibubarkan melalui permohonan pemotongan nama syarikat manakala 30,859 adalah melalui Inisiatif Pendaftar di bawah seksyen 68(8) AS 2016.

KATEGORI	2022	2021	2020
Syarikat yang dibubarkan	54,529	30,464	57,365

PENGURUSAN ASET SYARIKAT BUBAR

Pada tahun 2022, jumlah permohonan Pengurusan Aset Syarikat Bubar yang merangkumi permohonan di bawah seksyen 556, 557 dan 558 AS 2016 mencatatkan kenaikan daripada 286 permohonan pada tahun 2021 kepada 487 permohonan pada tahun 2022 iaitu kenaikan sebanyak 70.27%.

Seksyen 556 AS 2016

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, permohonan kepada Pendaftar untuk bertindak sebagai wakil syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016 mencatatkan peningkatan sebanyak 94.59% iaitu daripada 37 permohonan pada tahun 2021 kepada 72 permohonan pada tahun 2022.

Seksyen 557 AS 2016

Permohonan untuk perletakhkan statutori aset (wang tunai) kepada Pendaftar di bawah seksyen 557 AS 2016 pula telah mencatatkan kenaikan sebanyak 67.88% iaitu daripada 246 permohonan pada tahun 2021 kepada 413 permohonan pada tahun 2022.

Seksyen 558 AS 2016

SSM juga telah menerima dua (2) permohonan untuk pembelian aset yang terletakhak pada Pendaftar menurut seksyen 558 AS 2016 sepanjang tahun 2022 berbanding tiga (3) permohonan pada tahun 2021 dengan mencatatkan penurunan sebanyak 33.33%.

Pengurusan Aset Syarikat Bubar

Statistik permohonan pengurusan aset syarikat bubar yang diterima bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2022	2021	2020
Permohonan untuk Pendaftar mewakili syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016	72	37	52
Peletakhkan aset untuk Pendaftar di bawah seksyen 557 AS 2016	413	246	167
Permohonan pembelian aset syarikat bubar di bawah seksyen 558 AS 2016	2	3	6
JUMLAH		487	286
			225

MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT

Sekjak Mekanisme Penyelamat Korporat dikuatkuasakan sehingga Disember 2022, sebanyak lapan (8) permohonan telah difaiklan di Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah Perkiraan Sukarela Korporat (CVA). Daripada jumlah itu, satu (1) permohonan telah dibuat pada tahun 2020 dan 2022, manakala dua (2) permohonan adalah bagi tahun 2021. Daripada kesemua permohonan yang telah dimohon, semua cadangan penstrukturran hutang telah diluluskan oleh pembiutang dan pemegang saham syarikat.

Pada tahun 2022, 41 permohonan telah difaiklan ke Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah Pengurusan Kehakiman (JM) dan 11 buah syarikat telah mendapat Perintah JM daripada Mahkamah pada tahun tersebut. Sementara itu, 11 buah syarikat juga telah dilepaskan daripada Perintah JM.

Pengurusan Kehakiman

Statistik permohonan yang diterima bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2022	2021	2020
Permohonan Pengurusan Kehakiman di Mahkamah	41	28	35
Perintah Pengurusan Kehakiman diberikan (<i>Application Granted</i>)	11	17	15
Perintah Pengurusan Kehakiman dilepaskan (<i>Discharged Order</i>)	11	6	3
JUMLAH	63	51	53

Perkiraan Sukarela Korporat

Berikut ialah statistik permohonan yang diterima bagi tahun 2020 hingga 2022:

PERMOHONAN	2022	2021	2020
Permohonan Perkiraan Sukarela Korporat	1	2	1
Cadangan Penstrukturran diluluskan oleh Pembiutang dan Pemegang Saham	1	2	1
Cadangan Penstrukturran tidak diluluskan oleh Pembiutang dan Pemegang Saham	0	0	0
JUMLAH	2	4	2

KAUNTER PERKHIDMATAN PENDAFTARAN SYARIKAT

Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Syarikat merupakan tempat tumpuan utama untuk membuat serah simpan dokumen berkanun syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat.

TRANSAKSI	2022	2021	2020
Dokumen dengan bayaran	339,947	618,125	259,344
Dokumen tanpa bayaran	88,734	98,746	115,840
JUMLAH	428,681	716,871	375,184

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN (Perkhidmatan Kaunter)

Pencapaian piagam pelanggan perniagaan bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 Jam	96.81
Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan (Borang A1)	15 Minit	99.42
Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B)	1 Jam	94.38
Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C)	15 Minit	91.38

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN (EzBiz Online)

Pencapaian piagam pelanggan perniagaan bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 hari bekerja	80.00
Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan (Borang A1)	Auto approve	100.00
Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B)	1 hari bekerja	88.00
Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C)	1 hari bekerja	97.00

PERKHIDMATAN EZBIZ ONLINE

Pada tahun 2022, beberapa penambahan terhadap sistem EzBiz Online telah membolehkan 95% transaksi pendaftaran perniagaan dapat dilaksanakan secara dalam talian. Statistik transaksi EzBiz Online bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:

TRANSAKSI	2022	2021
Pendaftaran Akaun Pengguna	330,123	442,044
Pendaftaran Perniagaan Baharu	318,850	383,581
Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan	184,746	172,413
Pendaftaran Penamatan Perniagaan	27,977	20,118
Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan	536,206	526,571
JUMLAH	1,397,902	1,544,727

KAUNTER PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Statistik transaksi pendaftaran perniagaan melalui kaunter SSM bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

TAHUN	2022	2021	2020
TRANSAKSI	5,016	6,542	157,344

SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN

Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) diperkenalkan dengan tujuan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan dalam golongan usahawan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk menceburi bidang perniagaan, menjana pulangan pendapatan tambahan yang dapat menampung kehidupan seharian mereka seterusnya merancakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan di negara ini. Jumlah pendaftaran SPPP pada tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:

KATEGORI	2022	2021
Usahawan (Kumpulan B40)	8,237	17,908
Pelajar IPT Sepenuh Masa	16,310	8,394
JUMLAH	24,547	26,302

SKIM 1 OKU 1 PERNIAGAAN

Permohonan pendaftaran perniagaan oleh OKU kini dihadkan kepada satu perniagaan sahaja kepada setiap OKU dan pembaharuan setiap tahun bagi perniagaan yang telah didaftarkan sahaja. Konsep ini bertujuan untuk menyekat aktiviti tidak bermoral oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan ke atas golongan istimewa ini. Statistik pendaftaran Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang diterima bagi tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN	2022	2021	2020
Pendaftaran Baharu	1,460	1,752	2,128
Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan	2,889	2,870	2,550
JUMLAH	4,349	4,622	4,678

KAUNTER PERKHIDMATAN SSM DI KPDNHEP PUTRAJAYA

Statistik transaksi yang diterima di kaunter perkhidmatan SSM di KPDNHEP Putrajaya bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

TAHUN	2022	2021	2020
TRANSAKSI	236	546	23,987

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) – KUALA LUMPUR DAN PERLIS

Pada tahun 2022, SSM meneruskan perkhidmatannya di dua (2) pejabat UTC iaitu di UTC Kuala Lumpur dan UTC Perlis. Statistik transaksi yang diterima di UTC Kuala Lumpur dan Perlis bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

UTC	2022		2021		2020	
	SYARIKAT	PERNIAGAAN	SYARIKAT	PERNIAGAAN	SYARIKAT	PERNIAGAAN
Kuala Lumpur	–	360	–	780	–	80,804
Perlis	1,060	165	940	118	696	21,495

PERKHIDMATAN EZBIZ KIOSK

EzBiz Kiosk menawarkan perkhidmatan pembaharuan pendaftaran perniagaan, pembekalan maklumat perniagaan dan pembayaran kompaun. Sebanyak 29 unit kiosk telah ditempatkan di semua pejabat negeri di Semenanjung Malaysia. Statistik transaksi yang diterima di EzBiz Kiosk bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

TRANSAKSI	2022	2021	2020
Pembayaran Kompaun	71,087	279	45,306
Pembaharuan Perniagaan	143,830	130,822	216,844
Pembekalan Maklumat Perniagaan	134,172	119,360	187,165
JUMLAH	349,089	250,461	449,315

PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT SECARA DALAM TALIAN KEPADA KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN (KJAKP)

Pakej-pakej yang ditawarkan melalui KJAKP Access Portal adalah seperti berikut:

PAKEJ	KETERANGAN
PAKEJ 1	- Profil syarikat TANPA maklumat Gadaian dan Penyata Kewangan
PAKEJ 2	- Profil syarikat DENGAN maklumat Gadaian dan Penyata Kewangan
PAKEJ 3	- Profil lengkap syarikat dan imej dokumen TANPA pengesahan - Digunakan untuk tujuan siasatan dan mahkamah SAHAJA
PAKEJ 'ONE OFF'	- Profil lengkap syarikat TANPA maklumat Gadaian dan Penyata Kewangan - Tempoh sah laku akses adalah selama lima (5) hari dan carian maklumat korporat maksimum terhad kepada 50 carian sahaja

Jumlah agensi (KJAKP) yang berdaftar sebagai pengguna di KJAKP Access Portal adalah seperti berikut:

TAHUN	AGENSI
2022	293
2021	206
2020	226

Jumlah pengguna berdasarkan jenis pakej yang diperkenalkan adalah seperti berikut:

TAHUN	PAKEJ 1	PAKEJ 2	PAKEJ 3	JUMLAH
2022	31	121	262	414
2021	30	85	153	268
2020	36	77	184	297

Statistik penggunaan KJAKP Access Portal mengikut jenis pakej:

TAHUN	PAKEJ 1	PAKEJ 2	PAKEJ 3	JUMLAH
2022	47,039	172,595	438,955	658,589
2021	27,146	157,610	258,842	443,598
2020	26,675	41,094	229,796	297,565

PUSAT PANGGILAN SSM

Sejumlah 359,800 transaksi pertanyaan pelanggan telah diterima melalui dua (2) platform utama SSM iaitu panggilan telefon dan e-mel pada tahun 2022. Peratusan keseluruhan transaksi pertanyaan pelanggan diterima oleh SSM menunjukkan penurunan sebanyak 26% bagi tahun 2022.

Jumlah panggilan telefon yang diterima sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak 224,729 berbanding 290,515 pada tahun 2021. Manakala jumlah e-mel yang diterima pada tahun 2022 adalah sebanyak 135,071 berbanding tahun sebelumnya iaitu 193,500. Kedua-duanya mencatatkan penurunan masing-masing iaitu 23% bagi panggilan telefon dan e-mel 30%. Statistik transaksi panggilan telefon dan e-mel yang diterima bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

TAHUN	PANGGILAN TELEFON	E-MEL	JUMLAH
2022	224,729	135,071	359,800
2021	290,515	193,500	484,015
2020	310,648	128,087	438,735

Lima (5) pertanyaan tertinggi yang diterima oleh Pusat Panggilan SSM:

- Pertanyaan berkaitan permohonan pendaftaran perniagaan/ perubahan/ pembaharuan perniagaan melalui sistem EzBiz Online;
- Pertanyaan berkaitan User Activation bagi perkhidmatan EzBiz Online;
- Pertanyaan berkaitan status serah simpan dokumen berkanun syarikat;
- Pertanyaan berkaitan User Registration bagi MyCoID; dan
- Pertanyaan berkaitan garis panduan, produk dan profil syarikat.

DATA MAKLUMAT KORPORAT DAN PERNIAGAAN (CBID)

Jumlah permohonan yang diterima dari tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti di bawah:

TAHUN	2022	2021	2020
PERMOHONAN	178	137	170

SSM BIZTRUST

SSM sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penyediaan persekitaran perniagaan yang lestari bersesuaian dengan Teras Strategik Ke-4 iaitu Menyediakan Persekitaran Perniagaan Yang Dipercayai. Justeru, sebagai peneraju utama ke arah meningkatkan

tadbir urus korporat yang baik, SSM turut melaksanakan fungsinya bagi memastikan pematuhan kepada peraturan pendaftaran perniagaan dan korporat melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan di bawah Akta-Akta yang ditadbir oleh SSM.



21 Julai-Produk SSM BizTrust diperkenalkan. Daftar melalui Portal SSM BizTrust <https://biztrust.ssm.com.my/>

2017



Kod QR SSM BizTrust boleh dimuat turun melalui portal MyLLP Go Live pada 30 Disember 2022 <https://www.ssm4u.com.my/>

2022



31 Mac-Penjenamaan semula produk SSM BizTrust. Hanya untuk entiti ROB melalui portal EzBiz Online <https://ezbiz.ssm.com.my/>

2021

Moving Forward
Entiti ROC, PLT dan ROB boleh memuat turun Kod QR SSM BizTrust melalui platform **Corporate Registry System (CRS)**

2024

SSM mengambil inisiatif dalam membangun serta memperkenalkan produk SSM BizTrust yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan dalam talian yang berhemah di samping membantu merapatkan jurang kepercayaan di antara peniaga dan pembeli secara dalam talian. Walaupun penggunaan SSM BizTrust adalah tidak diwajibkan ke atas entiti perniagaan dalam talian yang berdaftar dengan SSM, ianya boleh diklasifikasikan sebagai satu nilai tambah kepada entiti perniagaan yang mengambil inisiatif memperolehi serta memaparkan SSM BizTrust pada platform perniagaan dalam talian.

Sebagai tambahan, SSM turut merencanakan semula penawaran SSM BizTrust sedia ada melalui pengenalan Kod QR SSM BizTrust iaitu *business starter kit* yang berfungsi sebagai satu pengesahan dan pengenalan identiti digital kepada entiti-entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM. Di dalam usaha memperluaskan inisiatif ini,

modul SSM BizTrust telah diperkenalkan ke atas entiti Perkongsian Liabiti Terhad (PLT) melalui platform MyLLP di portal SSM4U (<https://www.ssm4u.com.my/>) bermula pada 30 Disember 2022.

Usaha ini adalah sebagai kesinambungan bagi pelaksanaan Kod QR SSM BizTrust di dalam usaha untuk memperkasakan pematuhan ke atas setiap entiti-entiti perniagaan yang berdaftar di bawah peruntukan Akta-Akta yang ditadbir oleh SSM. Terdahulu, Kod QR SSM BizTrust ini boleh dicapai secara percuma melalui portal EzBiz Online (<https://ezbiz.ssm.com.my/>) oleh semua perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah APP 1956.

Jumlah pendaftaran SSM BizTrust sejak diperkenalkan pada tahun 2017 sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak 1,690,302 entiti perniagaan dengan pecahan seperti berikut:

TAHAP	PENDAFTARAN
L1 - Pendaftaran ¹	726
L1 (Auto - SSM EzBiz Online) (Pendaftaran Perniagaan - Pemilikan Tunggal)	1,428,540
L1 (Auto - SSM EzBiz Online) (Pendaftaran Perniagaan - Perkongsian)	229,406
L1 (Auto - MyLLP) (Pendaftaran - PLT)	31,387
L2 - Tahap 1 + Prinsip Privasi ² atau Prinsip Keselamatan ³	36
L3 - Tahap 1 + Prinsip Privasi ² dan Prinsip Keselamatan ³	207
JUMLAH	1,690,302

Nota:

¹ Entiti berdaftar dan mempunyai kredibiliti yang baik dengan SSM serta mematuhi amalan perniagaan selari dengan Prinsip Pendaftaran SSM BizTrust.

² Entiti memberi jaminan serta komitmen bahawa sistem/ portal mampu melindungi privasi para pelanggan selari dengan Prinsip Privasi SSM BizTrust.

³ Entiti memberi jaminan serta komit untuk melindungi keselamatan sistem/ portal selari dengan ketetapan Prinsip Keselamatan SSM BizTrust.

KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN

Jumlah enkui yang diterima bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

TAHUN	2022	2021	2020
ENKUIRI	422	173	141

KAUNTER BERGERAK PENDAFTARAN PERNIAGAAN

SSM telah menjalankan aktiviti Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) melalui sesi taklimat serta hebahan bagi mempromosi serta memperkenalkan produk dan perkhidmatan SSM. Aktiviti yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- (a) Pengaktifan ID Pengguna EzBiz *Online*;
- (b) Mempromosikan Produk dan Perkhidmatan SSM termasuk perkhidmatan Bas EzBiz.*On.The Go* dan SSM Zoomers;
- (c) Kaunter Khidmat Nasihat Perniagaan; dan
- (d) Taklimat Pendaftaran Perniagaan.

Sehingga 31 Disember 2022, SSM telah menyertai sebanyak 122 program anjuran SSM sendiri serta jemputan penganjur dan organisasi luar. Aktiviti KBPP termasuk taklimat di dalam usaha memberikan pendedahan tentang kepentingan pendaftaran perniagaan telah membantu sejumlah 32,346 usahawan untuk mendaftarkan perniagaan.

PERKHIDMATAN SSM e-INFO

Jumlah transaksi yang diterima dari tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti berikut:

TAHUN	2022	2021	2020
TRANSAKSI	2,136,694	2,065,207	2,164,924

PERKHIDMATAN MyDATA-SSM

Jumlah transaksi yang diterima bagi tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti di bawah:

TAHUN	2022	2021	2020
TRANSAKSI	2,909,293	2,950,481	2,132,904

EZBIZ ON.THE.GO

SSM telah memperkenalkan perkhidmatan Bas Bergerak atau EzBiz On.The.Go dalam mempergiat serta mempelbagaikan aktiviti hebatan produk serta perkhidmatan yang disediakan SSM. Antara perkhidmatan disediakan adalah seperti kaunter pengaktifan ID EzBiz, promosi produk dan perkhidmatan SSM serta khidmat nasihat perniagaan kepada komuniti perniagaan. Pengenalan EzBiz On.The.Go ini secara tidak langsung

membantu orang awam terutama di kawasan luar bandar untuk mendapatkan perkhidmatan serta informasi terkin berkenaan produk-produk yang ditawarkan oleh SSM.

Pada tahun 2022, SSM telah menyertai 14 program jelajah menggunakan perkhidmatan EzBiz On.The.Go dan telah membantu lebih 594 usahawan mendaftarkan perniagaan di seluruh Semenanjung Malaysia.

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
KBPP dan Taklimat Skim Pendaftaran Perniagaan-Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Sungai Buloh	2 Mac 2022	60
KBPP Pasar Pagi Taman Midah - SSM	15 Mac 2022	30
Mega Walkabout YB. Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)-SSM	8 April 2022	10
Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) - Persatuan Pengusaha Taska dan Tadika Putrajaya	14 Jun 2022	32
Program Jelajah Franchise Peringkat Negeri Pahang, <i>Kuantan City Mall</i>	15 - 17 Julai 2022	35
Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (Kelantan) - Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)	21 - 25 Julai 2022	54
MAHA 2022 - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)	4 - 14 Ogos 2022	88
Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (REDI) Peringkat Kebangsaan 2022 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	26 - 28 Ogos 2022	38
Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (Kedah) - Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)	2 - 4 September 2022	37
Ekspo Perda 2022 Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang - Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	8 - 11 September 2022	53
Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (Melaka) - Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)	14 - 16 Oktober 2022	37
Majlis Perasmian <i>World Stroke Day 2022 Community Based Rehabilitation</i> (CBR), Batu Kikir	22 - 24 Oktober 2022	27
Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (Pahang) - Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)	28 - 30 Oktober 2022	48
Kaunter Pendaftaran Perniagaan - Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Sungai Buloh	6 Disember 2022	45
JUMLAH		594

DOKUMEN SSM DIGITAL CERTIFIED TRUE COPY

Statistik pembelian dokumen *Digital Certified True Copy* (DCTC) adalah seperti berikut:

TAHUN	e-Info	MyDATA
2022	141,128	550,674
2021	138,242	466,030
2020	90,923	387,389

PERAKUAN KEPUTUHAN SYARIKAT

Jumlah transaksi bagi penjualan *Attestation of Company Good Standing* (ACGS) di Portal SSM e-Info dan Portal MyDATA-SSM bagi tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	e-Info	MyDATA
2022	1,434	714
2021	1,532	103
2020	1,756	–

TAKLIMAT SKIM PENDAFTARAN PERNIAGAAN PRIHATIN

Sejajar dengan pengenalan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) pada Disember 2020 dalam merancakkan ekonomi negara, SSM telah mempergiat hebatan berkaitan SPPP melalui program taklimat secara bersemuka dan melalui dalam topik berkaitan pendaftaran perniagaan di bawah APP 1956. Sehingga 31 Disember 2022, SSM telah menyertai 41 program luaran yang telah dihadiri seramai 3,881 peserta. Program-program ini adalah penting dalam memberi pendedahan kepada peserta dalam proses pendaftaran perniagaan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan dan ekonomi.

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Taklimat Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin Bersama <i>Human Resources Development Corporation (HRD Corp.)/ Jana'prenuer</i>	13 Januari 2022	71
Taklimat Skim Pendaftaran Perniagaan - Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM	12 Februari 2022	10
Taklimat Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)	16 Februari 2022	40
Taklimat Virtual SSM Kepada Veteran ATM (PERHEBAT Pahang) - Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	17 Februari 2022	286
Taklimat Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin Bersama <i>Human Resources Development Corporation (HRD Corp.)/ Jana'prenuer</i>	25 Februari 2022	30
Taklimat Prosedur Pendaftaran Perniagaan (Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin)- Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	17 Mac 2022	30
<i>Briefing Session On Company Registration To The Participants Of Seed Lab</i>	18 Mac 2022	10
<i>How to Register @Renew SSM Through EzBiz Online Universiti Kuala Lumpur (UniKL)</i>	23 Mac 2022	240
Taklimat Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) SSM dan Kordinator/ LIC - ENT530 UiTM	11 April 2022	50
Taklimat Virtual Prosedur Pendaftaran Perniagaan dan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin oleh SSM Kepada Veteran ATM (PERHEBAT) - Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)	18 Mei 2022	57
Taklimat Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) ENT530 - UiTM Cawangan Kedah	20 Mei 2022	551
Taklimat Pendaftaran Perniagaan Sempena Hari Bersama SSM dan UiTM - UiTM Puncak Alam	26 Mei 2022	250
Taklimat Pendaftaran Perniagaan melalui EzBiz Online-Bahagian Siasatan SSM	31 Mei 2022	30
Taklimat Produk dan Perkhidmatan SSM #iniprodukkita Bil.1/ 2022 - SSM	1 Jun 2022	5
Taklimat Produk dan Perkhidmatan SSM #iniprodukkita Bil.2/ 2022 - SSM	3 Jun 2022	5
Taklimat Produk dan Perkhidmatan SSM #iniprodukkita Bil.3/ 2022 - SSM	8 Jun 2022	5
Taklimat Produk dan Perkhidmatan SSM #iniprodukkita Bil.4/ 2022 - SSM	10 Jun 2022	5
Taklimat Produk dan Perkhidmatan SSM #iniprodukkita Bil.5/ 2022 - SSM	15 Jun 2022	5

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Taklimat Pendaftaran Perniagaan melalui EzBiz Online - Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS	21 Jun 2022	25
Taklimat Pendaftaran Perniagaan - Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE@PEMERKASA)	24 Jun 2022	200
Taklimat Pendaftaran Perniagaan Minggu Usahawan Negara (MUN) Tahun 2022 - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	24 Jun 2022	20
Taklimat Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Majlis AIDS Malaysia	30 Jun 2022	40
Taklimat Pendaftaran Perniagaan SSM - <i>Young Women's Christian Association</i> Kuala Lumpur	2 Julai 2022	27
Keperluan Mendaftarkan Perniagaan dan Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE@PEMERKASA)	7 Julai 2022	200
Taklimat Pendaftaran Perniagaan - Program Jelajah Usahawan Digital Selangor 2022 Siri 3	16 Julai 2022	40
Prosedur Pendaftaran Perniagaan (Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin) - GIATMARA Ampang Jaya	19 Julai 2022	40
Prosedur Pendaftaran Perniagaan (Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin) - Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihian (PLPP), Bangi	28 Julai 2022	40
Taklimat Pendaftaran Perniagaan - GIATMARA	2 Ogos 2022	270
Taklimat Pendaftaran Perniagaan - GIATMARA Gombak	3 Ogos 2022	10
Taklimat Pendaftaran Perniagaan - Kraftangan Malaysia	17 Ogos 2022	100
Program Kursus Asas Keusahawanan (KAK) - Kolaborasi INSKEN - MAIWP	18 Ogos 2022	50
Taklimat Pendaftaran Perniagaan - Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (Selangor) - Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)	21 Ogos 2022	30
Program Latihan Asas Keusahawanan (KAK) - Kolaborasi INSKEN - MAIWP	13 September 2022	60
Taklimat Pendaftaran Perniagaan - GIATMARA Kepong	11 Oktober 2022	30
Taklimat Prosedur Pendaftaran Perniagaan (Program IDEAKITA) - <i>Malaysia Digital Economy Corporation</i> (MDEC)	13 Oktober 2022	63
Taklimat Bengkel Keusahawanan Digital Bagi Orang Kurang Upaya - Institut Sosial Malaysia	20 Oktober 2022	50
Taklimat SSM di Karnival Keusahawanan - Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	21 Oktober 2022	203
Taklimat Prosedur Pendaftaran Perniagaan (Program IDEAKITA) - <i>Malaysia Digital Economy Corporation</i> (MDEC)	27 Oktober 2022	250

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
Taklimat Prosedur Pendaftaran Perniagaan - <i>The Innolab, EDC, Faculty Computer & Information MMU University Cyberjaya</i>	28 Oktober 2022	60
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Program PENJANA KPT - CAP PUNB	9 November 2022	250
Taklimat kepada Pelajar Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi	16 November 2022	28
<i>Registration of Businesses Under ROBA 1956</i> - Universiti Malaya	16 Disember 2022	120
JUMLAH		3,881

PORTAL XCESS SEBAGAI PORTAL PENJUALAN MAKLUMAT KORPORAT BAGI PLT DAN PENGLIBATAN PERIBADI

Portal XCESS yang boleh diakses menerusi portal SSM4U merupakan platform yang disediakan oleh SSM untuk penjualan maklumat korporat bagi PLT dan pembelian maklumat Penglibatan Peribadi dalam syarikat, perniagaan dan PLT. Sejak diperkenalkan pada 2 September 2021, jumlah permohonan yang diterima melalui portal XCESS adalah seperti berikut:

TAHUN	2022	2021
PERMOHONAN	58,931	5,670

SSM DIGITAL CERTIFIED TRUE COPY READER/ WEB CHECKER

SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader merupakan perkhidmatan yang digunakan bagi tujuan semakan kesahihan dokumen SSM DCTC menggunakan aplikasi mobil yang boleh dimuat turun melalui *Google Play Store* dan *Apple App Store*. Manakala semakan ke atas kesahihan nombor siri dokumen SSM DCTC melalui SSM Web Checker iaitu satu perkhidmatan yang boleh dicapai melalui laman sesawang SSM4U (www.ssm4u.com.my).

COMPANY LISTING

Company Listing merupakan maklumat syarikat yang diekstrak mengikut kriteria - kriteria yang telah disuai padan berdasarkan kehendak pelanggan dan dibekalkan secara pukal (*bulk*) dalam bentuk *Excel*. *Company Listing* boleh diperolehi secara dalam talian di portal Penyedia Perkhidmatan SSM (SSM e-Info dan MyDATA-SSM) dan pelanggan boleh membuat pilihan pembelian *Company Listing* berdasarkan pakej yang telah disediakan iaitu:

- Company Listing Package A** - Memaparkan maklumat senarai syarikat yang mengandungi maklumat asas syarikat, alamat berdaftar syarikat, alamat perniagaan syarikat dan kod perniagaan syarikat;
- Company Listing Package B** - Memaparkan maklumat senarai syarikat yang mengandungi maklumat asas syarikat, pengarah/ pegawai syarikat, pemegang saham syarikat dan modal syer syarikat;
- Company Listing Package C** - Memaparkan maklumat senarai syarikat yang mengandungi maklumat asas syarikat dan maklumat penyata kewangan syarikat; dan
- Company Listing Package D** - Memaparkan maklumat senarai syarikat yang mengandungi maklumat asas syarikat dan maklumat gadaian syarikat.

PROGRAM PROMOSI DAN OUTREACH

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 2,116,825 capaian produk melalui media sosial berbentuk poster grafik dan video telah dihebahkan seperti butiran berikut:

KAEDAH HEBAHAN	HEBAHAN PRODUK	JUMLAH CAPAIAN PRODUK	JUMLAH TERKUMPUL CAPAIAN PRODUK
Facebook	Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP)	353,042	1,348,788
	SSM BizTrust	481,267	
	EzBiz Online	322,599	
	Portal XCESS	85,137	
	<i>Corporate and Business Information Data (CBID)</i>	80,933	
	My-DATA SSM dan SSM e-Info	25,810	
Facebook Ads	Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP)	99,887	768,037
	SSM BizTrust	313,004	
	EzBiz Online	197,029	
	Portal XCESS	69,453	
	<i>Corporate and Business Information Data (CBID)</i>	72,233	
	My-DATA SSM dan SSM e-Info	16,431	
JUMLAH			2,116,825

Selain itu, semasa Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM ke-20, SSM telah memperkenalkan pasukan SSM *Zoomers* yang dilengkapi dengan pacuan empat roda termasuk peralatan pemasaran seperti *pop-up counter* dalam mempelbagaikan hebahana promosi produk dan perkhidmatan SSM. SSM *Zoomers* ini telah dirasmikan oleh Menteri PDNHEP, YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi dalam majlis yang sama.

Sehingga 31 Disember 2022, SSM *Zoomers* telah menjelajah ke 13 lokasi dengan sejumlah 212 usahawan berdaftar di lokasi pilihan untuk mendaftarkan perniagaan. Program ini adalah bertujuan untuk menjadikan pendaftaran perniagaan lebih mudah diakses oleh semua usahawan di pelbagai lokasi. Senarai lokasi yang telah dilawati SSM *Zoomers* adalah seperti berikut:

LOKASI	TARIKH	PENDAFTARAN
Tapak Peniaga Stadium Selayang	21 Jun 2022	20
Taman Batu Muda	21 Jun 2022	15
Taman Seri Gombak	28 Jun 2022	20
Taman Permata Fadason	28 Jun 2022	20
Taman Seri Rampai	30 Jun 2022	10
Taman Desa Pandan	30 Jun 2022	13
Greenwood Gombak	7 Julai 2022	20

LOKASI	TARIKH	PENDAFTARAN
Taman Tasik Permaisuri Cheras	7 Julai 2022	17
Pasar Tani Pagi Perda, Kubang Menerong, Pulau Pinang	4 November 2022	20
Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Harmoni, Sungai Petani, Kedah	5 November 2022	15
Pusat Penjaja dan Peniaga Kecil Bukit Mertajam, Pulau Pinang	6 November 2022	10
Pasar Pagi Danau Kota Setapak, Petronas MRR2 Gombak	13 November 2022	25
Cameron Highlands	3 Disember 2022	7
JUMLAH		212

INTEGRASI SSM MIDDLEWARE

SSM telah melaksanakan Projek Gerbang Integrasi Nasional atau SSM *Middleware* dan jumlah bagi integrasi dalam talian adalah seperti berikut:

TAHUN	2022	2021	2020
INTEGRASI DALAM TALIAN	2	5	10

PRODUK-PRODUK BAHARU

Produk baharu SSM yang telah berjaya dilancarkan pada 18 Oktober 2022 secara dalam talian di portal Penyedia Perkhidmatan SSM (SSM e-Info dan MyDATA-SSM) merupakan perkembangan penting dalam menyediakan perkhidmatan dan maklumat tambahan kepada pihak berkepentingan. Produk-produk baharu yang telah diperkenalkan adalah seperti berikut:

- (a) Butir-butir Pertukaran Nama Syarikat; dan
- (b) Analisis Saham Syarikat.

Sejak ianya diperkenalkan, jumlah permohonan di kedua-dua portal Penyedia Perkhidmatan SSM adalah sebanyak 2,017 permohonan. Perincian mengikut pecahan produk adalah seperti berikut:

PRODUK	TRANSAKSI
Butir-butir Pertukaran Nama Syarikat	252
Analisis Saham Syarikat	1,765
JUMLAH	2,017

PENGURUSAN ARKITEK ENTERPRISE

Pengurusan Arkitek Enterprise (EAM) SSM memberi tumpuan kepada pengurusan holistik dan sistematik yang merangkumi struktur, proses, maklumat, teknologi, dan strategi organisasi, serta membantu SSM menyelaraskan matlamat dan objektif seiring dengan keupayaan teknologi dan sumbernya. Pada tahun 2022, antara aktiviti EAM yang dilaksanakan di SSM adalah seperti berikut:

- (a) Bengkel Reka Bentuk telah diadakan bertujuan untuk membangunkan dokumen reka bentuk yang merangkumi empat (4) *domain Enterprise Architecture* (EA) iaitu Data, Perniagaan, Teknologi dan Aplikasi. Berikut adalah senarai bengkel reka bentuk yang telah diadakan pada tahun 2022:



- (b) Pada tahun 2022, antara aktiviti Pengurusan Arkitek Enterprise adalah melaksanakan pra dan pasca kaji selidik bagi mengukur tahap kefahaman terhadap Amalan Pengurusan Arkitek Enterprise SSM. SSM juga telah menjalankan program *Meet & Greet* bagi pasca kaji selidik tersebut.
- (c) Program Kesedaran EA telah diadakan pada 12 Disember 2022 bagi memberikan pemahaman kepada Anggota Suruhanjaya berkenaan Arkitek Enterprise mengenai Strategi Transformasi Digital, Hala Tuju Arkitek Enterprise dan Pengurusan Transformasi berlandaskan Arkitek Enterprise.
- (d) Pekeliling EA Bil 1/2021 (Pindaan 1 Tahun 2022) berhubung 'Garis Panduan Pengurusan Arkitek Enterprise di SSM' telah berjaya dibangunkan dan diedarkan kepada warga kerja SSM pada 7 November 2022. Pindaan ini dibuat bagi mematuhi Garis Panduan Percanggahan Kepentingan SSM (Pindaan 01) dalam membuat penilaian ke atas permohonan-permohonan yang diterima oleh Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise (SPAEC).

- (e) Satu Bengkel Latihan dan Pensijilan EA bagi *Business IT Architecture Fundamental* (BITAF) telah diadakan pada 13 hingga 16 Disember 2022. Latihan ini bertujuan memberikan pemahaman kepada pekerja-pekerja SPAEC mengenai usaha IT dalam meminimumkan kos perniagaan dan memaksimumkan keuntungan. Pekerja-pekerja SPAEC telah memperoleh pensijilan mereka.

PELAN STRATEGIK ICT (ICTSP) SSM 2022-2026

Pelan Strategik ICT SSM 2022-2026 ini dibangunkan sepenuhnya oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) yang diketuai oleh Seksyen Pengurusan, Tadbir Urus dan Strategi IT. Beberapa bengkel telah diadakan untuk mewujudkan platform menjana idea strategik khususnya yang berkaitan dengan teknologi yang akan dilaksanakan di SSM. Pelan Strategik ICT ini direka untuk memangkin aspirasi pihak pengurusan dan kerajaan kepada pemacu transformasi digital untuk menampam era disruptif semasa, justeru tema Pelan Strategik ini ialah "Mempercepatkan Transformasi Digital SSM."

Dokumen Pelan Strategik ICT SSM ini merangkumi tempoh lima (5) tahun iaitu 2022 - 2026. Pembangunan Pelan Strategik ICT juga menilai keadaan semasa keupayaan ICT.

ICTSP juga adalah penting untuk mengenal pasti keperluan ICT dengan strategi perniagaan SSM serta keperluan kerajaan. Visi ICT SSM ditakrifkan sebagai "ICT sebagai penggerak utama perniagaan SSM," "Memenuhi keperluan ICT SSM secara proaktif" dan "Pengurusan dan penyampaian perkhidmatan ICT yang mampan." Objektif ICT kemudiannya ditakrifkan sebagai:

- (a) Untuk meningkatkan kecekapan dalam mengurus sumber IT untuk mencapai perkhidmatan digital yang mampan;
- (b) Untuk melengkapkan SSM dengan teknologi yang terjamin dan kalis masa hadapan;
- (c) Untuk meningkatkan kepuasan dan pengalaman pihak berkepentingan melalui kepakaran dalam;

- (d) Untuk menggalakkan budaya berprestasi tinggi dan kecemerlangan pasukan.

Strategi untuk mencapai Visi dan Objektif ICT telah dikenal pasti melalui empat (4) tunjang strategi iaitu:

- (a) Memperkuuh Tadbir Urus IT;
- (b) Memperkuuh Infrastruktur IT;
- (c) Meningkatkan Pembangunan Keupayaan dan Penyampaian Perkhidmatan; dan
- (d) Mencergaskan Tenaga Kerja.

Terdapat sejumlah 18 inisiatif taktikal utama yang diterjemahkan kepada 29 tindakan yang telah dikenal pasti dan ia disifatkan sebagai praktikal dan realistik dalam usaha SSM untuk memenuhi Objektif ICT dalam jangka masa yang ditetapkan untuk Pelan Strategik ICT ini.



PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN ICT DALAM NORMA KERJA BAHARU

SSM telah menjalankan Program Keselamatan ICT Dalam Norma Kerja Baharu. Tujuan program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada warga SSM tentang pengurusan keselamatan ICT dengan lebih cekap dalam menjalani waktu bekerja ketika berada di rumah. Program kesedaran ini telah dijalankan dengan kehadiran seramai 301 peserta.

Kandungan pengisian program ini bertujuan untuk menyampaikan kesedaran tentang keselamatan ICT dalam norma kerja yang baru seperti berikut:

- (a) Cabaran norma baharu bagi pekerja dan majikan;
- (b) Amalan-amalan yang baik dalam penggunaan asset ICT SSM (*technology hygiene*); dan
- (c) Pengurusan dan cara menangani ancaman siber (*phishing, spam*).

Pemahaman tentang pengurusan keselamatan adalah penting bagi memastikan seluruh warga SSM memahami tentang kepentingan untuk menjaga keselamatan dan menangani cabaran bagi majikan dan pekerja. Secara tidak langsung, dapatan program ini adalah penting untuk memastikan kesedaran dilakukan secara berterusan tentang pengurusan keselamatan ICT dalam menangani cabaran pada era norma baharu.

PERKONGSIAN MAKLUMAT BERSAMA WARGA SSM MELALUI AKTIVITI PENGURUSAN PERUBAHAN

Perkongsian maklumat yang tepat dan pembelajaran berterusan telah memupuk penerapan ilmu yang konsisten, baik dalam menerima maupun mengadaptasi perubahan yang akan datang. Pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan setiap warga SSM disalurkan dengan maklumat yang tepat dan berkesan khasnya bagi maklumat-maklumat berkaitan Projek Hala Tuju SSM. Selain itu, aktiviti pengurusan perubahan juga membantu membimbing cara kerja agar dapat menyedia dan menyokong warga kerja serta kumpulan projek bagi menerima serta melaksanakan perubahan. Aktiviti-aktiviti ini juga menyediakan pendekatan berstruktur untuk memastikan seluruh warga kerja mendapat pemahaman yang jelas berkaitan sesuatu maklumat yang disampaikan.

Antara program dan aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2022 adalah program *Knowledge Sharing*, *Let's Share* dan *Meet and Greet*. Program-program ini merupakan program perkongsian maklumat berkaitan perkembangan Projek-projek Hala Tuju SSM. Tahun 2022 ini menunjukkan pelaksanaan kebanyakan projek berkembang baik dan mengikut garis masa yang ditetapkan. Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, program-program yang dijalankan telah menggunakan dua (2) kaedah, sama ada secara fizikal maupun secara dalam talian. Kesemua program ini berjaya dilaksanakan dengan penglibatan pengurusan SSM bersama warga SSM.

PROGRAM	TARIKH
<i>Meet and Greet</i>	
<i>Meet and Greet HT4 - Corporate Registry System</i>	23 Jun 2022
<i>Meet and Greet HT1 - MyLLP</i>	23 Disember 2022
<i>Let's Share</i>	
<i>Let's Share HT6: Data Management, "Data Driven Organization"</i>	6 Oktober 2022
<i>Knowledge Sharing</i>	
<i>Knowledge Sharing HT14 - MPSI</i>	30 November 2022



Kumpulan Pengurusan Perubahan bersama Pengurusan SSM di program *Let's Share HT6: Data Management, "Data Driven Organization."*

Selain memperolehi maklumat melalui penganjuran program pengurusan perubahan, warga SSM juga boleh mendapatkan maklumat melalui pelbagai siri hebahan pengurusan perubahan. Hebahan ini dikongsikan melalui e-poskad, e-poster, e-Buletin secara e-mel. Selain itu, warga SSM juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti pengurusan perubahan melalui portal CM Site yang telah dibangunkan.

HEBAHAN BERSIRI	TAJUK HEBAHAN	TARIKH
Hebahan Siri 1/ 2022	<i>Project Performance Dashboard 2022</i>	3 Mac 2022
Hebahan Siri 2/ 2022	e-Buletin Projek Hala Tuju SSM 2022	15 Mac 2022
Hebahan Siri 3/ 2022	<i>Project Performance Dashboard 2022</i>	21 Julai 2022
Hebahan Siri 4/ 2022	<i>Project Performance Dashboard 2022</i>	14 Oktober 2022
Hebahan Siri 5/ 2022	Program Let's Share HT6 Data Management: Data Driven Organization	17 Oktober 2022
Hebahan Siri 6/ 2022	<i>Project Performance Dashboard 2022</i>	1 Disember 2022
Hebahan Siri 7/ 2022	Komponen Pengurusan Projek Hala Tuju SSM	14 Disember 2022
Hebahan Siri 8/ 2022	Aktiviti Terlibat Mengikut Fasa Pengurusan Projek	23 Disember 2022

SESI BRAINSTORMING KPI SSM 2023

SSM telah mengadakan Sesi Tahunan Brainstorming KPI SSM 2023 bagi penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pengurusan bagi tahun 2023 pada 18 hingga 20 Ogos 2022. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk merangka KPI SSM bagi tahun 2023 dengan penglibatan seramai 19 orang peserta terdiri daripada Pengarah-pengarah Bahagian, Pengurus Kanan dan urus setia. Penetapan KPI Tahunan ini adalah penting untuk memastikan visi, teras strategik dan nilai-nilai korporat SSM dapat dicapai dan dilaksanakan.



INISIATIF-INISIATIF SSM DALAM MEMBANTU PEMULIHAN EKONOMI NEGARA TAHUN 2022

Selari dengan aspirasi Kerajaan untuk meringankan beban komuniti korporat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 serta membantu pemulihan ekonomi negara pada tahun 2022, SSM telah memperkenalkan enam (6) inisiatif seperti di bawah:



INISIATIF 1

Meneruskan pelaksanaan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran perniagaan **PERCUMA** kepada:

- Usahawan Kumpulan B40: 8,237
(2021 : 17,908)
- Pelajar IPT Sepenuh Masa: 16,310
(2021 : 8,394)



INISIATIF 2

Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang memberikan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan **PERCUMA** kepada OKU dan terhad 1 perniagaan setiap OKU

Jumlah statistik sehingga 31 Disember 2022:

- Pencapaian tahun 2022:
- Pendaftaran: 1,460
(2021 : 1,752)
 - Pembaharuan: 2,889
(2021 : 1,593)



INISIATIF 3

Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara **PERCUMA** sehingga 31 Disember 2022

Jumlah pendaftaran SSM BizTrust pada tahun 2022: 1,071,701

(2021 : 802,753)



INISIATIF 4

Mengurangkan kompaun sebanyak **90%** daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965

17,624 notis kompaun telah menerima pengurangan kompaun sebanyak 90%.



INISIATIF 5

Mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah AS 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan

Membolehkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan memohon proses rehabilitasi korporat yang bersesuaian agar syarikat boleh terus beroperasi (*stay afloat*) dan memulihkan situasi kewangannya.



INISIATIF 6

Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan **Mekanisme Penyelamat Korporat** di bawah APLT 2012

Menambah baik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat bagi PLT dan juga akan memperkenalkan peruntukan mengukuhkan polisi berhubung kerangka pelaporan pemunyaian benefisial yang komprehensif.

AKTIVITI MODAL INSAN

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

Sambutan Tahun Baru Cina telah diadakan dengan edaran cenderahati kepada semua pekerja berbangsa Cina di seluruh negara pada 15 Mac 2022.

EDARAN BUBUR LAMBUK

Edaran bubur lambuk telah diadakan pada 15 April 2022 sempena bulan Ramadan dan Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM yang ke-20 tahun (MSUSSM 2022). Bubur lambuk telah diedar kepada warga kerja di Ibu Pejabat dan para jemputan yang hadir di MSUSSM 2022 yang telah dirasmikan oleh YB Menteri PDNHEP, Dato Sri Alexander Nanta Linggi.

MAJLIS SALAM AIDILFITRI TAHUN 2022

Majlis Salam Aidilfitri SSM 2022 telah diadakan pada 17 Mei 2022 di Menara SSM@Sentral. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Menteri PDNHEP, Dato Sri Alexander Nanta Linggi dan dihadiri oleh semua warga kerja di Ibu Pejabat serta pesara SSM. Turut diraikan pada majlis ini ialah 50 orang anak-anak yatim yang dijemput khas untuk menerima sumbangan hari raya.

SUKAN BADAN BERKANUN EDISI VIRTUAL

Sukan Badan Berkanun Virtual Edition 2.0 (SUKANUN VE 2.0) telah diadakan pada 21 hingga 24 Jun 2022. Program ini telah disertai oleh lapan (8) peserta mewakili SSM yang bertanding di dalam ‘Online Games’ di peringkat Badan-Badan Berkanun Malaysia.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPDNHEP DAN AGENSI TAHUN 2021

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KPDNHEP dan Agensi Tahun 2021 telah diadakan pada 26 Jun 2022. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri PDNHEP, Dato' Rosol Wahid. Majlis ini melibatkan penganjuran bersama SSM, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Anugerah tersebut telah disampaikan kepada penerima dari KPDNHEP, SSM, MyIPO dan MyCC sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan cemerlang mereka.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPDNHEP JULAI 2022 ANJURAN SSM

Majlis Perhimpunan Bulanan KPDNHEP Julai 2022 anjuran SSM telah diadakan pada 19 Julai 2022 di Dewan Serbaguna KPDNHEP, Putrajaya. Perhimpunan Bulanan ini adalah untuk mewujudkan semangat perpaduan antara Kementerian dan semua agensi di bawahnya.

PROGRAM RAMAH MESRA WARGA KERJA SSM

Program Ramah Mesra Warga Kerja SSM (Ibu Pejabat) telah diadakan pada 25 Julai 2022 di Menara SSM@ Sentral. Sesi ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM. Program ini turut diserikan dengan jamuan buah-buahan tempatan bagi menyokong industri pertanian negara.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG SSM TAHUN 2021

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) SSM Tahun 2021 telah diadakan pada 9 Ogos 2022 di Hotel Pullman, Kuala Lumpur. Majlis ini telah dihadiri dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM. Majlis ini dianjurkan bagi mengiktiraf sumbangan kepada semua 58 penerima anugerah kali ini.



MAJLIS SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN YANG KE-65

Perhimpunan bersempena dengan Sambutan Kemerdekaan yang ke-65 telah diadakan pada 23 Ogos 2022 yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM. Sambutan bulan kemerdekaan di peringkat agensi ini adalah untuk memupuk semangat patriotik dan sayangkan negara dalam kalangan warga kerja SSM.

HARI KELUARGA SSM 2022

Hari Keluarga SSM telah diadakan pada 15 Oktober 2022 di Equestrian Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Hari Keluarga ini telah dirasmikan YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif dan dihadiri seramai lebih 800 warga kerja SSM dan keluarga mereka.

SUKAN PANTAI BADAN BERKANUN 2022

Sukan Pantai Badan Berkanun (SUPANUN) 2022 telah diadakan pada 11 hingga 16 Oktober 2022 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 35 pekerja yang mewakili SSM telah menyertai kejohanan ini. Kejohanan ini bertujuan merapatkan hubungan antara badan-badan berkanun di seluruh Malaysia.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1444H/ 2022M

Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1444H/ 2022M anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diadakan pada 9 Oktober 2022 di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Seramai 15 pekerja SSM telah menyertai perhimpunan ini bersama kontinen-kontinen daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 1444H/ 2022M

Perarakan Kontinen dan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 1444H/ 2022M anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah diadakan pada 12 Oktober 2022 di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Seramai 40 peserta mewakili SSM telah menyertai perarakan ini dan SSM telah merangkul tempat ketiga di dalam pertandingan perbarisan.



KEJOHANAN BOLA JARING DAN BOLA SEPAK KPDNHEP

Kejohanan ini telah diadakan pada 24 September 2022 di Putrajaya anjuran KPDNHEP. Seramai 29 pekerja mewakili SSM telah mengambil bahagian di dalam kejohanan tersebut.



MAJLIS JAMUAN TENGAH HARI SEMPENA SAMBUTAN DEEPAVALI

Majlis Jamuan Tengah Hari bersempena dengan sambutan Deepavali telah diadakan pada 1 Disember 2022. Majlis ini telah dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif SSM serta Pengurusan Tertinggi bagi meraikan pekerja-pekerja yang berbangsa India.



HARI KESEDARAN KESIHATAN SSM

Hari Kesedaran Kesihatan SSM merupakan karnival kesihatan tahunan yang bermatlamat untuk memberi kesedaran kepada pekerja SSM mengenai kepentingan penjagaan kesihatan. Program ini telah diadakan pada 26 Oktober 2022 dan seramai 223 orang pekerja telah membuat pemeriksaan kesihatan pada hari tersebut. Taklimat kesihatan berkaitan *Ergonomics and Spine Care & Introduction to Chiropractic* dan *Diabetes & Hypertension* juga telah diadakan selain jualan produk dan makanan kesihatan.

KURSUS INDUKSI SSM

Kursus Induksi SSM merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Bahagian Modal Insan untuk semua pekerja baharu SSM. Bagi Kursus Induksi SSM tahun 2022 ini, jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 80 orang iaitu Kumpulan 1 seramai 36 orang dan Kumpulan 2 seramai 44 orang.



SKIM KENAIKAN PANGKAT PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF

Skim Kenaikan Pangkat Pekerja Bukan Eksekutif (KPBE) diperkenalkan kepada pekerja Kumpulan Bukan Eksekutif yang kompeten, berpengalaman dan tidak bergraduasi. Skim ini menyediakan peluang kenaikan pangkat ke jawatan Eksekutif dengan objektif untuk menyokong aspirasi pembentukan struktur SSM ke arah *diamond-shaped organisation*.

KEM BINA SEMANGAT PROTEGE 2022

SSM meneruskan komitmen terhadap pertumbuhan bakat di Malaysia dengan menyokong inisiatif Kerajaan di dalam Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ-RTW). Program ini bertujuan untuk melengkapkan graduan Malaysia dengan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk berkembang maju di dunia korporat dan membimbing mereka dalam usaha untuk menjadi lebih berdaya saing serta mahir untuk memenuhi keperluan industri.

Seramai 40 peserta telah melapor diri pada 1 Mac 2022. Program selama setahun ini menggabungkan latihan kemahiran insaniah dan peluang latihan di tempat kerja (*on-the-job*). Sepanjang tahun 2022, dua (2) program latihan telah dilaksanakan.



PENGANJURAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) SSM 2022

Konvensyen KIK SSM dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan penyertaan warga kerja SSM dalam memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh SSM kepada pelanggan. Konvensyen ini adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti utama di bawah Program Kualiti dan Inovasi Tahunan SSM. Objektif Konvensyen KIK SSM adalah untuk meningkatkan:

- Keupayaan mencipta cara bekerja baharu atau menghasilkan inovasi;
- Kebolehan menyelesaikan masalah atau membuat penambahbaikan kerja;
- Semangat bekerja secara berkumpulan tanpa mengira kedudukan dalam organisasi, di samping memberi sumbangan yang bermakna kepada organisasi;
- Penglibatan dan peningkatan komitmen terhadap kerja;
- Penggalakan dan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif; dan
- Pewujudan hubungan yang harmoni di antara pihak pengurusan dan pekerja.

Konvensyen KIK SSM 2022 telah diadakan pada 30 Ogos 2022. Jawatankuasa Pemandu Inovatif & Kreatif (JPIK) SSM telah bersetuju dan meluluskan penyertaan empat (4) Kumpulan KIK SSM untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat SSM 2022 seperti berikut:

KUMPULAN	PROJEK	PEJABAT NEGERI
Proserv Imagine	Sistem EzQue	SSM Pahang & Temerloh
Triple K	E - Force	SSM Kedah
BP Revo	E - UP	SSM Pulau Pinang
Destar Seruda	Q - Sedar	SSM Perak

Pemenang Konvensyen KIK SSM 2022 telah diumumkan di Majlis Perhimpunan Akhir Tahun 2022 pada 20 Disember 2022. Pemenang Konvensyen KIK SSM bagi tahun 2022 ialah:

PEMENANG	KUMPULAN	PEJABAT NEGERI
Johan	BP Revo	SSM Pulau Pinang
Naib Johan	Triple - K	SSM Kedah
Tempat Ketiga	Destar Seruda	SSM Perak



Naib Johan - Kumpulan Triple - K (SSM Kedah)



Tempat Ketiga - Kumpulan Destar Seruda (SSM Perak)



Johan - Kumpulan BP Revo (SSM Pulau Pinang)




20 TAHUN
TRANSFORMASI



LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF
PENGUATKUASAAN

INISIATIF PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2022, SSM meneruskan fokus inisiatif penguatkuasaan melalui tiga (3) strategi utama bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan dalam kalangan komuniti korporat. Kesemua strategi tersebut bertujuan untuk mencapai objektif utama pemantauan seperti berikut:



INISIATIF PENGUATKUASAAN DALAM MEMBANTU PEMULIHAN EKONOMI NEGARA

Selari dengan aspirasi Kerajaan dalam meringankan beban komuniti korporat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 serta membantu ke arah pemulihan ekonomi negara pada tahun 2022, SSM telah melaksanakan Inisiatif Pengurangan Kompaun yang ditawarkan di bawah AS 1965. Inisiatif ini juga bertujuan untuk meringankan beban komuniti korporat.

Melalui inisiatif ini, komuniti korporat layak menikmati pengurangan kompaun sehingga 90% daripada nilai asal kompaun bagi semua kesalahan di bawah AS 1965.

Inisiatif ini telah dilaksanakan bermula 1 Mac sehingga 31 Disember 2022. Sejumlah 17,624 bilangan kompaun telah menikmati pengurangan kompaun sehingga 90% sepanjang tempoh tersebut yang melibatkan 6,017 syarikat dan 4,926 pengarah syarikat.

AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

Sepanjang tahun 2022, SSM meneruskan aktiviti pemeriksaan fizikal dan data ke atas 1,268,119 syarikat, perniagaan dan PLT. Skop pemeriksaan adalah seperti berikut:

ENTITI	PEMERIKSAAN FIZIKAL	PEMERIKSAAN DATA
SYARIKAT	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pematuhan terhadap seksyen 30(1) AS 2016 berkaitan paparan nama syarikat dan nombor pendaftaran di premis perniagaan. Pemeriksaan rekod dan penyelenggaraan Buku Berkanun oleh Setiausaha Syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 105, 362, 59, 57, 47, 343, 54 AS 2016 dan kehendak di bawah Peraturan-Peraturan Syarikat 1966. Pemantauan terhadap kelayakan Setiausaha Syarikat di bawah seksyen 235 AS 2016. Penilaian kompetensi Setiausaha Syarikat melalui penilaian terhadap peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 2016. 	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Status serah simpan Penyata Tahunan berdasarkan peruntukan seksyen 68(1) AS 2016. Status serah simpan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 248(1), 258(1) & 259(1) AS 2016. Pemantauan terhadap syarikat di bawah seksyen 240 AS 2016 bagi memastikan setiap syarikat yang diperbadankan mempunyai sekurang-kurangnya seorang Setiausaha Syarikat. Kelayakan dan kebebasan juruaudit di bawah seksyen 264 AS 2016 dan Syarat Kelulusan atau Pembaharuan Kelulusan Juruaudit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Kewajipan juruaudit dalam memberikan pendapat berhubung dengan penyimpanan dan pengemaskinian buku-buku berkanun di bawah seksyen 266(3)(b) AS 2016. Kelayakan dan kebebasan penyelesaian syarikat di bawah seksyen 433 AS 2016. Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 30(2) AS 2016 berhubung paparan nama dan nombor syarikat pada semua dokumen dan penerbitan rasmi syarikat termasuk dalam bentuk elektronik dan laman sesawang.
	JUMLAH: 23,691 (2021: 3,919)	JUMLAH: 531,744 (2021: 325,252)

ENTITI	PEMERIKSAAN FIZIKAL	PEMERIKSAAN DATA
PERNIAGAAN	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pematuhan terhadap Kaedah 13A(2) KPP 1957 berkaitan paparan nama perniagaan dan nombor pendaftaran di luar premis perniagaan. Pematuhan di bawah seksyen 12(2) APP 1956 berkaitan pameran sijil pendaftaran di premis perniagaan. Pemeriksaan berkaitan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956. 	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Memantau tarikh luput pendaftaran perniagaan di bawah seksyen 12(1)(b) APP 1956. Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti pelaburan tidak sah, Skim Kepentingan dan penipuan oleh perniagaan.
	JUMLAH: 29,944 (2021: 5,503)	JUMLAH: 671,516 (2021: 189,432)
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pematuhan PLT terhadap keperluan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 APLT 2012. 	<p>Skop Pemantauan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Memantau serah simpan Perakuan Tahunan PLT berdasarkan peruntukan seksyen 68(2) APLT 2012. Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti pelaburan tidak sah, Skim Kepentingan dan penipuan oleh PLT.
	JUMLAH: 183 (2021: 30)	JUMLAH: 11,041 (2021: 4,448)
JUMLAH	53,818 (2021: 9,452)	1,214,301 (2021: 519,132)

AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN LAIN BAGI TAHUN 2022

SSM Online Business Alert (OBA)

SSM OBA telah diwujudkan bagi membantu orang awam dengan memberi kesedaran awal supaya tidak berurusan dengan mana-mana entiti yang menjalankan perniagaan dalam talian secara tidak beretika. Sejak SSM OBA diwujudkan pada 29 Julai 2020, sebanyak 21 entiti telah dikenal pasti dan telah dimuat naik ke dalam laman rasmi SSM.


Selain itu, SSM OBA juga memaparkan senarai laman-laman pembaharuan perniagaan secara dalam talian yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang bukan dikawal selia oleh SSM. Sebanyak 16 laman sesawang yang telah dikesan menawarkan perkhidmatan pembaharuan pendaftaran perniagaan dan laman-laman sesawang ini juga mengenakan caj yang tidak munasabah serta membebangkan pengguna terutamanya pemilik perniagaan.

HASIL PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN

Kadar Pematuhan


SSM telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pematuhan yang lebih baik terhadap keperluan menyerah simpan Penyata Tahunan kepada Pendaftar. Serah simpan Penyata Tahunan untuk tahun

2022 mencatatkan kadar pematuhan pada tahap 93%. Perbandingan jumlah serah simpan Penyata Tahunan dan kadar pematuhan untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti carta di bawah:



Jumlah Serah Simpan Penyata Tahunan dan Kadar Pematuhan dari Tahun 2018 hingga 2022


STATISTIK TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERDASARKAN AKTA SYARIKAT 2016



TINDAKAN DARI HASIL PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN

Bagi memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif serta tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan, SSM meneruskan tindakan penguatkuasaan ke atas ketidakpatuhan yang dikenal pasti hasil daripada

pemeriksaan, operasi, pemantauan dalam talian dan media serta pemantauan kelayakan pengarah syarikat. Statistik bagi pemeriksaan terhadap premis syarikat, perniagaan dan PLT adalah seperti berikut:



Statistik pemantauan internet dan media bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti berikut:

Tindakan diambil dari Hasil Pemantauan Internet dan Media



PEMANTAUAN KE ATAS PENGARAH BANKRAP, SYARIKAT YANG GAGAL MENYERAH SIMPAN PENYATA HAL EHWAL DAN SYARIKAT YANG MEMPUNYAI GADAIAN TERTUNGGAK



SYARIKAT YANG TELAH DIGULUNGKAN DAN GAGAL MENYERAH SIMPAN PENYATA HAL EHWAL

Jumlah Notis:

405 notis pematuhan di bawah seksyen 484 AS 2016 telah dikeluarkan terhadap pengarah dan setiausaha syarikat.

Tindakan Pentadbiran:

405 pengarah dan setiausaha syarikat dikenakan tindakan pentadbiran.

(2021: 444 notis pematuhan dan 444 tindakan pentadbiran)



PENGARAH BANKRAP

Jumlah Notis:

11 notis pematuhan di bawah seksyen 198 AS 2016 telah dikeluarkan terhadap mana-mana pengarah yang telah bankrap.

Tindakan Pentadbiran:

Seorang (1) pengarah dikenakan tindakan pentadbiran.

(2021: Tiada notis pematuhan dan dua (2) tindakan pentadbiran)



SYARIKAT YANG MEMPUNYAI GADAIAN TERTUNGGAK

Jumlah Notis:

1,409 notis pematuhan di bawah seksyen 360 AS 2016 telah dikeluarkan terhadap syarikat, pengarah dan setiausaha syarikat.

Tindakan Penggulungan:

477 syarikat telah dicadangkan untuk pembatalan nama di bawah seksyen 549 AS 2016.

(2021: 1,469 notis pematuhan dan 79 syarikat telah dicadangkan untuk pembatalan nama)

PENDAFTARAN SETIAUSAHA SYARIKAT

Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 10,072 Setiausaha Syarikat telah berdaftar dan memperolehi Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat sejak seksyen 241 AS 2016 mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2019. Peruntukan ini menghendaki mana-mana individu yang berkelayakan di bawah seksyen 235 AS 2016 dan berhasrat untuk bertindak sebagai Setiausaha Syarikat,

mendaftar dengan SSM sebelum boleh bertindak sebagai Setiausaha Syarikat.

Seksyen 241 AS 2016 adalah bertujuan memastikan suatu daftar Setiausaha Syarikat di Malaysia dapat diwujudkan agar SSM dapat memantau kompetensi dan profesionalisme Setiausaha Syarikat yang seterusnya memberi impak yang positif terhadap tahap pematuhan dan tadbir urus yang baik dalam kalangan komuniti korporat dan syarikat. Berikut adalah statistik permohonan baharu Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bagi tahun 2022:

PERMOHONAN BAHARU SIJIL PERAKUAN AMALAN SETIAUSAHA SYARIKAT TAHUN 2022	
Jumlah Permohonan Diterima	759
Jumlah Permohonan Diluluskan	740
Pecahan permohonan baharu yang diluluskan mengikut kelayakan dan Badan Profesional	
(a) Lesen Setiausaha Syarikat (LS)	102
(b) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA)	117
(c) Institut Akauntan Malaysia (MIA)	367
(d) Majlis Peguam Malaysia (BC)	108
(e) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)	32
(f) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)	5
(g) Persatuan Undang-Undang Sabah (SLA)	3
(h) Persatuan Peguam Bela Sarawak (AAS)	6

Jadual di bawah menunjukkan statistik permohonan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bagi tahun 2022:

PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL PERAKUAN AMALAN SETIAUSAHA SYARIKAT TAHUN 2022	
Jumlah Permohonan Diterima dan Diluluskan	2,622
Pecahan permohonan pembaharuan yang diluluskan mengikut kelayakan dan Badan Profesional	
(a) Lesen Setiausaha Syarikat (LS)	713
(b) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA)	651
(c) Institut Akauntan Malaysia (MIA)	984
(d) Majlis Peguam Malaysia (BC)	102
(e) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)	129
(f) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)	10
(g) Persatuan Undang-Undang Sabah (SLA)	5
(h) Persatuan Peguam Bela Sarawak (AAS)	28

Lesen Setiausaha Syarikat

Sebanyak 10,665 individu telah dilesenkan oleh SSM di bawah seksyen 20G ASSM 2001 sehingga 31 Disember 2022. Ringkasan aktiviti pelesenan bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

198 Permohonan Lesen

678 Permohonan Pembaharuan

53 Sesi Temuduga

44% Peratusan Calon Lulus

PEMANTAUAN JURUAUDIT DAN FIRMA AUDIT

SSM menjalankan pemantauan ke atas juruaudit bagi memastikan tahap kompetensi dan profesionalisme juruaudit dapat dipantau secara berkesan menerusi mekanisme yang komprehensif. Ia juga dapat meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan juruaudit dan firma juruaudit berkaitan keperluan untuk mematuhi peruntukan di bawah AS 2016 seperti yang ditetapkan.

Bagi tahun 2022, SSM telah menjalankan pemeriksaan ke atas 852 juruaudit (2021: 853) dan 882 firma juruaudit (2021: 976). Berdasarkan hasil pemeriksaan, didapati dua (2) firma juruaudit telah gagal mematuhi peruntukan di bawah seksyen 264(1) AS 2016. Ringkasan aktiviti berhubung pemantauan juruaudit dan firma juraudit bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

PEMANTAUAN SETIAUSAHA SYARIKAT

167

159


167

● 2020

● 2021

● 2022

- **167** Setiausaha Syarikat diperiksa tahap kompetensi pada tahun 2022
- **93%** tahap kompetensi Setiausaha Syarikat
- **258** notis dikeluarkan kepada Setiausaha Syarikat bagi pematuhan di bawah seksyen 241 Akta Syarikat 2016



PENGURUSAN ADUAN


Sebanyak 1,118 aduan telah diterima sehingga Disember 2022 dan kesemua aduan tersebut berjaya diselesaikan di peringkat Unit Aduan. Sebanyak 617 (55.19%) fail aduan yang dirujuk ke Bahagian Siasatan, Bahagian Pematuhan Korporat dan lain-lain bahagian yang berkaitan berjaya diselesaikan. Manakala sebanyak 501 (44.81%) fail aduan masih belum diselesaikan oleh bahagian-bahagian yang berkaitan.

ADUAN DITERIMA PADA 2022						
Aduan Diterima	Aduan Berjaya Diselesaikan di Peringkat Unit Aduan	Aduan Berjaya Diselesaikan oleh Bahagian Siasatan, Bahagian Pematuhan Korporat dan Bahagian lain	Aduan yang masih dalam Tindakan Bahagian Siasatan dan Bahagian Pematuhan Korporat			
1,118	1,118	100%	617	55.19%	501	44.81%

TAHUN	ADUAN DITERIMA MENGIKUT ENTITI			
	SYARIKAT	PERNIAGAAN	LAIN-LAIN	JUMLAH
2022	738	357	23	1,118
2021	738	342	29	1,109
2020	786	371	26	1,183

TAHUN	ADUAN DISELESAIKAN MENGIKUT ENTITI			
	SYARIKAT	PERNIAGAAN	LAIN-LAIN	JUMLAH
2022	738	357	23	1,118
2021	725	339	29	1,093
2020	768	362	26	1,156

KLASIFIKASI ADUAN YANG DITERIMA	
ISU	JUMLAH
Kesalahan daftar dan kesamaan nama syarikat dan perniagaan	27
Salah laku pengarah syarikat	55
Salah laku setiausaha syarikat	107
Salah laku juruaudit syarikat	2
Penipuan dan kesalahan serius seperti tadbir urus korporat dan serah simpan maklumat palsu dan mengelirukan	237
Salah laku semasa penggulungan syarikat	31
Ketidakakuratan perakaunan	12
Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan yang berdaftar	5
Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan tidak berdaftar	1
Kesalahan melibatkan skim pelaburan dalam talian atau skim kepentingan tidak berdaftar	0
Kesalahan asas dan rutin	207
Isu yang melibatkan bidang kuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, gores dan menang, jualan langsung dan penipuan	232
Isu yang tidak melibatkan kesalahan yang ditadbir seperti tuntutan wang atau barang, masalah dalaman dan aturan mesyuarat	103
Pertanyaan berkaitan salah laku korporat	99
JUMLAH	1,118



Tiga (3) kategori aduan tertinggi yang diterima dalam tahun 2022 adalah:

- Isu kesalahan penipuan dan kesalahan serius merupakan aduan tertinggi yang diterima iaitu sebanyak 237 aduan (21.20%). Antara kesalahannya seperti menyerah simpan maklumat palsu dan mengelirukan, isu kewajipan dan liabiliti pengarah serta pengambilan deposit atau tawaran pembelian saham kepada orang awam.
- Isu yang melibatkan bidang kuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, gores dan menang, jualan langsung dan penipuan merupakan aduan kedua tertinggi iaitu sebanyak 232 aduan (20.75%).
- Aduan yang melibatkan kesalahan asas dan rutin merupakan aduan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 207 aduan (18.52%).

PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN BAGI ENTITI YANG DIPERBADANKAN DAN DIDAFTARKAN DI MALAYSIA

Sepanjang tahun 2022, sejumlah 5,451 Penyata Kewangan telah dipantau bagi memastikan integriti Penyata Kewangan yang diserah simpan di SSM. Pemantauan merangkumi pelbagai skop pemantauan antaranya semakan terperinci terhadap rekod-rekod kewangan syarikat dan PLT selaras dengan kehendak AS 2016, AS 1965, ASA 1949, APLT 2012 dan ASSM 2001 serta pematuhan ke atas piawaian perakaunan yang diluluskan berkaitan penyediaan Penyata Kewangan. Objektif pemantauan adalah bagi memastikan penyimpanan rekod perakaunan dan dokumen-dokumen sokongan syarikat disimpan dengan sewajarnya serta Penyata Kewangan disediakan secara teratur serta dapat menjelaskan setiap transaksi yang terlibat. Hal ini juga bagi memastikan Penyata Kewangan yang disediakan dapat memberikan gambaran benar dan adil (*true and fair*) sebagaimana kehendak seksyen 259 AS 2016.

Selain itu, SSM juga turut memantau pematuhan kepada seksyen 250 dan 253 AS 2016 berhubung penyediaan Penyata Kewangan disatukan dan kandungan Laporan Pengarah yang disertakan bersama-sama Penyata Kewangan syarikat. SSM turut memantau pematuhan kepada kriteria yang ditetapkan di dalam *Practice*

Directive 3/ 2017: Qualifying Criteria for Audit Exemption for Certain Categories of Private Companies bagi memastikan hanya syarikat persendirian yang layak sahaja menyerah simpan Penyata Kewangan Tidak Beraudit. SSM turut memantau maklumat kewangan dalam Perakuan Tahunan PLT bagi memastikan setiap PLT mematuhi peruntukan di bawah seksyen 69 APLT 2012 berhubung penyimpanan rekod-rekod perakaunan dan memastikan PLT memberikan maklumat yang tepat dan tidak mengelirukan berdasarkan peruntukan seksyen 80 APLT 2012.

Pemantauan melibatkan syarikat amanah juga dilaksanakan bagi memastikan pematuhan di bawah seksyen 21 ASA 1949 terhadap serah simpan penyata liabiliti bersama dengan penyata affidavit dan penyata aktiviti dwi tahunan. Di samping itu, pematuhan terhadap seksyen 245 AS 2016 untuk syarikat amanah dijalankan untuk memastikan pematuhan berhubung penyimpanan rekod-rekod perakaunan sentiasa dipatuhi. Statistik berhubung pemantauan Penyata Kewangan, pemeriksaan rekod-rekod perakaunan dan program kesedaran kepada setiausaha syarikat, pengarah serta pegawai pematuhan melalui e-poskad adalah seperti di bawah:

PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN SYARIKAT DAN PLT


01 PEMANTAUAN DATA KE ATAS REKOD-REKOD PERAKAUNAN SYARIKAT
 2022 : 5,344 | 2021 : 4,301 | 2020 : 3,137


02 PEMERIKSAAN FIZIKAL KE ATAS REKOD-REKOD PERAKAUNAN DI BAWAH SEKSYEN 245 AS 2016 DAN SEKSYEN 69 APLT 2012
 2022 : 107 | 2021 : 28 | 2020 : 31


03 PROGRAM KESEDARAN UNTUK PENGARAH, SETIAUSAHA SYARIKAT DAN PLT
 2022 : 203 | 2021 : 64,182 | 2020 : 11,893

JENIS-JENIS AKTIVITI PEMANTAUAN

Penyata Kewangan Bersyarat

 2022 : 2,883
 2021 : 1,364
 2020 : 408

Penyata Kewangan EPC

 2022 : 704
 2021 : 1,052
 2020 : NA

Laporan Pengarah

 2022 : 898
 2021 : NA
 2020 : NA

Penyata Kewangan Tidak Beraudit

 2022 : 253
 2021 : 1,245
 2020 : 172

Syarikat Asing

 2022 : 360
 2021 : 113
 2020 : NA

Perkongsian Liabiliti Terhad

 2022 : 260
 2021 : 518
 2020 : 428

Syarikat Amanah

 2022 : 38
 2021 : 37
 2020 : 37

Penyata Kewangan yang Disatukan

 2022 : 10
 2021 : NA
 2020 : NA

Program Kesedaran

 2022 : 203
 2021 : 64,182
 2020 : 11,893

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

156
SYARIKAT

KOMPAUN DI BAWAH SEKSYEN 245 AS 2016

Kegagalan syarikat dalam menyimpan rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain.

54
SYARIKAT

TINDAKAN DI BAWAH SEKSYEN 246 AS 2016

Kegagalan pengarah syarikat dan anak syarikat awam dalam memastikan sistem kawalan dalaman syarikat berkaitan aset-aset dan transaksi perakaunan dikawal dan direkod dengan sewajarnya.

87
SYARIKAT

ARAHAN AMALAN 3/ 2017

Kegagalan mematuhi Arahuan Amalan 3/ 2017: *Qualifying Criteria for Audit Exemption for Certain Categories of Private Companies*.

49
SYARIKAT

KOMPAUN DAN TINDAKAN DI BAWAH SEKSYEN 244 AS 2016

Kegagalan menggunakan piawaian perakaunan yang betul dalam penyediaan Penyata Kewangan.

62
PLT

KOMPAUN DI BAWAH SEKSYEN 27B(4) ASSM 2001

Kegagalan syarikat dan PLT memberikan maklum balas terhadap notis di bawah seksyen 27B ASSM 2001.

859
SYARIKAT

PROGRAM KESEDARAN

Mengadakan program kesedaran kepada pengarah syarikat berkaitan penyediaan laporan pengarah di bawah seksyen 253 dan Jadual Ke-V, Bahagian 1, AS 2016 dan penyata kewangan disatukan di bawah seksyen 250 AS 2016

PEMANTAUAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN

Pemantauan ke atas Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) dijalankan bagi memastikan pematuhan AS 2016, syarat-syarat lesen di bawah seksyen 45(5) AS 2016 dan Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan. Selain itu, kerana statusnya sebagai sebuah syarikat bukan berorientasikan keuntungan dan mudah terdedah kepada risiko disalah guna untuk aktiviti yang tidak sah.

Pada tahun 2022, SSM telah menjalankan pemeriksaan ke atas 500 Penyata Kewangan SBMJ bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan. Sebanyak lima (5) notis telah dihantar kepada

SBMJ berhubung verifikasi aset dan 1,616 SBMJ telah dihantar notis di bawah seksyen 27B ASSM 2001 bagi menjawab Borang Maklumat Kewangan (BMK). Sebanyak 176 notis dihantar kepada SBMJ bagi dana permulaan RM1 juta yang perlu diperolehi dalam tempoh enam (6) bulan selepas diperbadankan. Sebanyak 369 notis dikeluarkan bagi pemeriksaan menggunakan Pendekatan Berasaskan Risiko.

Ringkasan aktiviti pemantauan SBMJ bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

	115 (2021 : -) (2020 : 15)	Pemeriksaan penyimpanan rekod-rekod perakaunan dan rekod lain
	176 (2021 : 64) (2020 : 24)	Pemeriksaan dana permulaan RM1 juta
	5 (2021 : 3) (2020 : 3)	Pemeriksaan verifikasi aset
	500 (2021 : 250) (2020 : -)	Pemeriksaan penyata kewangan bersyarat/ tidak bersyarat
	369 (2021 : 163) (2020 : -)	Pemantauan menggunakan Pendekatan Berasaskan Risiko
	1,616 (2021 : 1,594) (2020 : 1,557)	Pengeluaran Borang Maklumat Kewangan (BMK)

Tindakan penguatkuasaan ke atas SBMJ bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

	NOTIS PERINGATAN 579	Kegagalan menjawab Borang Maklumat Kewangan (BMK)
	NOTIS PERINGATAN 5	Kegagalan menyimpan rekod-rekod perakaunan dan rekod lain
	KOMPAUN DI BAWAH SEKSYEN 245 AS 2016 33	Kegagalan menyimpan rekod-rekod perakaunan dan rekod lain
	KOMPAUN DI BAWAH SEKSYEN 588(2) AS 2016 85	Kegagalan menggunakan pakai piawaian perakaunan yang diluluskan dalam penyediaan Penyata Kewangan
	KOMPAUN DI BAWAH SEKSYEN 27B(4) ASSM 2001 58	Kegagalan menjawab notis 27B ASSM 2001

PEMANTAUAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR

Akta Skim Kepentingan 2016 (ASK 2016) adalah satu perundangan tunggal untuk mentadbir dan mengawal selia Skim Kepentingan Berdaftar (SKB). SKB adalah satu bentuk pengumpulan dana alternatif di mana sumbangan oleh pemegang kepentingan dikumpulkan di dalam perusahaan yang sama. Objektif pemantauan adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti jenis-jenis SKB untuk dijadikan asas bagi mengambil tindakan di bawah ASK 2016;
- Memastikan pegawai-pegawai syarikat pengurusan (operator skim) mengamalkan tadbir urus korporat yang baik;
- Memastikan hak dan pemegang-pemegang kepentingan SKB dilindungi;
- Memastikan pemegang amanah bagi skim yang dilantik melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang termaktub di bawah ASK 2016;
- Memastikan syarikat pengurusan (operator skim) mematuhi peruntukan di bawah ASK 2016 dan mematuhi Surat Ikatan Amanah (SIA) dan prospektus yang didaftarkan dan mengeluarkan peringatan kepada syarikat yang telah dikenal pasti; dan
- Memastikan SIA, Surat Ikatan Amanah Tambahan (SIAT) dan Prospektus diperiksa.

Mekanisme perlindungan terhadap pemegang kepentingan adalah seperti berikut:

AKTA SKIM KEPENTINGAN 2016

Seksyen 9(5)

Kuasa Pendaftar untuk mengarahkan syarikat memberi pampasan kepada pelabur terdahulu sebelum mendaftarkan skim

Seksyen 42

Kuasa Pendaftar untuk mengeluarkan Perintah Berhenti ke atas syarikat pengurusan

Seksyen 55

Hak pemegang kepentingan untuk meminta pengarah syarikat pengurusan supaya memanggil mesyuarat pemegang kepentingan

Seksyen 71


Kuasa Pendaftar untuk campur tangan sekiranya pengendalian skim tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan

Seksyen 72

Kuasa Pendaftar untuk menamatkan skim tidak berdaftar

Statistik pemeriksaan SKB yang melibatkan pemantauan fizikal dan data bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

STATISTIK PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN DATA



TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH ASK 2016

Seksyen 28(4)

2
Skim

Kehendak untuk mendaftarkan dan menyerah simpan prospektus atau pernyataan penzahiran produk

Seksyen 45(2)

2
Skim

Kewajipan dan obligasi am syarikat pengurusan

HEBAHAN KESEDARAN AWAM BERHUBUNG PENYEDIAAN LAPORAN ULASAN PERNIAGAAN KE ATAS SYARIKAT AWAM TERSENARAI DAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN

Di bawah seksyen 253(3) AS 2016, Laporan Ulasan Perniagaan telah diperkenalkan menjadi sebahagian daripada Laporan Pengarah yang disertakan bersama Penyata Kewangan syarikat. Laporan tersebut diperkenalkan bertujuan untuk menggalakkan syarikat membuat pelaporan secara sukarela mengenai kawalan dalaman dan inisiatif tanggungjawab korporat yang dilaksanakan oleh syarikat.

Bermula pada tahun 2022, Kaji Selidik Laporan Ulasan Perniagaan 2022 secara dalam talian telah dijalankan kepada 767 Syarikat Awam Tersenarai (PLC), manakala program hebatan awam melalui e-poskad bagi meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pengarah dan setiausaha PLC turut dilaksanakan kepada 928 PLC.

Kaji selidik ini juga telah dijalankan kepada 1,795 SBMJ manakala program kesedaran bagi meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pengarah dan setiausaha SBMJ berhubung ulasan perniagaan turut dihebahkan kepada pengarah dan setiausaha di 2,153 SBMJ.

Semakan terperinci juga telah dibuat ke atas 2,609 Penyata Kewangan bagi keseluruhan 928 PLC bagi mengenal pasti PLC yang telah membuat pendedahan ulasan perniagaan dalam Laporan Pengarah. Hasil semakan mendapat sebanyak sembilan (9) PLC telah membuat pendedahan ulasan perniagaan dalam Laporan Pengarah di Penyata Kewangan. Ringkasan aktiviti berkaitan Laporan Ulasan Perniagaan bagi PLC dan SBMJ adalah seperti berikut:

AKTIVITI ULASAN PERNIAGAAN BAGI PLC




AKTIVITI ULASAN PERNIAGAAN BAGI SBMJ



SIASATAN

Pada tahun 2022, sejumlah 465 kes telah disiasat atas pelbagai kesalahan di bawah Akta-Akta seliaan SSM. Aktiviti siasatan dijalankan bagi memastikan setiap aduan yang dirujuk dari orang awam dan agensi akan melalui proses inkir awal dimana kertas inkir (KI) dibuka bagi menganalisa aduan dan bukti dokumen bagi menentukan sama ada terdapat merit kesalahan di bawah peruntukan Akta-Akta seliaan SSM. Sekiranya terdapat merit kesalahan, kertas siasatan (KS) akan dibuka bagi melengkapkan siasatan dan seterusnya akan dirujuk ke Bahagian Pendakwaan untuk semakan dan tindakan selanjutnya. Analisa dan statistik siasatan adalah seperti berikut:


STATISTIK KI/ KS



JENIS KESALAHAN



JENIS KESALAHAN MENGIKUT AKTA-AKTA YANG DIKAWAL SELIA OLEH SSM



- 378** Akta Syarikat 2016
- 7** Akta Skim Kepentingan 2016
- 6** Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
- 53** Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- 17** Akta Syarikat 1965
- 4** Akta (Larangan) Wang Kutu 1971

SSM telah melaksanakan jalinan strategik bersama dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan dalam pengumpulan bukti dan maklumat saksi bagi membantu siasatan yang dijalankan oleh SSM.

RAKAMAN PERCAKAPAN

1613

sesi

PENDAKWAAN

14

kes yang melibatkan pelbagai kesalahan di bawah AS 1965/ 2016

SENARAI HITAM

10

disenarai hitamkan

NOTIS

1,707Notis seksyen 111
Kanun Prosedur Jenayah
untuk rakaman
percakapan**270**Notis seksyen 27B(2)(a)
ASSM 2001
untuk mendapatkan
maklumat**221**Notis di bawah
seksyen 27B(2)(b) ASSM
2001 untuk mendapatkan
dokumen

PENGURUSAN EKSHIBIT

152Ekshibit
yang didaftarkan**98**Ekshibit
yang dipulangkan

CARIAN MAKLUMAT

30JABATAN
INSOLVENSI**7**

MAHKAMAH

87

BANK

31JABATAN
KIMIA**43**JABATAN
PENGANGKUTAN
JALAN**54**JABATAN
PENDAFTARAN
NEGARA**466**SYARIKAT
TELEKOMUNIKASI**59**JABATAN
IMIGRESEN**1**IKLAN
FACEBOOK**369**CARIAN
SYARIKAT

PEMERIKSAAN

37ALAMAT DAFTAR
SYARIKAT**131**ALAMAT
KEDIAMAN SAKSI DAN
SUSPEK

MESYUARAT BERSAMA AGENSI PENGUATKUASA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

KERJASAMA ANTARA SSM DAN PUSAT PENCEGAHAN JENAYAH KEWANGAN NASIONAL

Kerjasama antara SSM dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) bermula pada 2011 melalui platform Pasukan Petugas Khas (PPK) di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan objektif khusus untuk mendapatkan semula hasil negara yang hilang dan mengawal ketirisan yang melibatkan aktiviti haram. SSM telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif Tetap NFCC sejak 2019 yang bertanggungjawab membantu

hala tuju NFCC dan terlibat dalam pelbagai operasi bersepada bersama agensi penguatkuasaan lain di bawah seliaan dan koordinasi NFCC dalam membanteras jenayah kewangan di Malaysia. Bagi menzahirkan iltizam dan hasrat tersebut, satu Memorandum Persefahaman (MOU) antara SSM dan NFCC telah ditandatangani pada 9 Ogos 2022.




Kedua-dua pihak secara kolektif memutuskan bahawa skop kerjasama adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

1	2	3	4	5	6	7
Perkongsian data dan maklumat yang relevan yang berkaitan jenayah kewangan di dalam atau luar negara untuk tujuan profil dan analisa jenayah kewangan	Analisa bersama dalam mengenal pasti sasaran siasatan yang melibatkan operasi yang akan ditentukan dan dipersetujui kedua-dua pihak	Aktiviti risikan dan siasatan secara bersama dalam operasi bersepada bagi kes-kes yang telah dipilih dan diputuskan oleh Jawatankuasa Eksekutif (JKE) NFCC	Inisiatif bagi mengemukakan syor secara bersama berhubung penambahbaikan dasar untuk pencegahan jenayah kewangan	Program-program pencegahan dan kesedaran masyarakat berkaitan jenayah kewangan	Inisiatif bagi mengadakan latihan bersama/ pembangunan Kapasiti Modal Insan	Khidmat rundingan dari aspek pengurusan harta yang disita dan dilucut hak

MODUL PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 591 AKTA SYARIKAT 2016

Pembangunan modul ini adalah berkaitan dengan penguatkuasaan di bawah peruntukan seksyen 591 AS 2016. Modul ini disediakan dengan tujuan untuk memberikan pendidikan dan pengetahuan yang berterusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan bagi memastikan budaya pematuhan tadbir urus korporat diamalkan.


Empat (4) modul telah disediakan pada tahun 2022 dimana tiga (3) modul telah dikongsi kepada orang awam dan pihak berkepentingan melalui program *Corporate Talk* anjuran COMTRAC.



PENAMBAHBAIKAN MAKLUMAT DI PAUTAN E-SIASATAN DI LAMAN WEB RASMI SSM

SSM telah mengambil pendekatan proaktif dengan perkongsian maklumat dan meningkatkan kesedaran kepada pemegang taruh terutamanya kepada orang awam berkaitan jenayah penipuan seperti pelaburan haram dan skim tidak berdaftar. Pautan pantas e-Siasatan boleh dicapai di laman web rasmi SSM: <https://www.ssm.com.my/Pages/Services/Other-Services/e-Investigation.aspx>.

Pautan e-Siasatan tersebut telah ditambah baik dengan tiga (3) jenis maklumat tambahan seperti berikut:



PENDAFTARAN KES MAHKAMAH TAHUN 2022

Tahun 2022 mencatatkan peningkatan bilangan pendaftaran kes pendakwaan di Mahkamah. SSM telah mendaftarkan 6,082 kes di Mahkamah pada tahun 2022 berbanding 5,732 kes pada tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak 6.12%. Statistik kes

kesalahan Tadbir Urus Korporat yang didaftarkan di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan APP 1956 adalah seperti jadual di bawah:

KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN		
	2022	2021	2020
Seksyen 12(1)(d) APP 1956: Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar.	2	-	1
Seksyen 7D(5) AS 1965: Kegagalan mematuhi notis 7D(1) untuk memberikan sebab yang kukuh kepada Pendaftar.	-	-	-
Seksyen 89 AS 1965: Kepentingan dikeluarkan oleh syarikat sahaja.	-	-	-
Seksyen 91(1) AS 1965: Tiada pengeluaran tanpa surat ikatan yang diluluskan.	-	-	2
Seksyen 125(1) AS 1965: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	-	2	-
Seksyen 128(2) AS 1965: Pemecatan pengarah-pengarah tanpa notis khas.	-	-	-
Seksyen 131(1) AS 1965: Kegagalan mengemukakan kepentingan kepada syarikat di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.	-	-	-
Seksyen 132(1) AS 1965: Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat.	-	-	-
Seksyen 132(2)(c) AS 1965: Seseorang pengarah atau pegawai syarikat tidak boleh, menggunakan kedudukannya sebagai pengarah atau pegawai syarikat tanpa persetujuan atau ratifikasi suatu mesyuarat agung.	-	-	4
Seksyen 132(2)(a) AS 1965: Seseorang pengarah atau pegawai syarikat tidak boleh, menggunakan harta syarikat tanpa persetujuan atau ratifikasi suatu mesyuarat agung.	14	-	-
Seksyen 132(2)(d) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan peluang dalam syarikat yang dia sedari.	-	-	-
Seksyen 364(2) AS 1965: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	1	1	3
Seksyen 370(1) AS 1965: Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan.	-	-	-

KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN		
	2022	2021	2020
Seksyen 167(2) AS 1965: Gagal menyimpan rekod audit perakaunan syarikat selama 7 tahun.	-	-	1
Seksyen 198(1) AS 2016: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	-	3	2
Seksyen 593(a) AS 2016: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	1	1	-
Seksyen 593(b) AS 2016: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	-	-	1
Seksyen 591(2)(a) AS 2016: Pernyataan palsu yang mengelirukan.	5	2	5
Seksyen 27B(1)(a) ASSM 2001: Gagal mematuhi notis menghadiri rakaman percakapan di hadapan Pendaftar.	-	-	-
Seksyen 80(1) APLT 2012: Kenyataan palsu dan mengelirukan.	-	1	-
Seksyen 484(6) AS 2016: Gagal mengemukakan liabiliti di dalam Pernyataan Hal Ehwal Syarikat.	-	-	-
Seksyen 245(9) AS 2016: Gagal menyimpan akaun syarikat.	-	-	1
Seksyen 3(2)(a) ASK 2016: Dilarang membuat penawaran bagi sesuatu skim yang tidak didaftarkan.	-	-	-
Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971: Menganjurkan kumpulan wang kutu yang melibatkan pembayaran oleh orang awam.	-	-	1
Seksyen 597(1) AS 2016: Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran "Berhad" atau "Limited" merupakan singkatan atau perkataan yang terakhir tanpa kebenaran.	-	-	1
Seksyen 230 AS 2016: Tiada mesyuarat agung berkenaan menghendaki semua bayaran para pengarah dan apa-apa faedah yang perlu dibayar kepada para pengarah, mesti disetujui oleh para pemegang saham.	-	2	-
JUMLAH	23	12	22

Statistik bagi kes kesalahan-kesalahan lazim yang didaftarkan di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan APP 1956 adalah seperti jadual di bawah:

KATEGORI KESALAHAN- KESALAHAN LAZIM	JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN		
	2022	2021	2020
Seksyen 143(1) AS 1965: Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.	163	214	131
Seksyen 169(1) AS 1965: Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan.	43	66	121
Seksyen 165(4) AS 1965: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	585	1,528	1,610
Seksyen 68(1) AS 2016: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	4,589	3,413	2,508
Seksyen 121(1)(b) AS 1965: Gagal mencetak nama syarikat dan nombor syarikat di atas semua surat rasmi syarikat.	-	-	-
Seksyen 121(3) AS 1965: Kegagalan mempamerkan nama syarikat di semua pejabat.	-	-	-
Seksyen 369(1)(c) AS 1965: Kesalahan lazim (am).	-	-	-
Seksyen 588(1)(c) AS 2016: Kesalahan lazim (am).	-	-	-
Seksyen 12(1)(a) APP 1956: Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran.	-	5	34
Seksyen 12(1)(b) APP 1956: Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh.	8	36	63
Seksyen 12(1)(c) APP 1956: Gagal memberikan maklumat kepada Pendaftar.	-	-	-
Seksyen 12(2) APP 1956: Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan.	1	65	76
Seksyen 17A(1)(b) APP 1956: Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan.	6	3	12
Seksyen 17A(2) APP 1956: Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda.	-	62	118
Seksyen 30 (1)(b) AS 2016: Sesuatu syarikat hendaklah mempamerkan nama berdaftarnya dan nombor pendaftaran syarikat di tiap-tiap tempat dimana perniagaannya dijalankan.	4	-	-
Seksyen 259(1)(a) AS 2016: Kewajipan untuk menyerah simpan Penyata Kewangan dan laporan dengan Pendaftar.	660	328	43
JUMLAH	6,059	5,720	4,716

SSM mempunyai bidang kuasa untuk mengendalikan kes pendakwaan di Mahkamah bagi kesalahan-kesalahan di bawah AS 1965, AS 2016, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971, APP 1956, APLT 2012, ASSM 2001 dan ASK 2016 seperti yang diperuntukkan di

dalam Jadual Pertama, ASSM 2001. Statistik bagi kes kesalahan Tadbir Urus Korporat yang didakwa di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016 dan APP 1956 adalah seperti jadual di bawah:

KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT	JUMLAH KES YANG DIDAKWA		
	2022	2021	2020
Seksyen 91(1) AS 1965: Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan.	-	-	-
Seksyen 94(1)(b) AS 1965: Gagal untuk mematuhi waad dalam surat ikatan amanah yang diluluskan.	-	-	-
Seksyen 7D(5) AS 1965: Kegagalan mematuhi notis 7D(1) untuk memberikan sebab yang kukuh kepada Pendaftar.	-	-	-
Seksyen 125(1) AS 1965: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	-	1	-
Seksyen 132(1) AS 1965: Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat.	-	-	-
Seksyen 132(2)(a) AS 1965: Menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung.	14	2	-
Seksyen 132(2)(c) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat.	-	2	-
Seksyen 363(3) AS 1965: Menawarkan syer-syer bagi pesanan atau belian kepada orang ramai.	-	-	-
Seksyen 364(2) AS 1965: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	3	-	1
Seksyen 364A(1)(a) AS 1965: Seorang pegawai dengan disedarinya dan dengan sengaja memberi kuasa membuat apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada ahli-ahli syarikat tersebut.	-	-	-
Seksyen 198(1) AS 2016: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah.	-	-	1
Seksyen 593(a) AS 2016: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	1	-	-
Seksyen 593(b) AS 2016: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan.	-	-	4
Seksyen 245(9) AS 2016: Gagal menyimpan akaun syarikat.	-	-	1
Seksyen 12(1)(d) APP 1956: Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar.	2	-	1
Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971: Menganjurkan kumpulan wang kutu yang melibatkan pembayaran oleh orang awam.	-	-	1
Seksyen 597(1) AS 2016: Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran yang "Berhad" atau "Limited" merupakan perkataan atau singkatan yang terakhir, orang itu, melainkan jika diperbadankan dengan liabiliti terhad dengan sewajarnya.	-	-	1
Seksyen 591(2)(a) AS 2016: Pernyataan palsu yang mengelirukan.	4	1	-
JUMLAH	24	6	10

Statistik bagi kes kesalahan-kesalahan lazim yang didakwa di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016 dan APP 1956 adalah seperti jadual di bawah:

KATEGORI KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM	JUMLAH KES YANG DIDAKWA		
	2022	2021	2020
Seksyen 143(1) AS 1965: Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.	230	242	204
Seksyen 169(1) AS 1965: Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan.	10	37	26
Seksyen 165(4) AS 1965: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	526	546	1,412
Seksyen 165A AS 1965: Gagal melampirkan Penyata Juruaudit.	-	-	-
Seksyen 68(1) AS 2016: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan.	6,838	5,279	3,135
Seksyen 370(1) AS 1965: Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan.	-	-	-
Seksyen 139C AS 1965: Setiausaha yang hilang kelayakan.	-	-	-
Seksyen 12(1)(a) APP 1956: Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran.	-	522	1
Seksyen 12(1)(b) APP 1956: Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh.	11	149	30
Seksyen 12(2) APP 1956: Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan.	20	120	17
Kaedah 17A(1)(b) APP 1956: Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan.	5	2	1
Kaedah 17A(2) APP 1956: Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda.	24	168	22
Kaedah 17A(3) APP 1956: Menggunakan nama perniagaan tanpa mendapat kebenaran Menteri.	1	-	-
Seksyen 259(1)(a) AS 2016: Kewajipan untuk menyerah simpan Penyata Kewangan dan laporan dengan Pendaftar.	715	160	-
JUMLAH	8,380	7,225	4,848

KES-KES PENTING DALAM TAHUN 2022

Tahun 2022 mencatatkan jumlah sabitan sebanyak 181 kes. Ringkasan kes-kes penting yang dikendalikan oleh SSM adalah seperti berikut:

PIHAK-PIHAK	JENIS KESALAHAN	KESALAHAN (SEKSYEN)	KETERANGAN
Pendakwa Raya lawan Aziz Bin Intan	<p>Pengarah tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung menggunakan harta syarikat untuk mendapatkan keuntungan secara langsung.</p> <p>Dan</p> <p>Pengarah tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung menggunakan kedudukannya sebagai pengarah untuk mendapatkan keuntungan secara langsung.</p>	<p>Seksyen 132(2)(a) AS 1965</p> <p>Dan</p> <p>Seksyen 132(2)(c) AS 1965</p>	<p>Responden telah mengaku salah bagi kedua-dua pertuduhan di Mahkamah Sesyen Kangar. Hakim Mahkamah Sesyen Kangar telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,000 bagi setiap pertuduhan, jika gagal bayar, penjara selama tiga (3) bulan.</p> <p>Perayu (SSM) telah merayu terhadap hukuman tersebut di Mahkamah Tinggi Kangar kerana tidak berpuas hati dengan jumlah denda yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen Kangar.</p> <p>Seterusnya, Mahkamah Tinggi Kangar telah memerintahkan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen Kangar diketepikan dan digantikan dengan hukuman denda sebanyak RM10,000, jika gagal bayar, enam (6) bulan penjara bagi pertuduhan pertama dan denda RM15,000, jika gagal bayar, sembilan (9) bulan penjara bagi pertuduhan kedua terhadap Responden.</p>
Pendakwa Raya lawan Mohd Nor Shahidan Bin Sazali	Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar	Seksyen 12(1)(d) APP 1956	OKS telah mengaku salah bagi dua (2) pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Mahkamah Sesyen Seremban telah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM4,000 bagi setiap pertuduhan, jika gagal bayar, dua (2) bulan penjara.
Pendakwa Raya lawan NWP Holdings Berhad	Membuat pembayaran fi terhadap pengarah tanpa kelulusan pemegang-pemegang saham syarikat di Mesyuarat Agung Syarikat	Seksyen 230(1)(b) AS 2016	OKS telah menghantar representasi bertulis kepada TPR SSM bagi dua (2) pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. OKS dikompaun dengan nilai kompaun berjumlah RM100,000 bagi setiap pertuduhan.
Pendakwa Raya lawan Lim Wei Khim	Bankrap yang belum dilepaskan bertindak sebagai pengarah syarikat tanpa kebenaran Mahkamah	Seksyen 125(1) AS 1965	OKS telah mengaku salah bagi pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Mahkamah Sesyen Ayer Keroh telah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000, jika gagal bayar, penjara tiga (3) bulan.
Pendakwa Raya lawan Lim Wei Khim	Bankrap yang belum dilepaskan bertindak sebagai pengarah syarikat tanpa kebenaran Mahkamah	Seksyen 198(1) AS 2016	OKS telah mengaku salah bagi pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Mahkamah Sesyen Ayer Keroh telah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM24,000, jika gagal bayar, penjara dua (2) bulan.

PIHAK-PIHAK	JENIS KESALAHAN	KESALAHAN (SEKSYEN)	KETERANGAN
Pendakwa Raya lawan Wu Yap Long	Pemilik perniagaan yang menjalankan perniagaan selepas tarikh luput pendaftaran perniagaan	Seksyen 12(1)(b) APP 1956	OKS telah mengaku salah bagi pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Mahkamah Sesyen Shah Alam telah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM4,000, jika gagal bayar, penjara tiga (3) bulan.
Pendakwa Raya lawan Wu Yap Kun	Pemilik perniagaan/ rakan kongsi yang menjalankan perniagaan selepas tarikh luput pendaftaran perniagaan dan liabiliti rakan kongsi perniagaan	Seksyen 12(1)(b) APP 1956 Dan Seksyen 17(3) APP 1965	OKS telah mengaku salah bagi pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Mahkamah Sesyen Shah Alam telah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM3,000, jika gagal bayar, penjara tiga (3) bulan.
Pendakwa Raya lawan Tan Siew Ying	Pemilik perniagaan yang menjalankan perniagaan selepas tarikh luput pendaftaran perniagaan	Seksyen 12(1)(b) APP 1956 (Kes 1)	OKS telah mengaku salah bagi pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Mahkamah Sesyen Georgetown telah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM7,000, jika gagal bayar, penjara lima (5) bulan.
Pendakwa Raya lawan Tan Siew Ying	Pemilik perniagaan yang menjalankan perniagaan selepas tarikh luput pendaftaran perniagaan	Seksyen 12(1)(b) APP 1956 (Kes 2)	OKS telah mengaku salah bagi pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Mahkamah Sesyen Georgetown telah mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM7,000, jika gagal bayar, penjara lima (5) bulan.

SABITAN PENDAKWAAN TAHUN 2020 HINGGA 2022

Statistik sabitan oleh Mahkamah adalah seperti di bawah:

KATEGORI	KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT			KESALAHAN LAZIM		
	2022	2021	2020	2022	2021	2020
Syarikat	-	-	-	170	90	309
Pengarah	3	8	3	-	-	-
Pemilik/ Perniagaan Individu	2	-	1	6	18	34
JUMLAH	5	8	4	176	108	343

PERSIDANGAN PENGUATKUASAAN (ECON) SSM 2022

SSM telah menganjurkan Persidangan Penguatkuasaan (ECON) SSM 2022 pada 30 November hingga 2 Disember 2022. ECON 2022 ini melibatkan penyertaan seramai 71 orang peserta daripada Ibu Pejabat SSM, Pejabat Negeri SSM dan Cawangan-cawangan SSM. Tema ECON 2022 ialah '*Modernising SSM Enforcement Dynamics through Technology Advancement.*'



LITIGASI

STATISTIK KES SIVIL

Berikut merupakan perbandingan statistik kes sivil dari tahun 2020 hingga 2022:

TAHUN	JUMLAH FAIL YANG DIKENDALIKAN	JUMLAH FAIL YANG DITUTUP
2022	422	157
2021	519	307
2020	678	386
JUMLAH	1,619	850

Kes-kes sivil adalah meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) Permohonan memasukkan semula nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (*Reinstatement*) di bawah seksyen 555 AS 2016;
- (b) Permohonan melanjutkan masa pendaftaran gadaian dan meminda butir-butir gadaian di bawah seksyen 361 AS 2016;
- (c) Permohonan pengisytiharan pembatalan pembubaran syarikat (*void dissolution*) di bawah seksyen 535(1) AS 2016;
- (d) Permohonan berkaitan pembetulan Daftar

Anggota (*Register of Members*) menurut seksyen 103 AS 2016;

- (e) Permohonan berkaitan dengan Pembetulan Daftar di bawah seksyen 602 AS 2016;
- (f) Permohonan berkaitan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) di bawah seksyen 45 AS 2016;
- (g) Kes-kes berkaitan insolvensi dan aset syarikat bubar di bawah AS 2016;
- (h) Kes-kes melibatkan Skim Kepentingan di bawah Akta Skim Kepentingan 2016;
- (i) Permohonan pembetulan Daftar Perniagaan di bawah seksyen 7 APP 1956; dan

- (j) Kes-kes writ saman yang melibatkan injunksi, tuntutan kecuaian dan ganti rugi terhadap SSM.

Statistik kes-kes baharu di atas menunjukkan walaupun negara berada dalam fasa peralihan bagi wabak COVID-19 daripada pandemik kepada endemik, didapati berlaku peningkatan dalam pengendalian kes-kes litigasi di seluruh Mahkamah di Malaysia yang melibatkan SSM sebagai pihak yang dinamakan dalam sesuatu permohonan mahupun dalam sesuatu tindakan saman atau Writ. Kebanyakan kes baharu ini melibatkan permohonan syarikat untuk melanjutkan masa pendaftaran gadaian atau meminda butir-butir Gadaian dan permohonan memasukkan semula nama syarikat yang telah dibubarkan (*reinstatement of company*). Pada tahun 2022, sebanyak 678 kes baharu yang dikendalikan oleh SSM dengan peningkatan sebanyak 30.63% berbanding hanya 519 kes pada tahun 2021.

KES-KES PENTING KENDALIAN SSM PADA TAHUN 2022

Sepanjang tahun 2022, SSM telah mengendalikan beberapa kes penting yang memberi impak ke atas fungsi SSM sebagai Pendaftar dan juga sebagai Pengawal Selia ke atas syarikat mahupun perniagaan di Malaysia. Kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Mahkamah Tinggi Johor Bahru No Saman Pemula: JA-24NCVC-272-04/2019 (Puncak Mahawangsa Sdn Bhd & 2 Lg v Suruhanjaya Syarikat Malaysia);
- (b) Mahkamah Persekutuan Malaysia di Putrajaya Rayuan Sivil No: 08(F)-286-05/2022(W) (Kaj Development Sdn Bhd v Sinohydro Corporation (M) Sdn Bhd & Suruhanjaya Syarikat Malaysia); dan
- (c) Mahkamah Tinggi Kuantan Saman Pemula No: CA-24NCC-8-7/2022 (Sheikh Saidey Nor bin Sheikh Abdul Rahman & 1 lagi v Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia).

Mahkamah Tinggi Johor Bahru No Saman Pemula: JA-24NCVC-272-04/2019 (Puncak Mahawangsa Sdn Bhd & 2 Lagi v Suruhanjaya Syarikat Malaysia)

Plaintif Pertama dan Defendant Pertama adalah pengarah dan pemegang saham Plaintiff Kedua (Syarikat), dengan pegangan saham masing-masing sebanyak 80% dan 20%. Menurut EGM yang diadakan pada 30 Oktober 2017 yang telah diadakan oleh Plaintiff Pertama, beberapa resolusi telah diluluskan, termasuk pelantikan pengarah baharu dan penyingkiran Defendant Pertama sebagai pengarah Syarikat. Walaupun notis telah dihantar kepada Plaintiff Pertama dan Defendant Pertama, Defendant Pertama tidak hadir. Oleh itu, Plaintiff Pertama menggunakan kuasanya sebagai pemegang saham majoriti untuk mengadakan mesyuarat dan memutuskan agenda semasa ketiadaan Defendant Pertama.

Defendant Pertama telah membuat aduan kepada SSM terhadap Plaintiff Pertama dengan mendakwa bahawa Plaintiff Pertama telah mengadakan EGM tanpa kuorum

dan akibatnya, resolusi yang diluluskan adalah batal dan tidak sah. SSM telah menjalankan siasatan dan mendapat bahawa Plaintiff Pertama sebenarnya telah mengarahkan setiausaha syarikat untuk mengadakan EGM pada 30 Oktober 2017. Akibatnya, pada awal tahun 2019, SSM telah mendakwa Plaintiff Pertama di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, kerana melanggar seksyen 328(4) dan (5) AS 2016, yang merupakan kesalahan di bawah seksyen 588 AS 2016.

Selepas pertuduhan di Mahkamah Sesyen, Plaintiff memfailkan permohonan untuk pengisyntiharannya bahawa pelantikan pengarah baharu Plaintiff Kedua pada 30 Oktober 2017 mengikut terma perjanjian bertarikh 27 Ogos 2015 adalah sah, berkuat kuasa dan boleh dikuatkuasakan; bahawa Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang diadakan pada 30 Oktober 2017 adalah sah dan teratur; dan bahawa pihak yang hadir pada EGM yang diadakan pada 30 Oktober 2017 adalah kuorum yang mencukupi di bawah seksyen 328 AS 2016 untuk Plaintiff Pertama dan Kedua untuk meneruskan mesyuarat.

Pertikaian Plaintiff adalah berdasarkan doktrin *condonation* di mana, Plaintiff-Plaintiff mendakwa SSM, melalui salah seorang pegawainya telah menasihati Setiausaha Syarikat Plaintiff Kedua di mana pegawai SSM itu dikatakan telah memberi jaminan kepada Setiausaha Syarikat Plaintiff Kedua bahawa EGM boleh diteruskan tanpa kehadiran Defendant Kedua.

Mahkamah menolak permohonan Plaintiff atas alasan bahawa Plaintiff Pertama telah melanggar peruntukan Akta Syarikat dan oleh itu, SSM telah memulakan tindakan pendakwaan ke atasnya. Pembelaan *condonation* Plaintiff Pertama tidak dapat dipertahankan kerana tiada bukti sebarang representasi yang dibuat oleh pegawai SSM, malah jika ia memang dibuat, ia bukan representasi rasmi yang dibuat secara bertulis dan oleh itu, tidak boleh dipercayai. Oleh itu, sekiranya Mahkamah membenarkan Permohonan Plaintiff Pertama, ini adalah seperti membenarkan Plaintiff Pertama melanggar peruntukan AS 2016.

Mahkamah Persekutuan Malaysia Di Putrajaya bagi kes Rayuan Sivil No: 08(F)-286-05/2022(W) (KAJ Development Sdn Bhd v Sinohydro Corporation (M) Sdn Bhd & Suruhanjaya Syarikat Malaysia)

Pemohon di dalam kes ini iaitu KAJ Development Sdn Bhd telah memfailkan kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 21 April 2022 melalui Rayuan No. W-01(NCC)(A)-663-12/2020.

Di peringkat Mahkamah Tinggi, Pemohon telah memfailkan Saman Pemula WA-24NCC-312-06/2019 untuk perintah bahawa Pernyataan Butir-Butir Gadaian bertarikh 8 Februari 2018 yang dimasukkan oleh Responden Pertama iaitu Sinohydro Corporation (M) Sdn Bhd selaku pemegang gadaian adalah mengelirukan, tidak tepat dan salah dan untuk Responden Kedua (SSM) memperbetulkan pendaftaran gadaian tersebut dengan mengeluarkan Pernyataan Butir-Butir Gadaian bertarikh 8 Februari 2018 dari daftar syarikat.

Responden Pertama sebaliknya memfailkan Tuntutan Balas menuntut deklarasi bahawa wujudnya gadaian ekuiti di atas tanah yang digadaikan dan memohon untuk merektifikasi Pernyataan Butir-Butir Gadaian tersebut di bawah seksyen 361 AS 2016. Salah satu hujahan Pemohon di dalam kes ini ialah Pernyataan Butir-Butir Gadaian tersebut tidak seharusnya diserahkan simpan di SSM kerana gadaian harta tanah tidak dapat disempurnakan di bawah undang-undang Kanun Tanah Negara.

Walau bagaimanapun, Hakim Mahkamah Tinggi iaitu Yang Arif Tuan Ong Chee Kwan pada 4 Disember 2020 telah menolak permohonan Pemohon di Mahkamah Tinggi dan memutuskan bahawa sebarang perjanjian untuk memberi atau melaksanakan sesuatu gadaian itu sendiri adalah merupakan gadaian dan boleh didaftarkan di bawah peruntukan AS 2016. Pemohon selanjutnya merayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Rayuan pada 21 April 2022 turut menolak rayuan Pemohon dan mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Di peringkat Mahkamah Persekutuan pula, panel Hakim turut bersetuju bahawa gadaian tersebut telah didaftarkan secara teratur di SSM dan pendaftaran gadaian tersebut sewajarnya menggambarkan kewujudan gadaian yang telah didaftarkan. Oleh itu, permohonan kebenaran merayu yang difailkan oleh Pemohon ke Mahkamah Persekutuan adalah ditolak.

Mahkamah Tinggi Kuantan Saman Pemula No. CA-24NCC-8-7/2022 (Sheikh Saidey Nor bin Sheikh Abdul Rahman & 1 lagi v Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia)

Kes ini adalah berkenaan dengan permohonan Plaintiff-Plaintif yang difailkan di bawah seksyen 555 AS 2016 untuk mendaftarkan semula nama Yayasan IHG (Plaintif Kedua) ke dalam daftar syarikat SSM selaku Defendan dalam kes ini. Plaintiff Kedua, merupakan sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) yang diperbadankan pada 4 Disember 2015 di bawah AS 1965. Plaintiff Kedua mempunyai dua (2) orang pengarah iaitu Sheikh Saidey Nor bin Sheikh Abdul Rahman (Plaintif Pertama) dan Sofia binti Affendi. Pada tahun 2016, Plaintiff Kedua dan pengaruhnya telah disiasat oleh PDRM di bawah seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATPUA).

Akaun bank Yayasan IHG telah dibekukan dan disita di bawah AMLATPUA. Pada tahun 2017, kedua-dua pengarah tersebut telah direman dan ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1953 (POCA) dan Plaintiff Pertama pula didakwa di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaaan dan seksyen 4(1) AMLATPUA. Plaintiff Pertama dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) pada tahun 2018 oleh Mahkamah bagi kesalahan-kesalahan tersebut. Pada Februari 2020, Pengarah-pengarah tersebut dilepaskan daripada Perintah Pengawasan Polis. Akaun bank Yayasan IHG juga dilepaskan daripada sitaan pada bulan Februari 2022.

Yayasan IHG dan/ atau pengarah-pengaruhnya telah gagal mematuhi peruntukan seksyen-seksyen 68, 248(1)(b), 258(1)(b), 259(1)(b) dan 340(2) AS 2016 iaitu antaranya gagal untuk menyerahkan simpan dengan SSM, Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan Teraudit syarikat sejak tahun 2017. Disebabkan kegagalan tersebut, SSM mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa Yayasan IHG tidak menjalankan perniagaan atau tidak beroperasi. Oleh yang demikian, pada tahun 2021, SSM memulakan tindakan untuk membatalkan Yayasan IHG dari daftar syarikat menurut seksyen 551 AS 2016 dan pada 22 Oktober 2021 Yayasan IHG dibubarkan.

Plaintif-Plaintif telah memfailkan Saman Pemula menurut seksyen 555 AS 2016 memohon untuk suatu perintah antaranya Yayasan IHG didaftarkan semula ke dalam daftar syarikat dan Plaintiff-Plaintif dikecualikan daripada menyerahkan simpan Penyata Kewangan Teraudit dan Penyata Tahunan yang tertunggak dengan Defendan. Permohonan dibuat atas alasan Yayasan IHG masih mempunyai wang dalam akaun simpanan bank.

SSM membantah terhadap permohonan Plaintiff-Plaintif atas alasan proses pemotongan nama Plaintiff Kedua telah dilakukan mengikut peruntukan undang-undang: serah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan Teraudit adalah mandatori menurut peruntukan AS 2016; Pendaftar mempunyai kuasa untuk memegang harta alih atau harta tak alih syarikat yang telah dibubarkan; dan Pengarah SBMJ hendaklah seorang yang "fit and proper person."

Plaintif-Plaintif mendakwa bahawa wujud keadaan/ peristiwa baharu mencelih (*novus actus interveniens*) di mana Plaintiff Kedua dan pengaruhnya telah disiasat oleh PDRM di bawah seksyen 4 AMLATPUA, pengarah-pengarah ditahan di bawah POCA dan akaun bank Plaintiff Kedua telah dibekukan dan disita di bawah AMLATPUA yang menghalang mereka daripada mematuhi peruntukan AS 2016.

SSM telah peruntukan satu garis panduan bagi penubuhan Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang dikenali sebagai *Guidelines on Company Limited By Guarantee* bertarikh 27 September 2021. Perenggan 10 Garis Panduan SBMJ menyatakan bahawa pengarah SBMJ mestilah seorang yang layak dan sesuai (*fit and proper*) dan tidak dihilangkan kelayakan di bawah AS 2016. Perenggan 11 Garis Panduan SBMJ pula menyatakan bagi tujuan menentukan sama ada seseorang itu layak dan wajar, Pendaftar boleh menjalankan tapisan keselamatan ke atas pengarah dan tapisan keselamatan untuk pengarah hendaklah dikendalikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan/ atau agensi lain.

Defendan telah mendapat pengesahan PDRM bahawa pengarah-pengarah Yayasan IHG tersebut tidak melepassi tapisan keselamatan PDRM. Oleh yang demikian, pada 13 Oktober 2022, Hakim Mahkamah Tinggi Kuantan menolak permohonan Plaintiff-Plaintif dengan kos kepada SSM.



20 TAHUN
TRANSFORMASI



LAPORAN PENGURUSAN
INISIATIF PEMBAHARUAN
UNDANG-UNDANG

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG - UNDANG

SEMAKAN SEMULA AKTA SYARIKAT AMANAH 1949

Syarikat-syarikat amanah di Malaysia dikawal selia di bawah ASA 1949. ASA 1949 mula berkuat kuasa di Malaysia Barat pada 28 September 1949 dan di Malaysia Timur pada 1 Januari 1973. Sebagai sebahagian daripada aktiviti pembaharuan undang-undang, SSM telah memulakan proses untuk menyemak keseluruhan kerangka perundungan ASA 1949 yang belum pernah disemak (secara principal) sejak dikuatkuasakan dengan cadangan untuk memansuhkan dan menggantikannya dengan Rang Undang-Undang Syarikat Amanah yang baharu.

OBJEKTIF SEMAKAN SEMULA AKTA SYARIKAT AMANAH 1949

- 01** Untuk menyediakan parameter yang jelas berkaitan perniagaan amanah atau aktiviti berkaitan amanah dengan memperkenalkan definisi baharu 'perniagaan amanah'.
- 02** Untuk memperjelaskan bahawa hanya syarikat awam dibenarkan mendaftar sebagai syarikat amanah sebelum syarikat tersebut dibenarkan untuk menjalankan perniagaan amanah atau aktiviti berkaitan amanah dan pendaftaran adalah mandatori.
- 03** Untuk mengharmonikan dengan peruntukan di bawah AS 2016 yang dimodenkan dan dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017.
- 04** Untuk mengeluarkan peruntukan-peruntukan sedia ada berkaitan undang-undang amanah Singapura.
- 05** Untuk memperkenalkan satu kerangka pelaporan pemunyaan benefisial untuk *legal arrangements* termasuklah memperkenalkan satu definisi baharu 'pemunya benefisial' perniagaan amanah atau aktiviti berkaitan amanah.
- 06** Untuk menyediakan saksi jenayah terhadap pengarah syarikat amanah kerana melanggar tugas dan tanggungjawab tertentu di bawah Rang Undang-Undang Syarikat Amanah selain daripada saksi yang diperuntukan di dalam AS 2016.
- 07** Untuk memberi jalan kepada syarikat amanah untuk menghentikan perniagaan tertakluk kepada terma dan syarat tertentu.

Rang Undang-Undang Syarikat Amanah baharu dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun 2024 sekiranya diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara.

CADANGAN SEMAKAN SEMULA AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956

Menyedari peranan penting yang dimainkan oleh perniagaan kecil kepada pertumbuhan negara, SSM telah mengambil inisiatif untuk memodenkan APP 1956 dengan objektif untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan dinamik untuk perkembangan perniagaan.

Cadangan pemodenan melalui pemansuhan APP 1956 akan memudahkan peniaga-peniaga kecil (pemilikan tunggal dan perkongsian konvensional) kerana polisi baharu yang dicadangkan akan mencerminkan trend dan perkembangan terkini perniagaan.

Antara kenyataan-kenyataan polisi yang dicadangkan sebagai asas bagi menggubal proses dan prosedur pendaftaran perniagaan yang lebih cekap adalah seperti berikut:

- (a) Kerangka kerja sedia ada untuk mentadbir pendaftaran perniagaan pemilikan tunggal atau perkongsian konvensional berdasarkan kategori aktiviti perniagaan yang sedia ada dikekalkan.
- (b) Rangka kerja komprehensif untuk perniagaan dalam talian atau perniagaan tanpa kehadiran fizikal akan diperkenalkan termasuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan terma dan syarat khusus bagi usahawan dalam talian.
- (c) Polisi mengenai sekatan ke atas warga asing daripada mendaftar perniagaan di bawah APP 1956 dikekalkan untuk melindungi peniaga kecil daripada persaingan.
- (d) Undang-undang akan menjelaskan bahawa seseorang mesti mendaftarkan perniagaan sebelum ia dimulakan.
- (e) Pengenalan proses perizaban nama selaras dengan AS 2016 dan APLT 2012.
- (f) Pengenalan polisi untuk membenarkan perniagaan berdaftar menukar namanya tertakluk kepada terma dan syarat tertentu.
- (g) Keperluan mandatori sedia ada untuk menamatkan perniagaan sekiranya rakan kongsi tidak dapat dikesan akan dipinda bagi memudahkan perniagaan dengan memberi pilihan kepada rakan kongsi yang tinggal untuk meneruskan perniagaan sekiranya perniagaan tersebut masih berdaya maju.
- (h) Amalan sedia ada untuk memberitahu Pendaftar sekiranya berlaku penamatkan perniagaan dan akibat kematian rakan sekutu atau rakan kongsi di mana tiada rakan kongsi yang masih hidup dikekalkan.
- (i) Pengenalan peruntukan yang membenarkan permohonan untuk memulihkan pendaftaran perniagaan dalam tempoh 12 bulan selepas pendaftaran perniagaan telah tamat tempoh.
- (j) Rangka kerja yang sama untuk pembetulan daftar atau kesilapan yang selaras dengan pindaan yang dibuat dalam AS 2016 diterima pakai.
- (k) Rangka kerja yang sama berkaitan dengan pemfailan elektronik di bawah AS 2016 diterima pakai.

Buat masa ini, Rang Undang - Undang Pendaftaran Perniagaan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2024.

CADANGAN PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (LESEN-LESEN DI BAWAH SUBSEKSYEN-SUBSEKSYEN 45(3) DAN (4)) BAGI SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN

Bagi menyeragamkan terma dan syarat yang perlu dipatuhi oleh SBMJ berhubung dengan permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen 45(3) dan (4) AS 2016, SSM akan memperkenalkan Peraturan-peraturan Syarikat (Lesen-lesen di bawah Subseksyen 45(3) dan (4)). Peraturan-peraturan tersebut akan menyediakan terma dan syarat berkaitan permohonan:

- (a) untuk mengecualikan perkataan "Berhad" atau singkatan "Bhd" daripada nama (subseksyen 45(3) AS 2016); dan

(b) bagi tujuan pegangan tanah (subseksyen 45(4) AS 2016).

Berdasarkan subseksyen 45(5) AS 2016, Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan peraturan atau mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut bagi maksud meluluskan lesen tersebut. Pada masa ini, terma-terma dan syarat-syarat bagi setiap lesen SBMJ secara amnya adalah berdasarkan kepada keadaan dan merit sesuatu permohonan lesen tersebut, ini menyebabkan syarat yang dikenakan dalam lesen ini berbeza di antara satu SBMJ dengan yang lain. Oleh itu,

peraturan ini akan menyusun dan menyeragamkan terma dan syarat semasa SBMJ bagi permohonan lesen yang perlu dipenuhi oleh syarikat setelah diluluskan oleh Menteri. Seterusnya ia akan memudahkan sebarang permohonan lesen oleh SBMJ serta menggalakkan ketelusan ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

Lapan (8) polisi dicadangkan bagi tujuan menyelaraskan keperluan di bawah AS 2016 dan prosedur-prosedur di bawah "Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan" yang telah dikeluarkan pada 8 Januari 2019 (disemak pada 27 September 2021). Polisi-polisi tersebut adalah seperti berikut:

1.	Suatu permohonan di bawah subseksyen 45(3) hanya boleh dipertimbangkan apabila syarat-syarat berikut dipatuhi: (a) terlebih dahulu telah diperbadankan sebagai SBMJ; dan (b) sumbangan kewangan RM 1 juta tersedia.
2.	Selepas lesen diberikan di bawah subseksyen 45(3), berikut adalah syarat-syarat yang terpakai: (a) SBMJ hendaklah menggunakan keuntungannya atau pendapatan lain untuk mencapai tujuannya; dan (b) SBMJ hendaklah memastikan keuntungan dan pendapatan lain tidak digunakan untuk aktiviti-aktiviti politik, berkaitan politik atau menyalahi undang-undang.
3.	SBMJ hendaklah mendapatkan kelulusan Pendaftar dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam "Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan."
4.	Memberikan tempoh bertenang selama 24 bulan sebelum SBMJ boleh memohon semula di bawah subseksyen 45(3) selepas pembatalan lesen untuk meninggalkan perkataan "Berhad" atau singkatannya "Bhd."
5.	Memberi definisi pegangan tanah.
6.	Menyediakan syarat-syarat standard yang boleh terpakai kepada semua SBMJ yang diberikan lesen untuk memegang tanah.
7.	Memberikan Pendaftar kuasa untuk mengambil tindakan terhadap SBMJ yang gagal mematuhi satu atau lebih syarat-syarat lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen 45(3) & (4) tersebut dengan mengambil tindakan berikut: (a) mengenakan penalti tidak melebihi RM500,000; dan (b) memberi syor kepada Menteri untuk membatalkan lesen tersebut.
8.	Mengiktiraf bahawa lesen-lesen yang telah dikeluarkan sebelum Peraturan ini bermula adalah sah tetapi syarat-syarat dalam lesen tersebut adalah dibatalkan.

RUU SYARIKAT (PINDAAN) DAN RUU PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN)

Pada tahun 2022, proses perundangan bagi meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Syarikat (Pindaan) dan RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) masih diteruskan.

Fokus pindaan ialah untuk menambah baik kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi entiti perniagaan supaya lebih komprehensif setanding dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan entiti perniagaan terus berdaya saing. Ia juga bertujuan untuk mengukuhkan lagi peruntukan tadbir urus dengan menambah baik kerangka pelaporan pemgunaan benefisial untuk mengekang aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, pengelakan cukai dan sebagainya dengan menyalahgunakan entiti perniagaan bagi melindungi kegiatan jenayah tersebut.

Salah satu polisi pemudah cara yang diperkenalkan di bawah kedua-dua RUU tersebut adalah membenarkan laman web SSM digunakan untuk menerbitkan iklan yang dikehendaki di bawah undang-undang sebagai alternatif kepada akhbar.

RANG UNDANG-UNDANG HARTA ALIH KEPENTINGAN BERCAVAR

SSM akan memperkenalkan Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (RUU) sebagai sebahagian daripada usaha untuk memodenkan sektor korporat selaras dengan amalan korporat negara-negara maju. RUU tersebut akan ditanda aras setanding dengan standard dan amalan terbaik antarabangsa serta mengambil kira pandangan dan komen daripada pelbagai pihak berkepentingan yang akan terlibat dengan pengenalannya.

Pada tahun 2022, aktiviti-aktiviti berikut telah dijalankan selaras dengan pengenalan RUU tersebut di Malaysia:

(a) Capacity Building berkaitan Kepentingan Bercagar

Pada 22 Februari 2022, SSM telah menjemput Professor Emeritus Tom Johnson dari Osgoode Hall Law School, Kanada untuk berkongsi prinsip-prinsip asas dan polisi-polisi transaksi bercagar serta peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam RUU. Program tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari SSM, Bahagian Undang-undang, KPDNHEP dan Jabatan Peguam Negara. Objektif utama program ini adalah untuk memastikan penjelasan terhadap polisi-polisi RUU HAKB berkaitan aspek praktikal dengan amalan komersial dan kewangan semasa beserta contoh sebenar diperolehi.

(b) Memuktamadkan isu-isu berkaitan pelaksanaan hak di bawah RUU bersama Kementerian Kewangan

Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 10 Februari 2022 bagi memastikan isu-isu berbangkit daripada pelaksanaan hak oleh pihak bercagar yang berkemungkinan memberi impak kepada Kementerian Kewangan dapat diselesaikan di bawah RUU tersebut.

(c) Bengkel untuk memuktamadkan peruntukan-peruntukan di bawah RUU

Untuk memuktamadkan dan memperhalusi peruntukan-peruntukan dalam RUU, sebanyak dua (2) bengkel telah diadakan pada 7 hingga 9 Jun 2022 dan 15 hingga 17 Ogos 2022. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari SSM, Bahagian Undang-Undang, KPDNHEP dan Jabatan Peguam Negara.

(d) Mesyuarat bersama Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Mesyuarat pada 2 Ogos 2022 telah diadakan bagi memastikan rujukan-rujukan kepada ‘tanah’ di bawah RUU adalah tidak bertentangan dengan Kanun Tanah Negara 1965.

SSM juga telah dijemput ke forum tempatan dan antarabangsa untuk membincangkan dasar-dasar utama Malaysia di bawah RUU. Forum antarabangsa telah memberi peluang kepada SSM untuk menyelaraskan dasar-dasar RUU dengan negara-negara lain yang telah menerima pakai kerangka transaksi bercagar yang sama dan memahami amalan terbaik yang dijalankan oleh negara-negara tersebut. Melalui penyertaan yang diatur oleh Jabatan Peguam Negara, SSM telah diberi peluang untuk meningkatkan kesedaran dan menyelaras dasar-dasar RUU dengan amalan terbaik komersial tempatan.

**FORUM ANTARABANGSA DAN TEMPATAN BAGI MEMBINCANGKAN DASAR-DASAR UTAMA MALAYSIA
DI BAWAH RANG UNDANG-UNDANG HARTA ALIH KEPENTINGAN BERCAGAR**

APEC Workshop on Modernising Secured Transaction Legal Regimes in APEC Economies through International Instruments and Effective Dispute Resolutions Mechanisms

TARIKH

25 hingga 27 Mei 2022

PENGANJUR

The Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)

TEMPAT

Tokyo, Japan

Bengkel tiga (3) hari ini diketuai oleh pakar-pakar dari National Law Center (NatLaw) dan disokong oleh Kumpulan Bank Dunia dengan agenda untuk merangkumi pembinaan kapasiti dalam transaksi bercagar termasuk pembentangan oleh pakar-pakar dan perbincangan kajian kes untuk memaksimumkan pembelajaran. SSM telah dijemput untuk menyampaikan pembentangan berkenaan usaha dalam memperkenalkan kerangka perundangan transaksi bercagar ke atas harta alih di Malaysia. Pembentangan mengenai dasar-dasar utama untuk kerangka ini dan usaha-usaha berkaitan dengan pindaan yang berbangkit terhadap kerangka tersebut juga dibincangkan.

FORUM ANTARABANGSA DAN TEMPATAN BAGI MEMBINCANGKAN DASAR-DASAR UTAMA MALAYSIA DI BAWAH RANG UNDANG-UNDANG HARTA ALIH KEPENTINGAN BERCAGAR	
<p>RCAP@10 - The Road Ahead: Regional Trade, Global Standards and the Future of Legal Harmonization</p> <p>TARIKH 11 November 2022</p> <p>PENGANJUR <i>United Nations Commission on International Trade Law Regional Centre for Asia and the Pacific (UNCITRAL RCAP)</i></p> <p>PLATFORM Maya - Dalam Talian</p>	<p>UNCITRAL RCAP telah mengadakan satu persidangan maya pada 11 November 2022 untuk memperingati ulang tahun ke-10 dengan tema “The Road Ahead: Regional Trade, Global Standards, and the Future of Legal Harmonization.” UNCITRAL RCAP menjemput penceramah-penceramah untuk berkongsi mengenai kerjasama serantau dan pencapaian perundungan dalam pengharmonian perdagangan antarabangsa dan undang-undang komersial dalam pelbagai dimensi. SSM telah dijemput untuk berbincang di bawah Panel 1 berhubung “Mempercepatkan Penyelarasan Undang-Undang: Kejayaan dan Prospek Asia Pasifik” dengan memberi tumpuan kepada langkah-langkah Malaysia dalam mengadaptasi Model Undang-Undang UNCITRAL berkaitan transaksi bercagar untuk dipertimbangkan dalam pengenalan kepada Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar.</p>
<p>Virtual Conference on Corporate and Commercial Law</p> <p>TARIKH 18 Oktober 2022</p> <p>PENGANJUR Badan Peguam Malaysia</p> <p>PLATFORM Maya - Dalam Talian</p>	<p>SSM telah dijemput sebagai penceramah untuk panel “Undang-undang dan Amalan Syarikat - Perspektif.” Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai pengenalan RUU HAKB, pembentangan mengenai objektif dan faedah kerangka transaksi bercagar dan dasar-dasar utama RUU berkenaan dengan peruntukan untuk pendaftaran, keutamaan dan penguatkuasaan hak apabila berlaku keingaran diberikan kepada para peserta.</p>

PEMBANGUNAN SISTEM DAFTAR HARTA ALIH KEPENTINGAN BERCAGAR

Selaras dengan pengenalan Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (RUU HAKB), Sistem Daftar Harta Alih Kepentingan Bercagar (Daftar HAKB) sedang dibangunkan bagi menyokong pelaksanaan RUU tersebut. Projek yang dinamakan “HT14 – Projek HAKB” adalah salah satu projek berkeutamaan tinggi di bawah Projek Hala Tuju Strategik SSM.

Sistem daftar HAKB merupakan sistem dalam talian sepenuhnya di mana pihak bercagar atau mana-mana pihak berkepentingan boleh mendaftar kepentingan

sekuriti ke atas harta alih yang digunakan sebagai cagaran.

Pada 22 November 2022, satu program kesedaran berkenaan Daftar HAKB telah diadakan. Program tersebut dihadiri oleh wakil-wakil dari Bank Negara Malaysia, Persatuan-persatuan Bank (AIBIM, MIBA, ADFIM dan ABM) dan Majlis Peguam. Objektif utama program ini adalah untuk memastikan bahawa sistem Daftar yang dibangunkan adalah selaras dengan amalan perbankan yang sedia ada.

OBJEKTIF DAFTAR HAKB

 <p>Mewujudkan sebuah Pendaftaran bersepadu bagi kepentingan bercagar berkaitan harta alih di Malaysia</p>	 <p>Mewujudkan platform pendaftaran sekuriti harta alih berkepentingan ke atas harta alih yang digunakan sebagai cagaran</p>	 <p>Mewujudkan platform carian maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dalam menilai kedudukan kredit pempinjam</p>	 <p>Membolehkan pihak awam membuat carian dan menyemak status daftar kepentingan ke atas harta alih yang mereka miliki</p>	 <p>Mengurus rekod pendaftaran dan menjana penyata pengesahan dan laporan statistik</p>
---	---	---	--	--



SSM DUA DEKAD

Inspirasi Kepercayaan Perniagaan

20 TAHUN
TRANSFORMASI



LAPORAN PENGURUSAN

AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

AKADEMI LATIHAN

DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2022

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-11 dengan tema ‘Corporate Governance and Sustainability. Needed Now More Than Ever’ telah diadakan pada 26 dan 27 Julai 2022. Persidangan ini yang juga dikenali sebagai *SSM National Conference 2022* (SSMNC 2022) telah dianjurkan secara maya buat kali kedua sejak mula diperkenalkan pada tahun 2011. SSMNC 2022 telah dirasmikan oleh YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.


Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 2,489 orang peserta daripada pelbagai latar belakang mewakili sektor awam dan korporat iaitu lembaga pengarah, setiausaha syarikat, pengamal undang-undang, usahawan, ahli ekonomi dan kewangan, ahli akademik dan pihak berkepentingan. Persidangan ini juga disertai oleh delegasi luar negara iaitu daripada Singapura, Republic of Kiribati, Malta, Belize dan Slovenia.

Persidangan selama dua (2) hari ini melibatkan 37 penceramah, ahli panel dan moderator daripada pelbagai latar belakang serta industri mewakili sektor awam dan swasta yang telah membentangkan topik berkaitan tadbir urus korporat demi kemampunan dalam mencapai faedah jangka panjang serta pertumbuhan perniagaan lestari. Persidangan ini merangkumi sembilan (9) sesi pleno seperti berikut:



- (a) *Plenary 1 - Coming Together for The Sustainability Agenda*
- (b) *Plenary 2 - Regulatory Landscape & Expectations on Sustainability Governance*
- (c) *Plenary 3 - Embedding Sustainability in SMEs*
- (d) *Plenary 4 - Effective Digital Governance Strategies for Sustainable Development*
- (e) *Plenary 5 - Leading Climate Action from The Boardroom. From Talk to Action*
- (f) *Plenary 6 - Strengthen Corporate Governance for Sustainability. Needed Now More Than Ever*
- (g) *Plenary 7 - Sustainable Leadership is Needed*
- (h) *Plenary 8 - Company Secretary Driving the Conversation on Sustainability*
- (i) *Plenary 9 - SSM Talks*

Persidangan ini juga memberi peluang kepada semua perwakilan untuk melawat reruui pameran secara maya (*virtual exhibition booth*). Sebanyak 17 pemamer telah menyertai dan memeriahkan pameran maya kali ini.



Jumlah Peserta Persidangan Kebangsaan SSM bagi Tahun 2011 hingga 2022

LATIHAN SECARA MASA

Ini adalah tahun ketiga SSM menjalankan program latihan secara maya bagi memastikan pihak berkepentingan, terutamanya pengarah syarikat dan setiausaha syarikat meneruskan latihan untuk menimba ilmu baharu walaupun negara masih dilanda pandemik COVID-19. Webinar telah dijalankan melalui aplikasi *Microsoft Teams* dan juga aplikasi *Zoom*.


e-COMTRAC

Platform e-COMTRAC telah diperkenalkan pada Januari 2021. e-COMTRAC adalah sistem pendaftaran latihan dan pembayaran secara dalam talian yang disediakan oleh SSM. Semua pendaftaran latihan dan bayaran boleh dibuat melalui e-COMTRAC. Pihak berkepentingan dan orang ramai boleh melayari e-COMTRAC di <https://e-comtrac.ssm.com.my> untuk perkhidmatan yang pantas, mudah dan 24 jam sehari bagi mendaftar latihan dan memperolehi mata *Continuing Professional Education* (CPE) SSM. Sijil penyertaan program latihan juga boleh diperolehi melalui e-COMTRAC.

PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

Pada tahun 2022, COMTRAC telah menganjurkan 183 program (2021: 187) dengan 12,364 peserta (2021: 12,241). Semua program dijalankan secara dalam talian melalui *Microsoft Teams* dan aplikasi *Zoom* kecuali bagi 18 program latihan dalaman yang diadakan khas untuk pelbagai organisasi telah dianjurkan secara dalaman (*In-House*).

Program Pendidikan dan Kesedaran tahun 2019 hingga 2022



Jumlah keseluruhan program korporat yang dijalankan sepanjang tahun 2022 adalah seperti di bawah:

PROGRAM	SESI	PESERTA
<i>Corporate Directors Training Programme 4.0</i>	8	215
<i>Continuing Education Programme</i>	112	5,861
<i>Persidangan Kebangsaan SSM 2022</i>	1	2,489
<i>Company Secretaries Training Programme Essential 1.0</i>	18	1,468
<i>Company Secretaries Training Programme Significant 2.0</i>	12	627
<i>In-house Training Programmes</i>	18	1,014
<i>Malaysian Business Reporting Systems (MBRS)</i>	14	690
JUMLAH	183	12,364

CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME FUNDAMENTAL (CDTPF) 4.0

CDTPF 4.0 secara khususnya menyasarkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, pereka cipta dan usahawan dengan topik khusus berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat dan pegawai syarikat. Dengan menyertai CDTPF 4.0 peserta akan memperolehi manfaat berikut:

- (a) Meningkatkan pemahaman yang baik tentang konsep, ciri dan watak sesebuah syarikat;
- (b) Menggariskan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat, setiausaha syarikat dan juruaudit;
- (c) Melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam menguruskan syarikat dan memaparkan komitmen profesional untuk amalan etika;
- (d) Memberi pemahaman tentang isu-isu etika dan integriti yang mungkin akan dihadapi dalam perniagaan; dan
- (e) Meningkatkan pemahaman berhubung AS 2016.

Terdapat empat (4) modul bagi CDTPF 4.0 iaitu seperti berikut:


- (a) **Modul 1: Dynamics of a Company**
- (b) **Modul 2: Duties and Responsibilities of Directors, Company Secretaries and Auditors**

(c) **Modul 3: Introduction to Environmental, Social and Governance (ESG)**

(d) **Modul 4: Introduction of Corporate Liability in Malaysia**

CDTPF 4.0 + Kesedaran Keselamatan Siber adalah hasil gabungan modul daripada CDTPF 4.0 dengan latihan tentang keselamatan siber dan CDTPF 4.0 + Penyata Kewangan 101 termasuk pengenalan Penyata Kewangan untuk pengarah. Pada tahun 2022, sebanyak lapan (8) CDTP 4.0 (2021: 7) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 215 orang peserta (2021: 247).

Corporate Directors Training Programmes tahun 2019 hingga 2022



COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME ESSENTIAL (CSTPE) 1.0

CSTPE 1.0 adalah kesinambungan dari program *Company Secretaries Training Programme* (CSTP) *Essential* di mana isi kandungan program ini telah dikemas kini berdasarkan AS 2016. Program CSTPE 1.0 ini ialah kursus wajib di bawah skim mata *Continuing Professional Education* (CPE) bagi setiausaha syarikat yang dilesenkan oleh SSM di bawah seksyen 20G ASSM 2001.

CSTPE 1.0 direka untuk bakal setiausaha syarikat dan yang sedia ada bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan setiausaha syarikat dalam memainkan peranan mereka sebagai penasihat lembaga pengarah. Walaupun CSTPE 1.0 disasarkan kepada setiausaha syarikat berlesen, pemain peranan korporat seperti setiausaha syarikat daripada badan yang ditetapkan, pengarah syarikat, kakitangan pengurusan dan sokongan juga dapat memperoleh manfaat daripada program ini sekaligus mampu menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk menguruskan syarikat mereka. Para peserta modul CSTPE 1.0 akan memperoleh manfaat berikut:

- (a) membangun pemahaman yang baik tentang konsep dan ciri sesuatu syarikat;
- (b) menyatakan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat;
- (c) menggariskan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat sebagai pemain peranan utama dalam syarikat;
- (d) mengamalkan pengetahuan dalam menguruskan buku-buku berkanun serta mesyuarat syarikat; dan
- (e) mengenal pasti kesalahan utama di bawah AS 2016.

CSTPE 1.0 terdiri daripada tiga (3) bahagian dan setiap satu bahagian mengandungi dua (2) modul dan peserta dianggap telah melengkapkan program ini apabila menghadiri ketiga-tiga bahagian CSTPE 1.0. Maklumat ketiga-tiga bahagian CSTPE 1.0 ialah seperti berikut:

BAHAGIAN A

Modul 1: *Anatomy of a Company.*

Modul 2: *Roles and Responsibilities of Company Secretaries.*

BAHAGIAN B

Modul 3: *Key Role-Players in a Company - Directors, Officers, Shareholders and Auditors.*

Modul 4: *Managing the Registered Office, Statutory Books, Returns and Other Documents.*


BAHAGIAN C

Modul 5: *Managing Company Meetings.*

Modul 6: *Navigating Compliance: Key Offences under CA 2016.*

Pada tahun 2022, sebanyak 18 CSTPE 1.0 (2021: 21) telah diadakan yang dihadiri oleh seramai 1,468 peserta (2021: 1,686).

Company Secretaries Training Programme Essential tahun 2019 hingga 2022



COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME SIGNIFICANT (CSTPS) 2.0

CSTPS 2.0 merupakan program susulan kepada CSTP Essential. Peserta modul CSTPS 2.0 akan memperoleh manfaat berikut:

- (a) membina nilai-nilai integriti korporat yang baik dan beretika;
- (b) mengenal pasti peranan setiausaha syarikat untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
- (c) menyepadukan tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat dalam kendalian syarikat;
- (d) mengenal pasti cabaran dan isu utama yang memberi kesan kepada fungsi harian setiausaha syarikat;
- (e) mengetahui pengurusan risiko keselamatan siber untuk lembaga pengarah; dan
- (f) membaca dan mentafsir Penyata Kewangan.

Program CSTPS 2.0 terdiri daripada tiga (3) bahagian dan setiap satu bahagian pula mengandungi dua (2) modul. Bagi melengkapkan program ini, peserta perlu menghadiri ketiga-tiga bahagian program CSTPS 2.0. Maklumat ketiga-tiga bahagian CSTPS 2.0 ialah seperti berikut:

BAHAGIAN A

Modul 1: *Advocating Integrity and Ethics in the Boardroom.*

Modul 2: *Roles and Responsibilities of Company Secretaries in Combating Money Laundering and Terrorism Financing.*

BAHAGIAN B

Modul 3: *Company Secretary: Walking the Balance between Professionalism and Performance.*

Modul 4: *Integrating Corporate Governance into Company Operations.*


BAHAGIAN C

Modul 5: *Cyber Security Risk Management for the Boardroom.*

Modul 6: *Understanding Financial Statement for Company Secretaries.*

Pada tahun 2022, sebanyak 12 CSTPS 2.0 (2021: 12) telah dianjurkan serta dihadiri seramai 627 peserta (2021: 774).


Company Secretaries Training Programme Significant tahun 2019 hingga 2022



CONTINUING EDUCATION PROGRAMME (CEP)

CEP direka untuk membincangkan secara terperinci topik strategik terpilih yang berkaitan dengan AS 2016, sektor korporat dan pemain utama sektor ekonomi. Program tersebut telah direka untuk lembaga pengarah, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, golongan profesional, pereka cipta dan usahawan. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 112 program (2021: 91) telah diadakan secara dalam talian (*webinar*). Program ini telah dihadiri oleh seramai 5,861 peserta (2021: 5,453).

Continuing Education Programme tahun 2019 hingga 2022



PROGRAM LATIHAN MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM (MBRS)

Pada tahun 2022, tiga (3) Program Latihan MBRS telah ditawarkan oleh COMTRAC:

(a) MBRS - Penyataan Tahunan

Kursus separuh hari ini bertujuan untuk memberi peserta pemahaman menyeluruh tentang platform MBRS dan keperluan MBRS untuk menyerah simpan penyata tahunan, memastikan proses serah simpan kepada SSM lancar.

(b) MBRS for Preparers - Penyata Kewangan


Kursus dua (2) hari ini direka khas untuk melengkapkan *Preparers* dengan pengetahuan mendalam dan kemahiran dalam menggunakan MBRS *Preparation Tool* (mTool) untuk menyerah simpan Penyata Kewangan (FS) dan Petunjuk Utama Kewangan (KFI) kepada SSM.

(c) MBRS for Preparers - Penyata Kewangan (Kursus Pantas)

Kursus lapan jam yang dijalankan dalam dua (2) sesi separuh hari ini berperanan sebagai kursus pantas bagi *Preparers* yang mempunyai latar belakang perakaunan atau kewangan untuk mempelajari MBRS untuk *Preparers* - Penyata Kewangan.

Pada tahun 2022, sebanyak 6 (2021: 12) sesi latihan MBRS - Annual Return, 4 (2021: 19) sesi latihan MBRS for Preparers - Financial Statements dan 4 (2021: 9) sesi Latihan MBRS for Preparers - Financial Statements (Fast Track) telah dianjurkan oleh COMTRAC secara dalam talian (*webinar*). Latihan MBRS tersebut telah dihadiri seramai 690 (2021: 1,474) peserta dengan melibatkan keseluruhan 14 (2021: 40) sesi latihan MBRS.

Program Latihan Malaysian Business Reporting System tahun 2021 dan 2022



PROGRAM LATIHAN DALAMAN YANG DIATUR KHAS UNTUK PELBAGAI ORGANISASI (IN-HOUSE PROGRAMME)

COMTRAC turut menjalankan program latihan dalaman untuk lembaga pengarah dan pegawai pelbagai organisasi. Sebanyak 18 (2021: 15) latihan dalaman untuk pelbagai organisasi telah dianjurkan dengan jumlah peserta seramai 1,014 orang (2021: 558).

PROGRAM	ORGANISASI	TARIKH
Pendaftaran Perniagaan, Perkongsian Liabiliti Terhad, Syarikat dan Kesalahan di bawah AS 2016, APLT 2012 dan APP 1956	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	17 Februari 2022
<i>Disclosure by Directors and Shareholders, CA 2016 Made Simple: A Practical Guide for Company Director</i>	UEM Sunrise Berhad	6 April 2022
<i>Employers' Obligations Under Malaysian Employment Act Made Easy</i>	Bank Simpanan Nasional	30 Mei 2022
<i>Corporate Directors Training Programme Essential</i>	UEM Sunrise Berhad	8 Jun 2022
<i>Business Finance for Entrepreneurs and New Business Start Up</i>	Bank Simpanan Nasional	23 Jun 2022

PROGRAM	ORGANISASI	TARIKH
<i>Incorporation of Companies and Information Updates Under CA 2016</i>	CIDB	8 Ogos 2022
<i>MBRS – Annual Return for Islamic Science University of Malaysia</i>	USIM	23 Ogos 2022
<i>MBRS For Preparers - Financial Statements for Islamic Science University of Malaysia</i>	USIM	24 Ogos 2022
<i>Duties and Responsibilities of Company Directors Under CA 2016</i>	MARA	25 Ogos 2022
<i>Dynamics of a Company</i>	FELDA	1 September 2022
<i>Corporate Directors Training Programme Essential</i>	MACC	19 September 2022
<i>Corporate Directors Training Programme Essential</i>	Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak	27 September 2022
<i>Guidelines for the Reporting Framework for Beneficial Ownership</i>	Allianz Malaysia Berhad	5 Oktober 2022
<i>Interview for Approved Liquidators from the Companies Commission of Malaysia's Perspectives</i>	MIA	5 Oktober 2022
<i>Guidelines for the Reporting Framework for Beneficial Ownership</i>	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	19 Oktober 2022
<i>Companies Limited by Guarantee Under CA 2016 & Regulatory Updates from SSM</i>	Prokhas Sdn Bhd	7 November 2022
<i>Corporate Directors Training Programme Fundamental 4.0</i>	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia	22 November 2022
<i>MBRS for Preparers - Financial Statements</i>	FGV	13 - 14 Disember 2022

PROGRAM CORPORATE TALK

Pada tahun 2022, COMTRAC telah menganjurkan sembilan (9) Program *Corporate Talk* (CT) kepada pihak berkepentingan iaitu pengarah syarikat, setiausaha syarikat, pengurus dan pegawai dalaman syarikat, ketua/wakil agensi dan badan berkanun, ahli badan/persatuan profesional serta organisasi awam yang lain. Program CT bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pihak berkepentingan tentang maklumat dan perkembangan terkini menyentuh isu korporat semasa termasuk pematuhan kepada undang-undang yang dikawal selia oleh SSM berserta peraturan perundangan yang berkaitan dengannya.

SSM berpegang kepada falsafah ‘Penguatkuasaan Melalui Pendidikan’ dengan pendekatan ‘Penguatkuasaan Yang Seimbang.’ SSM percaya pendidikan yang berterusan akan dapat memperlengkapkan inisiatif penguatkuasaan SSM bagi mencapai kadar pematuhan yang tinggi dalam aktiviti pengawalseliaan yang dijalankan. Pada tahun 2022, program CT telah dijalankan melalui dua (2) platform iaitu aplikasi Zoom dan juga diadakan secara langsung di Facebook SSM. Program-program CT yang dijalankan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
<i>Registration of Limited Liability Partnership under LLP Act 2012</i>	11 Mac 2022	234
<i>Introduction to HRD Corp, Roles and Functions</i>	22 Mac 2022	265
<i>MyCoID - Start Your Own Company Now</i>	15 April 2022	312
<i>Introduction to ESG Reporting under CA 2016</i>	21 Jun 2022	385
Pematuhan kepada Keperluan Serah Simpan Penyata Tahunan dan Kewangan Menurut AS 2016	10 Ogos 2022	423
Usaha Wajar Pelanggan. Apakah yang Perlu Anda Tahu.	24 Ogos 2022	433
Usaha Wajar Pelanggan yang Dipertingkatkan dan Usaha Wajar Yang Berterusan – Apakah yang Perlu Anda Tahu?	13 Oktober 2022	380
<i>SSM x BNM 2022 Data & Compliance Report Clinic</i>	7 November 2022	428
<i>Anti-Money Laundering and Counter Terrorism Financing (AML/ CFT)</i>	5 Disember 2022	450
JUMLAH		3,310

PROGRAM ANJURAN AGENSI LUAR DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Pada tahun 2022, SSM telah dijemput untuk mengadakan taklimat di 59 program yang dihadiri oleh 5,665 orang peserta. Berikut merupakan program kesedaran yang telah diadakan pada tahun 2022:

PROGRAM	TARIKH & PENGANJUR	PESERTA
<i>Laws Relating to Non - Profit Organization (Company Limited by Guarantee, CA 2016)</i>	20 Januari 2022 Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan	30
Kepentingan Tadbir Urus Korporat Bagi Syarikat Milik Kerajaan	15 Februari 2022 Institut Pengurusan dan Integriti Melaka	60
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	16 Februari 2022 Institut Francais Perbadanan Nasional Berhad	55
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	17 Februari 2022 Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera Pahang	250

PROGRAM	TARIKH & PENGANJUR	PESERTA
Prosedur Pendaftaran Perniagaan	23 Februari 2022 Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera Perak	28
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	1 Mac 2022 Syarikat La' Joise Industries (M) Sdn Bhd	22
Peranan SSM Dalam Penyiasatan Kes Jenayah Komersil	14 Mac 2022 Maktab PDRM Kuala Lumpur	65
Prosedur Pendaftaran Perniagaan dan Keperluan Pendaftaran Perniagaan	16 Mac 2022 Jabatan Kemajuan Masyarakat	62
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	17 Mac 2022 Perbadanan Usahawan Nasional Berhad	150
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	23 Mac 2022 <i>UniKL British Malaysian Institute</i>	322
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	23 Mac 2022 Universiti Malaysia Pahang	150
Syarat dan Prosedur Pendaftaran Perniagaan	29 Mac 2022 Persatuan Pengusaha Taska & Tadika Putrajaya	20
Syarat dan Prosedur Pendaftaran Perniagaan	30 Mac 2022 Persatuan Pusat Bertauliah Sistem Latihan Malaysia	28
Keperluan Pendaftaran Perniagaan	31 Mac 2022 PUSPANITA Cawangan Jabatan Perdana Mentari	179
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	22 April 2022 Politeknik Balik Pulau	105
Tatacara Pengguna EzBiz di bawah Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	11 Jun 2022 Universiti Teknologi MARA (Perak)	34
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	12 Jun 2022 Yayasan Inovasi Malaysia	6
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	14 Jun 2022 Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Selangor	332

PROGRAM	TARIKH & PENGANJUR	PESERTA
Pendaftaran di bawah APLT 2012	23 Jun 2022 Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Selangor	256
Keperluan Mendaftarkan Perniagaan dan Prosedur Pendaftaran Perniagaan	24 Jun 2022 Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia	400
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	28 Jun 2022 Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS	21
Entiti-entiti Perniagaan di bawah Pentadbiran Suruhanjaya Syarikat Malaysia	28 Jun 2022 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	196
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	30 Jun 2022 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	191
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	30 Jun 2022 <i>The Malaysian AIDS Council</i>	40
Forum AML/ CFT-P	30 Jun 2022 <i>Malaysian Industrial Development Finance Berhad</i>	50
Keperluan Mendaftarkan Perniagaan dan Prosedur Pendaftaran Perniagaan	7 Julai 2022 Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia	400
Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Pemerbadanan Syarikat	7 Julai 2022 Institut Tadbiran Awam Negara	15
Prosedur Kesalahan di bawah Akta Syarikat dan Kerjasama SSM Dalam Penyiasatan Kes Jenayah Komersil PDRM	14 Julai 2022 Polis Diraja Malaysia	50
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	19 Julai 2022 GIATMARA Ampang Jaya	68
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	26 Julai 2022 Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera	200
Pengenalan Kepada Cara Penutupan Syarikat dan Perubahan Status Syarikat Bagi Memahami Tindakan Yang Boleh Diambil Oleh LHDN (Penggulungan/ Bubar/ Tidak Aktif/ Dipotong Nama)	27 Julai 2022 Lembaga Hasil Dalam Negeri	150

PROGRAM	TARIKH & PENGANJUR	PESERTA
Syarikat Berhad Menurut Jaminan, Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	28 Julai 2022 TEKUN Nasional	40
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	28 Julai 2022 Institut Keusahawanan Negara	300
Teknik Siasatan Bagi Perundangan Yang Dikawal Selia Oleh SSM	3 Ogos 2022 Jabatan Kastam Diraja Malaysia	40
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	17 Ogos 2022 Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	100
Peranan Suruhanjaya Syarikat Malaysia Terhadap Pemantauan Syarikat Berhad Menurut Jaminan	18 Ogos 2022 Jabatan Audit Negara Malaysia	50
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	18 Ogos 2022 Institut Keusahawanan Negara	50
<i>SSM Monitoring Framework for Auditors and Audit Firms</i>	26 Ogos 2022 Jabatan Audit Negara Malaysia	50
<i>Common Offences Committed by Board of Directors under CA 2016</i>	6 September 2022 Institut Tadbiran Awam Negara	50
Cabar, Faedah dan Kesan Penguatkuasaan Seksyen 17A Akta 694 Daripada Perspektif Suruhanjaya Syarikat Malaysia	6 September 2022 Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan	32
Kepentingan Pendaftaran Perniagaan	13 September 2022 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	50
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	13 September 2022 Institut Keusahawanan Negara	50
Pengenalan Kepada AS 2016	14 September 2022 Institut Tanah dan Ukar Negara	50
<i>Incorporation of Companies - How to Register Your Startup</i>	21 September 2022 1337 Venture Sdn Bhd	45
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	22 September 2022 Institut Keusahawanan Negara	50

PROGRAM	TARIKH & PENGANJUR	PESERTA
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	11 Oktober 2022 GIATMARA Kepong	45
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	12 Oktober 2022 Institut Keusahawanan Negara	50
Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad	13 Oktober 2022 <i>Malaysia Digital Economy Corporation</i>	75
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	20 Oktober 2022 Universiti Kebangsaan Malaysia	65
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	20 Oktober 2022 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	70
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	21 Oktober 2022 Universiti Tenaga Nasional	65
Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad	27 Oktober 2022 <i>Malaysia Digital Economy Corporation</i>	75
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	27 Oktober 2022 Institut Keusahawanan Negara	50
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	28 Oktober 2022 Universiti Multimedia	50
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	28 Oktober 2022 Perbadanan Usahawan Malaysia Berhad	70
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	9 November 2022 Pembangunan Sumber Manusia Berhad	50
Prosedur Pendaftaran Perniagaan - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin	16 November 2022 Universiti Kebangsaan Malaysia	28
Kesalahan Umum Ahli Lembaga Pengarah di bawah Akta Syarikat 2016	5 Disember 2022 Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri	35
<i>Registration Under ROBA 1956</i>	16 Disember 2022 Universiti Malaya	45
JUMLAH		5,665


EMPLOYEE DEVELOPMENT TRAINING (EDT)

Pada tahun 2022, COMTRAC telah menganjurkan sebanyak 15 modul EDT-3 (Kemahiran Tinggi) secara dalam talian melalui saluran *Microsoft Teams*. Modul-modul yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

MODUL	TARIKH	PESERTA
Kemas kini - Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ)	24 Mac 2022	155
Lanjutan masa di bawah seksyen 259 dan 340 AS 2016	29 Mac 2022	153
Penerangan Berkennaan Kerangka/ Prosedur Carian Nama	7 April 2022	110
Penerangan Berkennaan Kerangka/ Prosedur Penubuhan (<i>Incorporation</i>)	21 April 2022	54
Pengetahuan Pantas dan Ringkas berkenaan MBRS	26 April 2022	115
Penerangan berkenaan Kerangka Kerja Skim Kepentingan di bawah ASK 2016	28 April 2022	75
Maklumat Korporat sebagai Identiti Perniagaan	19 Mei 2022	113
Pengenalan kepada <i>Corporate Business Information Data</i> (CBID) & Peranan Khidmat Nasihat Perniagaan di SSM	23 Mei 2022	84
Pengenalan kepada Amalan Enterprise Architecture di SSM	24 Mei 2022	64
Pengenalan kepada Dokumen Kawalan Pengurusan Kerja (DKPK) Seksyen Pendaftaran Perniagaan	25 Mei 2022	118
Pengenalan kepada Kaedah Menyelamatkan Syarikat (Mekanisme Penyelamat Korporat) & Pengenalan kepada Salah Satu Cara Penutupan Syarikat (Penggulungan Syarikat)	14 Jun 2022	102
Pengenalan kepada Salah Satu Cara Penutupan Syarikat (Pembatalan Nama Syarikat) & Fungsi Pendaftar Syarikat Setelah Syarikat Dibubarkan (Unit Pengurusan Aset)	16 Jun 2022	174
Kemas kini - Pengenalan kepada Integriti & Disiplin	20 September 2022	142
Kemas kini - Tatatertib & Surcaj	21 September 2022	135
Pengenalan kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pembiayaan serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001 dalam Perspektif SSM	30 November 2022	81
JUMLAH		1,675



20 TAHUN
TRANSFORMASI



LAPORAN PENGURUSAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

FORUM PENDAFTAR KORPORAT

Forum Pendaftar Korporat atau *Corporate Registers Forum* (CRF) 2022 telah berlangsung pada 21 hingga 24 September 2022 di Maldives dan dianjurkan oleh Ministry of Economic Development, Maldives di Paradise Island Resort, Maldives. Tema forum tahun ini adalah "Transforming Business Registries For The Post-Pandemic Era" dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah diwakili oleh lima (5) orang delegasi yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif. SSM telah membentangkan satu kertas bertajuk "Beneficial Ownership Reporting Framework for Legal Persons in Malaysia" pada 23 September 2022. Pembentangan ini telah disampaikan oleh Puan Norhaiza Jemon, Pengarah Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan. Seterusnya, sebagai bukti penyertaan aktif SSM dan sumbangannya kepada CRF, Malaysia yang diwakili oleh SSM telah dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif CRF untuk tempoh selama dua (2) tahun di mana YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM telah mewakili Malaysia. Pemilihan Malaysia sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif CRF bagi kali keempat ini menandakan komitmen dan penglibatan berterusan dalam urusan pendaftaran korporat antarabangsa.



KUNJUNGAN RASMI DARI KINGDOM OF CAMBODIA DAN UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME CAMBODIA KE SSM

SSM telah menerima satu kunjungan rasmi dari *Kingdom of Cambodia* dan *United Nations Development Programme (UNDP)* Cambodia pada 14 Disember 2022 bertempat di Menara SSM@Sentral. Seramai 16 delegasi dari pelbagai Kementerian dan Agensi dari *Kingdom of Cambodia* dan UNDP telah menghadiri sesi kunjungan rasmi tersebut. Antara skop bidang yang menarik minat delegasi tersebut adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan prosedur pemerbadanan syarikat, penggunaan Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (NRIC) bagi pendaftaran perniagaan, pematuhan dan penguatkuasaan.



DIALOG TAHUNAN SSM 2022

Dialog Tahunan SSM 2022 telah diadakan secara dalam talian melalui sesi webinar pada 6 Oktober 2022. Dialog tersebut merupakan siri webinar kedua Dialog Tahunan SSM selepas pandemik COVID-19. Ia telah dihadiri oleh 452 wakil dari pelbagai badan profesional, agensi kerajaan, dewan perniagaan dan persatuan perindustrian di Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Dialog Tahunan merupakan platform untuk SSM berkongsi dan menyebarkan perkembangan serta maklumat berhubung dasar-dasar dan peraturan-peraturan terkini kepada industri, agensi kerajaan dan badan-badan profesional selain memperjelaskan perkara-perkara dan isu-isu berkaitan operasi dan penguatkuasaan SSM. Sepanjang program tersebut, SSM menerima komen dan idea daripada peserta bagi tujuan menambah baik kecekapan SSM secara keseluruhan.

Inisiatif tahunan ini membantu dalam menyumbang kepada penambahan penyampaian perkhidmatan SSM secara keseluruhan kepada orang awam selaras dengan keperluan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang dinamik.



DOKUMEN RUNDINGAN BERHUBUNG CADANGAN SYARAT-SYARAT YANG AKAN DIKENAKAN KE ATAS SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 45(5) AKTA SYARIKAT 2016

Pada 13 Mei 2022, SSM telah mengeluarkan satu Dokumen Konsultasi untuk mendapatkan maklum balas dari orang awam mengenai cadangan syarat-syarat yang boleh ditetapkan oleh Menteri dalam memberikan lesen menurut subseksyen 45(5) AS 2016. Dokumen Konsultasi tersebut menetapkan dasar dan syor berhubung syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh SBMJ apabila diberikan lesen di bawah subseksyen 45(3) dan (4) AS 2016.

SSM telah menerima maklum balas dari pelbagai pihak berkepentingan yang terdiri daripada pengarah SBMJ, badan-badan profesional yang diiktiraf di bawah AS 2016, firma guaman dan lain-lain. Dari maklum balas tersebut, ianya boleh disimpulkan bahawa pihak-pihak berkepentingan bersetuju dengan cadangan SSM.

Selanjutnya, satu peraturan khusus akan diperkenalkan bagi memperuntukkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh SBMJ apabila kelulusan diberikan oleh Menteri PDNHEP iaitu:

- Permohonan lesen untuk meninggalkan perkataan “Berhad” atau singkatan “Bhd” daripada nama SBMJ di bawah subseksyen 45(3) AS 2016; dan
- Permohonan lesen untuk pegangan tanah oleh SBMJ di bawah subseksyen 45(4) AS 2016.

MESYUARAT KETUJUH BELAS ASEAN TASK FORCE ON STARTING A BUSINESS

Mesyuarat Ketujuh Belas ASEAN Task Force on Starting a Business telah diadakan secara maya pada 13 Jun 2022. Inisiatif ini adalah bersempena dengan Mesyuarat Ketiga Belas ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises (ACCMSME). Mesyuarat tersebut dihadiri oleh wakil-wakil agensi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), serta agensi-agensi pendaftaran perniagaan dan promosi pelaburan daripada ASEAN Member States (AMS) seperti Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Lao PDR, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Dalam mesyuarat tersebut, SSM telah berkongsi kaedah pendaftaran syarikat di Malaysia yang dijalankan secara elektronik melalui MyCoID yang mana selepas pendaftaran dilengkappkan, nombor identifikasi unik perniagaan (UBIN) akan diberi dan maklumat pendaftaran akan dikongsikan serentak kepada lima (5) agensi iaitu Lembaga Hasil dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Dana Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Pertubuhan Keselamatan Sosial serta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia.

KOLABORASI STRATEGIK DI ANTARA SSM DAN BANK NEGARA MALAYSIA DALAM PERATURAN DAN PEMANTAUAN PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM/ PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN SEKATAN KEWANGAN BERSASAR

Tarikh 22 Ogos 2022 menandakan permulaan kerjasama strategik di antara SSM dan Bank Negara Malaysia (BNM) melalui Terma Kerjasama yang ditandatangani berkaitan dengan peraturan dan pemantauan Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML), Pencegahan Pembiayaan Keganasan (CFT) dan Sekatan Kewangan Bersasar (TFS).

Terma Kerjasama tersebut mengandungi tanggungjawab-tanggungjawab SSM dan BNM mengawal selia dan memantau setiausaha syarikat dan syarikat amanah yang dikawal selia oleh SSM di bawah AS 2016 dan ASA 1949. Kerjasama ini akan memberikan pendekatan yang lebih berstruktur untuk menganalisa risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/ TF) dalam kedua-dua sektor ini termasuklah untuk menggalakkan pembinaan keupayaan kapasiti dalam bidang-bidang ini.



MESYUARAT PLENARI KE 24 KUMPULAN ASIA/ PASIFIK MENGENAI PENGUBAHAN WANG HARAM

Mesyuarat Pleno kali yang ke-24 Kumpulan Asia/ Pasifik (APG) mengenai Pengubahan Wang Haram telah diadakan pada 24 hingga 28 Julai 2022 di Kuala Lumpur. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil dari seluruh dunia dan memberi fokus kepada jenayah kewangan serius yang memberi impak serantau dan dunia secara amnya. SSM telah dijemput menghadiri mesyuarat tersebut berdasarkan peranan dan tanggungjawabnya dalam mengawal selia syarikat, perkongsian liabiliti terhad dan perniagaan di Malaysia.



FORUM RUNDINGAN AMALAN KORPORAT

Objektif utama Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF) ialah untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara SSM dan ahli badan-badan profesional selain menyediakan satu platform perundingan bersama dan perbincangan isu amalan korporat. Di bawah Jawatankuasa Utama CPCF, telah diwujudkan satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan pada tahun 2019 iaitu Jawatankuasa Teknikal CPCF (CPCFTC) bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan operasi dan teknikal secara spesifik.

CPCFTC bertanggungjawab mengenal pasti, membincang dan mencadang penyelesaian dalam isu operasi dan teknikal yang dihadapi oleh syarikat-syarikat dengan objektif untuk memudahkan dan mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perniagaan. Di samping itu, CPCFTC juga berperanan sebagai platform untuk mempromosi, menggalak dan menyokong pertukaran pandangan dan informasi berhubung perkara dan isu (termasuk penyelidikan dan pembangunan) dalam bidang yang melibatkan kesetiausahaan dan pentadbiran syarikat serta menetapkan piawaian tertinggi dan amalan terbaik dalam profesion terutamanya ke arah amalan tadbir urus korporat yang baik.

CPCFTC telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2022 iaitu pada 25 April 2022 dan 21 Disember 2022. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh wakil daripada Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA), Institut Akauntan Malaysia (MIA), Institiut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS), Institut Setiausaha Syarikat Diluluskan (IACS), Persatuan Penasihat Korporat Malaysia (MCCA), Persatuan Peguam Bela Sarawak dan Persatuan Undang-undang Sabah.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

SSM giat melaksanakan sesi libat urus bersama pelbagai agensi serta pihak-pihak berkepentingan sebagai salah satu usaha untuk memberi pendedahan

berkaitan kepentingan serta faedah-faedah pendaftaran perniagaan dalam kalangan komuniti perniagaan, termasuk mempromosi serta menggalakkan komuniti perniagaan untuk mengaplikasikan penggunaan Kod QR SSM BizTrust pada platform perniagaan dalam talian mereka.

SSM telah mengambil inisiatif untuk menjalinkan kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) iaitu sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang menyediakan satu platform e-Dagang iaitu platform Agrobazaar *Online* yang berfungsi sebagai sebuah pusat sehenti platform perniagaan dalam talian kepada usahawan untuk memasarkan produk berdasarkan agro-makanan termasuk produk-produk industri makanan dan asas tan.

Lanjutnya, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SSM, YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz dan Ketua Pengarah FAMA, YBhg. Dato' Zainal Abidin Yang Razalli telah diadakan di Bangunan FAMA Point, Selayang pada 29 Julai 2022.

Objektif pelaksanaan MoU ini adalah untuk memberi peluang, membuka pasaran baharu dan mempromosi perkhidmatan kedua-dua belah pihak yang akan manfaatkan dan menaikkan reputasi organisasi masing-masing terutamanya di dalam ekonomi digitalisasi. SSM turut menjangkakan usaha ini akan dapat meningkat serta mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang lestari dalam memudahkan usahawan mengembangkan serta menaik taraf perniagaan berdasarkan agro-makanan agar bersesuaian dengan perubahan landskap ekonomi.



KERJASAMA STRATEGIK ANTARA SSM DAN BURSA MALAYSIA BERHAD MELALUI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

SSM dan Bursa Malaysia Berhad (BURSA) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menjalin kerjasama strategik selama tiga (3) tahun melalui tiga (3) inisiatif utama bagi menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam ekonomi Malaysia:

- (a) Inisiatif 1:** Meneroka peluang komersial yang berpotensi memanfaatkan kedua-dua belah pihak dan pada masa yang sama membantu di dalam menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia. Melalui inisiatif ini, BURSA akan membangunkan satu platform berdasarkan langganan yang dipanggil *SME Fund Raising Product* bagi membantu PKS memperoleh dana;
- (b) Inisiatif 2:** Perkongsian data oleh SSM dan BURSA untuk menghasilkan pelaporan data analitik serta *dashboard*; dan
- (c) Inisiatif 3:** Mengadakan program bersama untuk memberi perkhidmatan kepada komuniti perniagaan di dalam usaha memangkin ekosistem di Malaysia terutama amalan *Environment, Social and Governance* (ESG).

PROGRAM JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) merupakan sebuah program anjuran Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Pada tahun 2022, program JAKM telah diadakan di 12 buah negeri di seluruh Malaysia dan ianya diterajui oleh Kementerian-kementerian yang terpilih.

SSM yang merupakan salah satu agensi di bawah KPDNHEP telah terlibat dan menyertai JAKM dalam setiap lokasi yang telah diadakan dengan menawarkan perkhidmatan seperti kaunter pengaktifan ID EzBiz Online, hebahan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP), produk dan perkhidmatan SSM serta khidmat nasihat perniagaan. Antara lokasi yang disertai SSM semasa program JAKM adalah seperti berikut:

NEGERI	TEMPAT	TARikh
Johor	Dataran Angsana Mall, Johor Bahru	3-5 Mac 2022
Perlis	Stadium Tunku Syed Putra	25-27 Mac 2022
Sabah	Sabah International Convention Centre	20-22 Mei 2022
Terengganu	Kompleks Sukan Negeri Terengganu	2-4 Jun 2022
Perak	Litar Dato' Sagor Pasir Salak	1-3 Julai 2022
Kelantan	Stadium Sultan Muhammad Ke IV	22-24 Julai 2022
Sarawak	Dataran Perayaan Petra Jaya	5-7 Ogos 2022
Selangor	Stadium Melawati Shah Alam	19-21 Ogos 2022
Negeri Sembilan	Dataran Seri Jempol, Negeri Sembilan	2-4 September 2022
Kedah	Stadium Darul Aman, Alor Setar	23-25 September 2022
Melaka	Melaka International Trade Centre	14-16 Oktober 2022
Pahang	Sultan Ahmad Shah International Convention Center	28-30 Oktober 2022

KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA 2022

Karnival Barang Malaysia 2022 (KBM 2022) merupakan salah satu program tahunan yang dianjurkan oleh KPDNHEP. Objektif penganjuran KBM 2022 adalah untuk memperkuatkkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan para pengguna membeli barang Malaysia sekaligus meningkatkan kesedaran serta semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.

Pada tahun ini, SSM telah menyertai karnival KBM 2022 yang diadakan di Perkarangan Mydin Mall Meru Raya, Ipoh dan Perkarangan Angsana Mall, Johor Bahru. SSM menawarkan perkhidmatan kaunter pengaktifan ID EzBiz Online, hebatan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP), produk dan perkhidmatan SSM serta khidmat nasihat perniagaan.

PROGRAM	TARIKH	PESERTA
KAK Siri 1	28 Julai 2022	45
KAK Siri 2	18 Ogos 2022	50
KAK Siri 3	13 September 2022	60
KAK Siri 4	22 September 2022	35
KAK Siri 5	12 Oktober 2022	24
KAK Siri 6	27 Oktober 2022	50
JUMLAH		264

ROADSHOW IDEAKITA

Program Roadshow IdeaKita ialah sebuah program dibawah seliaan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) yang merupakan sebahagian daripada inisiatif Malaysia Digital di dalam memperkenal serta membangunkan lebih 200 syarikat teknologi baharu sekaligus mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi digital di Malaysia. Melalui program ini, SSM telah dilantik sebagai rakan strategik dan telah menyertai program ini seperti butiran berikut:

PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
IdeaKita Roadshow Siri 1	Taylors University, Subang Jaya	29 Julai 2022
IdeaKita Roadshow Siri 2	Digital Penang, Pulau Pinang	5 Ogos 2022
IdeaKita Roadshow Siri 3	EduCity, Johor	14 Ogos 2022
IdeaKita Roadshow Siri 4	TEGAS Digital Village, Sarawak	2 September 2022
IdeaKita <i>Innovation</i> Camp Siri 1	Secara Dalam Talian	13 Oktober 2022
IdeaKita <i>Innovation</i> Camp Siri 2	Secara Dalam Talian	27 Oktober 2022

TAKLIMAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN BERSAMA PUSAT EKONOMI DIGITAL

SSM giat meneruskan usaha sama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi penganjuran enam (6) siri taklimat secara dalam talian berkaitan Pendaftaran Perniagaan serta tawaran inisiatif-inisiatif SSM termasuk Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP), Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) serta SSM BizTrust kepada lebih 3,389 rakan digital di 660 Pusat Ekonomi Digital (PEDi).

PROGRAM BERSAMA INSKEN-MAIWP

SSM telah menyertai Program Kursus Asas Keusahawanan (KAK) yang dianjurkan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dengan kolaborasi bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Butiran program adalah seperti berikut:

PROGRAM HARI PRODUK 'SSM BIZDAY 2022'

Pada 17 Disember 2022, SSM telah menganjurkan Program Hari Produk iaitu SSM BizDay 2022 bagi memperkenalkan produk-produk serta perkhidmatan SSM termasuk inisiatif-inisiatif yang SSM perkenalkan kepada komuniti usahawan. Program ini diadakan di AEON Taman Maluri dengan objektif berikut:

- (a) Pengenalan kepada pelbagai produk dan perkhidmatan SSM;
- (b) Membina kesedaran tentang inisiatif SSM; dan
- (c) Merapatkan jurang komunikasi antara komuniti perniagaan dan SSM.

Program ini merupakan salah satu platform untuk berkomunikasi dengan para usahawan di samping menyediakan informasi serta sumber yang berguna kepada mereka dan seterusnya dapat membantu usahawan untuk mematuhi keperluan perundangan yang dikawal selia oleh SSM.



JALINAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN SSM

SSM meluaskan pasaran produk dan perkhidmatan dengan mengadakan jalinan kerjasama strategik bersama pihak-pihak berkepentingan SSM dari pelbagai cabang perniagaan termasuk kementerian, agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pengelola e-Dagang, Badan Korporat dan Universiti. Sehingga 31 Disember 2022, SSM telah mengadakan libat urus dan jalinan kerjasama strategik bersama 18 agensi/ pihak-pihak berkepentingan seperti:

- (a) Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB);
- (b) Penggerak Belia Selangor (PeBS);
- (c) Bahagian Industri Digital, *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC);
- (d) Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS);
- (e) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA);
- (f) Bahagian *Digital Entrepreneurship, Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC);
- (g) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM);
- (h) *Human Resource Development Corporation* (HRD Corp.);
- (i) Telekom Malaysia (TM);
- (j) UDA Holdings Berhad (UDA);
- (k) SiteGiant Sdn. Bhd. (SiteGiant);
- (l) Gedung Online.Com;
- (m) Touch N Go Digital Sdn. Bhd.;
- (n) BOOST;
- (o) Big Dataworks Sdn. Bhd.;
- (p) Universiti Teknologi Mara (UiTM);
- (q) Universiti Utara Malaysia (UUM); dan
- (r) UiTM Seri Iskandar Perak.

PROGRAM USAHAWAN MUDA 2022

Program Usahawan Muda 2022 (PUM22) merupakan sebuah program yang berdasarkan pendidikan korporat dan diberikan secara percuma kepada kumpulan sasaran iaitu pelajar institusi pengajian tinggi tempatan. PUM22 memberi penekanan kepada faedah mendaftarkan perniagaan, pengurusan kewangan perniagaan dan pemasaran digital. Program ini bermatlamat untuk memberi manfaat kepada golongan pelajar yang berminat dalam menjalankan perniagaan melalui pendedahan dan kefahaman berkaitan tatacara perniagaan sebenar melalui informasi yang lebih tepat, padat dan menyeluruh.

Selain itu, pelaksanaan PUM22 ini adalah untuk menyemai minat keusahawanan dalam kalangan golongan belia agar memilih untuk menjadikan aktiviti perniagaan sebagai salah satu daripada pilihan kerjaya

mereka di samping mengajar peserta tentang selok-belok perniagaan melalui penerapan nilai-nilai perniagaan yang lebih komprehensif serta praktikal. Sasaran utama PUM22 ini adalah pelajar institusi pengajian tinggi sepenuh masa dan sekaligus mengambil peluang untuk memanfaatkan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) SSM.

Penganjuran PUM22 ini sekali gus merancakkan lagi aktiviti dan hasil ekonomi negara dengan menjadikan perniagaan sebagai salah satu kerjaya pilihan. Hal ini juga akan memberi keyakinan tentang sumbangan mereka kepada perkembangan ekonomi di samping membantu mengurangkan kadar pengangguran negara. Sepanjang tahun 2022, sebanyak tujuh (7) PUM22 telah dilaksanakan dengan 7,261 penyertaan. Ringkasan pelaksanaan PUM22 adalah seperti berikut:

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
PUM22 Kuala Lumpur	31 Mac 2022	Dalam Talian	1,268
PUM22 Pahang	6 September 2022	Dalam Talian	1,619
PUM22 Sarawak	10 September 2022	Politeknik Kuching, Sarawak	516
PUM22 Pulau Pinang	14 September 2022	Dalam Talian	1,740
PUM22 Negeri Sembilan	3 Oktober 2022	Politeknik Nilai, Negeri Sembilan	536
PUM22 Kapit & Song, Sarawak	8 November 2022	Sekolah Menengah Kebangsaan Song, Sarawak	54
PUM22 Terengganu & Kelantan	16 November 2022	Akademi Binaan Malaysia, Terengganu	1,528
JUMLAH			7,261



Amanat perasmian oleh YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP semasa PUM22 Peringkat Negeri Sarawak di Politeknik Kuching, Sarawak pada 10 September 2022.



YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP bersama para peserta PUM22 Peringkat Negeri Sarawak yang telah diadakan di Politeknik Kuching, Sarawak pada 10 September 2022.



YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP bersama peserta PUM22 Peringkat Daerah Kapit dan Song, Sarawak yang telah diadakan di Dewan Masyarakat Song pada 8 November 2022.



YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP menyantuni peserta PUM22 Peringkat Daerah Kapit dan Song, Sarawak pada 8 November 2022.



YB. Dato' Rosol Wahid, Timbalan Menteri PDNHEP bersama peserta PUM22 Peringkat Negeri Terengganu dan Kelantan di Dewan Akademi Binaan Malaysia, Jenagor, Kuala Berang, Terengganu pada 16 November 2022.



YBhg. Datuk Azman bin Mohd. Yusof, Ketua Setiausaha KPDNHEP bersama peserta PUM22 Peringkat Negeri Sembilan di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan pada 3 Oktober 2022.

PROGRAM BIMBINGAN USAHAWAN 2022

Program Bimbingan Usahawan 2022 (PBU22) bertujuan untuk memberi kesedaran kepada kumpulan usahawan tentang keperluan mendaftarkan perniagaan serta faedah yang diperolehi. Bentuk pengisian program ini melibatkan taklimat dan perkongsian maklumat daripada penceramah dalam dan luaran berkaitan pelbagai aspek perniagaan. Antara topik-topik utama yang dikongsikan kepada peserta adalah seperti berikut:

- (a) Keperluan mendaftarkan perniagaan: Para peserta didekah dengan keperluan perundangan dan prosedur-prosedur yang berkaitan dengan pendaftaran perniagaan di Malaysia;
- (b) Kelebihan mendaftarkan perniagaan: Program ini memfokuskan kelebihan dan faedah mendaftarkan perniagaan seperti perniagaan diperakui sah di sisi undang-undang, berpeluang mendapat bantuan kerajaan dan meningkatkan kredibiliti perniagaan kepada pelanggan dan rakan kongsi;
- (c) Strategi pengurusan kewangan: Para usahawan didekah mengenai amalan pengurusan kewangan yang efektif untuk perniagaan mereka;
- (d) Kaedah pemasaran digital: Program ini merangkumi strategi dan teknik pemasaran digital untuk membantu usahawan mengembangkan perniagaan secara meluas terutamanya dalam talian; dan



Sesi 'Knowledge Sharing' bersama barisan panel yang terdiri daripada wakil SSM dan pemain industri bagi tujuan perkongsian pandangan dan pengetahuan kepada para peserta PBU22 Siri-2 di Menara SSM@ Sentral, Kuala Lumpur

- (e) Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Usahawan Berjaya: Peserta berpeluang untuk belajar teknik, ilmu dan tips praktikal perniagaan yang dikongsikan oleh usahawan-usahawan yang berpengalaman dan telah berjaya dalam bidang perniagaan.

PBU22 memainkan peranan penting dalam mendedahkan usahawan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menangani cabaran berikut pandemik COVID-19 serta mengambil peluang perniagaan yang ada. Ia juga bertujuan membuka peluang perniagaan kepada rakyat yang terjejas dengan menggalakkan mereka untuk mendaftarkan perniagaan di samping menyediakan panduan yang boleh memberi manfaat kepada kelangsungan perniagaan mereka.



Ucapan perasmian PBU22 Siri-2 oleh YBrs. Tuan Rezy Izwan Ramly, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan) pada 14 Julai 2022 di Menara SSM@ Sentral, Kuala Lumpur.



Peserta PBU22 Siri-2 bergambar kenangan bersama sijil penyertaan.

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
PBU Siri - 1	24 Februari 2022	Dalam Talian	1,033
PBU Siri - 2	14 Julai 2022	Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur	255
JUMLAH			1,288

SAMBUTAN ULANG TAHUN SSM KE-20 (MSUSSM20)

Pada tahun 2022, SSM telah menyambut ulang tahun ke-20 sejak penubuhannya pada 16 April 2002. Bagi memperingati evolusi penubuhannya dengan tema 'SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan,' SSM telah mengadakan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 pada 15 April 2022 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB. Dato' Rosol Wahid, Timbalan Menteri PDNHEP, YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPDNHEP serta wakil-wakil agensi daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Penganjuran Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM yang ke-20 ini juga disemarakkan dengan pelancaran penerbitan 'SSM Dua Dekad: Inspirasi



Ucaptama oleh YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri PDNHEP semasa merasmikan MSUSSM20 pada 15 April 2022 di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur.



Pelancaran penerbitan khas buku 'SSM Dua Dekad: Inspirasi Kepercayaan Perniagaan'

Kepercayaan Perniagaan' sebagai dokumentasi khas bagi pencapaian dan evolusi 20 tahun penubuhan SSM.

Di samping itu, SSM turut menganjurkan pelbagai aktiviti bersempena sambutan ini seperti Program Jejak Pesara SSM, Jejak Asnaf Usahawan serta Program Bantuan Sumbangan kepada pihak yang memerlukan. Selain itu, SSM juga menganjurkan PUM22, PBU22, Program Taklimat BizTalk, Corporate Talk, pembukaan kaunter EzBiz On The Go dan kaunter khidmat nasihat, Program Mega Walkabout SSM, edaran kurma dan bubur lambuk, aktiviti jualan, pembukaan reruai pameran, aktiviti sukan serta lain-lain aktiviti yang telah disusun khas bagi memeriahkan lagi sambutan ini.



Majlis sumbangan zakat korporat dan serahan tanggungjawab sosial korporat bersempena dengan sambutan Hari Ulang Tahun SSM ke-20.



Para jemputan yang menghadiri sambutan Hari Ulang Tahun SSM ke-20 di Menara SSM@Sentral.

ZAKAT DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Sebagai sebuah agensi Kerajaan, SSM bersama-sama mendukung aspirasi Kerajaan untuk membantu golongan yang memerlukan melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan agihan zakat. Ia merupakan inisiatif SSM dalam menunjukkan keprihatinan terhadap nasib golongan yang terpinggir serta kurang berkemampuan dan berlitzam untuk menyantuni golongan yang memerlukan ini demi memelihara kebajikan serta kesejahteraan masyarakat.

Inisiatif SSM ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Pengurusan Zakat dan Tanggungjawab Sosial Korporat (JPZCSR) SSM yang ditubuhkan pada 1 Januari 2021. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam mengurus, mempertimbang seterusnya melaksanakan pengagihan wakalah zakat korporat SSM dan sumbangan CSR SSM kepada golongan sasaran. JPZCSR SSM telah menganjurkan pelbagai program kemasyarakatan seperti berikut:

PROGRAM MENYANTUNI PEKERJA SSM

- (a) Sumbangan Bencana Banjir 2021 (Bantuan Kilat kepada 50 warga kerja SSM);
- (b) Sumbangan Pasca-Banjir (Fasa 1);
- (c) Sumbangan Pasca-Banjir (Fasa 2); dan
- (d) Sumbangan Pasca-Banjir (Fasa 3).

PROGRAM MENYANTUNI USAHAWAN ASNAF DAN USAHAWAN KATEGORI B40

- (a) Program agihan CSR kepada 10 orang Usahawan B40 seluruh Malaysia di Menara SSM@Sentral;
- (b) Program agihan wakalah zakat kepada Usahawan Asraf seluruh Malaysia;

- (c) Program agihan wakalah zakat kepada Usahawan Asraf semasa Program Mega Walkabout SSM 2022 di Tapak Bazar Ramadhan, Bandar Tasik Puteri, Cheras; dan
- (d) Program agihan CSR dan wakalah zakat kepada usahawan dan rumah kebajikan semasa Majlis Perasmian Bangunan SSM Sarawak.

AGIHAN WAKALAH ZAKAT KORPORAT DAN CSR KEPADA PELAJAR DARIPADA KATEGORI B40 DAN ASNAF

Dana CSR dan wakalah zakat korporat telah diagihkan kepada pelajar daripada kategori B40 dan Asraf semasa program-program seperti di bawah:

- (a) PUM22 di Politeknik Kuching, Sarawak pada 10 September 2022;
- (b) PUM22 di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan pada 3 October 2022;
- (c) Mini PUM22 di Dewan Masyarakat Song, Kapit, Sarawak, pada 8 November 2022; dan
- (d) PUM22 di Dewan Akademi Binaan Malaysia, Kuala Berang, Terengganu pada 16 November 2022.



Program agihan WZK SSM kepada 13 penerima sempena penganjuran PUM22 bertempat di Dewan Akademi Binaan Malaysia, Kuala Berang, Terengganu pada 16 November 2022.

PROGRAM KOLABORASI ANTARA JPZCSR SSM BERSAMA WAQAF AN-NUR

Pada 15 September 2022, SSM, melalui JPZCSR dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MOU) berjumlah RM1.18 juta bagi tujuan kerjasama dalam beberapa inisiatif berikut:

- (a) Melahirkan dan membangunkan 40 usahawan dalam kalangan kumpulan Asnaf untuk menceburi bidang perniagaan gunting rambut, dengan sumbangan bernilai RM120,000.00;
- (b) Melahirkan dan membangunkan 40 usahawan dalam kalangan kumpulan Asnaf untuk menceburi bidang perniagaan produk berasaskan susu dengan kerjasama dari Farm Fresh, dengan sumbangan bernilai RM120,000.00;
- (c) Kerjasama dalam pembelian dan pengoperasian dua (2) unit Klinik Bergerak bernilai RM700,000.00; dan
- (d) Sumbangan enam (6) unit mesin dialisis bernilai RM240,000.00.

MOU ini merupakan satu bentuk kerjasama strategik yang bertujuan untuk menyokong keusahawanan, perkhidmatan rawatan kesihatan serta kebajikan kumpulan Asnaf dan kumpulan kategori B40 melalui pelbagai inisiatif dan sumbangan kewangan.



Majlis agihan WZK SSM dan CSR SSM kepada tiga (3) pertubuhan sempena Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan SSM 2022 di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral pada 28 Ogos 2022.



Majlis Menandatangani MoU antara SSM dan Waqaf An-Nur bertempat di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral pada 15 September 2022.

PROGRAM KOLABORASI BERSAMA KPDNHEP DAN PIHAK BERKEPENTINGAN TAHUN 2022

Pada tahun 2022, pelbagai inisiatif kebajikan dan bantuan terhadap komuniti telah dijalankan oleh SSM melalui JPZCSR dengan kerjasama organisasi-organisasi seperti berikut:

- (a) Program Bantuan Bencana Banjir 2021: SSM melalui JPZCSR memberikan bantuan kepada komuniti-komuniti yang terjejas dengan bencana banjir yang berlaku pada tahun 2021;
- (b) Sumbangan Peralatan Perubatan kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang: SSM melalui JPZCSR memberi sumbangan peralatan perubatan kepada HTAR Klang yang telah memberi manfaat kepada perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut;
- (c) Program Ziarah Kasih Ramadhan 2022: Program ini dianjurkan oleh KPDNHEP di Dewan Serbaguna PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya, Selangor pada bulan Ramadan tahun 2022 untuk memberi bantuan dan sumbangan kepada golongan yang memerlukan;
- (d) Sumbangan kepada Wakil Media dari BERNAMA: SSM melalui JPZCSR, memberikan bantuan dan sumbangan kepada wakil media BERNAMA;
- (e) Majlis Perhimpunan Bulanan KPDNHEP: SSM melalui JPZCSR bekerjasama dengan KPDNHEP menyalurkan sumbangan kepada komuniti yang memerlukan semasa majlis perhimpunan bulanan di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@ Sentral;
- (f) Sumbangan kepada Persatuan yang Menjaga Kebajikan Pesara: SSM telah memberikan sumbangan kepada persatuan yang menjaga kebajikan golongan pesara penguatkuasa sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka dalam memelihara keamanan dan keselamatan negara;
- (g) Sumbangan Program Rintis Tanpa Tunai: SSM melalui JPZCSR menyertai Program Rintis Tanpa Tunai anjuran KPDNHEP sempena Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (REDI) untuk memberikan sumbangan kepada komuniti yang memerlukan;
- (h) Sumbangan kepada Persatuan Francais Malaysia (MFA): SSM melalui JPZCSR memberi sumbangan kepada Persatuan Francais Malaysia sebagai sokongan kepada aktiviti-aktiviti berkaitan francais; dan
- (i) Sumbangan Peralatan Perubatan kepada Hospital Sultanah Maliha, Langkawi, Kedah: Peralatan perubatan telah disumbangkan kepada Hospital Sultanah Maliha di Langkawi, Kedah semasa bengkel yang dianjurkan oleh JPZCSR SSM pada tahun 2022.

Inisiatif-inisiatif ini menunjukkan komitmen berterusan SSM terhadap tanggungjawab sosial dari segi bantuan dan sumbangan dalam menjaga kebajikan individu serta masyarakat yang memerlukan di Malaysia.

PENJENAMAAN KORPORAT

SSM telah menerbitkan pelbagai video pendidikan bagi membuat hebahan kepada orang awam berkenaan program-program, majlis-majlis dan maklumat terkini yang telah dilaksanakan oleh SSM melalui laman web rasmi SSM serta pelbagai platform media sosial. Antara video yang dihasilkan adalah seperti berikut:

- (a) Video sempena Sambutan Ulang Tahun SSM Ke-20;
- (b) Video sempena perasmian Program Bimbingan Usahawan 2022 (PBU22);
- (c) Video berkenaan aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang dianjurkan di rumah kebajikan di Rumah Karunai Illam, Kepong, Kuala Lumpur;
- (d) Video berkenaan aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang dianjurkan di rumah kebajikan di Pertubuhan Cahaya Hati Selangor, Batu Cave, Selangor;
- (e) Video berkenaan aktiviti tanggungjawab sosial korporat melalui JPZCSR yang membantu golongan pesara yang memerlukan;
- (f) Video Pengenalan Logo Sambutan Ulang Tahun SSM Ke-20;
- (g) Video sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri merangkumi ucapan dan takbir;
- (h) Video dokumentasi lawatan Kadet PTD KPDNHEP Ke SSM;
- (i) Video sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha merangkumi takbir dan aktiviti penguatkuasaan SSM;
- (j) Video dokumentasi PBU22 Sesi 2;
- (k) Video dokumentasi Perhimpunan Bulanan SSM dan Perhimpunan Bulanan KPDNHEP;
- (l) Video inspirasi bersama usahawan berjaya yang telah memulakan perniagaan mereka dengan mendaftarkan perniagaan di bawah SPPP;
- (m) Video montaj majlis menandatangani MoU antara SSM dan Bank Simpanan Nasional;
- (n) Video ucapan pembukaan YBhg. Menteri KPDNHEP sempena Persidangan Kebangsaan SSM;
- (o) Pelbagai video temuramah usahawan;
- (p) Video dokumentasi majlis menandatangani MoU antara SSM dan Bank Negara Malaysia;
- (q) Video dokumentasi Sambutan Hari Kemerdekaan SSM;
- (r) Video dokumentasi PUM Pahang dan PUM Kuching, Sarawak;
- (s) Video ucapan Dialog Tahunan SSM 2022;
- (t) Video dokumentasi Sambutan Maulidur Rasul;
- (u) Video dokumentasi mini PUM di Kapit dan Song, Sarawak;
- (v) Video dokumentasi Perasmian Bangunan SSM Sarawak;
- (w) Video dokumentasi aktiviti JPZCSR di Sultanah Maliha Hospital, Langkawi, Kedah; dan
- (x) Video dokumentasi SSM BizDay 2022.

Video-video ini berperanan sebagai medium penting untuk SSM memberikan hebahan berkaitan inisiatif-inisiatif SSM serta berinteraksi dengan orang awam dan pihak berkepentingan.



**20 TAHUN
TRANSFORMASI**



SOROTAN **MEDIA**

SSM DALAM MEDIA

SSM sumbang RM100,000 kepada usahawan B40

Save 40% on Creative Cloud All Apps

PETAING JAYA: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menyatakan sumbangan berjumlah RM100,000 kepada usahawan B40 yang terkenan akibat pandemik Covid-19 melalui penurunan Tanggungjawab Solid Korporat (CSR). Sumbangan akan diberikan di dalam kepada 200 perniagaan, di mana setiap usahawan akan menerima bantuan sebanyak RM500. Menurut SSM dalam kenyataan, inisiatif itu adalah sebagai pelangkap kepada inisiatif yang diseluruh kepada usahawan osmosi sebelum ini mengalami perburukan.

SSM training module for GLCs proposed

KUCHING: The Sarawak government will work with the Companies Commission of Malaysia (SSM) to offer alternative management of corporate law issues.

According to a Sarawak Public Communications Officer (PCO), the Ministry of Finance, Economic Affairs, Information and URAFI, Sarawak has approached SSM to propose a training module to assist them in dealing with the laws and regulations.

"The training aims to strengthen the capacity of the law enforcement to respond to the performance of law enforcers in compound."

Meanwhile, Sarawak SSM director, Samsul Azam said that the intransigency would be implemented through GLCs training centre, the Companies Commission of Malaysia Training Academy (CCMTA).

SSM sumbang RM100,000 untuk usahawan B40

Poto Hasan / FAI, NDTP

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hari ini menyatakan sumbangan berjumlah RM100,000 kepada usahawan golongan B40 yang terkenan akibat pandemik COVID-19.

1,578 syarikat manfaat inisiatif pengurangan kompaun SSM

Liputan BH Online: 1,578 syarikat manfaat inisiatif pengurangan kompaun SSM

Daftar perniagaan secara percuma melalui SPPP

Dish-Aziz Hassan - Mar 31, 2022 @ 7:09pm
shazira@ssm.ses.my

KUALA LUMPUR: Seramai 11,128 pelajar sepena masa institusi pengajian tinggi (IPT) dan 19,194 usahawan B40, berjaya mendafarkan pemagaman secara percuma melalui Slim Pendaftaran Pihak Prihatin (SPPP), dari 1 Januari 2021 hingga 28 Februari lalu.

SSM offers 90% discount on compounds under Companies Act 1965

NATION Sunday, 27 Feb 2022; 2:47 PM MYT

KUALA LUMPUR: From March 1 to June 30, the Companies Commission of Malaysia (SSM) will slash compounds by 90% for all offences under the abolished Companies Act 1965, said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP).

Its minister, Datuk Seri Alexander Hanta Linggi, said the discount offer was an initiative to help ease the burden of corporate entities in the midst of the Covid-19 pandemic and boost economic recovery in line with the aspiration of Keluarga Malaysia.

He said the ministry through agencies like SSM would continue with five initiatives introduced last year but with certain improvements.

"SSM will continue implementing initiatives introduced last year like the Prighth Business Registration Scheme (SPPP) which offers free registration to entrepreneurs in the B40 group and full-time students of IPT (institutions of higher learning)," he said in a statement on Sunday (Feb 27).

KPDNHEP, SSM perkenal inisiatif baharu bantu pemulihara ekonomi negara

Dok: Bernama/Haniffa Linggi

"Menterinya, Datuk Seri Alexander Hanta Linggi, berkata inisiatif KPDNHEP melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) itu bertujuan untuk meringankan beban komuniti korporat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 serta membantu pemulihara ekonomi negara selari dengan aspirasi Keluarga Malaysia".

Liputan Akbar Bernama - KPDNHEP, SSM perkenal inisiatif baharu bantu pemulihara ekonomi negara

SSM sambut ulang tahun ke-20 Jumaat ini

MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN SSM KE-20

"SSM mengadakan kehadiran orang ramai untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam aktiviti yang dirancang bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun SSM ke-20 dari 12-15 April 2022"

Liputan BERNAMA Online - SSM Sambut Ulang Tahun ke-20 Jumaat ini

<https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2071254>

#SSMDuaDekad #InspirasiKepercayaanPerniagaan

KPDNHEP, SSM perkenal inisiatif baharu bantu pemulihara ekonomi negara

Jumat, 07.03.2022 | 8:30am

Nanta Linggi bersama-sama merasmikan inisiatif baharu melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi membantu pelaku perniagaan dalam menghadapi pandemik COVID-19.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memperkenalkan inisiatif baharu membantuh pengurangan kompaun sehingga 90 peratus kepada ribu-ribu kompaun bagi semua kesalahan di Bantuan Akta Syarikat 1965 yang dimulai hari ini bermula 1 Mac tergerak.

Menurutnya, Datuk Seri Alexander Hanta Linggi, SSM akan menguruskan sistem maklumat bantuan akta ini (SPP) bagi berhenti untuk meningkatkan bekalan komuniti bisnes dan pengusaha yang terkena akibat pandemik COVID-19 serta memberi pemulihara ekonomi negara selari dengan aspirasi Keluarga

SSM's Reporting Framework for Beneficial Ownership Promotes Corporate Transparency

SSM introduced the concept of Beneficial Ownership under the Companies Act 2016 which was enforced on 31 January 2017.

While businesses play a role in contributing to economic growth, they could be involved in carrying out illicit activities such as money laundering, terrorist financing and other serious crimes.

To guard business against such unlawful acts, Companies Commission of Malaysia (SSM) has introduced measures to identify beneficial owners of business entities registered or operating from Malaysia.

These measures are meant to ensure that business entities of such nature are transparent and accountable.

SSM Chief Executive Officer Dato' Nur Aminah Abdul Aziz said the reporting framework outlined in the Guidance for Reporting Requirements for Beneficial Ownership of Legal Persons issued under section 56(1)(b) of the Companies Act 2016 will provide guidance on transparency and accountability of business entities registered under the respective laws governed by the Act.

Nur Aminah explained that the guidance is applicable to all legal persons such as companies, limited liability partnerships, limited liability partnerships and business (sole proprietors and partnerships).

In explaining why beneficial owners are not identified, she said it is because they are not directly seen or controlled entirely by an arrangement.

"SSM introduced the concept of Beneficial Owners under the Companies Act 2016 which was enforced on 31 January 2017."

"The Act requires companies to submit their annual return

person to section 68 of the Companies Act 2016, while section 56 of the same Act provides a general framework for companies to retain the Beneficial Ownership information of legal persons after applying to limited liability partnerships and business entities to do so. This will have the obligation to rectify and submit the information to the registrar through the submission of the annual declaration," she said.

Moreover, one setback for businesses registered under the Companies Act 2016 is that the reporting requirements of the Act itself is divergent from the statutory requirement of the relevant laws. Hence, there are inconsistencies in the reporting requirements of the two documents.

She added that the reporting framework issued by SSM will harmonise the reporting requirements of the two documents to prevent unnecessary burden to business entities.

"Under the Beneficial Ownership reporting framework, a company or limited liability partnership is required to take reasonable steps to identify the beneficial owner(s) and verify the Beneficial Ownership information recorded in the Annual Declaration of Beneficial Ownership. Information and supporting documents must be kept either in physical or electronic form in the native language or English, whichever is more convenient for the parties concerned."

The guideline requires that companies and limited liability partnerships must keep the information on the Beneficial Owners reporting including recording shareholders' names, addresses and contact details, as well as the relationship or ownership of the Beneficial Owners whenever there are changes in the information of the Beneficial Owners.

"It is essential for companies, LLPs or businesses to comply with the reporting framework to ensure that they are transparent and at the same time able to combat洗黑钱 activities harming business entities."

SSM's Guidance for Reporting Requirements for Beneficial Ownership can be downloaded at SSM's official website at www.ssm.com.my.



partnerships being held.

Companies and limited liability partnerships must ensure that they are transparent and accountable to the relevant enforcement agencies, the Benefits Owners who have been recorded in the register of beneficial owners and other relevant persons authorised by the Benefits Owners.

Nur Aminah said the company or limited liability partnerships must ensure that they are transparent and accountable to the relevant enforcement agencies, the Benefits Owners who have been recorded in the register of beneficial owners and other relevant persons authorised by the Benefits Owners.

Information and the supporting documents must be kept either in physical or electronic form in the native language or English, whichever is more convenient for the parties concerned."

The guideline requires that companies and limited liability partnerships must keep the information on the Beneficial Owners reporting including recording shareholders' names, addresses and contact details, as well as the relationship or ownership of the Beneficial Owners whenever there are changes in the information of the Beneficial Owners.

"It is essential for companies, LLPs or businesses to comply with the reporting framework to ensure that they are transparent and at the same time able to combat洗黑钱 activities harming business entities."

SSM's Guidance for Reporting Requirements for Beneficial Ownership can be downloaded at SSM's official website at www.ssm.com.my.

For further information, please contact SSM Call Centre at 03-70290000 or email to enquiry@ssm.com.my.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM BERI TUMPUAN KEPADA TADBIR URUS KORPORAT, KEMAMPMANAN



SSM NATIONAL CONFERENCE 2022

26 & 27 July 2022 | Kuala Lumpur | Virtual Conference

CORPORATE GOVERNANCE AND SUSTAINABILITY NEEDED NOW MORE THAN EVER

Running in line with its theme "2022 SSM National Conference (SSNMC)", SSM needs to work in a step-up regulatory education, research and development, and innovation to keep corporate professionals to stay relevant in the ever-changing business environment.

The conference aims to bring together, in a platform to work, ideas on governance, sustainability and resilience, long-term value and innovation, and technology.

OPENING SESSION

- 1. Opening Speech by the Secretary General
- 2. Keynote Speech by the Minister of Finance
- 3. Leadership Sustainability in Malaysia
- 4. Keynote Speech by the Minister of Economic Development
- 5. Leadership Action from the Boardroom From Talk to Action
- 6. Keynote Speech by the Secretary General, Standard & Poor's
- 7. Keynote Speech by the Secretary General, Malaysia Institute of Banking and Finance
- 8. Circular Economy Driving the Transformation on Sustainability

WORKSHOPS

- 16 WORKSHOPS
- 37 CATEGORIES
- 30 INDUSTRIAL OPPORTUNITIES
- 2,000 REGISTERED ATTENDEES

Credit : SSM



BERNAMA.com

SSM: Discount on compounds under Companies Act 1965 extended to Oct 31

Liputan Bernama : Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) has extended the compound reduction incentive under the Companies Act 1965 from 1 July 2022 to 31 October 2022.



Diskaun 90 peratus kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 dilanjut hingga 31 Oktober

Liputan Awani : Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah melanjutkan insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 bermula 1 Julai 2022 hingga 31 Oktober 2022.



公司委会罚款优惠措施 延长至10月31日

Liputan Oriental Daily : Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) has extended the compound reduction incentive under the Companies Act 1965 from 1 July 2022 to 31 October 2022.



Diskaun kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 dilanjut hingga 31 Oktober

Liputan Selangor Kini : Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah melanjutkan insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 bermula 1 Julai 2022 hingga 31 Oktober 2022.


SSM: Discount on compounds under companies Act 1965 extended to Oct 31

07-01-2022 10:52 AM



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA (Ageni di bawah KPDRN)

Liputan The Sun Daily : Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) has extended the compound reduction incentive under the Companies Act 1965 from 1 July 2022 to 31 October 2022.




Diskaun 90% kompaun bawah Akta Syarikat 1965 dilanjut hingga 31 Okt, kata SSM

Liputan kini : SSM mengumumkan insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 yang berlaku sejak awal tahun 2022.



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Liputan The Sun Daily : Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) has extended the compound reduction incentive under the Companies Act 1965 from 1 July 2022 to 31 October 2022.



Liputan The Malaysian Insight : Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah melanjutkan insentif pengurangan kompaun di bawah Akta Syarikat 1965 bermula 1 Julai 2022 hingga 31 Oktober 2022.

Inisiatif ini merupakan salah satu daripada enam inisiatif SSM dalam membantu ke arah Pemulihan Ekonomi Negara Tahun 2022 yang telah diperkenalkan sejak awal tahun 2022.



BNM, SSM strengthen ties on AML/CFT regulation, supervision

Liputan China Press : Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) has extended the compound reduction incentive under the Companies Act 1965 from 1 July 2022 to 31 October 2022.

Liputan The Sun Daily : BNM, SSM strengthen ties on AML/CFT regulation, supervision.

Amendment to Limited Liability Partnerships Act amendment next month - Nanta

Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi

Liputan Bernama (Chinese) - Incorporated into the business recovery legal framework and rescue mechanism ? Limited liability partnership amendment is expected to be presented to Congress next month

BERNAMA.com
BERNAMA TV
BERNAMA Radio

Search: Q.
Hari Kebangsaan 2022
Commonwealth Games 2022
Johor Agro-Industrial Valley
Malaysia
BERNAMA 2022
COVID-19 & Vaccination
General
Crises & Crisis

[Facebook](#) [Twitter](#) [YouTube](#) [Dailymotion](#) [Instagram](#)

30/07/2022 12:08 PM

Partnerships Act amendment next month

Incorporating the Legal Framework for Business Recovery and the Rescuse Mechanism Limited Liability Partnership Amendment is expected to be submitted to Congress next month

GOADDY.COM 

Online busi expert.

A full range of products to help you turn your business dreams come true.

CHAMBERS:

與網域相容電郵地址 .
     

GMA LAMPUNG 30.07.2018 - Data Bas Alameer El Dairi, Minister for Economic Trade and Consumer Affairs, said the 350 initial liability partnership amendments are expected to be submitted to Parliament for passage by the end of next month.

He said the bill would provide a more comprehensive legal framework for the recovery of losses within, including the incorporation of rescue mechanisms for businesses.

This is in line with the government's vision to accelerate the country's economic recovery, as a more comprehensive legal framework for the recovery of business losses is necessary to ensure that business remains competitive.

Liputan Oriental Daily Online: Incorporating the Legal Framework for Business Recovery and the Rescuse Mechanism Limited Liability Partnership Amendment is expected to be submitted to Congress next month

The image is a composite of three distinct parts. On the left, there is a portrait of a woman wearing a pink hijab, smiling at the camera. In the center, there is a promotional banner for 'SCORE' featuring the text 'WORLD CUP EDITION' and 'THE SUN'. On the right, there is a news clipping from 'The Sun daily' with the headline 'Total of 94,229 companies and 3,158 LLPS in Sarawak register with SSM'.

Bursa Malaysia signs three-year MOU with SSM on initiatives for SMEs.

The Star - Bursa Malaysia signs three-year MOU with SSM on initiatives for SMEs

BERITA HARIAN - Bursa Malaysia signs three-year MOU with SSM on initiatives for SMEs

THE STAR - Bursa Malaysia signs three-year MOU with SSM on initiatives for SMEs

THE EDGE - Bursa Malaysia signs three-year MOU with SSM on initiatives for SMEs

SSM: Discount on compounds under Companies Act 1965 extended to Oct 31

Semua yang di simi

Dulu tak suka, kini jadi kerjaya!

Jangan lupa untuk mendaftarkan perniagaan anda dengan SSM!

SSM DALAM TV



TMEF | 2 Mac 2022



SSM Offers 90% Discount for Compounds under Companies Act 1965



Astro Awani | 9 April 2022



SSM 20 Tahun Pengurangan Kompaun 90% kepada Komuniti Korporat



TV3 | 15 April 2022



Sambutan Ulang Tahun SSM Yang Ke-20



RTM | 15 April 2022



Sambutan Ulang Tahun SSM Yang Ke-20



RTM | 15 April 2022



SSM Perlis Sumbang Zakat RM20,000 Bantu Golongan Asnaf



Astro Awani | 16 April 2022



1.4 Juta Syarikat Berdaftar dengan SSM



Didik TV | 12 Mei 2022



Kepentingan Perniagaan yang Sah Berdaftar dengan SSM



Astro Awani | 18 Jun 2022



Peniaga Disaran Daftar SSM Segera



**SSM Dua Dekad I
Perkasan Ekosistem Entiti Perniagaan Negara**

Astro Awani | 20 Ogos 2022



**Dua Dekad -
Pelbagai
Transformasi untuk
Persekitaran
Kondusif Landskap
Perniagaan**

RTM | 10 September 2022



**Cadangan
Pindaan Akta
Syarikat 2016 &
Akta Perkongsian
Liabiliti Terhad
2012**

TV1 | 17 Oktober 2022



**SSM Cadang
Pinda Dua Akta,
Bantu Rehabilitasi
Korporat Syarikat**

TV3 | 30 Oktober 2022



**Opening
Ceremony of
SSM's New
Building in
Sarawak**

RTM | 14 November 2022



**Lebih 19 Ribu
Pelajar IPT
Berdaftar SSM di
Seluruh Negara**

TVDI | 16 November 2022



**20 TAHUN
TRANSFORMASI**



PENYATA **KEWANGAN**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 110.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka

dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persesembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, termasuk pendedanannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Suruhanjaya Syarikat Malaysia perlu mengambil perhatian terhadap perkara berikut:

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2022, dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2021. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Suruhanjaya terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2021 dan 1 Januari 2021 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2022 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Suruhanjaya Syarikat Malaysia perlu segera memuktamadkan sistem perakaunan yang baharu dan sistem lain sedia ada yang belum berintegrasi dalam penyediaan penyata kewangan bagi tujuan pelaporan selaras dengan keperluan MPSAS. Perkara ini dapat mengurangkan pelarasaran secara manual seperti perekodan penghutang dan pemutang, laporan pengumuran penghutang dan pemutang serta urus niaga pelaburan bagi memastikan ketepatan penyata kewangan yang dilaporkan.

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Syarikat Malaysia berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 DISEMBER 2023



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Kami, **AHMAD SABKI BIN YUSOF** dan **DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,



Nama : **AHMAD SABKI BIN YUSOF**
Jawatan : **PENGERUSI SURUHANJAYA**
Tarikh : **20 JUN 2023**
Tempat : **KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Suruhanjaya,



Nama : **DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**
Jawatan : **ANGGOTA SURUHANJAYA**
Tarikh : **20 JUN 2023**
Tempat : **KUALA LUMPUR**

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PERAKUAN PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA

Saya, **AMIR BIN AHMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada **20 JUN 2023**)



AMIR BIN AHMAD

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Perkhidmatan Korporat)

Di hadapan saya,



Tingkat 1 L, Blok 12-2 Wisma Yakin
Jalan Masjid India, 50100 Kuala Lumpur

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022

	NOTA	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
ASET				
Aset Semasa				
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	5	150,846,920	134,358,188	121,165,071
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen	6	570,000,000	530,000,000	565,000,000
Pelaburan Kewangan Dipegang Hingga Matang	7	5,101,500	62,011,214	57,084,133
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	8	4,214,223	5,747,579	3,970,819
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	9	54,015,087	38,160,031	36,391,706
Pembentukan Pekerja	10	5,000,524	5,076,024	5,474,787
Inventori	11	-	-	277,820
Jumlah Aset Semasa		789,178,254	775,353,036	789,364,336
Aset Bukan Semasa				
Pelaburan Kewangan Dipegang Hingga Matang	7	494,063,601	364,049,765	245,732,673
Pembentukan Pekerja	10	36,531,074	39,375,232	43,344,579
Hartanah, Kelengkapan Dan Peralatan	12	154,873,336	159,594,240	199,781,955
Hartanah Pelaburan	13	44,330,540	45,705,540	9,520,000
Jumlah Aset Bukan Semasa		729,798,551	608,724,777	498,379,207
JUMLAH ASET		1,518,976,805	1,384,077,813	1,287,743,543

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022

(sambungan)

	NOTA	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
LIABILITI				
Liabiliti Semasa				
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	14	75,568,236	58,167,404	57,010,096
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	54,234,055	49,112,562	46,821,768
Cukai Dan Zakat	16	23,900,000	23,000,000	23,760,905
Peruntukan Faedah Pekerja	17	1,554,718	1,982,464	2,761,474
Jumlah Liabiliti Semasa		155,257,009	132,262,430	130,354,243
Liabiliti Bukan Semasa				
Peruntukan Faedah Pekerja	17	41,733,404	34,160,227	32,106,776
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		41,733,404	34,160,227	32,106,776
Jumlah Liabiliti		196,990,413	166,422,657	162,461,019
ASET BERSIH		1,321,986,392	1,217,655,156	1,125,282,524
ASET BERSIH/ EKUITI				
Dana Pembiayaan Pekerja	18	91,000,000	91,000,000	91,000,000
Lebihan Terkumpul		1,230,986,392	1,126,655,156	1,034,282,524
JUMLAH ASET BERSIH/ EKUITI		1,321,986,392	1,217,655,156	1,125,282,524

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Pendapatan			
Pendapatan Daripada Transaksi Bukan Pertukaran	19	368,926,110	310,970,029
Pendapatan Daripada Transaksi Pertukaran	20	133,806,810	112,822,542
Jumlah Pendapatan		502,732,920	423,792,571
Perbelanjaan			
Kos Pekerja	21	194,166,953	158,394,525
Kos Pentadbiran	22	118,289,952	91,456,201
Kos Kewangan		52,250	44,150
Perbelanjaan Lain	23	7,378,012	10,189,153
Jumlah Perbelanjaan		319,887,167	260,084,029
Lebihan sebelum Kumpulan Wang Disatukan			
Persekutuan		182,845,753	163,708,542
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	54,838,051	49,112,562
Lebihan sebelum cukai dan zakat		128,007,702	114,595,980
Cukai dan zakat	16	23,676,466	22,223,348
Lebihan bagi tahun		104,331,236	92,372,632

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/ EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	LEBIHAN TERKUMPUL RM	DANA PEMBIAYAAN PEKERJA RM	JUMLAH RM
Baki Pada 01 Januari 2021 Seperti dilaporkan sebelumnya Kesan pemakaian MPSAS	1,034,410,950 (128,426)	91,000,000 -	1,125,410,950 (128,426)
Dinyatakan semula	1,034,282,524	91,000,000	1,125,282,524
Perubahan dalam aset bersih/ ekuiti 2021 Lebihan bagi tahun	92,372,632	-	92,372,632
Baki Pada 31 Disember 2021	1,126,655,156	91,000,000	1,217,655,156
Perubahan dalam aset bersih/ ekuiti 2022 Lebihan bagi tahun	104,331,236	-	104,331,236
Baki Pada 31 Disember 2022	1,230,986,392	91,000,000	1,321,986,392

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Lebihan bagi tahun	128,007,702	114,595,980	109,250,791
<u>Pelarasan bagi:</u>			
Susutnilai harta, kelengkapan dan peralatan	7,378,012	9,836,333	10,506,169
Rosotnilai inventori/ kerja dalam kemajuan	-	277,820	8,589,930
Hapuskira penghutang	-	75,000	-
Pelunasan pelaburan kewangan dipegang hingga matang	52,250	44,150	37,962
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	-	248,350	-
Keuntungan dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	(400,664)	(120)	(479)
Faedah dan dividen daripada deposit dan pelaburan	(33,987,553)	(29,087,921)	(31,503,614)
Keuntungan dan perubahan nilai saksama pembiayaan	(1,874,753)	(1,902,468)	(2,911,502)
Aliran tunai dari operasi sebelum perubahan modal kerja	99,174,994	94,087,124	93,969,257
Perubahan dalam modal kerja:			
Perubahan dalam urus niaga bukan pertukaran belum terima	1,533,356	(1,776,760)	1,059,921
Perubahan dalam urus niaga pertukaran belum terima	(15,855,056)	(1,843,325)	10,238,582
Perubahan dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	5,121,493	2,290,794	(2,073,406)
Perubahan dalam urus niaga pertukaran belum bayar	17,400,832	1,157,308	(6,606,801)
Perubahan dalam faedah pekerja	7,145,431	1,274,441	4,090,316
Aliran tunai dari operasi selepas perubahan modal kerja	114,521,050	95,189,582	100,677,869
Bayaran bagi cukai dan zakat	(22,776,466)	(22,984,253)	(24,911,095)
Aliran tunai bersih dari aktiviti operasi	91,744,584	72,205,329	75,766,774

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

(sambungan)

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Perolehan dari harta, kelengkapan dan peralatan	(1,300,262)	(6,082,805)	(6,914,351)
Terimaan dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	418,818	417	593
Faedah dan dividen daripada deposit dan pelaburan	33,987,553	29,087,921	31,503,614
Deposit bersih dengan institusi kewangan berlesen	(40,000,000)	35,000,000	50,000,000
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	(73,156,372)	(123,288,323)	(158,054,801)
Bersih dari pembiayaan pekerja	4,794,411	6,270,578	5,554,857
Aliran tunai bersih dari aktiviti pelaburan	(75,255,852)	(59,012,212)	(77,910,088)
Pertambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	16,488,732	13,193,117	(2,143,314)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	134,358,188	121,165,071	123,308,385
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	150,846,920	134,358,188	121,165,071

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT KORPORAT DAN AKTIVITI UTAMA

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah mengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan mana-mana perundungan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas.

Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

Suruhanjaya beroperasi di alamat Menara SSM@Sentral, No 7. Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia. Ia mempunyai 21 pejabat Negeri, Cawangan dan Pusat Khidmat di seluruh negara.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui Mesyuarat Anggota Suruhanjaya bertarikh **20 Jun 2023**.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA

Penyata kewangan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) untuk asas perakaunan akruan. Asas ukuran yang digunakan ialah kos sejarah. Nota 29 kepada penyata kewangan menerangkan peralihan Suruhanjaya daripada Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) kepada MPSAS.

MPSAS 33 membenarkan penerima pakai kali pertama tempoh sehingga tiga (3) tahun untuk mengiktiraf dan/ atau mengukur aset dan/ atau liabiliti tertentu. Dalam peralihan kepada MPSAS pada 01 Januari 2022 dan untuk tahun kewangan semasa, Suruhanjaya telah mengambil kesempatan daripada pengecualian peralihan ini untuk pengukuran manfaat pekerja jangka panjang.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Suruhanjaya. Penyata kewangan disediakan atas dasar usaha berterusan dan dasar perakaunan digunakan secara konsisten sepanjang tempoh tersebut.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang tertera di bawah digunakan secara konsisten oleh Suruhanjaya dalam tempoh pelaporan penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1. Instrumen Kewangan - Aset Kewangan

(i) Klasifikasi

Suruhanjaya mengklasifikasikan aset kewangannya dalam kategori berikut:

- nilai saksama melalui lebihan atau defisit;
- pinjaman dan belum terima;
- tersedia untuk dijual; dan
- dipegang hingga matang.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.1. Instrumen Kewangan - Aset Kewangan (Sambungan)

(i) Klasifikasi (sambungan)

Pengkelasian bergantung pada tujuan dimana aset kewangan diperolehi. Suruhanjaya menentukan klasifikasi tersebut pada pengiktirafan awal dan, dalam kes aset yang diklasifikasikan sebagai dipegang hingga matang, Suruhanjaya menilai semula penetapan ini dibuat pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan Atau Defisit

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan pada waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula dalam masa terdekat.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf kepada lebihan atau defisit.

Pinjaman dan Penghutang

Pinjaman dan belum terima ialah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau dapat ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Jika kutipan amaan itu dijangka dalam satu (1) tahun atau kurang ia diklasifikasikan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa.

Pengukuran berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas rosot nilai. Kos terlunas dikira dengan mengambil kira sebarang diskain atau premium ke atas pemerolehan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset kewangan sedia dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi dalam mana-mana kategori lain.

Selepas pengukuran awal, aset kewangan sedia dijual akan diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti sehinggalah aset berkenaan dinyahiktiraf, pada masa itu keuntungan atau kerugian terkumpul adalah diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.1. Instrumen Kewangan - Aset Kewangan (Sambungan)

(i) Klasifikasi (sambungan)

Aset Kewangan Dipegang Sehingga Matang

Aset kewangan dipegang sehingga matang ialah aset kewangan disenaraikan bukan derivatif yang mempunyai bayaran tetap atau boleh ditentukan ketetapannya, dan ketetapan matang apabila Suruhanjaya berhasrat serta berkeupayaan untuk dipegang sehingga matang.

Sekiranya Suruhanjaya menjual aset kewangan dipegang sehingga matang dalam jumlah yang tidak signifikan, keseluruhan kategori tersebut akan diubah semula dan diklasifikasikan sebagai aset kewangan yang sedia untuk dijual.

Aset kewangan dipegang hingga matang dimasukkan dalam aset bukan semasa, kecuali bagi aset yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 12 bulan dari tarikh pelaporan, yang diklasifikasikan sebagai aset semasa.

(ii) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Pembelian dan jualan aset kewangan diiktiraf pada tarikh penyelesaian. Aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos transaksi yang secara langsung berkaitan dengan perolehan aset kewangan bagi semua aset kewangan yang tidak diklasifikasi pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi dibelanjakan dalam untung atau rugi.

Bagi pinjaman konsesi, perbezaan antara hasil pinjaman dan nilai saksama (berdasarkan terma pasaran) dianggap sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau defisit pada pengiktirafan awal, kecuali apabila pinjaman diberikan kepada entiti terkawal di mana perbezaan itu mewakili sumbangan modal.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran (perdagangan cara biasa) diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh Suruhanjaya komited untuk membeli atau menjual aset.

Aset kewangan Suruhanjaya termasuk tunai dan deposit jangka pendek, pinjaman dan belum terima lain, instrumen kewangan disenaraikan dan tidak disenaraikan serta instrumen kewangan derivatif.

(iii) Penilaian Berikutan

Aset kewangan tersedia untuk dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Pinjaman dan belum terima dan aset kewangan dipegang hingga matang kemudiannya dibawa pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, termasuk kesan pertukaran mata wang, faedah dan pendapatan dividen diiktiraf dalam lebihan atau defisit dalam tempoh di mana perubahan itu berlaku.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.1. Instrumen Kewangan - Aset Kewangan (Sambungan)

(iii) Penilaian Berikutan (sambungan)

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf dalam aset/ekuiti bersih, kecuali untuk kerugian rosot nilai dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas aset monetari. Pendapatan faedah dan dividen ke atas aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf secara berasingan dalam lebihan atau defisit. Faedah ke atas sekuriti hutang sedia untuk dijual yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam lebihan atau defisit. Pendapatan dividen ke atas instrumen ekuiti tersedia untuk dijual diiktiraf dalam lebihan atau defisit apabila hak Suruhanjaya untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

(iv) Rosot Nilai untuk Aset Kewangan

Aset Kewangan Dibawa Pada Kos Terlunas

Bagi aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas, Suruhanjaya terlebih dahulu menilai sama ada terdapat bukti objektif kekurangan nilai secara individu bagi aset kewangan yang secara individu signifikan atau secara kolektif bagi aset kewangan yang tidak signifikan secara individu.

Jika Suruhanjaya menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, ia termasuk aset dalam kumpulan aset kewangan dengan ciri risiko kredit yang serupa dan secara kolektif menilai mereka untuk penjejasan. Aset yang dinilai secara individu untuk kemerosotan nilai dan untuk kerugian kemerosotan nilai, atau berterusan, diiktiraf tidak termasuk dalam penilaian kolektif kemerosotan nilai.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah berlaku, amaun kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit jangkaan masa hadapan yang masih belum berlaku). Nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan adalah didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan. Jika pinjaman mempunyai kadar faedah berubah-ubah, kadar diskau untuk mengukur sebarang kerugian rosot nilai ialah kadar faedah efektif semasa.

Amaun bawaan aset dikurangkan melalui penggunaan akaun eluan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam lebihan atau defisit. Pinjaman bersama dengan eluan berkaitan dihapuskan apabila tiada prospek realistik pemulihan masa hadapan dan semua cagaran telah direalisasikan atau dipindahkan kepada Suruhanjaya. Jika, pada tahun berikutnya, amaun anggaran kerugian kemerosotan nilai meningkat atau berkurangan disebabkan peristiwa yang berlaku selepas kemerosotan nilai diiktiraf, kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini ditambah atau dikurangkan dengan melaraskan akaun peruntukan. Jika hapus kira masa hadapan dipulihkan kemudian, pemulihan dikreditkan untuk membayai kos dalam lebihan atau defisit.

Aset Kewangan Sedia Dijual

Bagi aset kewangan tersedia untuk dijual, Suruhanjaya menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan terjejas.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.1. Instrumen Kewangan - Aset Kewangan (Sambungan)

- (iv) Rosot Nilai untuk Aset Kewangan (sambungan)

Aset Kewangan Sedia Dijual (sambungan)

Dalam kes pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual, bukti objektif akan termasuk penurunan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. Signifikasi dinilai berbanding kos asal pelaburan dan 'berpanjangan' berbanding tempoh di mana nilai saksama berada di bawah kos asalnya. Jika terdapat bukti kemerosotan nilai, kerugian terkumpul - diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, ditolak dengan kerugian kemerosotan nilai ke atas pelaburan yang sebelum ini diiktiraf dalam lebihan atau defisit - dikeluarkan daripada rizab dalam aset bersih dan diiktiraf dalam lebihan atau defisit. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam lebihan atau defisit ke atas pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual tidak diterbalikkan melalui lebihan atau defisit dalam tempoh berikutnya.

Dalam kes instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual, rosot nilai dinilai berdasarkan kriteria yang sama seperti aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Walau bagaimanapun, jumlah yang direkodkan untuk kemerosotan nilai ialah kerugian terkumpul yang diukur sebagai perbezaan antara kos terlunas dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kemerosotan nilai ke atas pelaburan yang sebelum ini diiktiraf dalam lebihan atau defisit. Jika dalam tempoh berikutnya, nilai saksama instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai peningkatan tersedia untuk dijual dan peningkatan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau defisit, kerugian kemerosotan nilai diterbalikkan melalui lebihan dan defisit.

- (v) Penyahiktirafan

Suruhanjaya menyahiktirafan aset kewangan atau jika berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang serupa, apabila:

- Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah tamat tempoh atau diabaikan.
- Suruhanjaya telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memikul kewajipan untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan yang signifikan kepada pihak ketiga; dan sama ada:
 - ▶ Suruhanjaya telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau
 - ▶ Suruhanjaya tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset tersebut.

3.2. Instrumen Kewangan - Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, yang dikaitkan secara langsung dengan pengiktirafan liabiliti kewangan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2. Instrumen Kewangan - Liabiliti Kewangan (Sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diklasifikasikan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan, iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dan liabiliti kewangan pada kos terlunas. Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Sebarang perbezaan antara aman bawaan liabiliti kewangan yang tidak diiktiraf dan balasan yang dibayar diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan semasa tempoh penyahiktirafan.

3.3. Hapus Silang Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang jumlah yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

3.4. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai dalam transit, tunai di bank, dan deposit jangka pendek dengan institusi kewangan berlesen yang mempunyai tempoh matang asal tiga (3) bulan atau kurang yang boleh ditukar dengan jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak signifikan.

3.5. Inventori

Inventori direkodkan pada kos lebih rendah dan nilai boleh direalisasi bersih. Inventori yang dipegang untuk pengagihan bagi tujuan faedah awam direkodkan pada kos yang lebih rendah antara kos dan kos penggantian semasa. Jika inventori diperoleh tanpa kos, atau dengan bayaran nominal, kos tersebut dianggap sebagai nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

3.6. Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan

Pengukuran

Hartanah, kelengkapan dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Kos item termasuk harga beliannya, duti import, cukai pembelian yang tidak boleh dikembalikan dan sebarang kos yang dikaitkan secara langsung dengan membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk membolehkan aset tersebut beroperasi mengikut cara yang dimaksudkan oleh Suruhanjaya.

Jika suatu aset diperolehi dalam suatu urus niaga bukan pertukaran di mana balasannya adalah tiada atau pada nilai nominal, aset tersebut pada awalnya akan diukur pada nilai saksama.

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada kerja-kerja yang melibatkan harta dan peralatan yang belum disiapkan sehingga akhir tahun kewangan semasa. Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan tidak disusutnilai sehingga aset sedia untuk digunakan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6. Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan (Sambungan)

Pengukuran (sambungan)

Berikutnya harta tanah, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai.

Kos seterusnya dimasukkan ke dalam amaun bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun bawaan bahagian yang diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pemberaan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan berkaitan.

Susut Nilai

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai kerana ia hanya mempunyai usia yang tidak terhad. Tanah pajakan dilunaskan pada ukuran yang sama sepanjang tempoh pajakan masing-masing. Hartanah, kelengkapan dan peralatan lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos kepada nilai bakinya sepanjang anggaran usia guna yang diringkaskan seperti berikut:

KATEGORI HARTANAH, KELENGKAPAN DAN PERALATAN	ANGGARAN USIA GUNA
- Tanah Pajakan	Baki tempoh pajakan
- Bangunan	50 tahun
- Peralatan Bangunan	5 tahun
- Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan	5 tahun
- Perkakasan dan Perisian Komputer	3 - 5 tahun
- Kenderaan Bermotor	5 tahun
- Ubahsuai	3 - 5 tahun

Nilai sisa dan usia guna aset adalah dikaji semula dan diselaraskan secara prospektif, jika bersesuaian, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Kemerosotan

Pada akhir tempoh pelaporan, Suruhanjaya menilai sama ada terdapat sebarang tanda penjejasan. Jika tanda-tanda sedemikian wujud, analisis dilakukan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperoleh semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6. Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan (Sambungan)

Menyahiktirafkan

Suruhanjaya menyahiktirafkan item-item harta tanah, kelengkapan dan peralatan dan/ atau mana-mana bahagian signifikan suatu aset sekiranya berlaku pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan yang dijangka akan diperolehi daripada penggunaannya yang berterusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang terbit daripada penyahiktirafan aset itu (dikira berdasarkan perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun yang dibawa oleh aset tersebut) adalah dimasukkan dalam lebihan atau defisit apabila aset tersebut dinyahiktirafkan.

Dalam peralihan Suruhanjaya ke MPSAS berdasarkan akruan, Suruhanjaya menggunakan pengecualian peralihan untuk tidak mengasingkan kos aset tak ketara secara berasingan dari Hartanah, Kelengkapan dan Peralatan. Suruhanjaya akan mengenal pasti dan memisahkan kos aset tak ketara secara berasingan untuk mencapai pemisahan kos yang lebih tepat.

3.7. Hartanah Pelaburan

Pelaburan harta tanah termasuk bangunan pejabat dan tanah yang dipegang untuk peningkatan modal, untuk mendapatkan sewa atau kedua-duanya.

Harta tanah pelaburan diukur awalnya pada nilai kos, termasuk yuran profesional untuk perkhidmatan guaman, cukai pemindahan harta dan kos transaksi lain. Jumlah bawaan termasuk kos penggantian komponen harta tanah pelaburan sedia ada pada masa kos tersebut ditanggung jika kriteria pengiktirafan dipenuhi dan tidak termasuk kos penyelenggaraan harian harta tanah pelaburan.

Selepas pengiktirafan awal, harta tanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama bagi harta tanah pelaburan adalah berdasarkan penilaian oleh penilai bebas dan/ atau penilai dalam berdaftar dan mempunyai kelayakan profesional diiktiraf yang bersesuaian dan pengalaman terkini berkaitan lokasi dan kategori harta tanah yang dinilai. Keuntungan atau kerugian yang terbit daripada perubahan dalam nilai saksama harta tanah pelaburan akan diiktiraf dalam lebihan atau defisit dalam tahun kewangan di mana iaanya berlaku.

Jika Suruhanjaya menetapkan bahawa nilai saksama harta tanah pelaburan dalam pembinaan tidak boleh ditentukan dengan pasti tetapi menjangka nilai saksama harta tanah boleh ditentukan dengan pasti apabila pembinaan siap, Suruhanjaya hendaklah mengukur harta tanah pelaburan dalam pembinaan pada kos sehingga sama ada nilai saksamanya boleh ditentukan dengan pasti atau pembinaan siap sepenuhnya (yang mana terdahulu). Apabila Suruhanjaya boleh mengukur dengan pasti nilai saksama harta tanah pelaburan dalam pembinaan yang mana sebelumnya telah diukur pada nilai kos, Suruhanjaya hendaklah mengukur harta tanah itu pada nilai saksamanya.

Perbelanjaan berikutnya adalah dipermodalkan kepada amaun yang dibawa oleh aset berkenaan hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos bagi item berkenaan boleh diukur dengan pasti. Semua kos pembinaan dan penyelenggaraan lain adalah dibelanjakan apabila ianya berlaku. Apabila sebahagian daripada harta tanah pelaburan diganti, amaun yang dibawa bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktirafkan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.7. Hartanah Pelaburan (Sambungan)

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktirafkan sama ada apabila ia telah dilupuskan atau apabila harta tanah pelaburan itu tidak digunakan secara kekal dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangkakan daripada pelupusannya.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil pelupusan bersih dengan jumlah dibawa dan dimasukkan dalam lebihan atau defisit.

Hartanah pelaburan akan dikelaskan semula sebagai harta tanah dan peralatan apabila kegunaan harta tanah berubah daripada harta tanah pelaburan kepada yang diduduki oleh pemilik. Nilai saksamanya pada tarikh pengelasan semula itu akan menjadi kos untuk tujuan perakaunan berikutnya.

3.8. Rosot nilai Aset Bukan Kewangan

Aset tidak ketara tidak sedia untuk digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk kemerosotan nilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa jumlah bawaan mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi jumlah amaun bawaan aset melebihi jumlah boleh pulihnya. Jumlah yang boleh diperoleh semula ialah nilai saksama aset yang lebih tinggi ditolak kos pelupusan dan nilai penggunaan.

Dalam mengukur nilai penggunaan, Suruhanjaya akan menggunakan sama ada pendekatan kos penggantian susut nilai atau nilai saksama ditolak kos jualan. Di bawah pendekatan kos penggantian susut nilai, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian susut nilai bagi aset tersebut. Kos penggantian susut nilai diukur sebagai kos pengeluaran semula atau penggantian aset, yang mana lebih rendah, ditolak susut nilai terkumpul yang dikira berdasarkan kos tersebut, untuk menggambarkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau tamat tempoh.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak dengan kos jualan, harga aset dalam perjanjian yang mengikat dalam urus niaga biasa, diselaraskan untuk kos tambahan yang akan dikaitkan secara langsung dengan pelupusan aset yang digunakan. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset itu didagangkan di pasaran aktif, nilai saksama ditolak kos untuk dijual ialah harga pasaran aset ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jualan yang mengikat atau pasaran aktif untuk aset, Suruhanjaya menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat terbaik yang tersedia.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Suruhanjaya menganggarkan amaun perkhidmatan boleh pulih aset tersebut.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini diterbalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf.

Pembalikan adalah terhad supaya amaun bawaan aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulihnya, atau melebihi amaun bawaan yang sepatutnya ditentukan, bersih susut nilai, sekiranya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf bagi aset pada tahun-tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.9. Percukaian

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun tersebut terdiri daripada cukai semasa dan tertunda.

Cukai semasa ialah amaun jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar berkenaan dengan lebihan bercukai bagi tahun tersebut dan diukur menggunakan kadar cukai yang terpakai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan, menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan.

Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, setakat yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang terpakai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Dalam peralihan Suruhanjaya ke MPSAS berdasarkan akruan, Suruhanjaya menggunakan pengecualian peralihan untuk sementara waktu tidak menyediakan cukai tertunda dalam penyata kewangan. Pengecualian ini membolehkan Suruhanjaya untuk menunda pengiktirafan cukai tertunda sehingga masa yang sesuai mengikut piawaian kewangan yang baharu. Suruhanjaya akan mematuhi piawaian tersebut dan menyediakan pengiktirafan dan penyataan cukai tertunda secara tepat apabila peralihan ke MPSAS selesai.

3.10. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa lalu, ia berkemungkinan suatu aliran keluar sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu dan suatu anggaran yang dipercayai boleh dibuat. Di mana Suruhanjaya menjangkakan peruntukan akan dibayar balik oleh pihak lain, pembayaran balik itu adalah diiktiraf sebagai aset yang berasingan hanya apabila pembayaran semula tersebut adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan. Perbelanjaan yang berkait dengan mana-mana peruntukan adalah ditunjukkan dalam penyata prestasi kewangan setelah mengambil kira apa-apa pembayaran balik yang dilakukan.

3.11. Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh di mana pekerja memberi perkhidmatan yang berkaitan adalah diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan dan diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti berkenaan diselesaikan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.11. Manfaat Pekerja (Sambungan)

(ii) Pelan Caruman Tetap

Suruhanjaya membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) yang berada dalam skim berpencen Kerajaan dan Suruhanjaya tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar lebih caruman jika dana tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua faedah pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan sebelumnya. Caruman Suruhanjaya kepada pelan caruman tetap dicaj kepada lebihan atau defisit bagi tempoh berkaitan. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset setakat mana pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa hadapan wujud.

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Manfaat pekerja jangka panjang adalah seperti berikut:

- (a) Ganjaran cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan (GPS);
- (b) Ganjaran cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSM); dan
- (c) Saguhati Tamat Perkhidmatan bagi pekerja Suruhanjaya selepas tamat perkhidmatan.

Gantian Cuti Rehat

Liabiliti untuk cuti yang tidak digunakan dan dibawa ke hadapan dijangka tidak akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas tamat tempoh di mana pekerja memberikan perkhidmatan berkaitan. Oleh itu, ia diukur sebagai nilai semasa bagi jangkaan bayaran masa depan yang akan dibuat berkenaan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan menggunakan kaedah kredit unit yang diunjurkan.

Pertimbangan diberikan kepada tahap gaji dan gaji yang dijangkakan pada masa hadapan, pengalaman pelepasan pekerja dan tempoh perkhidmatan. Jangkaan pembayaran masa depan didiskaun menggunakan hasil pasaran pada akhir tempoh pelaporan bon kerajaan dengan terma dan mata wang yang sepadan, sehampir mungkin, anggaran aliran keluar tunai masa hadapan. Pengukuran semula hasil daripada pelarasaran pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Saguhati Tamat Perkhidmatan

Kelayakan untuk faedah ini biasanya bersyarat kepada pekerja yang masih berkhidmat sehingga umur persaraan dan tamat tempoh perkhidmatan minimum. Kos jangkaan faedah ini diakru sepanjang tempoh penggajian. Keuntungan dan kerugian aktuari yang wujud daripada pelarasaran pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari diiktiraf dalam lebihan atau defisit dalam tempoh ia wujud.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.11. Manfaat Pekerja (Sambungan)

- (iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang (sambungan)

Saguhati Tamat Perkhidmatan (sambungan)

Dalam peralihan Suruhanjaya ke MPSAS dengan asas akruan, Suruhanjaya menggunakan pengecualian peralihan ini bagi kaedah mengukur manfaat pekerja jangka panjang.

3.12. Pajakan

Pajakan Kewangan

Apabila aset dipajakkan di bawah pajakan kewangan, nilai semasa pembayaran pajakan diiktiraf sebagai belum terima. Perbezaan antara belum terima kasar dan nilai semasa belum terima diiktiraf sebagai pendapatan kewangan belum diperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menggambarkan kadar pulangan berkala yang tetap.

Pajakan Operasi

Apabila aset dipajakkan di bawah pajakan operasi, aset tersebut dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan jenis aset tersebut. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan pada asas garis lurus.

3.13. Pendapatan

- (i) Pendapatan Dari Transaksi Bukan Tukaran

Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad seperti yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing-masing. Pendapatan ini diiktiraf ke atas terimaan bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan.

Kompaun

Kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima di mana setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah tawaran sebagai ganti kepada proses pendakwaan dengan tempoh pembayaran adalah ditentukan oleh Pendaftar, dan pada akhir tempoh yang diberi, maka notis kompaun berkenaan akan tamat tempoh jika ianya tidak dibayar.

Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan dan/ atau tindakan lain yang sesuai selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.13. Pendapatan (Sambungan)

- (i) Pendapatan Dari Transaksi Bukan Tukaran (sambungan)

Kompaun (sambungan)

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

Geran Kerajaan

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran dengan Kerajaan Persekutuan diukur pada nilai saksama dan diiktiraf apabila memperoleh kawalan ke atas aset (tunai) yang bebas daripada syarat dan berkemungkinan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan aset akan mengalir kepada Suruhanjaya dan boleh diukur dengan pasti.

Dalam peralihan Suruhanjaya ke MPSAS berdasarkan akruan, Suruhanjaya menggunakan pengecualian peralihan ini bagi pengiktirafan akruan pendapatan daripada transaksi bukan pertukaran, termasuk pendapatan perkhidmatan dan terimaan kompaun.

- (ii) Pendapatan Dari Transaksi Tukaran

Program Latihan Korporat

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

Bekalan Maklumat Korporat

Pendapatan daripada bekalan maklumat korporat seperti yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing-masing.

Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diakru menggunakan kaedah hasil efektif. Hasil efektif ini mendiskaunkan anggaran terimaan tunai masa hadapan menerusi jangkaan usia bagi aset kewangan sehingga kepada amaun yang dibawa bersih oleh aset terbabit. Kaedah ini diaplikasikan kepada baki prinsipal untuk menentukan pendapatan faedah bagi setiap tempoh.

Dividen

Dividen atau agihan yang setaranya diiktiraf apabila hak Suruhanjaya untuk menerima bayaran tersebut ditentukan.

Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa daripada pajakan operasi ke atas hartanah diambil kira pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan dan diambil kira sebagai hasil.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

4. ANGGARAN DAN ANDAIAN YANG SIGNIFIKAN

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan polisi dan jumlah aset dan liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak, jika semakan hanya mempengaruhi tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan masa hadapan jika semakan menjelaskan kedua-dua tempoh semasa dan masa hadapan.

(i) Obligasi Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Suruhanjaya mempunyai obligasi manfaat pekerja jangka panjang untuk pekerjanya dengan pengukur nilai semasa adalah berdasarkan pada bilangan anggaran dan faktor seperti yang didekahkan pada Nota 17. Setiap perubahan dalam andaian akan mempunyai implikasi pada jumlah bawaan obligasi manfaat pekerja jangka panjang.

(ii) Susut Nilai

Kos harta tanah, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan pada asas garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi harta dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh menjelaskan keuntungan atau kerugian apabila aset dijual atau dilupuskan.

5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	31-DIS-22 RM	31-DIS-21 RM	1-JAN-21 RM
Tunai di tangan dan apungan	108,300	122,100	404,600
Baki bank	90,738,620	64,236,088	50,760,471
Deposit jangka pendek dengan bank berlesen dan institusi kewangan (a)	60,000,000	70,000,000	70,000,000
	150,846,920	134,358,188	121,165,071

Tunai di bank mendapat faedah pada kadar terapung berdasarkan kadar deposit bank harian.

- (a) Tempoh deposit jangka pendek di bawah tunai dan kesetaraan tunai ini mempunyai tempoh matang yang singkat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh peletakan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

6. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
Komoditi Murabahah	570,000,000	530,000,000	565,000,000

Suruhanjaya telah membeli Deposit Komoditi Murabahah melalui beberapa institusi kewangan berlesen.

7. PELABURAN KEWANGAN DIPEGANG HINGGA MATANG

	31-DIS-22 RM	31-DIS-21 RM	1-JAN-21 RM
Bukan Semasa			
Sukuk	215,362,000	153,843,601	113,482,935
Sekuriti Hutang	19,633,933	19,740,183	19,784,333
Akaun Amanah Institusi	208,817,450	190,465,981	112,465,405
<i>Direct Mandate</i>	50,250,218	-	-
	494,063,601	364,049,765	245,732,673
Semasa			
Sukuk	5,101,500	41,565,899	16,926,565
Akaun Amanah Institusi	-	20,445,315	40,157,568
	5,101,500	62,011,214	57,084,133
JUMLAH	499,165,101	426,060,979	302,816,806

Tempoh perletakan untuk pelaburan ini adalah sehingga sepuluh (10) tahun. Suruhanjaya turut meletakkan dana ke dalam Akaun Amanah Institusi yang dikendalikan oleh Amanah Raya Berhad, untuk jangka masa pendek. Suruhanjaya juga telah melantik Amanahraya Investment Management (ARIM) sebagai *Fund House* untuk pelaburan *Direct Mandate*.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

8. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
Perkhidmatan dan kompaun	4,214,223	5,747,579	3,970,819

Amaun belum terima dari urusniaga bukan pertukaran merujuk kepada perkhidmatan dan kompaun yang telah dibekalkan oleh Suruhanjaya dan telah dibayar oleh pelanggan tetapi pembayaran tersebut masih belum diserahkan oleh penyedia gerbang bayaran yang dilantik.

9. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
Bekalan Maklumat Korporat Program Latihan Korporat	9,717,431 132,290	5,235,286 12,254	2,530,202 39,761
	9,849,721	5,247,540	2,569,963

Amaun belum terima dari urusniaga bukan pertukaran adalah pembekalan maklumat korporat dan fi daripada program latihan korporat. Tempoh kredit yang diberikan kepada penghutang perdagangan adalah 30 hari dari tarikh invois dikeluarkan atau seperti yang dinyatakan dalam perjanjian berkaitan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

9. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
Deposit dan pra-bayar	9,971,279	1,725,567	2,278,849
Pendahuluan pekerja	114,444	205,269	23,960
Belum terima lain	1,943,891	1,863,172	2,680,064
Cukai Barang dan Perkhidmatan dan Aset Cukai (a)	13,835,430	12,786,462	11,770,890
Nilai saksama faedah dari pembiayaan pekerja	7,263,103	7,956,550	8,570,178
Pelaburan belum terima	11,037,219	8,375,471	8,497,802
	44,165,366	32,912,491	33,821,743
JUMLAH	54,015,087	38,160,031	36,391,706

- (a) Cukai Barang dan Perkhidmatan yang boleh dituntut ialah amaun cukai input yang melebihi jumlah cukai output, manakala aset cukai berjumlah RM11.4 juta (2021: RM10.6 juta) ialah amaun yang dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui CP204 untuk anggaran cukai yang perlu dibayar oleh Suruhanjaya bagi tahun taksiran.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

10. PEMBIAYAAN PEKERJA

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
Semasa:			
Pembayaran Rumah	3,286,596	3,460,510	3,840,841
Pembayaran Kenderaan	1,645,190	1,570,364	1,570,980
Pembayaran Komputer	68,738	45,150	62,966
	5,000,524	5,076,024	5,474,787
Bukan Semasa:			
Pembayaran Rumah	31,193,478	33,973,797	37,768,916
Pembayaran Kenderaan	5,252,500	5,317,092	5,545,772
Pembayaran Komputer	85,096	84,343	29,891
	36,531,074	39,375,232	43,344,579
Jumlah Pembayaran Pekerja	41,531,598	44,451,256	48,819,366

Pembayaran secara Islamik kepada pekerja Suruhanjaya merangkumi pembayaran perumahan, kenderaan bermotor dan komputer dengan tempoh bayaran balik maksima masing-masing sehingga 30 tahun, sembilan (9) tahun, dan empat (4) tahun. Kadar keuntungan pembayaran perumahan adalah 2.0% setahun (2021: 2.0% setahun), manakala pembayaran kenderaan bermotor dan komputer adalah 4.0% setahun (2021: 4.0% setahun).

Baki pembayaran pekerja dikenal pasti pada nilai saksama yang dikira berdasarkan aliran tunai masa depan yang didiskon menggunakan kadar faedah berkesan antara 4.50% hingga 8.37% (2021: 4.50% hingga 8.37%). Perbezaan antara nilai saksama dan amaun bawaan dianggap sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau defisit.

11. INVENTORI

	31-DIS-22 RM	31-DIS-21 RM	1-JAN-21 RM
Kos Rosotnilai	277,820 (277,820)	277,820 (277,820)	277,820 -
JUMLAH	-	-	277,820

Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 24 Mac 2010 telah memberikan kelulusan di bawah seksyen 82 Akta Setem 1949 kepada Suruhanjaya untuk menjual setem hasil untuk dilekatkan di atas surat cara Memorandum Pertubuhan dan Artikel Pertubuhan syarikat-syarikat yang diperbadankan.

Inventori diukur pada kos yang lebih rendah dan nilai boleh direalisasi bersih.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

12. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

Kos	TANAH PAJAKAN [a] RM	BANGUNAN [b] RM	PERALATAN BANGUNAN RM	PERALATAN PEJABAT, PERABOT DAN KELENGKAPAN RM	PERKAKASAN DAN PERISIAN KOMPUTER [c] RM	KENDERaan BERMOTOR RM	UBAHSUAI RM	KERJA DALAM KEMAJUAN [d] RM	JUMLAH RM
								KERJA DALAM KEMAJUAN [d] RM	
Pada 01 Januari 2022	8,000,000	174,774,776	16,650,580	22,484,307	86,652,279	2,596,814	36,163,913	8,589,930	355,912,599
Tambahan	-	-	-	617,842 (469,391)	-	-	-	314,942	1,300,262
Pelupusan	-	-	-	(1,222,477)	(1,237,191)	(457,845)	-	-	(3,386,904)
Pindahan dari hartanah pelaburan	-	1,375,000	-	-	-	-	-	-	1,375,000
Pada 31 Disember 2022	8,000,000	176,149,776	16,650,580	22,632,758	85,429,802	1,359,623	36,073,546	8,904,872	355,200,957
 Susutnilai Terkumpul									
Pada 01 Januari 2022	100,660	33,815,727	16,650,569	17,223,545	86,029,086	2,463,074	31,445,768	-	187,728,429
Susutnilai Pelupusan	450,984	3,511,537	-	1,780,763 (451,415)	308,188 (1,222,358)	101,099 (1,237,171)	1,225,441 (457,806)	-	7,378,012 (3,368,750)
Pada 31 Disember 2022	551,644	37,327,264	16,650,569	18,552,893	85,114,916	1,327,002	32,213,403	-	191,737,691

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022**

12. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada pernyataan kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022
12. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

DINYATAKAN SEMULA	TANAH PAJAKAN [a] RM	BANGUNAN [b] RM	PERALATAN BANGUNAN RM	PERALATAN PEJABAT, PERABOT DAN KELENGKAPAN RM	PERAKASAN DAN PERISIAN KOMPUTER [c] RM	KENDERaan BERMOtor RM	UBAHSUAI RM	KERJA DALAM KEMAJUAN [d] RM	JUMLAH RM
Kos									
Pada 01 Januari 2021	1,500,000	148,618,916	16,650,580	18,561,528 826,478 (312,101)	86,662,124 - (9,845)	2,582,966 13,848	33,474,876 - (1,487,590)	80,022,230 5,242,479	388,073,220 6,082,805 (1,809,536)
Tambahan	-	-	-	3,408,402	-	-	4,176,627	(40,240,889)	-
Pelupusan									
Pindahan dari kerja dalam Kemajuan	6,500,000	26,155,860	-	-	-	-	-	(248,350)	(248,350)
Pindahan ke penyata pendapatan									
Pindahan ke hartanah pelaburan	-	-	-	-	-	-	-	(36,185,540)	(36,185,540)
Pada 31 Disember 2021	8,000,000	174,774,776	16,650,580	22,484,307	86,652,279	2,596,814	36,163,913	8,589,930	355,912,599
Susutnilai Terkumpul									
Pada 01 Januari 2021	42,708	30,407,418	16,650,569	15,752,366 1,782,988 (311,809)	82,300,014 3,738,915 (9,843)	2,299,646 163,428	32,248,614 684,741 (1,487,587)	-	179,701,335 9,836,333 (1,809,239)
Susutnilai	57,952	3,408,309	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2021	100,660	33,815,727	16,650,569	17,223,545	86,029,086	2,463,074	31,445,768	-	187,728,429
Rosotnilai Terkumpul									
Pada 01 Januari 2021	-	-	-	-	-	-	-	8,589,930	8,589,930
Pada 31 Disember 2021	-	-	-	-	-	-	-	8,589,930	8,589,930
Jumlah Dibawa Bersih									
Pada 31 Disember 2021	7,899,340	140,959,049	11	5,260,762	623,193	133,740	4,718,145	-	159,594,240

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada pernyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

12. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

DINYATAKAN SEMULA	TANAH PAJAKAN [a] RM	BANGUNAN [b] RM	PERALATAN BANGUNAN RM	PERALATAN PEJABAT, PERABOT DAN KELENGKAPAN [c] RM	PERKAKASAN DAN PERISIAN KOMPUTER [c] RM	KENDERAAN BERMOOTOR RM	UBAHSUAI RM	KERJA DALAM KEMAJUAN [d] RM	JUMLAH RM
Kos									
Pada 01 Januari 2020	1,500,000	148,618,916	16,650,580	18,281,810 691,518 (411,800)	86,669,189 -	2,582,966	33,765,190 254,192 (544,506)	74,053,589 5,968,641	382,122,240 6,914,351 (963,371)
Tambahan Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2020	1,500,000	148,618,916	16,650,580	18,561,528	86,662,124	2,582,966	33,474,876	80,022,230	388,073,220
Susutnilai Terkumpul									
Pada 01 Januari 2020	-	27,465,248	16,650,569	14,920,551 1,243,518 (411,703)	76,681,356 5,625,720 (7,062)	2,082,967 216,679	32,357,732 435,374 (544,492)	-	-
Susutnilai Pelupusan	42,708	2,942,170	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2020	42,708	30,407,418	16,650,569	15,752,366	82,300,014	2,299,646	32,248,614	-	179,701,335
Rosotnilai Terkumpul									
Rosotnilai	-	-	-	-	-	-	-	-	8,589,930
Pada 31 Disember 2020	-	-	-	-	-	-	-	-	8,589,930
Jumlah Dibawa Bersih	1,457,292	118,211,498	11	2,809,162	4,362,110	283,320	1,226,262	71,432,300	199,781,955
Pada 31 Disember 2020									

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

12. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

[a] Suruhanjaya memiliki tanah pajakan seperti berikut:

- (i) Bangunan SSM Perak terletak di atas tanah pajakan selama 99 tahun, bermula dari tahun 2013 hingga 2112, dengan baki tempoh pajakan selama 90 tahun.
- (ii) Menara SSM Sarawak terletak di atas tanah pajakan selama 60 tahun, bermula dari tahun 2017 hingga 2077, dengan baki tempoh pajakan selama 54 tahun.

Dalam penyata kewangan, Suruhanjaya telah mendedahkan bahawa kos tanah pajakan telah dinyatakan semula, dengan mengasingkannya daripada kos bangunan di bawah hartanah, kelengkapan dan peralatan dan hartanah pelaburan masing-masing, mengikut piawaian MPSAS seperti berikut:

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
Pada 01 Januari Pemindahan kos tanah dari hartanah pelaburan dan hartanah, kelengkapan dan peralatan	8,000,000 -	1,500,000 6,500,000	- 1,500,000
Pada 31 Disember	8,000,000	8,000,000	1,500,000

[b] Bagi bangunan Suruhanjaya:

- (i) Suruhanjaya telah memeterai Perjanjian Jual Beli bertarikh 21 November 2016 untuk pembelian sebidang tanah dan membina bangunan lapan (8) tingkat bersama dengan dua (2) tingkat tempat letak kenderaan, dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan telah diperolehi pada 01 Mac 2021. Hartanah berkenaan beserta dengan kerja-kerja ubahsuai telah diiktiraf sebagai harta, kelengkapan dan peralatan mengikut kategori masing-masing.
- (ii) Pada tahun 2022, sebahagian ruang pejabat dalam Menara SSM telah diubah daripada hartanah pelaburan kepada hartanah, kelengkapan dan peralatan, berikutan perubahan dalam klasifikasi penggunaannya. Pengiktirafan jumlah yang berkaitan dengan pengubahan ini didasarkan pada nilai saksama pada kos.

[c] Dalam penyata kewangan, Suruhanjaya telah mengakui bahawa Perisian Komputer sebenarnya diklasifikasikan sebagai aset tidak ketara mengikut MPSAS 31. Walau bagaimanapun, disebabkan dasar perakaunan Suruhanjaya yang sedia ada, Perisian Komputer masih direkodkan di bawah hartanah, kelengkapan dan peralatan. Suruhanjaya sedar akan keperluan untuk menjalankan semakan menyeluruh bagi memisahkan kos perisian daripada kos perkakasan yang diperolehi bersama.

[d] Suruhanjaya telah mengiktiraf nilai kerja dalam proses yang berkaitan dengan projek-projek yang sedang berjalan. Nilai yang dinyatakan mewakili kos yang dikeluarkan dan kemajuan yang dicapai dalam projek-projek tersebut pada tarikh penyata kewangan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

12. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Kerja dalam kemajuan adalah termasuk bangunan Suruhanjaya dan pengubahsuaian, serta projek teknologi maklumat dan komunikasi yang telah dianugerahkan kepada Suruhanjaya dalam tahun semasa seperti berikut:

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
Bangunan dan ubahsuai	-	-	71,432,300
Teknologi maklumat dan komunikasi	8,904,872	8,589,930	8,589,930
Tolak:			
Kerugian rosotnilai terkumpul	(8,589,930)	(8,589,930)	(8,589,930)
	314,942		71,432,300

(a) Pembinaan Bangunan Pejabat Suruhanjaya

Dalam penyata kewangan, dinyatakan bahawa tiada kos terlibat dalam pembinaan, pembelian, atau pengubahsuaian bangunan dalam tempoh pelaporan kewangan semasa.

(b) Pembangunan dan Pemasangan Infrastruktur dan Peralatan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Pada Mac 2017, Suruhanjaya telah menawarkan tender perkhidmatan '*Supply, Implementation, Training, Support and Warranty and Maintenance of Enterprise Resource Planning (ERP)*' kepada Liberty Resources Technology Sdn Bhd (LRTSB). Projek ini kemudian ditamatkan pada 23 Disember 2019 dan melibatkan proses litigasi. Dalam penyata kewangan untuk tahun kewangan 2020, Suruhanjaya telah mendedahkan bahawa terdapat kerugian penurunan nilai berjumlah RM8,589,930 yang telah diiktiraf sebagai nilai saksama melalui lebihan atau defisit. kerugian tersebut berkaitan dengan faktor-faktor litigasi yang mempengaruhi Suruhanjaya dalam tahun tersebut.

Pada tahun kewangan semasa, Suruhanjaya juga telah memberikan kontrak baharu seperti yang dinyatakan dalam Nota 26 Komitmen Modal.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

13. HARTANAH PELABURAN

Sebahagian daripada bangunan yang dimiliki Suruhanjaya adalah bertujuan untuk mendapatkan sewa atau untuk peningkatan modal, atau kedua-duanya telah diiktiraf sebagai harta tanah pelaburan. Nilai saksama harta tanah pelaburan ditentukan dengan merujuk kepada perbandingan harga pasaran harta tanah yang setanding dengan harga pasaran terkini.

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
Pada 01 Januari	45,705,540	9,520,000	10,500,000
Pindahan dari kerja dalam kemajuan ke harta tanah pelaburan	-	39,958,410	-
Pindahan kos tanah ke harta tanah, kelengkapan dan peralatan	-	(3,772,870)	(875,000)
Pindahan ke harta tanah, kelengkapan dan peralatan	(1,375,000)	-	-
	44,330,540	45,705,540	9,625,000
Perubahan nilai saksama Kesan Pemakaian MPSAS	-	2,013,320 (2,013,320)	(105,000) -
Pada 31 Disember	44,330,540	45,705,540	9,520,000

[a] Pemindahan kos harta tanah pelaburan kepada Harta, Kelengkapan, dan Peralatan melibatkan pemisahan kos yang diukur bagi tanah pajakan yang sebelumnya digabungkan bersama kos bangunan harta tanah pelaburan. Dalam proses ini, kos tanah pajakan diasingkan dan diukur secara berasingan daripada kos bangunan harta tanah pelaburan untuk mencerminkan penilaian yang lebih tepat terhadap aset-aset tersebut.

[b] Pada tahun 2022, sebahagian ruang pejabat dalam Menara SSM telah diubah daripada harta tanah pelaburan kepada harta tanah, kelengkapan dan peralatan, berikutan perubahan dalam klasifikasi penggunaannya. Pengiktirafan jumlah yang berkaitan dengan pengubahan ini didasarkan pada nilai saksama pada kos.

[c] Angka kewangan bagi tahun 2021 telah dinyatakan semula berkaitan dengan nilai saksama Hartanah Pelaburan disebabkan Suruhanjaya mengasingkan kos pajakan tanah daripada bangunan harta tanah pelaburan, untuk mematuhi penggunaan piawaian MPSAS. Pada akhir 2022, nilai saksama bangunan meningkat dengan jumlah yang tidak signifikan sepanjang laporan kewangan, seperti yang ditentukan melalui penilaian yang dijalankan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Namun begitu, nilai saksama Menara SSM Sarawak kekal tidak berubah berdasarkan penilaian yang dilakukan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

14. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM	DINYATAKAN SEMULA 1-JAN-21 RM
Perbelanjaan belum bayar dan akruan	21,193,081	21,734,865	19,156,617
Perbelanjaan pekerja dan statutori belum bayar	39,064,762	22,691,444	24,921,218
Lejar amanah	9,048,582	7,436,663	6,747,652
Pemutang lain	6,261,811	6,304,432	6,184,609
	75,568,236	58,167,404	57,010,096

Pelepasan jaminan bank berjumlah RM1,776,508 bagi kes litigasi projek ERP diterima oleh Suruhanjaya pada 19 April 2021 (Nota 24 (l)) direkod di bawah pemutang lain.

15. KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN (KWDP)

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Pada 01 Januari	49,112,562	46,821,768
Peruntukan KWDP	54,838,051	49,716,558
Kesan Pemakaian MPSAS	-	(603,996)
Bayaran dalam tahun semasa	(49,716,558)	(46,821,768)
Pada 31 Disember	54,234,055	49,112,562

Seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) memperuntukan bahawa Suruhanjaya membayar 30% dari lebihan tahunan semasa kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

16. CUKAI DAN ZAKAT

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Pada 01 Januari	23,000,000	23,760,905
Peruntukan tahun semasa:		
Cukai	8,700,000	8,100,000
Terkurang / (Terlebih) peruntukan bagi tahun terdahulu	(223,534)	(776,652)
Zakat	15,200,000	14,900,000
	23,676,466	22,223,348
Bayaran dalam tahun semasa dan pelarasan ke atas pembayaran CP204:		
Cukai	(7,876,466)	(8,184,253)
Zakat	(14,900,000)	(14,900,000)
	 (22,776,466)	 (22,984,253)
Pada 31 Disember	23,900,000	23,000,000

Kementerian Kewangan telah memberi pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatan statutori Suruhanjaya untuk tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun taksiran 2002 hingga tahun taksiran 2011 serta telah memberi lanjutan tempoh pengecualian cukai untuk tempoh lima (5) tahun daripada tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016. Bermula pada tahun taksiran 2017, peruntukan cukai korporat dibuat menurut 'Warta Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.22) Order 2006 [P.U. (A) No. 207/2006]'.

Di dalam pengiraan peruntukan zakat, Suruhanjaya menggunakan kaedah Modal Kerja (Syar'iyyah), iaitu mengambil kira kedudukan harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa dan dibuat pelarasan beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira.

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Lebihan Sebelum Cukai Dan Zakat	128,007,702	114,595,980
Cukai pada kadar yang dikenakan:		
Pendapatan dikecualikan cukai	(461,983,840)	(388,285,007)
Perbelanjaan tidak dibenarkan	374,261,108	308,810,517
Zakat	(4,034,967)	(1,371,488)

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

16. CUKAI DAN ZAKAT (SAMBUNGAN)

Penyelarasan antara perbelanjaan cukai pendapatan dan keuntungan perakaunan, dikira pada kadar cukai yang berkenaan sebanyak 24% (2021: 24%), adalah seperti berikut:

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Lebihan sebelum cukai dan zakat	30,721,848	27,503,035
Cukai pada kadar yang dikenakan:		
Pendapatan dikecualikan cukai	(110,876,122)	(93,188,402)
Perbelanjaan tidak dibenarkan	89,822,666	74,114,524
Zakat	(968,392)	(329,157)
Cukai pada kadar yang dikenakan	8,700,000	8,100,000

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

17. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Pada 01 Januari	36,142,691	34,868,251
Obligasi baharu/ Perubahan dalam nilai saksama:		
Saguhati Tamat Perkhidmatan	8,616,061	3,586,265
Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat	1,071,860	910,642
	9,687,921	4,496,907
Pembayaran dibuat dalam tahun semasa:		
Saguhati Tamat Perkhidmatan	(2,321,486)	(3,001,241)
Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat	(221,004)	(221,226)
	(2,542,490)	(3,222,467)
Pada 31 Disember	43,288,122	36,142,691
Liabiliti Bukan Semasa		
Saguhati Tamat Perkhidmatan	38,713,530	32,068,418
Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat	3,019,874	2,091,809
	41,733,404	34,160,227
Liabiliti Semasa		
Saguhati Tamat Perkhidmatan	1,491,354	1,841,891
Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat	63,364	140,573
	1,554,718	1,982,464
	10 pesara	15 pesara

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

17. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA (SAMBUNGAN)

Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan pemberian ganjaran wang tunai gantian cuti rehat dan pelan manfaat ditentukan Suruhanjaya yang dinamakan sebagai Saguhati Tamat Perkhidmatan kepada pekerja Suruhanjaya yang tamat perkhidmatan berkuatkuasa daripada 01 Januari 2016.

Suruhanjaya menggunakan kaedah yang telah dipermudahkan untuk mengukur obligasi dan kos di bawah pelan manfaat jangka panjang yang ditetapkan untuk mengiktiraf sumbangan sebagai liabiliti. Permudahan pengukuran pelan manfaat tetap berkenaan dengan pekerja sedia ada adalah seperti berikut:

- (i) Tidak mengambil kira kenaikan gaji masa hadapan, semakan gaji iaitu mengandaikan gaji semasa berterusan sehingga pekerja sedia ada dijangka akan mula menerima manfaat selepas tamat perkhidmatan;
- (ii) Tidak mengambil kira perkhidmatan masa hadapan pekerja semasa iaitu mengandaikan penutupan pelan untuk pekerja sedia ada dan pekerja baharu; dan
- (iii) Tidak mengambil kira kemungkinan kematian dalam perkhidmatan bagi pekerja sedia ada, antara tarikh pelaporan dan tarikh mula menerima manfaat, iaitu mengandaikan semua pekerja sedia ada akan menerima manfaat selepas tamat perkhidmatan.

Asas aktuari andaian perakaunan yang digunakan dalam pengukuran adalah seperti berikut:

	31-DIS-22 RM	31-DIS-21 RM
Kadar diskau	3.45%-4.66%	3.45%-4.66%

Berkuatkuasa pada 01 Januari 2022, Suruhanjaya telah meluluskan Opsyen Persaraan Pilihan Bagi Pekerja Skim Saran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM) bermula umur lima puluh lima (55) tahun mengikut syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

18. DANA PEMBIAYAAN PEKERJA

	31-DIS-22 RM	31-DIS-21 RM	01-JAN-21 RM
Dana Pembiayaan	91,000,000	91,000,000	91,000,000

Dana pembiayaan sebanyak RM80.0 juta, RM10.0 juta dan RM1.0 juta untuk dana pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer masing-masing adalah untuk pekerja Suruhanjaya.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

19. PENDAPATAN DARIPADA TRANSAKSI BUKAN PERTUKARAN

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Pendapatan perkhidmatan Penalti dan kompaun	309,155,501 59,770,609	288,434,276 22,535,753
	368,926,110	310,970,029

20. PENDAPATAN DARIPADA TRANSAKSI PERTUKARAN

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Bekalan Maklumat Korporat Program Latihan Korporat	88,139,325 4,918,405	72,673,658 4,641,320
	93,057,730	77,314,978
Pendapatan pelaburan Pendapatan pembiayaan Pendapatan sewaan Keuntungan daripada pelupusan Pendapatan lain	33,987,553 1,874,753 3,154,547 400,664 1,331,563	29,087,921 1,902,468 2,441,847 120 2,075,208
	40,749,080	35,507,564
	133,806,810	112,822,542

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

21. KOS PEKERJA

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Gaji, bonus dan elaun	144,992,406	120,738,865
Caruman tetap dan SOCSO	24,900,358	19,922,563
Manfaat pekerja jangka panjang	9,687,921	4,496,907
Faedah perubatan	13,459,820	12,184,136
Subsidi kepada pekerja	1,126,448	1,052,054
	194,166,953	158,394,525

Jumlah pekerja Suruhanjaya pada 31 Disember 2022 adalah 1,344 termasuk 84 pekerja sambilan (2021: 1,321 termasuk 85 pekerja sambilan).

22. KOS PENTADBIRAN

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Perjalanan dan penginapan	3,568,431	1,244,805
Komunikasi dan utiliti	7,399,950	7,564,467
Sewa dan pajakan	24,567,975	26,163,010
Percetakan, alat tulis dan pengiklanan	3,511,127	2,277,975
Penyelenggaraan harta, kelengkapan dan peralatan	53,713,448	38,094,419
Fi professional	4,544,296	2,461,352
Keraian dan hospitaliti	13,570,237	8,577,488
Kos pentadbiran lain	7,414,488	5,072,685
	118,289,952	91,456,201

Suruhanjaya telah meluluskan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) untuk membantu usahawan Kumpulan B40 dan menggalakkan pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang berminat untuk menjalankan perniagaan untuk mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 akan dikecualikan daripada dikenakan sebarang bayaran. Skim ini dilaksanakan sehingga peruntukan geran ini habis digunakan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

22. KOS PENTADBIRAN (SAMBUNGAN)

Jumlah tersebut direkodkan sebagai kos keraian dan hospitaliti:

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Baki pada 01 Januari	9,245,100	10,973,420
Pendaftaran perniagaan di bawah SPPP	(1,579,320)	(1,728,320)
Pada 31 Disember	7,665,780	9,245,100

23. PERBELANJAAN LAIN

	31-DIS-22 RM	DINYATAKAN SEMULA 31-DIS-21 RM
Susutnilai	7,378,012	9,836,333
Rosotnilai	-	277,820
Hapuskira hutang lapuk	-	75,000
	7,378,012	10,189,153

24. LITIGASI SIGNIFIKAN

Suruhanjaya berhadapan dengan dua (2) kes litigasi signifikan berikut:

I. Formis Network Services Sdn Bhd (Plaintif) lawan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Defendant)

Plaintif dalam Writ Saman dan Penyataan Tuntutan bertarikh 11 Februari 2021, telah menuntut kerugian terhadap defendant berjumlah RM128,178,068 yang merangkumi kos kerugian, kerosakan dan kehilangan hasil. Suruhanjaya selaku defendant telah mengemukakan Pembelaan dan Tuntutan Balas terhadap plaintif berjumlah RM49,298,651 bertarikh 02 April 2021.

Plaintif memfailkan Permohonan Penyulitan di mana perbicaraan interlokutori bagi permohonan berkenaan telah diadakan pada 19 Mei 2022, tetapi ditolak oleh Mahkamah pada 05 Disember 2022 dengan kos perlu bayar kepada SSM. Plaintiff telah memfailkan satu lagi permohonan interlokutori, iaitu *Discovery Application* dokumen, bagi tujuan mendapatkan dokumen-dokumen yang dipegang oleh Suruhanjaya melalui Perintah Mahkamah.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

24. LITIGASI SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

I. Formis Network Services Sdn Bhd (Plaintif) lawan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Defendant) (sambungan)

Suruhanjaya telah memfailkan afidavit jawapan terhadap permohonan penemuan oleh plaintif pada 24 Mei 2023. Pada masa yang sama Suruhanjaya juga telah memfailkan *Discovery Application* terhadap plaintif untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang dipegang oleh plaintif yang boleh menyokong tuntutan balas Suruhanjaya terhadap plaintif.

Mahkamah telah menetapkan tarikh pendengaran bagi kedua-dua *Discovery Application* oleh plaintif dan Suruhanjaya pada 28 Jun 2023. Perbicaraan bagi tindakan substantif di Mahkamah Tinggi telah ditetapkan pada 18 - 19 September dan 02 - 07 November 2023.

Suruhanjaya menilai dan menjangkakan bahawa kerugian yang timbul daripada dua (2) litigasi signifikan tersebut adalah perbelanjaan yang melibatkan fi peguam bela dan peguam cara, pelantikan saksi pakar, serta kos-kos litigasi dan prosiding litigasi.

II. Liberty Technology Resources Sdn Bhd (Plaintif) lawan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Defendant)

Plaintif dalam Writ Saman dan Penyataan Tuntutan bertarikh 26 November 2020, telah menuntut kerugian terhadap defendant sejumlah RM19,872,979, manakala Suruhanjaya selaku defendant telah mengemukakan Pembelaan dan Tuntutan Balas terhadap plaintif berjumlah RM12,240,109 bertarikh 13 Januari 2021.

Pada 15 Jun 2023, Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan yang memihak kepada Suruhanjaya. Dengan keputusan ini bermakna Suruhanjaya tidak menjangkakan sebarang impak kewangan yang signifikan atau tanggungjawab berbangkit daripada kes ini. Suruhanjaya akan terus memantau sebarang rayuan atau prosiding undang-undang lanjut yang berkaitan dengan perkara ini dan akan mendedahkan sebarang perkembangan material dalam tempoh pelaporan seterusnya seperti yang dikehendaki.

25. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada Anggota yang hendaklah dilantik oleh Menteri seperti berikut:

- (a) Seorang Pengerusi,
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif,
- (c) Tidak lebih daripada tiga (3) orang daripada perkhidmatan awam; dan
- (d) Tidak lebih daripada empat (4) orang yang merupakan orang berkelayakan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesional Undang-Undang 1976 [Akta 166] atau orang yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman.

Pampasan pengurusan utama:

	31-DIS-22 RM	31-DIS-21 RM
Anggota Suruhanjaya	1,538,961	1,686,943
Kakitangan pengurusan utama	1,035,596	963,219
	2,574,557	2,650,162

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

26. KOMITMEN MODAL

	31-DIS-22 RM	31-DIS-21 RM	1-JAN-21 RM
Diluluskan Dan Dikontrak Bagi:			
(i) Teknologi maklumat dan komunikasi	13,637,372	-	11,250,000
(ii) Bangunan dan ubahsuai	-	-	6,113,100
Diluluskan Tetapi Tidak Dikontrak Bagi:			
(i) Teknologi maklumat dan komunikasi	33,210,669	-	-
	46,848,041	-	17,363,100

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pengurusan Risiko Kewangan merupakan proses mengenal pasti, menilai, dan mengawal risiko yang berkaitan dengan aktiviti kewangan. Tujuan utama pengurusan risiko kewangan adalah untuk melindungi nilai kewangan syarikat, mengurangkan ketidakpastian, dan memastikan kelangsungan operasi yang stabil. Pengurusan risiko kewangan melibatkan pengenalan pelbagai jenis risiko kewangan yang mungkin dihadapi oleh syarikat, seperti:

- risiko pasaran (perubahan harga, kadar faedah, dan nilai tukar),
- risiko kredit (ketidakupayaan pihak lain untuk memenuhi kewajipan pembayaran),
- risiko likuiditi (kekurangan dana untuk memenuhi kewajipan kewangan), dan
- risiko operasi (kegagalan proses dalaman dan kegagalan teknologi).

(a) Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian yang mungkin terjadi akibat perubahan nilai portfolio pelaburan atau instrumen kewangan lain yang dipengaruhi oleh faktor pasaran seperti kadar faedah semasa, kadar pertukaran mata wang, dan perubahan harga saham di bursa saham. Suruhanjaya menguruskan pelaburan sendiri dan mengurangkan risiko pasaran dengan mengagihkan pendedahan pelaburan kepada pelbagai instrumen kewangan yang berkualiti tinggi dan mudah ditukar kepada tunai untuk melindungi modal dan memaksimumkan pulangan pelaburan kepada Suruhanjaya.

(i) Risiko Kadar Faedah

Suruhanjaya mengakui kepentingan mengenal pasti dan menganalisis jumlah bawaan aset dan liabiliti kewangan berdasarkan sifat dan ciri-ciri mereka untuk mengurus risiko kadar faedah dengan berkesan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (a) Risiko Pasaran (sambungan)
 - (i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

JENIS ASET KEWANGAN/ LIABILITI KEWANGAN	TARIKH PEMBAHARUAN SEMULA KADAR FAEDAH ATAU TARIKH MATANG
• Tunai dan Kesetaraan Tunai	<ul style="list-style-type: none"> - Sehingga 1 bulan atau Tidak Sensitif Kepada Faedah
• Pinjaman dan Belum Terima	<ul style="list-style-type: none"> - Tarikh Matang Atau Pembaharuan Semula Kadar Faedah, mana yang lebih awal
• Pelaburan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> - Tarikh Matang atau Pembaharuan Semula Kadar Faedah, mana yang lebih awal
• Liabiliti Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> - Tarikh Matang atau Pembaharuan Semula Kadar Faedah, mana yang lebih awal

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022**

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (a) Risiko Pasaran (sambungan)
 - (i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

Berikut adalah jadual yang menunjukkan aset kewangan dan liabiliti kewangan serta jumlah bawaan, dianalisis berdasarkan tarikh pembaharuan semula kadar faedah atau tarikh matang, mana yang lebih awal:

	0 - 1 BULAN RM	> 1 - 3 BULAN RM	> 3 - 12 BULAN RM	1 - 5 TAHUN RM	> 5 TAHUN RM	BUKAN FAEDAH SENSITIF RM	JUMLAH RM
Aset Semasa							
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	100,738,620	50,000,000	-	-	-	108,300	150,846,920
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen	-	85,000,000	485,000,000	-	-	-	570,000,000
Pelaburan Kewangan Dipegang	-	5,101,500	-	-	-	-	5,101,500
Hingga Matang	-	-	-	-	-	-	-
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	-	-	-	-	4,214,223	4,214,223
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	416,710	833,421	3,750,393	-	-	54,015,087	54,015,087
Pembayaran Pekerja	-	-	-	-	-	-	5,000,524
	101,155,330	140,934,921	488,750,393	-	-	58,337,610	789,178,254
Aset Bukan Semasa							
Pelaburan Kewangan Dipegang	-	-	-	454,261,791	39,801,810	-	494,063,601
Hingga Matang	-	-	-	-	36,531,074	-	36,531,074
Pembayaran Pekerja	-	-	-	454,261,791	76,332,884	-	530,594,675

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Risiko Pasaran (sambungan)

(i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

	0 - 1 BULAN RM	> 1 - 3 BULAN RM	> 3 - 12 BULAN RM	1 - 5 TAHUN RM	> 5 TAHUN RM	BUKAN FAEADAH SENSITIF RM	JUMLAH RM
Liabiliti Semasa							
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	-	-	-	-	-	75,568,236	75,568,236
Kumpulan Wang Disatukan	-	-	-	-	-	54,234,055	54,234,055
Persekutuan	-	-	1,554,718	-	-	-	1,554,718
Peruntukan Faedah Pekerja	-	-	-	-	-	129,802,291	131,357,009
Liabiliti Bukan Semasa							
Peruntukan Faedah Pekerja	-	-	-	41,733,404	-	-	41,733,404
	-	-	-	-	41,733,404	-	41,733,404

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (a) Risiko Pasaran (sambungan)
 - (i) Risiko Kadar Faedah (sambungan)

Sensitiviti Kadar Faedah

Sensitiviti kadar faedah merujuk kepada impak perubahan kadar faedah terhadap nilai dan aliran tunai instrumen kewangan. Suruhanjaya mengkaji kesan perubahan kadar faedah terhadap aset dan liabiliti kami untuk mengenal pasti risiko dan peluang yang berkaitan. Dengan mengurus sensitiviti kadar faedah, kami dapat mengurangkan risiko dan memaksimumkan pulangan. Kami melibatkan perlindungan kadar faedah dan melaraskan portfolio pelaburan kami. Tujuan Suruhanjaya adalah menjaga prestasi kewangan dan kestabilan dalam persekitaran kadar faedah yang berubah-ubah.

Kadar Faedah Purata Berimbang Dan Tempoh Matang Purata

Kadar faedah purata berimbang adalah metrik penting yang memberikan ukuran keseluruhan terhadap pendedahan kepada kadar faedah dalam portfolio Suruhanjaya. Ia dikira dengan mengambil kira jumlah yang dilaburkan dalam pelbagai instrumen kewangan dan kadar faedah yang berkaitan. Metrik ini membantu Suruhanjaya menilai tahap risiko kadar faedah yang terkandung dalam pelaburan mereka.

Tempoh matang purata adalah metrik penting yang menunjukkan tempoh purata sehingga matang atau pembayaran instrumen kewangan dalam portfolio Suruhanjaya. Ia membantu menilai kepekaan terhadap perubahan kadar faedah dalam jangka masa tertentu.

Dengan memantau tempoh matang purata, Suruhanjaya dapat membuat keputusan yang berinformasi tentang pengurusan risiko kadar faedah mereka.

- (b) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko yang berlaku disebabkan ketidakupayaan pihak-pihak yang terlibat dalam transaksi perniagaan untuk memenuhi tanggungjawab membayar faedah atau pulangan pelaburan seperti yang dipersetujui semasa kontrak dikuatkuasakan. Suruhanjaya terdedah kepada risiko kredit melalui aktiviti pemberian pinjaman, transaksi perniagaan umum, deposit tunai, pelaburan dengan institusi kewangan berlesen, dan pelaburan dalam bon korporat.

Suruhanjaya menguruskan risiko kredit dengan memantau secara berterusan kedudukan kewangan dan kelayakan kredit pihak-pihak yang berkaitan untuk memelihara kepentingannya dalam transaksi yang terlibat.

- (i) Analisa Pendedahan Maksimum Terhadap Risiko Kredit dan Pebaikan Kredit Melalui Jaminan dan Pebaikan Kredit Lain

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko Kredit (sambungan)

- (i) Analisa Pendedahan Maksimum Terhadap Risiko Kredit dan Pembaikan Kredit Melalui Jaminan dan Pembaikan Kredit Lain (sambungan)

Pada tarikh pelaporan, pendedahan maksimum Suruhanjaya terhadap risiko kredit mengikut kelas aset kewangan dipaparkan dalam jadual berikut:

2022 JENIS ASET KEWANGAN	ASET KEWANGAN DAULAT RM	ASET KEWANGAN BUKAN DAULAT RM	JUMLAH RM
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	-	150,846,920	150,846,920
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen	-	570,000,000	570,000,000
Pelaburan Kewangan Dipegang Hingga Matang	228,451,383	270,713,718	499,165,101
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	4,214,223	4,214,223
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima Pembayaran Pekerja	13,835,430	40,179,657	54,015,087
	-	41,531,598	41,531,598
	242,286,813	1,077,486,116	1,319,772,929

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (b) Risiko Kredit (sambungan)
- (ii) Analisa Pengumuran Sama Ada Tertunggak Atau Terjejas

	TIDAK TERTUNGGAK ATAU TIDAK TERJEJAS RM	TERTUNGGAK SEHINGGA 3 BULAN RM	TERTUNGGAK ANTARA 3-12 BULAN RM	TERJEJAS RM	JUMLAH RM
					Aset Semasa
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	150,846,920	-	-	-	150,846,920
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen	570,000,000	-	-	-	570,000,000
Pelaburan Kewangan Dipergang Hingga Matang	448,914,883	-	-	-	448,914,883
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	4,214,223	-	-	-	4,214,223
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	54,015,087	-	-	-	54,015,087
Pembayaran Pekerja	41,531,599	-	-	-	41,531,599
	1,269,522,712	-	-	-	1,269,522,712

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko Kredit (sambungan)

(iii) Pengumuran Kualiti Kredit

	DAULAT RM	TINGGI RM	SEDERHANA RM	LEMAH RM	TIDAK BERKADAR RM	TERJEJAS RM	JUMLAH RM
Aset Semasa							
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	150,846,920	-	-	-	-	-	150,846,920
Deposit Dengan Institusi	-	570,000,000	-	-	-	-	570,000,000
Kewangan Berlesen	-	-	448,914,883	-	-	-	448,914,883
Pelaburan Kewangan Dipegang	-	-	-	4,214,223	-	-	4,214,223
Hingga Matang	-	-	-	-	-	-	-
Urus Niaga Bulan Pertukaran	-	-	-	-	-	-	-
Belum Terima	-	-	-	-	-	-	-
Urus Niaga Pertukaran Belum	-	-	-	-	-	-	-
Terima	-	-	-	-	-	-	-
Pembayaan Pekerja	-	-	-	-	-	-	-
	150,846,920	570,000,000	448,914,883	63,229,834	36,531,074	-	1,269,522,711

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko Kredit (sambungan)

Suruhanjaya berkomitmen untuk melakukan tinjauan berkala untuk menilai semula kualiti kredit instrumen-instrumen kewangan dan memastikan penarafan kredit yang ditetapkan mencerminkan profil risiko dengan tepat. Sebarang perubahan dalam penarafan kredit hasil dari tinjauan tersebut, termasuk pematuhan kepada piawaian perakaunan dan peraturan yang berkenaan, akan didedahkan dalam penyata kewangan kami dan laporan yang berkaitan. Kami menyediakan penjelasan terperinci bagi perubahan ini, menekankan sebab-sebab di sebalik penyesuaian dan kesan yang mungkin terhadap profil risiko instrumen-instrumen tersebut.

(c) Risiko Kecairan

Risiko kecairan dan aliran tunai merujuk kepada potensi ketidakmampuan untuk memenuhi kewajipan kewangan dengan tepat pada waktunya disebabkan oleh kekurangan dana. Suruhanjaya mengakui risiko ini dan mengambil langkah-langkah untuk mengurusnya dengan berkesan. Untuk mengatasi risiko kecairan, Suruhanjaya secara berterusan mengawasi aliran tunai yang dianggarkan. Ini membolehkan pengurusan aliran tunai yang lebih baik dan memastikan bahawa Suruhanjaya mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dengan kecairan yang mencukupi untuk memenuhi kewajipannya. Selain itu, Suruhanjaya memastikan asetnya cukup cair dan ketersediaan dana apabila diperlukan. Ini dicapai dengan menempatkan jumlah tunai dan deposit yang mudah ditukar dengan institusi kewangan berlesen. Dana ini diasingkan berdasarkan komitmen kewangan yang dijangka akan tersedia pada masa untuk penyelesaian. Dengan mengekalkan tahap aset yang cair, Suruhanjaya dapat mengurangkan risiko kecairan dan memastikan ketersediaan dana apabila diperlukan.

Dengan mengawasi aliran tunai secara aktif, mengekalkan kecairan yang mencukupi, dan menguruskan asetnya secara strategik, Suruhanjaya berusaha untuk meminimumkan risiko kecairan dan aliran tunai serta mengekalkan kestabilan kewangan.

KATEGORI LIABILITI KEWANGAN	TEMPOH KEMATANGAN
Hutang Jangka Pendek	1 tahun atau kurang
Hutang Jangka Panjang	Lebih dari 1 tahun

Jadual di bawah merangkumi profil kematangan liabiliti kewangan Suruhanjaya berdasarkan tanggungan pembayaran tanpa diskau:

LIABILITI KEWANGAN	KURANG DARI 12 BULAN RM	LEBIH DARI 12 BULAN RM	JUMLAH RM
Urus niaga pertukaran belum bayar	75,568,236	-	75,568,236
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	54,234,055	-	54,234,055
Peruntukan faedah pekerja	1,554,718	41,733,404	43,288,122
Jumlah Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan Atau Defisit	131,357,009	41,733,404	173,090,413

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko Operasi

Risiko operasi merujuk kepada risiko kerugian yang berlaku akibat kegagalan proses kawalan dalam organisasi. Oleh itu, Suruhanjaya mengamalkan pendekatan pengurusan risiko operasi yang terancang dan konsisten untuk menyelaraskan strategi, dasar, proses, teknologi, dan meningkatkan pengetahuan di kalangan pekerja bagi mencipta nilai tambah dan peningkatan berterusan dalam proses kerja. Selain itu, Suruhanjaya juga melaksanakan tatakelola korporat yang baik untuk memastikan pelaksanaan kawalan dalam yang komprehensif.

Dengan melaksanakan langkah-langkah ini, Suruhanjaya dapat mengurangkan risiko operasi, melindungi kepentingan kewangan, dan mengekalkan kepercayaan dan keyakinan di kalangan pihak berkepentingan.

28. NILAI SAKSAMA

(a) Penentuan Nilai Saksama Dan Hirarki Nilai Saksama

Nilai saksama menggambarkan anggaran nilai pasaran aset atau liabiliti pada satu titik masa tertentu. Hirarki nilai saksama terdiri daripada tiga (3) tahap:

(i) Instrumen Kewangan Di Tahap 1, Harga Disiarkan dalam Pasaran Aktif

Tahap ini merangkumi instrumen kewangan yang nilai saksamanya berdasarkan pada harga pasaran yang boleh diperhatikan dari pasaran aktif. Harga-harga ini mudah didapati dan boleh diakses dengan mudah, seperti saham atau bon yang tersenarai.

(ii) Instrumen Kewangan Di Tahap 2, Input Selain Harga Disiarkan

Tahap ini merangkumi instrumen kewangan yang nilai saksamanya ditentukan menggunakan input yang boleh diperhatikan selain harga pasaran yang disiarkan. Input ini mungkin termasuk data pasaran untuk instrumen serupa, kadar faedah, keluk hasil, turun naik dan kadar pertukaran asing atau penanda harga. Ini termasuk sekuriti kerajaan dan bon korporat.

(iii) Instrumen Kewangan Di Tahap 3, Input yang Tidak Diperhatikan

Tahap ini merangkumi instrumen kewangan yang nilai saksamanya dianggarkan menggunakan input yang tidak diperhatikan. Input ini tidak berdasarkan data pasaran yang diperhatikan dan memerlukan penilaian dan andaian. Input Tahap 3 biasanya digunakan untuk instrumen yang tidak didagangkan secara aktif atau di mana harga pasaran tidak mudah didapati.

(b) Instrumen Kewangan Diukur Pada Nilai Saksama Dan Hierarki Nilai Saksama

Nilai saksama instrumen kewangan dan teknik penilaian serta input yang digunakan untuk menentukan nilai saksama.

(c) Nilai Saksama Bagi Instrumen Kewangan Tidak Dibawa Pada Nilai Saksama

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai, Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen, Belum Terima dan Belum Bayar

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

28. NILAI SAKSAMA (SAMBUNGAN)

- (c) Nilai Saksama Bagi Instrumen Kewangan Tidak Dibawa Pada Nilai Saksama (sambungan)
 - (ii) Tunai dan Kesetaraan Tunai, Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen, Belum Terima dan Belum Bayar

Amaun bawaan bagi aset dan liabiliti kewangan ini adalah anggaran yang munasabah bagi nilai saksama disebabkan sama ada ianya bersifat jangka masa pendek atau boleh dlunaskan mengikut permintaan.

- (iii) Pembiayaan Pekerja

Amaun bawaan bagi urus niaga pembiayaan pekerja adalah hampir dengan nilai saksama, yang mana dianggarkan dengan mendiskunkan anggaran aliran tunai masa hadapan menggunakan kadar faedah pasaran semasa bagi aset kewangan dengan profil risiko yang sama.

- (d) Penyesuaian Penilaian Adil Tahap 3 bagi Pelaburan Kewangan

Penyesuaian penilaian nilai saksama Tahap 3 disediakan untuk pelaburan kewangan yang ditetapkan sebagai simpanan hingga jangka masa matang. Penyesuaian ini adalah untuk memastikan bahawa penilaian nilai saksama yang ditetapkan mencerminkan dengan tepat risiko dan nilai instrumen kewangan tersebut.

29. PERALIHAN KEPADA MPSAS

Suruhanjaya telah melaksanakan peralihan ke Standard Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) pada 01 Januari 2022. Sebagai penerimaan kali pertama, Suruhanjaya menyediakan penyata kedudukan kewangan permulaan mengikut keperluan MPSAS. Mengikut MPSAS 33, penerimaan kali pertama membolehkan tempoh sehingga tiga (3) tahun bagi mengiktiraf dan mengukur beberapa aset dan liabiliti tertentu.

Dalam peralihan Suruhanjaya kepada MPSAS berdasarkan akruan, Suruhanjaya menggunakan pengecualian peralihan ini untuk perkara-perkara berikut:

- (i) Aset Tak Ketara

Suruhanjaya tidak mengasingkan kos aset tak ketara secara berasingan dari Hartanah, Kelengkapan, dan Peralatan. Suruhanjaya akan mengenalpasti dan memisahkan kos aset tak ketara secara berasingan untuk mencapai kos yang lebih tepat, Nota 3.6.

- (ii) Cukai Tertunda

Suruhanjaya untuk sementara waktu tidak menyediakan cukai tertunda dalam penyata kewangan. Suruhanjaya akan menyediakan pengiktirafan dan penyataan cukai tertunda secara tepat apabila peralihan ke MPSAS selesai, Nota 3.9.

- (iii) Manfaat Jangka Panjang

Suruhanjaya menggunakan kaedah yang telah dipermudahkan untuk mengukur obligasi manfaat pekerja jangka panjang, Nota 3.11 dan Nota 17.

- (iv) Transaksi Bukan Penukaran

Suruhanjaya tidak mengiktiraf pendapatan daripada transaksi bukan penukaran, termasuk pendapatan perkhidmatan dan penerimaan kompaun, dalam asas akruan, Nota 3.12.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

29. PERALIHAN KEPADA MPSAS (SAMBUNGAN)

Pengecualian peralihan ini untuk memastikan peralihan yang lancar kepada MPSAS berdasarkan akrual.

Peralihan kepada MPSAS termasuk penyataan semula akaun tertentu dalam penyata kewangan Suruhanjaya untuk menunjukkan pelarasan dan pengelasan semula menurut keperluan polisi perakaunan terdahulu di bawah MPERS dan polisi perakaunan semasa di bawah MPSAS. Jenis pelarasan dan pengelasan semula ini adalah seperti berikut:

Aset Semasa	01 JANUARI 2021		31 DISEMBER 2021	
	MPERS RM	KESAN PEMAKAIAN RM	MPSAS RM	MPERS RM
Penghutang Perdagangan	6,540,782	(6,540,782)	-	10,995,119
Penghutang Lain, Deposit Dan Prabayar	33,814,039	(33,814,039)	-	32,904,784
Pembayaran Pekerja	-	5,474,787	5,474,787	-
Pelaburan Jangka Pendek	622,084,133	(622,084,133)	-	592,011,214
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen	-	565,000,000	565,000,000	-
Pelaburan Kewangan Dipegang Hingga Matang	-	57,084,133	57,084,133	-
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	3,970,819	3,970,819	-
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	-	36,391,706	36,391,706	-
Inventori	277,820	-	277,820	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	121,165,071	-	121,165,071	-
	783,881,845	5,482,491	789,364,336	770,269,305
				5,083,731
				775,353,036

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

29. PERALIHAN KEPADA MPSAS (SAMBUNGAN)

	01 JANUARI 2021		31 DISEMBER 2021	
	M PERS RM	KESAN PEMAKAIAN RM	M PERS RM	KESAN PEMAKAIAN RM
Aset Bukan Semasa				
Harta, Kelengkapan Dan Peralatan	127,474,655	72,307,300	199,781,955	154,946,369
Hartanah Pelaburan	10,395,000	(875,000)	9,520,000	52,366,730
Pelaburan Jangka Panjang	245,732,673	(245,732,673)	-	364,049,765
Pelaburan Kewangan Dipegang Hingga Matang	-	245,732,673	245,732,673	-
Kerja Dalam Kemajuan	71,432,300	(71,432,300)	-	364,049,765
Pembentukan Pekerja	48,819,366	(5,474,787)	43,344,579	-
	503,853,994	(5,474,787)	498,379,207	44,451,256
				(5,076,025)
				39,375,231
				608,724,776
				615,814,120
				(7,089,344)

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

29. PERALIHAN KEPADA MPSAS (SAMBUNGAN)

	01 JANUARI 2021		31 DISEMBER 2021		MPSAS RM	KESAN PEMAKAIAN RM	MPSAS RM
	MPERS RM	KESAN PEMAKAIAN RM	MPERS RM	KESAN PEMAKAIAN RM			
Liabiliti Semasa							
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	46,821,768	-	46,821,768	-	49,716,558	(603,996)	49,112,562
Pembiayaan Projek	57,417,850	(57,417,850)	-	-	59,407,859	(59,407,859)	-
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar	2,217,590	(2,217,590)	-	-	605,878	(605,878)	-
Cukai dan Zakat	-	57,010,096	57,010,096	-	-	58,167,403	58,167,403
Peruntukan Faedah Pekerja	23,760,905	-	23,760,905	-	23,000,000	-	23,000,000
	2,761,474	2,761,474	-	-	-	1,982,464	1,982,464
	130,218,113	136,130	130,354,243	132,730,295	(467,866)	132,262,429	
Liabiliti Bukan Semasa							
Peruntukan Faedah Pekerja	32,106,776	-	32,106,776	-	34,160,227	-	34,160,227
	32,106,776	-	32,106,776	-	34,160,227	-	34,160,227
	1,125,410,950	(128,426)	1,125,282,524	1,219,192,903	(1,537,747)	1,217,655,156	
Aset Bersih/ Ekuiti							
Lebihan Terkumpul Dana Pembiayaan Pekerja	1,034,410,950	(128,426)	1,034,282,524	1,128,192,903	(1,537,747)	1,126,655,156	
	91,000,000	-	91,000,000	91,000,000	-	91,000,000	
	1,125,410,950	(128,426)	1,125,282,524	1,219,192,903	(1,537,747)	1,217,655,156	

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

30. PIAWAIAN MPSAS

Semua perubahan dalam polisi perakaunan adalah berdasarkan peruntukan peralihan yang dinyatakan dalam piawaian yang telah dinyatakan sebelum ini. Kesan peralihan ke MPSAS ditunjukkan pada Nota 29.

Piawaian yang diterima pakai adalah seperti berikut:

MPSAS 1	:	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	:	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	:	Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 4	:	Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
MPSAS 5	:	Kos Pinjaman
MPSAS 9	:	Hasil Daripada Transaksi Pertukaran
MPSAS 11	:	Kontrak Pembinaan
MPSAS 12	:	Inventori
MPSAS 13	:	Pajakan
MPSAS 14	:	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 16	:	Pelaburan Hartanah
MPSAS 17	:	Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 19	:	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	:	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 21	:	Rosotnilai Aset Bukan Penjanaan Tunai
MPSAS 22	:	Pendedahan Maklumat Kewangan
MPSAS 23	:	Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
MPSAS 24	:	Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 25	:	Manfaat Pekerja
MPSAS 26	:	Rosotnilai Aset Penjanaan Tunai
MPSAS 27	:	Agrikultur
MPSAS 28	:	Instrumen Kewangan: Pembentangan
MPSAS 29	:	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	:	Instrumen Kewangan: Pendedahan
MPSAS 31	:	Aset Tidak Ketara
MPSAS 32	:	Pengaturan Konsesi Perkhidmatan: Pemberi
MPSAS 33	:	Pemakaian Kali Pertama Asas Akruan MPSAS
MPSAS 34	:	Penyata Kewangan Berasingan
MPSAS 35	:	Penyata Kewangan Disatukan
MPSAS 36	:	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
MPSAS 37	:	Pengaturan Bersama
MPSAS 38	:	Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain



20 TAHUN
TRANSFORMASI



DIREKTORI **SSM**

DIREKTORI SSM

IBU PEJABAT

MENARA SSM@SENTRAL

No. 7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Pusat Panggilan SSM

Tel : 03-7721 4000

Talian Umum SSM

Tel : 03-2299 4400
E-mel : enquiry@ssm.com.my

PEJABAT NEGERI

SELANGOR

Hairul Anuar bin Yasin
Blok 9, 10 & 11, Kompleks KPPMS
Lot 291, Jalan RU 3/9A, Seksyen 3
40000 Shah Alam, Selangor

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 03-5511 6500 / 5513 5997

Faks : 03-5510 4200

E-mel : hairul@ssm.com.my

JOHOR

Azrin bin Mohd Ripin
Podium 4B & 5, Menara Ansar
65 Jalan Trus
80000 Johor Bahru, Johor

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)

8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel : 07-224 4710

Faks : 07-224 1714 / 224 8169

E-mel : azrin@ssm.com.my

PULAU PINANG

Sazuree bin Shuib
Tingkat 6-7, Bangunan KWSP
No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2
Bandar Seberang Jaya
13700 Pulau Pinang

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 04-397 7793

Faks : 04-397 7713

E-mel : sazurees@ssm.com.my

MELAKA

Mohd Zainuddin bin Salleh
 No. 53 & 55, Jalan Komersial
 Taman Kota Fesyen MTC
 75450 Ayer Keroh, Melaka

Perkhidmatan Kaunter
 8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)
 Tel : 06-231 1717 / 06-231 2266
 Faks : 06-231 3502
 E-mel : znudin@ssm.com.my

NEGERI SEMBILAN

Thanak a/l Prak Hin
 Aras 3, Wisma Perkeso
 Lot 3757 & 52, Jalan Sungai Ujong
 70000 Seremban, Negeri Sembilan

Perkhidmatan Kaunter
 8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)
 Tel : 06-761 9098 / 761 5506 / 764 1885 /
 764 5598
 Faks : 06-765 5877
 E-mel : thanak@ssm.com.my

PAHANG

Kamarudin bin Mohd Daud
 B2 & B4, Aras Bawah Suria Atabara
 Jalan IM 7/2
 Bandar Indera Mahkota
 25200 Kuantan, Pahang

Perkhidmatan Kaunter
 8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)
 Tel : 09-572 9743 / 573 0866 / 573 0400 /
 573 0969
 Faks : 09-573 2316
 E-mel : din_md@ssm.com.my

TERENGGANU

M.K Adam bin Mamat
 Tingkat 6, Menara Yayasan Islam
 Jalan Sultan Omar
 20300 Kuala Terengganu, Terengganu

Perkhidmatan Kaunter
 8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
 8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)
 Tel : 09-623 7170 / 624 0721
 Faks : 09-623 0945
 E-mel : adam@ssm.com.my

KELANTAN

Mohd Zawawi bin Ahmad
 Tingkat 2 & 3 Kota Sri Mutiara
 Jalan Sultan Yahya Petra
 15150 Kota Bharu, Kelantan

Perkhidmatan Kaunter
 8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
 8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)
 Tel : 09-748 2860 / 748 4599
 Faks : 09-744 7622 / 747 2607
 E-mel : zawawi@ssm.com.my

PERAK

Mohd Arif bin Hamzah
 Menara SSM Perak
 Jalan Basco Kepayang 1
 Basco Avenue @ Kepayang
 31400 Ipoh, Perak

Perkhidmatan Kaunter
 8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)
 Tel : 05-547 5070
 Faks : 05-547 5107
 E-mel : arifh@ssm.com.my

KEDAH

Ismenani binti Khazali

Tingkat 1 & 2, Wisma PERKESO
No. 186 Jalan Teluk Wan Jah
05538 Alor Setar, Kedah

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel : 04-733 0111

Faks : 04-731 5517

E-mel : ismenani@ssm.com.my

SABAH

Mohd Yasin @ Jafri Abd Malik

Tingkat 4, Menara MAA
6 Lorong Api-Api
Locked Bag 2039
88999 Kota Kinabalu, Sabah

Perkhidmatan Kaunter

8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 088-233 551 / 233 346

Faks : 088-237 884

E-mel : yasin@ssm.com.my

SARAWAK

Ramle bin Leen

Lot 11115, Section 64
Kuching Town Land District
Jalan Pending, City Square Phase 1
93450 Kuching, Sarawak

Perkhidmatan Kaunter

8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 082-266 111 / 266 112 / 266 113 / 266 114

Faks : 082-266 115

E-mel : lramle@ssm.com.my

PEJABAT CAWANGAN

PERLIS

Ahmad Nizam bin Samsoo

Urban Transformation Centre (UTC) Perlis
No. 1 Aras 1, Blok B
Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis
Mukim Sena 01000 Kangar, Perlis

Perkhidmatan Kaunter

8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 04-970 5471 / 970 5472

Faks : 04-970 5473

E-mel : nizam@ssm.com.my

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Sukarno bin Mat Husain

No. 11A, Tingkat 11
Block 4, Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka
87000 Wilayah Persekutuan Labuan

Perkhidmatan Kaunter

8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 087-414 100

Faks : 087-414 152

E-mel : sukarno@ssm.com.my

MUAR

Mohd Azlan bin Abdul Majid

No. 1, Jalan Perdagangan
Off Bulatan Jalan Bakri
84000 Muar, Johor

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)

8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel : 06-954 6611 / 954 7711

Faks : 06-954 6600

E-mel : mohdazlan@ssm.com.my

TEMERLOH

Adnan bin Hj Omar

No. 96 & 98
Jalan Persiaran Damai 1, Damai Court
28000 Temerloh, Pahang

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 09-296 2419 / 296 6238

E-mel : adnan@ssm.com.my

TAWAU**Muhammad Nasrizal bin Saidin**

TB 4444, GF & 1st floor
 Blok F, Sabindo Square
 Jalan Dunlop
 91018 Tawau, Sabah

Perkhidmatan Kaunter

8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 089-750 585 / 752 585

Faks : 089-754 585

E-mel : nasrizal@ssm.com.my

MIRI**Misiah binti Ramli**

D-G-03A & D-G-05
 Miri Times Square
 Marina ParkCity
 98000 Miri, Sarawak

Perkhidmatan Kaunter

8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 085-324 400 / 325 334

Faks : 085-324 545

E-mel : misiahr@ssm.com.my

SIBU**Dayang Doliana binti Abang Abdullah**

No. 3 & 5, Tingkat 1
 Jalan Lau King Howe
 Lot 776 & 777 Block 5
 Sibu Town District
 96000 Sibu, Sarawak

Perkhidmatan Kaunter

8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel : 084-250 145

Faks : 084-250 147

E-mel : doliana@ssm.com.my

**PUSAT TRANSFORMASI
BANDAR (UTC)****PUSAT TRANSFORMASI BANDAR
KUALA LUMPUR****Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

Ruang Legar, Tingkat Bawah
 Bangunan UTC Kuala Lumpur
 Jalan Pudu (Pudu Sentral)
 55100 Kuala Lumpur

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Sabtu)

Tel : 03-2026 2041

**PUSAT PERKHIDMATAN
LANGKAWI****Pusat Perkhidmatan****Suruhanjaya Syarikat Malaysia Langkawi**

No. 56, Tingkat 1, Kompleks Pekan Rabu
 07000 Langkawi, Kedah

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)

8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel : 04-966 7943

Faks : 04-966 5318

E-mel : nurulaini@ssm.com.my

**PUSAT PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN PERNIAGAAN****PUTRAJAYA****Kaunter Pendaftaran Perniagaan**

Aras G, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
 dan Kos Sara Hidup
 No. 13, Persiaran Perdana
 Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan
 Persekutuan
 62623 Putrajaya
 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Perkhidmatan Kaunter

8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Talian Umum SSM

Tel : 03-2299 4400

Faks : 03-2299 4411

Pusat Panggilan SSM

Tel : 03-7721 4000

E-mel : enquiry@ssm.com.my



— SSM DUA DEKAD —
Inspirasi Kepercayaan Perniagaan

20 TAHUN TRANSFORMASI